

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 42

Rabu

20 November 2013

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

### **Jawatankuasa:-**

---

## Jadual:-

- B.22 (Halaman 27)  
B.23 (Halaman 119)  
B.24 (Halaman 167)

## **USUL-USUL:**

## Usul Anggaran Pembangunan 2014

## **Jawatankuasa:-**

- P.22 (Halaman 27)  
P.23 (Halaman 119)  
P.24 (Halaman 167)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 20 November 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan sedar bahawa pengeluaran kad pengenalan kepada warga asing masih berleluasa sehingga kini, sebagaimana keterangan Superintenden Mohd. Azman Mohd. Sapri dalam keterangan beliau dalam Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Isu Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:**

*Buah duku buah delima,*

*Bila dibagi harus diterima,*

*Wah! Soalan aku baru menjelma,*

*Selamat pagi Menteri, soalan pertama.*

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Kena jawab pantun tu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Payah betul hendak jawab ini. Pantun susah dijawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi minta maaflah, selepas ini baru jawab pantun. Jawab soalan dahulu. Kalau saya tanya Yang Berhormat, mana satu penting- pantun kah soalan? Yang Berhormat cukup yakin, akan jawab soalan. Jadi soalan ditanya, saya menjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan kad pengenalan bertaraf warganegara, bertaraf "Warganegara" *MyKad* secara berleluasa, sewenang-wenangnya kepada warga asing. Sebaliknya pengeluaran kad *MyKad* diberikan kepada individu yang layak, yang telah dianugerahkan, telah dianugerahkan - ini satu proses yang lain ya, penganugerahan! Taraf kewarganegaraan Malaysia berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Yang kedua, selain dari itu, mengenai keterangan Superintenden Mohd. Azman Mohd. Sapri semasa prosiding Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing, atau RCI di Sabah, beliau hanya

merujuk kepada tujuh laporan polis yang telah diterima oleh pasukan siasatan. Laporan tersebut mengandungi tuduhan terhadap individu yang memegang dokumen palsu. Manakala 13 surat aduan awam telah diterima dan menjalankan siasatan serta memanjangkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk semakan. Dalam hal ini, individu berkenaan telah pun dipanggil oleh Suruhanjaya, RCI di Sabah untuk memberi keterangan. Selain daripada itu, keterangan Superintenden Mohd. Azman juga menyentuh ramainya warga asing yang menetap di Sabah. Daripada saksi-saksi yang diambil daripada warga asing yang memegang pelbagai dokumen dikeluarkan oleh beberapa agensi kerajaan yang bertujuan untuk mendaftar kehadiran warga asing ini di Sabah sahaja. Saksi yang diambil yang memegang *MyKad* semuanya diberikan *MyKad* mengikut perundangan pada ketika itu, dan adalah sah dan *genuine*. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya, Yang Berhormat Putatan. Terus soalan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan yang pendek. Saya rasa rakyat sudah faham jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri soal pendedahan oleh Superintenden Mohd. Azman semasa dia dipanggil untuk memberi keterangan RCI. Namun demikian, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas usaha PDRM ini.

Saya rasa pendedahan daripada Superintenden Mohd. Azman itu patut kita hargai dan terima kasih kepada beliau. Harus, kalau saya - harus dibagi pangkat, kenaikan pangkat sebab orang ini berani. Berani mendedahkan - juga kepada Ketua Polis Negeri Sarawak yang mendedahkan penglibatan sindiket-sindiket yang telah dikesan oleh PDRM. Ini satu- saya muh Dewan yang mulia ini merekodkan usaha PDRM itu sangat-sangat terpuji.

Akan tetapi ada juga antara jabatan kerajaan seperti kenyataan daripada Ketua Pengarah Imigresen yang dikeluarkan dalam *Berita Harian* pada malam semalam yang mengatakan perkara-perkara macam ini hanya terpencil. Ertinya Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini, sebelum dipolitikkan oleh pihak pembangkang, bagus kita tanya dan kita dari Kerajaan Barisan Nasional ini harus tangani masalah sedemikian.

#### ■1010

Kenyataan daripada Ketua Pengarah Imigresen ini, Tuan Yang di-Pertua dianggapnya perkara ini kecil.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Itu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau kita melihat apa yang kisah-kisah kalau pencerobohan di Tanduo itu perkara kecilakah? Perkara penembak membunuh staf bank perkara kecilakah? Perkara terpencilkah dan perkara di Sarawak ini, ini anggap kecilakah? Jadi kita tahu kalau Jabatan Pendaftaran Negara juga terlibat bagaimana kita katakan pemalsuan kad pengenalan kita, Tuan Yang di-Pertua. Ertinya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, soalan-soalan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau kakitangan JPN terlibat, maksudnya ini semua tiada kesangsian, dia betul, asal. Jadi macam mana kita kesan sebab surat lahir dipalsukan, kita tidak dapat mengesan. Bagaimana penguatkuasaan kita dapat mengesan? Jadi adakah pihak kementerian walaupun jawapan saya itu sedar atau tidak, memang sedar. Jadi bagaimana langkah-langkah untuk mengatasi masalah seperti pemalsuan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini panjang sangat Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau juga JPN terlibat, ini perkara sebelum pembangkang berdiri ini bagus saya keluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kita ada peluang dalam perbahasan nanti.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebab kita tidak mahu pembangkang mempolitikkan isu-isu yang kena-mengena dengan keselamatan negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta pihak kementerian, apa langkah yang mungkin, yang mungkin dapat mengatasi masalah pengeluaran kad pengenalan yang melibatkan jabatan-jabatan kerajaan yang tidak bertanggungjawab ini? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, pantun kemudian.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya biarlah menegaskan di sini bahawa kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara memandang serius tidak kira 10 ataupun 100 ataupun 1 dokumen kerajaan yang dipalsu ataupun diguna pakai ataupun disalahgunakan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Untuk itu maka kementerian tidak menolak bahawa ada kad-kad milikan orang lain yang digunakan oleh warga asing yang telah diselewengkan daripada kad-kad yang hilang disebabkan kecuaian, kad-kad yang diragut, dicuri mungkin juga dijual kepada sindiket oleh warga atau masyarakat yang tidak bertanggungjawab.

Jadi statistik menunjukkan bahawa kes kehilangan MyKad telah pun meningkat. Saya pernah jawab ini pada sesi-sesi yang lepas tetapi pada masa sekarang, ini maklumat yang terkini, Tuan Yang di-Pertua dari tahun ke tahun. Pada tahun 2010, kita mempunyai sebanyak 397,079 kad telah dilaporkan hilang. Tahun 2011, bertambah lagi sebanyak 413,068 kad. Pada tahun 2012 bertambah lagi 429,137 dan bagi tahun 2013 hingga 31 Oktober sebanyak 565,157 kad dilaporkan hilang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta soalan?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya tengah menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ini tengah menjawab ini. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sehubungan dengan itu biasanya saya bagi *lecture* pada Yang Berhormat kalau buat salah itu. Pihak kementerian telah menyediakan cadangan satu tindakan yang drastik bagi mengatasi kehilangan MyKad yang semakin berleluasa dan cadangan tersebut akan dimuktamadkan dengan segera sebaik sahaja menerima pandangan perundangan daripada pihak Peguam Negara, Yang Berhormat.

Jadi kita sudah mengetahui tiga bulan lepas kementerian sudah buat keputusan bahawa kita akan mengambil tindakan yang drastik untuk mengatasi masalah kehilangan MyKad ini dan kajian kita sudah dibuat dengan terperinci dengan cadangan-cadangan yang tertentu tetapi ada implikasi perundangan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan tidak boleh macam ini Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ada implikasi perundangan yang kita perlu rujuk kepada Peguam Negara.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya, saya faham itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, tidak boleh macam ini. Kalau kita benarkan macam ini...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, saya faham dia hendak *cut* kan tetapi pemalsuan itu yang lain. Saya minta jawapan langkah-langkah untuk bagaimana agaknya pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini, itu sahaja soalan tambahan saya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dalam apa yang saya sebutkan tindakan drastik itu tadi ialah langkah-langkah mengikut (i), (ii), (iii), (iv), (v) langkah-langkah daripada sudut penyerbuannya, undang-undangnya, penggantianya dan sistem yang akan kita buat selepas ini nanti selepas Peguam Negara merestui, menyetujui daripada sudut undang-undang, langkah-langkah yang kita rangkakan itu, Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat saya tidak boleh umumkan dahulu sebelum Peguam Negara merestui atau menyetujui langkah-langkah perundangan yang kita hendak buat. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung soalan Yang Berhormat Putatan dan juga pendedahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Bukankah masa dia sudah datang untuk mengkaji balik IC-IC ataupun kad pengenalan yang telah diisukan ini sebab dengan pendedahan Yang Berhormat Timbalan Menteri, 500,000 lebih sudah direkodkan sebagai hilang pada 2013.

*Now, di Sabah masalah kami adalah sudah pun didedahkan dalam Siasatan Suruhanjaya, siasatan IC di Sabah itu. Now, baru-baru ini saya telah menerima satu dokumen, beberapa*

dokumen yang telah digunakan oleh orang-orang yang disyaki memegang kad pengenalan palsu ataupun yang tidak memegangkan kad pengenalan yang telah pergi ke Semenanjung untuk tujuan mengurus kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara.

Satu *example* adalah surat daripada Jabatan Imigresen Malaysia yang diisukan dari Sabah, yang memberi kemudahan untuk seorang yang bernama Mohd. Amin bin Mohd. Sahib. Berlepas ke Semenanjung Malaysia dengan tujuan untuk mengurus kad pengenalan. Seberapa lagi yang saya ada adalah berkenaan dengan orang yang belum ada kad pengenalan hanya sijil lahir yang berekod 3169/90. Dia sudah tua tetapi dia punya sijil lahir adalah tahun 90.

Ertinya ini adalah satu bukti bahawa sijil lahir ini adalah sijil lahir lewat dan orang ini pergi ke Semenanjung lagi daripada Tawau kalau saya tidak salah untuk tujuan merujuk dokumen pengenalan diri di JPN, Putrajaya. Ada banyak lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Penampang soalan. Tidak apa selepas ini rujuk semula kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kes-kes tertentu itu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang kami ingin di Sabah seperti mana yang telah dirayu oleh semua parti buat, baik daripada Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat adalah untuk kerajaan menarik balik semua IC dan mengisukan IC baru. Biar kalau tidak mahu di Semenanjung tetapi di Sabah. Buatlah di Sabah. Isukan *new IC* supaya kita dapat kenal pasti siapa yang telah mendapat IC-IC palsu ini, terima kasih. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ada peminat juga Yang Berhormat ini, tepuk meja. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tepuklah meja juga. [*Tepuk*] Yang Berhormat, jawapan kepada persoalan Yang Berhormat itu bukan sahaja orang Sabah mahu, negara Malaysia mahu Yang Berhormat.

Jadi kita itulah sebabnya kerajaan meluluskan penubuhan Suruhanjaya Siasatan di Sabah dan kita berpandu kepada apa yang disarankan oleh Suruhanjaya Siasatan di Sabah itu nanti. Tindakan-tindakan yang bakal kita buat adalah berpandu kepada cadangan dan saranan yang dibuat oleh Suruhanjaya sama ada hendak ganti ini, hendak ganti itu bukan- belum kita buat satu keputusan.

Akan tetapi dalam masa yang sama saya memperingatkan bahawa negara ini ditadbirkan oleh Kabinet, menurunkan kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong menerusi perlembagaan dan ditadbirkan oleh Kabinet.

■1020

Walaupun Suruhanjaya ini membuat saranan-saranan yang tertentu, akhirnya keputusan yang terakhir Suruhanjaya itu juga jawapannya dirujuk kepada Kabinet, Kabinet itu mewakili Yang di-Pertuan Agong akan menilai mana satu yang dipakai, mana satu tidak dipakai Yang Berhormat. Ini syarat dan sistem pentadbiran negara Malaysia di bawah Perlembagaan Malaysia menurunkan kuasa Agong kepada Kabinet Negara.

Jadi dengan itu Yang Berhormat, kita tunggu saranan RCI, selepas itu diputuskan oleh Kabinet, *insya-Allah* KDN akan laksanakan kalau selaras dengan kehendak Yang Berhormat, Yang Berhormat selepas ini kita minum kopi di kantin itu. Terima Kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya soalan ringkas, tepat dan padat. Memandangkan sekarang ini kita sering membaca laporan akhbar berlaku kes pengawal-pengawal keselamatan ditangkap menggunakan kad pengenalan orang lain. Apakah kemungkinan mereka ini mungkin mendapat kad pengenalan ini adalah seperti langkah-langkah yang diberitahu oleh pihak Menteri melalui mencuri ataupun menjual dan sebagainya.

Jadi sekarang soalan saya adakah kemungkinan pihak kerajaan untuk menentukan hal ini dapat dielakkan syarikat-syarikat yang melibatkan orang awam ini akan menggunakan sebelum temu duga. Maksudnya menggunakan kad-kad mesin-mesin pengimbas untuk memastikan kad pengenalan itu bukannya datang daripada kad pengenalan orang lain. Oleh sebab itu pihak Menteri sudah nyatakan, maknanya daripada curi daripada tahun 2010 sehingga tahun 2013 yang kehilangannya mencecah hampir atau sudah sejuta kalau mengikutkan 300,000, 400,000 dan 200,000 lebih tadi dah sejuta dalam masa tiga tahun. Maknanya kalau orang boleh jual dah boleh dapat berapa juta agaknya. Jadi itu soalan saya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Soalan yang ringkas. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua faham ini, peguam ini yang ringkas kata peguam, *brief* itu panjang. Belum dia kata panjang lagi. Yang Berhormat, terima kasih soalan itu. Soalan pengawal keselamatan, pihak kementerian telah mengarahkan pihak PDRM, pihak polis untuk membuat pemeriksaan kepada semua syarikat pengawal keselamatan di seluruh negara.

Setakat ini kita telah periksa sebanyak 1,150 orang anggota keselamatan ini dan 283 premis yang kita telah serbu termasuk *check* dan sebagainya. Hasil daripada itu 20 orang telah ditangkap. Seramai 26 orang warga Filipina, seorang warga Indonesia dan seorang warga Thailand yang didapati menggunakan 15 kad palsu dan 13 pemakai kad orang lain. Dua perbezaan ini Yang Berhormat. Kad palsu ini maknanya buat macam kad pengenalan juga tetapi dipalsukan. Akan tetapi kad orang lain dia buang gambar, dia tambah gambar sahaja. Akan tetapi *detail* butiran itu memang wujud.

Kalau Wan Junaidi Tuanku Jaafar kata dia dah ambil kad saya, dia ganti gambar saya dia tunjuk, memang saya, nama dia ditukar kepada nama saya. Itu mengguna kad orang lain. Jadi nampaknya memang wujud perkara ini berlaku. Itulah kita mengambil tindakan yang drastik dan bersepada untuk mengatasi masalah ini. Itulah bersama dengan garis panduan yang saya sebut tadi dan kita serahkan kepada Peguam Negara untuk disetujui. Kalau sudah disetujui nanti ia akan merangkumi tindakan kita bukan sahaja berhubung dengan mengatasi masalah yang disoal oleh Yang Berhormat Penampang, merangkumi perkara sedemikian. Akan tetapi apa Yang Berhormat soalkan ini kita atasi dengan langkah-langkah yang kita rancang.

Ada di kalangan mereka hukuman yang dikenakan, penjara enam bulan dari tarikh tangkapan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Jadi tindakan masih dibuat dan

terus dibuat untuk mengenal pasti supaya mereka yang terlibat dengan syarikat keselamatan ini tidak ada orang asing melainkan mengikut panduan kementerian iaitu hanya orang tempatan dan orang Nepal berlatar belakangkan ketenteraan sahaja boleh berkhidmat dalam syarikat kawalan keselamatan dan senjata api, *carry and use* permit hanya diberi kepada orang tempatan. Sekian Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan kakitangan kerajaan yang dibuang kerja dan diambil tindakan tatatertib kerana terlibat di dalam kegiatan politik.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini tiada kakitangan kerajaan yang dibuang kerja kerana terlibat dengan kegiatan politik. Berdasarkan statistik dari tahun 2010 hingga tahun 2013 seramai sembilan orang pegawai awam telah dikenakan tatatertib kerana didapati aktif dalam politik tanpa kebenaran iaitu melanggar Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Ia memerlukan pegawai awam memohon kebenaran Ketua Jabatan untuk terlibat secara aktif dalam politik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pegawai-pegawai awam yang ingin terlibat dalam politik adalah tertakluk kepada subperaturan 21(2) perintah undang-undang 395/1993 yang memperuntukkan bahawa seseorang pegawai dalam kumpulan sokongan atau pelaksana boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pegawai daripada kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan pelaksana yang menjadi ahli biasa mana-mana peraturan politik subperaturan 21(6) menghendaki mereka memaklumkan kepada ketua jabatan masing-masing. Pegawai-pegawai awam adalah tidak dibenarkan terlibat aktif dalam politik sebagaimana Surat Edaran JPA bertarikh 6 April 2009. Larangan penglibatan dalam politik ke atas pegawai-pegawai kumpulan pengurusan tertinggi dan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional.

Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 2010 kerajaan telah bersetuju supaya pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah gred DG41 hingga DG48 yang berkhidmat di institusi pendidikan kecuali pengetua dan guru besar boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik dalam apa-apa dalam suatu parti politik dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, kini Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain daripada itu sebagai pegawai awam mereka mestilah tertakluk kepada undang-undang peraturan dan arahan yang berkuat kuasa atau rahsia rasmi dan arahan keselamatan, surat Aku Janji untuk pegawai awam. Sebagai tambahan Yang Berhormat Allah SWT berfirman [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] wajib mentaati pemerintah.

Menurut jumhur ulama ahli Sunah Waljamaah dalam perkara yang disukai atau dibenci, dalam keadaan susah atau mudah dan haram menukar atau menjatuhkan keluar atau menentang pemerintah Islam yang sah walaupun mereka berlaku zalim dan haram mendoakan keburukan atas mereka dan tidak boleh menderhaka kepada mereka bahkan mentaati mereka adalah termasuk dalam ayat yang saya bacakan tadi. Ianya wajib selama mereka tidak menyuruh melakukan maksiat. Wajib mendoakan bagi mereka kebaikan dan keampunan dan bersatu dengan mereka dan bersama-sama dengan mereka dalam hal kebaikan. Cakaplah lagi.

**Tuan Idris Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, saya belum - sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

■1030

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasihlah ucapan yang diungkapkan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, mungkin layak untuk menjadi mufti ataupun... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Mufti Perlis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Soalan, soalan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Dalam PRU Ke-13 dulu ada seorang Pegawai Pemerintah Skuadron Ke-12 pangkalan udara TUDM iaitu Mejaz Zaidi Ahmad yang telah ditukar serta-merta ke Kuala Lumpur kerana dia membuat laporan polis terhadap isu dakwat kekal yang tidak kekal.

Soalan saya, apakah menjadi satu kesalahan sebagai anggota kerajaan yang menjadi pengundi yang sah, warganegara yang sah, yang telah membuat aduan kepada polis, bukan kepada Presiden PAS ataupun Presiden PKR, untuk melihat perjalanan pilihan raya berjalan dengan adil dan telus?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Betul.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Itu soalan saya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah ditimbulkan berkali-kali dan telah dijawab oleh kementerian yang berwajib berkali-kali. Jadi saya tidak ingin mengulanginya lagi.

Akan tetapi bagi pegawai kerajaan, mereka tertakluk kepada peraturan yang telah saya sebutkan. Bagi pegawai-pegawai kumpulan pengurusan tertinggi dan juga kumpulan pengurusan profesional, mereka dilarang – dengar ini, dengar ini Yang Berhormat. Ini di larang ya. Kalau dia buat, termasuk dalam kesalahan. Membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang memberikan sesuatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti politik.

Kedua, menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain tentang apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana parti politik. Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon

pada satu pilihan raya kecil ataupun pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana parti-parti politik seperti yang berlaku di Sungai Limau baru-baru ini. Bertindak sebagai ejen pilihan raya atau agen tempat mengundi, masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik, memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik. Soalannya bagus, jawapannya juga bagus.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Soalan tambahan saya. Tadi kita mendengar soal tindakan yang diambil ataupun yang telah diambil kepada pegawai-pegawai kerajaan yang aktif berpolitik. Saya ingin bertanya di sini kepada Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk hukuman yang bakal ataupun yang telah dikenakan kepada penjawat awam yang didapati membocorkan rahsia atau dokumen rasmi kerajaan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab atas kepentingan politik? Kalau boleh, jumlah dan tindakan yang telah diambil. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang cukup baik tetapi oleh sebab soalan ini nampaknya khusus, saya minta notis untuk memberinya secara bertulis. Akan tetapi dalam peraturan ini dengan jelas menyebut bahawa sebagai penjawat awam, mereka tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa seperti Akta Rahsia Rasmi yang baru-baru ini diluluskan di Parlimen dan kalau sekiranya mana-mana anggota perkhidmatan awam yang melanggar Akta Rahsia Rasmi, dia akan menghadapi hukuman yang telah ditetapkan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mulia ini.

Juga Arahan Keselamatan serta Aku Janji, yang ini yang penting ini Aku Janji. Aku Janji ini cuma tidak dimasukkan perkataan *Wallahi, Wabillahi, Watallahi* yang pada pandangan saya akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Oleh sebab pihak menteri-menteri, kami semua kena angkat sumpah dengan perkataan tersebut untuk menjadi penjawat awam dan saya percaya anggota perkhidmatan awam juga sewajarnya berbuat demikian.

Jadi bagi mereka yang melanggar peraturan ini, kita ambil tindakan tapi jumlahnya saya akan maklumkan nanti. Akan tetapi saya juga hendak sebut di sini bahawa Akta Rahsia Rasmi ini sekali gus dapat menjaga anggota awam kita daripada membocorkan maklumat kepada mana-mana pihak sama ada untuk kepentingan, kepuasan ataupun apa-apa bentuk perjuangan yang tidak sewajarnya ada kepada anggota awam selagi mereka berkhidmat dengan kerajaan.

**3. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di IKBN mampu melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran dan kebolehpasaran yang tinggi seiringan dengan institut kemahiran yang lain; dan
- (b) apakah langkah ataupun tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi menarik minat generasi muda untuk sentiasa aktif mengikuti program yang dijalankan oleh pihak kementerian.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan di IKBN menggunakan kurikulum berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau NOSS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan di mana majlis ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Manusia dan dianggotai oleh wakil-wakil industri dan juga agensi-agensi latihan kemahiran. *National Occupational Skills Standards (NOSS)* dengan izin merupakan dokumen yang dibangunkan oleh pakar industri yang menggariskan keterampilan minimum yang perlu dipenuhi oleh pekerja mahir di Malaysia mengikut keperluan industri masa kini.

Kementerian juga mengorak langkah dengan menjalinkan kerjasama bersama beberapa badan-badan persijilan kemahiran antarabangsa yang diiktiraf bagi memastikan graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang terkini dan berdaya saing di arena antarabangsa. Persijilan antarabangsa City and Guide C&C London dengan izin dalam bidang hospitaliti, persijilan antarabangsa Amerika Welding Society (AWS) dengan izin dalam bidang kimpalan ataupun *welding*. Pengiktirafan persijilan di peringkat antarabangsa memudahkan serta membolehkan graduan IKBN melebarkan kerjaya ke luar negara serta dapat bersaing secara kompetitif di dalam industri yang berkenaan.

Berdasarkan kajian kebolehpasaran graduan IKBN yang telah dijalankan pada tahun 2012 ke atas 2,588 orang graduan lepasan IKBN 2011 mendapati bahawa seramai 1,541 orang ataupun 60% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh masa enam hingga 12 bulan. Lepasan yang menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi berjumlah 577 orang ataupun 22% dan peratusan lepasan graduan yang sedang mencari pekerjaan dalam tempoh tersebut adalah sebanyak 80% bersamaan 469 orang. Hasil kajian kebolehpasaran ini membuktikan bahawa graduan lepasan IKBN memiliki kemahiran yang terkini dan berdaya saing serta mengikut kehendak industri dan pasaran kerja semasa.

Bagi menjawab soalan kedua yang menarik minat generasi muda, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi menarik minat generasi muda untuk sentiasa aktif mengikuti program sukan, kementerian telah menyediakan kepelbagaian kemudahan sukan di antaranya ialah membina 1,871 buah Gelanggang Futsal 1Malaysia di seluruh negara, 90 buah Gym 1Malaysia hampir di kesemua daerah kompleks belia dan sukan negeri-negeri dan 14 buah kompleks sukan komuniti dan juga kompleks sukan Rakan Muda, sukan air dan udara. Kesemua kemudahan yang disediakan ini bertujuan menarik minat generasi muda untuk bergiat aktif dalam aktiviti sukan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kementerian juga merancang dan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sukan yang berpaksikan kepada minat, bakat dan kehendak generasi muda pada masa kini. Antara program yang dianjurkan merangkumi program sukan rekreasi, sukan pemotoran, sukan kecerdasan, sukan OKU, sukan wanita serta turut memperkenalkan dan menganjurkan sukan baru yang diminati oleh generasi muda. Inisiatif yang dilaksanakan

kementerian ini bukan sahaja melahirkan generasi muda yang aktif tetapi juga ke arah pembentukan masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu.

Golongan belia sememangnya penting dalam agenda pembangunan modal insan negara. Buat masa ini jumlah belia adalah seramai 13.4 juta orang ataupun 45.6% daripada penduduk negara dan lebih dua pertiga daripada populasi yang bekerja. Oleh itu, pihak kementerian telah membuat semakan semula Pelan Strategi Kementerian 2010-2015 dalam usaha memastikan program-program yang dijalankan lebih berfokus kepada menepati kehendak belia masa kini.

#### ■1040

Selain itu, kementerian juga ada menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan supaya penambahbaikan secara berterusan dapat diperkuuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program telah dilaksanakan oleh kementerian untuk para belia. Antaranya ialah program kesukanan, kepimpinan, kesukarelaan, keusahawanan dan kemahiran. Langkah-langkah ataupun tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian bagi menarik minat generasi muda untuk sentiasa aktif mengikuti program-program yang dijalankan oleh pihak kementerian ialah dengan perancangan dan pelaksanaan program mengikut cita rasa belia semasa.

Selain itu promosi turut diadakan bagi tujuan hebahan, program secara maya melalui laman sesawang kementerian dan juga laman sosial. Selain daripada itu, promosi program-program utama turut diadakan melalui media massa seperti rancangan TV dan radio. Promosi melalui pameran-pameran di program-program jabatan dan agensi lain turut diadakan bagi menyampaikan maklumat dengan lebih interaktif dan sampai kepada peringkat akar umbi.

Untuk makluman, kementerian ini akan mewujudkan bank idea di mana pandangan-pandangan daripada rakyat secara terbuka mengenai pembangunan belia semasa akan dipertimbangkan bagi tujuan perancangan program yang bersesuaian dan secara tidak langsung mengikut kehendak belia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang ini. Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah di atas keseriusan pihak kementerian dalam membela nasib belia-belia khususnya dalam bidang kemahiran. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang sejauh manakah perancangan kementerian terhadap belia di kampung-kampung yang tidak bekerja? Oleh kerana saya melihat faktor ini menyebabkan para belia banyak melibatkan diri dengan gejala yang tidak sihat dan mereka ini tidak dilihat sebagai produktif. Bagaimanakah tahap kebolehpasaran lepasan pelatih-pelatih IKBN di kalangan majikan? Saya juga ingin memohon kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk memasukkan Parlimen Kuala Selangor dalam perancangan kementerian dalam membela nasib anak-anak muda khususnya dalam bidang kemahiran. Mungkin sebuah IKBN dapat didirikan dalam Parlimen Kuala

Selangor dan promosi besar-besaran tentang IKBN memandangkan jumlah belia Melayu dan India yang semakin meningkat dalam Parlimen Kuala Selangor.

Ini kerana walaupun Menteri Besar Selangor berasal daripada Kuala Selangor, saya lihat Bajet Kerajaan Negeri Selangor seakan-akan menganaktirikan belia-belia luar bandar dalam bidang kemahiran dalam Parlimen Kuala Selangor. Saya berharap Yang Berhormat Gombak bolehlah bersetuju dengan pandangan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila. Ada peluang dalam perbahasan.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak ada halangan untuk memastikan pembangunan Parlimen Kuala Selangor selari dengan pembangunan-pembangunan Parlimen lain di seluruh negara. Kita tidak akan menganaktirikan mana-mana Parlimen seperti mana pihak di sebelah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat Kuala Selangor, kita tidak lagi melihat masalah belia sebagai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** ...Masalah luar bandar ataupun masalah bandar. Apa yang penting hari ini seperti mana yang saya maklumkan sebelum ini di dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini bahawa golongan belia merupakan kumpulan yang akan menentukan hala tuju negara pada masa-masa yang akan datang di mana mereka merangkumi hampir 45.6% daripada jumlah populasi. Hari ini kita seperti mana yang saya pernah sebut di dalam Dewan ini sebelum ini, kita melihat masalah belia adalah masalah yang cukup serius di kalangan kita. Di mana mereka yang berpendidikan tinggi telah maju manakala mereka yang tidak berpendidikan ataupun kumpulan tercicir menghadapi masalah yang besar di mana 20 tahun yang lalu hampir kesemua bidang di peringkat bawahan telah diambil alih oleh pekerja asing.

Hari ini kita lihat pekerja asing sudah berubah daripada pekerja asing ke arah menuahkan peluang-peluang perniagaan di dalam negara kita. Kita lihat di pasar-pasar borong hampir 60%, peniaga di luar kawasan borong adalah terdiri daripada golongan berbangsa Myanmar dan di semua peringkat bawahan yang mana sebelum ini kita mendapat peluang pekerjaan tetapi hari ini diambil alih oleh pekerja asing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Maka pelan Kementerian Belia dan Sukan tidak mengambil kira sama ada belia tersebut daripada luar bandar ataupun di bandar. Masalahnya adalah sama. Maka segala program IKBN yang lebih tertumpu kepada golongan belia daripada bandar dan luar bandar supaya memperkuatkan ekonomi belia. Itulah satu-satunya cara untuk

kita mengatasi masalah ini. Maka, Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha memastikan golongan belia khususnya mereka yang tidak mempunyai pendidikan tidak tercincir daripada arus pembangunan.

Kita lihat dalam masa tujuh tahun ini, negara kita akan menjadi negara berpendapatan tinggi. Sekiranya kita gagal menangani masalah ini dalam tempoh tujuh tahun ini, maka sebahagian besar daripada golongan belia harus terpaksa berhijrah ke luar negara untuk mencari peluang pekerjaan. Maka, Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan masalah ini ditangani dengan peka dan sensitif dalam masa terdekat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Nibong Tebal. Yang Berhormat Seputeh tidak berminat ya? Sila.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berhubung dengan usaha untuk meningkatkan kualiti di IKBN di seluruh negara dari segi yang pertama adakah rancangan kementerian untuk menyusun semula IKBN di seluruh negara dalam dua aspek. Pertama dari segi *niche area*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyusun supaya kurikulum ataupun proses pembelajaran di IKBN seluruh negara tidak bertindih di antara satu sama lain. Umpamanya mungkin di kawasan utara dikhurasukan kepada automotif, robotik ataupun kimpalan dan mekanik, itu contoh-contohnya yang tertentu, itu soalan yang pertama.

Keduanya adakah juga usaha rancangan daripada kementerian untuk menukar atau menstrukturkan semula pengurusan IKBN ini? Kita mendapati sekarang ini pengurusan IKBN kebanyakannya pengurusnya, pengurusnya diurus oleh pegawai-pegawai belia yang bukan dalam bidang profesional seperti yang kita sebutkan tadi. Itu soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat hari ini memang tidak ada masalah dari segi pengurusan IKBN dan segala program-program IKBN telah dijalankan secara baik dan betul. Walau bagaimanapun pandangan Ahli Yang Berhormat akan diterima secara terbuka dan akan dikaji untuk kepentingan golongan belia.

Kedua, mengenai program-program yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan di bawah IKBN adalah berpandukan kepada *future market* sama ada kebolehpasaran atau tidak. Maka Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan pelbagai program khususnya hari ini kita ada program-program seperti teknologi automotif, teknologi elektronik, teknologi elektrik, teknologi awam, teknologi mekanikal, teknologi tekstil, teknologi marin, hospitaliti, personel, fotografi, maklumat, sukan permotoran ataupun *motor sport*.

Untuk mengenal pasti *niche area*, Kementerian Belia dan Sukan juga telah memperkenalkan program-program baru untuk pasaran dunia antarabangsa dalam bidang sukan dan pengurusan golf, minyak dan gas, *oil and gas*, dengan izin, penyelenggara pesawat dan pemprosesan bahan pertanian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab Tuan Nasrudin bin Hassan tidak ada dalam Dewan, soalan nombor empat - saya jemput...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya bagi pihak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ... Datuk Madius bin Tangau, soalan nombor lima.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan berjanji hendak menjawab soalan ini kerana semalam dia tidak ada bahan jadi dia kata dia jawab soalan empat hari ini. Jadi, saya ganti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila-sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tengok dia senyum, dia mengakui...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila-sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua...

*[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan (Temerloh) tidak hadir]*

5. **Datuk Madius Tangau [Tuaran]** minta Perdana Menteri menyatakan dari segi perancangan Unit Perancang Ekonomi (EPU) berapa lagikah peruntukan yang diperlukan dan tahun berapakah kesemua jalan-jalan di bawah kawal seliaan JKR negeri Sabah dapat diturap sepenuhnya

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kemudahan jaringan jalan raya dalam negara kita terbahagi kepada beberapa kategori iaitu kategori lebuh raya, jalan persekutuan, jalan kerajaan negeri, jalan luar bandar, jalan pihak berkuasa tempatan dan jalan kampung. Justeru penyediaan kemudahan jalan-jalan ini dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana di bawah Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan perangkaan mengikut pewartaan, jalan persekutuan sehingga 31 Disember 2012 semua jalan persekutuan negeri Sabah sepanjang 1501.84 kilometer telah pun diturap.

■1050

Manakala berdasarkan rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, jalan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masih belum berturap adalah sepanjang 5,371.45 kilometer dan jalan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan adalah sepanjang 5,388.07 kilometer. Mengenai persoalan jumlah peruntukan yang diperlukan bagi menurap kesemua jalan yang dinyatakan tadi, disebabkan terdapat beberapa kriteria untuk menurap jalan dan tiada kaedah pengiraan yang tepat bagi mengira kos sebenar, adalah dianggarkan bahawa sebanyak RM33.55 bilion diperlukan bagi menurap sejumlah 10,759.52 kilometer jalan yang dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan jaringan jalan raya yang baik bagi seluruh negara termasuklah di negeri Sabah serta memberi keutamaan kepada usaha menaik taraf jalan di luar bandar dengan memperkenalkan satu program yang dipanggil Program Jalan Luar Bandar yang merupakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan Persekutuan bagi tahun 2011 sehingga tahun 2013 adalah sebanyak RM2.09 bilion. Manakala negeri Sabah telah menerima sejumlah RM150.9 juta untuk membina jalan luar bandar pada tahun 2013 dan sejumlah RM140.2 juta lagi telah diperuntukkan bagi tahun hadapan, tahun 2014. Berdasarkan pencapaian NKRA bagi negeri Sabah berkaitan Program Jalan Luar Bandar ini, sehingga 30 September 2013, jalan sepanjang 1,183.24 kilometer telah dibina. Terima kasih.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebentar Yang Berhormat Tuaran ya, kita ada tetamu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi dari *House of Representatives of the Philippines* dan anggota seramai dua orang yang diketuai oleh Yang Berhormat Pangalian M. Balindong. Kepada Yang Berhormat Pangalian M. Balindong dan delegasi, Dewan ini mengalukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]* Sila Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat bilangan ataupun jumlah RM33 bilion yang diperlukan untuk menurap keseluruhan jalan luar bandar di Sabah dan berbanding dengan peruntukan yang diberi untuk tahun hadapan iaitu RM140 juta. Kalau kita kira, tidak ada kesudahan, tidak ada masa sampai bila ia boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya jalan-jalan ini tidak diturap dan dinaiktarafkan khususnya jalan JKR yang 5,300 kilometer itu maka pengangkutan di luar bandar memang akan menjadi satu bebanan yang begitu berat bagi rakyat. Oleh sebab itu, jika sekiranya kerajaan tidak membuat satu program khusus untuk menurap dan menaik taraf jalan-jalan raya ini, sampai bila pun tidak selesai. Jika sekiranya kita buat seperti biasa, satu tahun lebih RM100 juta untuk tujuan jalan luar bandar, naik taraf jalan luar bandar. Tidak boleh diselesaikan.

**Seorang Ahli:** Soalan!

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Oleh sebab itu, pertanyaan saya ialah adakah kerajaan bercadang demi mencapai status negara maju Malaysia tahun 2020, untuk memberikan peruntukan khas untuk menyelesaikan, menurap keseluruhan 5,300 kilometer jalan raya di bawah kerajaan negeri ini? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara ini adalah perkara yang sangat serius dan mendesak. Namun begitu, saya percaya perbincangan bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah khususnya akan terus dilaksanakan bagi kita mencari jalan bagaimana jalan-jalan yang berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri dapat dikendalikan usaha untuk menurap dalam masa yang secepat mungkin.

Namun begitu, saya percaya di peringkat Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi kerjasama dan perbincangan yang sangat rapat dengan negeri Sabah yang sedang berlangsung ini dan beberapa inisiatif termasuk seperti yang saya pernah nyatakan di Dewan yang mulia ini. Di bawah SEDIA, Koridor Pembangunan Sabah, RM1 bilion telah pun kita belanjakan untuk menaik taraf prasarana, bukan jalan sahaja, semua sekali yang saya percaya sedikit sebanyak dapat juga membantu pembinaan prasarana kemudahan dalam usaha menarik pelabur-pelabur untuk melabur ke negeri Sabah.

Saya percaya usaha yang dilakukan melalui SEDIA ini, walaupun tidak saya jawab secara khusus di dalam jawapan tadi telah dapat juga menyediakan jalan yang lebih baik bagi kegunaan negeri Sabah. Saya ingin menyarankan bahawa dalam soal pembinaan jalan, usaha sama di antara kedua kerajaan Persekutuan dan negeri amat mustahak dalam kita menyelesaikan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran tadi. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu aduan kepada Yang Berhormat Menteri pasal jalan. Ini kerana saya terima aduan daripada Ahli-ahli di Dewan sini dan juga daripada pekerja-pekerja di Parlimen bahawa di pintu masuk Parlimen, jalan dikorek, ditampal tetapi lubang masih ada di sana. *[Ketawa]* Ini kawasan Parlimen, ini kawasan Segambut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tak apa Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Macam mana ada kontraktor boleh korek lubang di dalam jalan Parlimen? Ini mesti mahu cari siapa yang bertanggungjawab. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tak pun Yang Berhormat Segambut, dalam pengetahuan Dewan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil sedikit sebelum menjawab Yang Berhormat Segambut. Ada satu lagi usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam kita menangani masalah pembinaan jalan raya, kemudahan jalan raya di kawasan luar bandar pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak seperti di bawah *Blue Ocean Strategy* dengan nama Program Jiwa Murni. Menggunakan khidmat daripada Angkatan Tentera untuk kita dapat mempercepatkan, sebagai tambahan kepada Yang Berhormat Tuaran.

Untuk Yang Berhormat Segambut, di bawah Jabatan Perdana Menteri kita melihat tentang perkara dasar. Soalan itu mungkin lebih sesuai dapat dijawab oleh Jabatan Kerja Raya. *[Disampuk] No,* Jabatan Kerja Raya.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Dendarlah sekejap. Betul tetapi agensi pelaksana kepada jalan sebenarnya. Saya bukan tak nak jawab. Saya hendak bagi tahu perkara berkaitan tentang jalan raya, bukan semua di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi ada agensi pelaksananya. Termasuk juga bukan JKR sahaja tetapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Termasuk juga jalan yang ada di Parlimen ini, mengenai Parlimen. Namun begitu, saya percaya kalau ada aduan seperti yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut, kita akan ambil tindakan terhadap masalah itu dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut akan disemak dan disiasat oleh agensi berkaitan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kanowit, soalan tambahan? Sila.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tadi kita telah mendengar statistik bagi negeri Sabah dan saya pun berfikir sama ada kementerian juga ada mempunyai statistik untuk jumlah jalan raya yang akan dibina, yang belum dibina dan yang belum diturap. Berapakah anggaran perbelanjaan tersebut bagi negeri Sarawak sebab saya melihat negeri Sarawak lebih besar daripada negeri Sabah dan masalah ini juga sama, terdapat di Sarawak. Kalau tiada statistik, saya ingat jawapan bertulis pun boleh. Akan tetapi kalau ada, baguslah kita dapatkan sekarang. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya rasa saya akan bagi jawapan bertulis. Namun begitu Jalan Persekutuan bagi negeri Sarawak adalah sepanjang 1,423.79. Itu jalan persekutuan yang diturap tetapi dari segi maklumat tentang berapa yang belum diturap, saya kena minta masa sedikit untuk saya bagi kepada Yang Berhormat Kanowit.

*[Soalan No.6 – Y.B. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam) tidak hadir]*

7. **Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa keluasan ladang sawit di bawah FELCRA telah diwujudkan di Sarawak setakat ini.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan nombor tujuh dari Yang Berhormat Mukah. FELCRA Berhad adalah merupakan sebuah syarikat milik kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan dan menyatukan tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Sehingga kini FELCRA Berhad telah berjaya memajukan tanah seluas 50,684.70 hektar tanah di negeri Sarawak dengan tanaman kelapa sawit. Sekian, terima kasih.

■1100

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Mukah.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Timbalan Menteri yang telah menjawab. Ingin saya tahu, minta memohon berapa peratus dari 50,000 ekar itu yang telah dibuka adalah di bawah tanah NCR?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, daripada keluasan total 50,684.70 hektar tadi, ada 3,722 hektar tanah NCR atau 7% telah diusahakan, dan mungkin untuk maklumat tambahan Yang Berhormat Mukah, sekarang FELCRA sedang bermula mengusahakan di kawasan Pasai Siong

melalui konsep ladang rakyat, usaha sama dengan LCDA. Keluasannya 5,712 hektar yang akan dibangunkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kawasan saya juga pun ada dimasuki FELCRA. Terima kasih kepada kerajaan kerana mengusahakan tanah terbiar di kawasan luar bandar. Apa yang saya hendak tahu di sini Yang Berhormat Menteri ialah, berapakah semenjak diusahakan oleh FELCRA, memberi keuntungan kepada rakyat dari segi perolehan kelapa sawit? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Menteri. Keuntungan kepada rakyat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya ingat soalan tidak berapa tepat daripada segi keuntungan. Jadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh jawapan bertulis.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih. Kalau dapat jawapan bertulis. Yang saya hendak tahu, yang sudah diusahakan itu ada tidak memberi keuntungan, ataupun sebab ia perjanjian itu sekurang-kurangnya 10, 20 tahun baru membawa balik keuntungan kepada rakyat. Macam mana itu Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Keuntungan memang, apabila NCR ini telah sampai ke tahap sudah *matured plantation*, memang akan mendapat keuntungan kepada peserta-peserta. Jadi untuk makluman yang lebih mendalam, saya akan panjangkan jawapan secara bertulislah.

#### 8. **Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) status rundingan dengan Kerajaan Singapura berhubung dengan tren laju KL-Singapura; dan
- (b) apakah peratusan kos pembinaan yang akan ditanggung oleh Singapura.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini mesyuarat *Joint Ministerial Committee*, dengan izin, atau JMC, di antara Malaysia dan Singapura telah dijadualkan semula untuk diadakan pada bulan Disember ini. Mesyuarat berkenaan dijangka akan membincangkan pelaksanaan projek kereta api berkelajuan tinggi ataupun *high speed rail*, dengan izin, termasuk aspek pentadbiran rundingan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Rundingan diharap mencapai persetujuan berkenaan aspek-aspek kerjasama kedua-dua negara dari segi teknikal, komersial, perundangan serta polisi. Perincian projek seperti kos, kaedah pelaksanaan projek seperti tender, sumber dana dan lain-lain akan ditentukan setelah perbincangan kerjasama dengan pihak Singapura dimuktamadkan. Jadi setakat ini, belum dapat kita jelaskan secara terperinci mengenai projek ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri. Jawapan itu memang tidak jawab apa-apa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, baru saya hendak silakan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Oh maaf. Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan media bulan Ogos baru-baru ini, CEO Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berkata tender projek akan bermula pada pertengahan tahun depan ya, iaitu *second quarter of 2014*. Ini adalah satu *statement* yang saya anggap unilateral tanpa apa-apa input daripada Kerajaan Singapura. Jadi ini sangat membimbangkan sebab kalau *tender process* akan bermula, ini bermakna satu *feasibility study* dari segi *engineering* telah dilakukan. Jadi soalan tambahan saya ialah, saya minta Menteri jawab sama ada *feasibility study engineering* telah dilakukan, berapakah konsultansi yang telah dibayar, dan apakah yang Kerajaan Singapura diminta bayar separuhnya. Itu soalan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat, Yang Berhormat menyentuh mengenai kenyataan daripada CEO SPAD. Sebenarnya hasrat untuk meneruskan projek ini memang sudah ada. Tinggal ianya belum diselesaikan. Mesyuarat pun belum diadakan. Mula-mula mesyuarat hendak diadakan pada bulan Oktober tetapi oleh kerana kedua-dua pihak tidak dapat meneruskan mesyuarat tersebut, maka dijadualkan semula. Sebab itu saya nyatakan mesyuarat ini dijadualkan semula.

Dari segi *feasibility studies* pula, ia telah dijalankan oleh tiga perunding atau pun tiga *consultant*, dengan izin, yang akan menjalankan kajian dari aspek teknikal, *civil engineering* dan juga dari sudut ekonomi. Ketiga-tiga konsultan yang terlibat ialah Minco, Systra dan juga McKenzie. Akan tetapi dari sudut kosnya belum dapat kita terus nyatakan di sini. Dari segi pembayaran untuk konsultan juga, saya tidak mempunyai jumlahnya di sini Yang Berhormat. Kalau diperlukan mungkin kalau saya dapat nanti saya dapatkan secara bertulis, kerana ia lebih khusus seperti mana yang diperlukan di sini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa JMC akan diadakan tidak lama lagi tetapi seperti lazimnya sebelum mana-mana mesyuarat dapat dijalankan sudah tentunya ada lokasi yang telah dikenal pasti. Saya ingin bertanya dari Yang Berhormat Menteri, di manakah kalau mengikut perancangan awal daripada Kuala Lumpur sampai ke Singapura, adakah melalui beberapa bandar utama termasuk Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat, dan yang akhirnya sama ada sampai Nusajaya ataupun di Johor Bahru, kerana perancangan ini sangat penting. Kalau kita tidak ada perancangan di sebelah Malaysia ini, saya rasa ianya akan mempengaruhi dari segi kos dan juga perancangannya tidak sempurna sekiranya lokasi itu tidak betul.

Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat juga, oleh kerana Yang Berhormat kata perunding telah dilantik, yang menjadi kekhawatiran kita semua ialah kalau sebelum ini perancangan daripada Kunming sampai ke Singapura sepatutnya ada satu rel tetapi kesilapan Malaysia ialah, kita masih gunakan *meter gatch*, tidak guna 1.39 meter...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Sebab itulah Yang Berhormat saya hendak tanya, dalam perancangan ini adakah ia mengambil kira masa akan datang. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih orang Johor yang bertanya. Memang kalau dari segi lokasinya kita telah melibatkan apa yang dalam perancangan dan juga yang telah dipersetujui di dalam perancangan tersebut. Walaupun belum dipersetujui oleh kedua-dua pihak kerana kedua-dua pihak belum lagi bermesyuarat, tapi dari segi lokasinya, kita ada dari Lembah Klang ke Negeri Sembilan, kita ada Melaka, kita ada Johor dan seterusnya ke Singapura. Itu yang telah dirancang.

Jadi setakat ini itu dapat kita nyatakan di sini kerana dari segi terperincinya adalah terlalu saya rasa kali kedua saya menyentuh perkara ini, terlalu *premature*, dengan izin, untuk kita menyentuh perkara yang belum diluluskan oleh kedua-dua pihak. Ianya hanya mempunyai perancangan, juga telah melalui konsultan-konsultan yang telah dilantik untuk memberi pandangan mereka dalam tiga bidang yang telah saya nyatakan tadi. Terima kasih.

*[Soalan No. 9 – YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad (Langkawi) tidak hadir]*

**10. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan tahanan mengikut kaum di bawah operasi Ops-Cantas pada tahun 2013.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat yang bertanya soalan ini.

Kementerian Dalam Negeri telah mengisyiharkan 49 pertubuhan tidak sah di bawah Akta Penubuhan 1966. Dengan pengisyiharan itu menyebut bahawa, tidak ada sesiapa dibenarkan menggunakan semua tulisan, senarai anggota, panji-panji, logo, simbol atau tanda perhubungan dengan sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

#### ■1110

Bagi menguatkuasakan perintah larangan tersebut, pihak polis telah melancarkan Ops Cantas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur mereka yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gengsterisme di seluruh negara.

Hasil daripada Operasi Cantas Khas yang dimulakan pada 17 Ogos tersebut hingga 20 November 2013 seramai 871,526 orang telah dibuat pemeriksaan. Sebanyak 32,174 orang telah ditangkap dan sebanyak 951 senjata api dan senjata merbahaya telah dirampas. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi ini dijalankan adalah penurunan jenayah indeks terutama kes

yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh menurun hampir 23%, daripada 187 kes kepada 144 kes dalam tempoh 96 hari operasi dijalankan.

Daripada jumlah yang ditangkap, bangsa Melayu seramai 13,789 orang lelaki dan 13,119 perempuan. Bangsa Cina adalah 3,809 orang iaitu 3,609 lelaki dan perempuan 200 orang. Bangsa India ialah seramai 7,263 orang. Kertas ini. Di antaranya 7,113 lelaki dan 124 perempuan dan lain-lain bangsa adalah seramai 7,313 orang iaitu 6,145 orang lelaki dan 1,168 orang perempuan.

Sebanyak 7,750 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan tidak termasuk kesalahan di bawah Akta Senjata Api sepanjang Operasi Cantas dijalankan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,584 telah dituduh di mahkamah, 5,419 masih lagi dalam siasatan dan 214 kes telah ditutup dan tidak ada tindakan diambil. Bagi kesalahan di bawah Akta Senjata Api pula sebanyak 144 kertas siasatan telah dibuka dan daripada jumlah tersebut sebanyak 120 telah dituduh di mahkamah dan 24 kes siasatan masih dalam siasatan. Pihak polis akan meneruskan operasi secara berterusan bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara dan sehingga rakyat merasa selamat dan memastikan *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat dikurangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Saya lihat dalam Operasi Cantas ini, PDRM dapat bertindak begitu cepat dalam masa yang singkat dan satu *efficiency* yang agak tinggi. Ini bukti bahawa PDRM memang ada maklumat berkenaan dengan 49 kongsi gelap yang berkenaan dan orang-orang yang terlibat dalam kongsi gelap tersebut.

Bagaimana pula dengan tindakan-tindakan terhadap sindiket-sindiket lain? Saya pasti PDRM ada maklumat misalannya sindiket-sindiket pengedaran dadah, sindiket-sindiket empat ekor haram, sindiket-sindiket siber kafe, sindiket-sindiket membekalkan mesin slot dan sindiket-sindiket ah long. Saya pasti kalau PDRM buat tindakan sedemikian akan menunjukkan *efficiency* yang sama. Adakah PDRM akan buat operasi khas untuk sindiket-sindiket tersebut? Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sila.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, terima kasih kerana membangkitkan kes-kes yang sebenarnya dianggap amat penting dan menarik perhatian masyarakat. Saya juga banyak dihubungi oleh pihak bukan sahaja di Semenanjung tetapi di Sabah dan Sarawak dan kita juga pernah mendengar Yang Berhormat Kalabakan dan sebagainya membangkitkan persoalan perjudian haram.

Soalan perjudian haram ini khususnya *cyber gambling* yang banyak dilaksanakan menggunakan komputer dan sebagainya. Ini juga telah diambil tindakan oleh pihak polis dan serbuan telah dibuat di seluruh negara tetapi malangnya Yang Berhormat butiran-butiran khusus yang terperinci tidak ada di tangan saya oleh sebab saya fikir keluar daripada soalan tetapi saya juga kerana penting.

Serbuan telah dibuat dan banyak penangkapan dan juga rampasan-rampasan, perkara yang ditangkap macam komputer, komputer riba, alat dan duit, perkakas-perkakas itu tetapi malang sekali dalam serbuan kita ini hanya menangkap pihak-pihak yang menjaga depan komputer, dua tiga orang yang jaga pejabat. Jadi budak-budak pejabat, *office boy*, orang bawahan ini sahaja yang kita dapat tangkap tetapi mereka langsung tidak mahu memberitahu siapa tuan-tuan dan bos-bos mereka. Jadi ini satu halangan yang dihadapi oleh pihak polis.

Walau bagaimanapun, gerakan ini akan terus dilaksanakan dan saya telah memberi arahan supaya berkala, sentiasa dilaksanakan. Begitu juga persoalan dadah. Sebenarnya dadah, saya semalam berbincang secara khusus berhubung tentang dadah ini khususnya soalan pil kuda sebagaimana pada hari semalam saya dimaklumkan, saya ada keluar dalam kaca TV bahawa pil kuda yang banyak berlaku di Kelantan, di Terengganu dan Pulau Pinang tetapi yang terbesar sekali adalah di Kelantan oleh sebab kemasukan menerusi Sungai Golok yang sepanjang 95 kilometer dan di daratnya ada 32 kilometer. Itulah kenapa apabila saya pergi ke Kelantan pada ketika itu saya mencadangkan supaya diadakan pagar di sepanjang Sungai Golok.

Selepas itu Menteri pula mencadangkan ada pagar tetapi membuat pagar di Sungai Golok itu melibatkan pemindahan masyarakat di tepian sungai sepanjang Sungai Golok yang mempunyai jeti haram atau jeti *private* ini sebanyak 50 jeti, yang kita ketahui 48 jeti itu dapat tahu ada dipakai oleh pihak-pihak tertentu mendarat daripada seberang sana dan yang kita fahami dan kita ketahui ada membawa elemen-elemen dadah ini. Kita semua mempunyai fakta-fakta ini Yang Berhormat tetapi tindakan untuk mengambil tindakan ini amat payah, siapa dalang di sebalik perkara ini berlaku.

Penangkapan dadah ini berterusan di seluruh negara dan kita kenal pasti juga dan tindakan pihak narkotik di bawah PDRM itu juga berterusan dan saya telah berbincang semalam sebenarnya saya mempergerusikan jawatankuasa kecil di bawah Kabinet Komiti untuk merancang masa hadapan untuk menangani dadah ini. Saya telah memberi arahan jurusan-jurusn mungkin ada pemindaan, penambahan baik undang-undang yang ada sekarang ini untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang kita buat. Yang Berhormat terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Pertama-tama saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang dengan berani, tegas melaksanakan Operasi Cantas ini di mana Operasi Cantas ini telah sedikit sebanyak membantu mengembalikan keyakinan rakyat, keyakinan orang ramai terhadap keselamatan di dalam negara ini.

Jadi telah ramai, beratus ribu telah diperiksa dan berpuluhan ribu telah ditahan. Jadi Selangor mencatatkan penahanan yang tertinggi. Jadi oleh sebab itu saya mohon Yang Berhormat Menteri, apakah ada kajian atau analisa yang dibuat hasil daripada Operasi Cantas ini dan juga pindaan POCA baru-baru ini telah banyak membantu dan menjurus ke arah kejayaan harapan rakyat untuk melihat sesuatu keadaan yang aman dan selamat di dalam negara ini.

**■1120**

Dalam tempoh Ops Cantas yang telah berjalan itu, apakah ia telah menunjukkan trend dan keyakinan ke arah kita akan berjaya untuk mencapai keadaan negara selamat seperti yang diimpi dan diharapkan oleh rakyat. Terima kasih

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mendapat laporan harian sebenarnya masalah fakta-fakta pemeriksaan, penangkapan, surat siasatan yang dibuat harian. Terkini saya baru terima kelmarin sebenarnya buku kecil ini maklumat berhubung dengan *progress* ataupun perkembangan apa yang kita buat dalam Ops Cantas iaitu betul kata Yang Berhormat di Selangor mempunyai 13,870 kes lelaki dan 800 kes perempuan yang diikuti pula oleh negeri Kedah dan negeri Sabah juga mempunyai jumlah yang ramai dan juga Johor.

Jadi Yang Berhormat ini kita akan teruskan. Bukan sahaja itu, pihak KDN juga sedang mengkaji macam mana boleh kita memberi maklumat yang terkini kepada masyarakat supaya maklumat yang dikeluarkan menerusi media-media yang mungkin *highlighting* ataupun *sectionalize* satu kes yang tertentu untuk mewujudkan satu persepsi bahawa negara kita tidak selamat. Ini juga kita cuba mencari mekanisme yang tertentu supaya persepsi yang betul dapat diterima masyarakat supaya masyarakat merasa bahawa negara ini memang betul apa yang dikatakan kajian-kajian dunia mengatakan negara kita masih selamat dan negara kita di antara yang terselamat di dunia. Kerja ini dibuat berterusan bukan sahaja dari sudut penguatkuasaan tetapi juga untuk mengubah persepsi masyarakat dan mengatasi persepsi-persepsi negatif yang kita lihat berleluasa sekarang.

Jadi kalau saya hendak ulang lagi contoh yang saya sebut dua tiga hari lepas bagaimana pecahnya penjara di Gusta, Medan orang kata sudah sampai di Kuching. Orang itu semua sudah berselerak di Petra Jaya Kuching hingga apabila pihak helikopter membuat *testing night equipment* mereka dikatakan ini mencari orang lari dari Penjara Gusta, Medan di Petra Jaya dan di kawasan Matang Kuching.

Ini dibuat dalam *Facebook* dan *Twitter*. Semua orang percaya ini tapi saya arahkan *commissioner police* mengeluarkan satu penjelasan bahawa itu polis membuat *testing* kepada *night vision equipment* yang baru diterima daripada kerajaan. Itu kita buat juga Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada pihak PDRM kerana Ops Cantas yang dilaksanakan baru-baru ini. Cuma persoalan saya sekarang adalah adakah langkah-langkah yang telah diambil terhadap masalah gengsterisme ini diperluaskan kepada pelajar-pelajar sekolah. Jika ada, berapakah jumlah kes tangkapan yang dibuat sehingga kini? Jika tiada lagi, apakah langkah-langkah yang bakal diambil untuk menangani gejala gengsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya berhubung dengan pelajar-pelajar yang terlibat dengan gengsterisme, terlibat dengan dadah Yang Berhormat, kita ada beberapa sudut tindakan. Pertama, saya sudah meminta supaya pihak agensi Pencegah dadah iaitu AADK

membuat satu pendekatan supaya mereka pergi ke sekolah-sekolah untuk memberi penjelasan dan membawa bekas penagih dadah ini ke sekolah-sekolah untuk memberi penjelasan kepada anak-anak sekolah bahayanya penyakit dadah ini dan itu satu pendekatan yang telah kita buat.

Saya juga telah meminta pihak polis supaya banyak lagi pendekatan dengan kerjasama pihak Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan memberi ruang dan peluang untuk pihak polis memberi ceramah, penerangan dan maklumat kepada pihak-pihak di sekolah iaitu murid-murid dan pelajar di sekolah. Di samping itu baru sahaja saya lancar minggu lepas iaitu pada hari Ahad iaitu pendekatan penjara pula yang kita bawa kepada masyarakat dan kepada anak-anak sekolah untuk menjelaskan walaupun penjara kita ini dianggap salah satu penjara yang *people friendly* yang mengikut garis panduan *United Nation Convention* tetapi dalam masa yang sama kebebasan dalam penjara itu mengehadkan seseorang hendak jumpa *girlfriend*, jumpa isteri, jumpa anak dan bermacam-macam lagi. Walaupun senang tetapi lebih jauh payah daripada masyarakat umumnya di luar sana.

Jadi pendekatan secara *multiform approach* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita berharap anak-anak sekolah ini akan sedar supaya menjauhkan diri daripada soal gengster, jenayah, dadah dan penjara. Kita berharap sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mungkin boleh membantu pihak KDN dan juga pihak polis, pihak dadah dan pihak penjara melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

**[Soalan No. 11 – Y.B. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid (Kota Tinggi) tidak hadir]**

**12. Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Mid-Term Review Rancangan Malaysia ke-10 akan diadakan dan adakah Rancangan Malaysia ke-10 tidak lagi diberikan tumpuan yang sama dengan RMK-RMK yang sebelumnya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh yang bermula sejak tahun 2011 telah masuk tahun ketiga pelaksanaannya. Bagi rancangan pembangunan lima tahun sebelum ini kerajaan menerbitkan dokumen kajian separuh penggal rancangan apabila memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, kajian separuh penggal bagi RMKe-10 tidak dilaksanakan berdasarkan beberapa penambahbaikan dalam pemantauan pelaksanaan RMKe-10 seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan konsep *rolling plan* dengan izin di mana pelaksanaan *rolling plan* telah bermula di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan merupakan pendekatan baru dalam mengagihkan syiling peruntukan untuk tempoh dua tahun. Berbanding amalan sebelumnya syiling ditetapkan untuk tempoh lima tahun dan dikaji semula semasa kajian separuh penggal. Agihan syiling peruntukan kepada program dan projek akan dibuat berdasarkan kitaran pelaksanaan dua tahun dan dikaji semula

- setiap tahun bagi memastikan kelancaran perancangan dan pelaksanaan program dan projek tersebut;
- (ii) memperkenalkan Sistem Pemantauan Inisiatif (SPI) Rancangan Malaysia Kesepuluh. SPI dibangunkan untuk membantu kementerian dan agensi menyediakan pelan pelaksanaan inisiatif RMKe-10 bagi memastikan pelaksanaan RMK-10 mencapai *outcome* yang disasarkan. Sistem ini telah dibangunkan bagi membolehkan pemantauan secara aktif oleh Unit Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) dapat dilakukan dan membolehkan tindakan segera diambil sekiranya wujud sesuatu masalah yang perlu diselesaikan.

Terdapat 85 inisiatif yang mengandungi pelan tindakan dan petunjuk prestasi yang dipantau sepanjang tahun dan menjadi sebahagian petunjuk prestasi utama bagi Ketua Setiausaha Negara, bagi Ketua Setiausaha Kementerian-kementerian dan bagi Ketua Pengarah Jabatan yang terlibat. Laporan prestasi pelaksanaan inisiatif ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negara dua kali setahun. Justeru, dakwaan mengenai soalan bahawa kerajaan tidak lagi memberikan tumpuan kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh ini peruntukan perbelanjaan pembangunan kekal berjumlah RM230 bilion bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2015. Walau bagaimanapun, melalui pendekatan ini projek baru masih boleh dipertimbangkan dengan asalkan di dalam peruntukan bajet RMKe-10. Projek baru ini hendaklah dibiayai dengan pembatalan projek sedia ada.

Beberapa penambahbaikan lain dalam pemantauan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah pelaksanaan konsep pengurusan nilai bagi projek pembangunan bernilai RM50 juta dan ke atas. Pendekatan berdasarkan keberhasilan (*outcome*) dan meningkatkan peruntukan kepada projek bukan fizikal kepada 40% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan berbanding 20% bagi rancangan sebelumnya..

### **■1130**

Pelaksanaan pelbagai langkah penambahbaikan tersebut menunjukkan bahawa kerajaan sememangnya memberi tumpuan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh seperti mana rancangan pembangunan lima tahun sebelum-sebelum ini. Malah, mekanisme dan kaedah penilaian serta pemantauan yang diperkenalkan ini adalah lebih baik berbanding dengan rancangan pembangunan sebelumnya. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. RMK ini adalah salah satu mekanisme yang penting untuk kerajaan dan juga untuk para akademik dan juga untuk rakyat untuk memantau pencapaian kerajaan.

Soalan saya. Dulu dokumen RMK dan juga dokumen kajian separuh itu penting untuk semua. Adakah kerajaan bersedia untuk mengumumkan secara rasmi pelbagai mekanisme yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam Parlimen melalui satu *ministerial*

*statement*, kenyataan Menteri, ataupun dengan cara-cara lain supaya walaupun tidak ada kajian separuh penggal, sekurang-kurangnya para akademik boleh dapat data dan juga rakyat umum boleh dapat menilai pencapaian RMKe-10? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya, apa juga perubahan yang nak dilakukan, mungkin sukar diterima oleh kebanyakan pihak, tetapi dalam soal ini, Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa penggantian kepada sistem dahulu itu boleh difikirkan. Malahan, bersama saya ini ada Inisiatif Rancangan Malaysia Kesepuluh, bukan sahaja dari segi pembangunan, saya rasa pendekatan yang dibuat ini termasuk juga tentang perkara yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah GTP. Sebenarnya Malaysia memang sebuah negara yang membentangkan pencapaian petunjuk prestasi kepada rakyat seperti yang dilakukan secara langsung di dalam RTM pada tahun lepas yang menunjukkan di manakah kedudukan kita dan ke manakah akan kita pergi dalam usaha mencapai Wawasan 2020.

Jadi saya rasa pandangan Yang Berhormat adalah berselari. Cumanya untuk saya memberi jaminan tentang kaedah, tentang pemberitahuan tersebut, saya rasa mungkin bukan dalam kedudukan saya berbuat demikian. Namun begitu, kita akan membawa perkara ini untuk pertimbangan pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.32 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 21 November 2013”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

**[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keempat]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.22 [Jadual] –**

**Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Penggerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahtas. Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Sebelum saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai, saya mengalu-alukan selamat datang kembali bertugas kepada Yang Berhormat Tenggara, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. **[Tepuk]** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**11.35 pg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Selamat kembali Yang Berhormat Tenggara. Patut senyap sahaja Dewan ini, tidak ada dia. Senyap sunyi. Lepas ini kita bising balik. Terima kasih.

Saya ingin memulakan perbahasan di bawah Kepala B.22 dan P.22 ini dengan menyebut bahawa dalam satu tinjauan lawatan ke sebuah negara yang maju tetapi juga sebuah negara pertanian yang hebat iaitu Korea Selatan, kita mendapati kawasan luar bandarnya hampir-hampir tidak ada tanah-tanah yang boleh kita anggap terbiar. Setiap sudut terdapat tanaman. Daripada Seoul ke satu kawasan lebih kurang 300 kilometer ke luar bandar, hampir tidak putus-putus sawah padi sepanjang 300 kilometer itu.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

Itu menunjukkan betapa seriusnya rakyat dan juga kerajaan di Korea Selatan itu mengambil berat mengenai pembangunan tanah yang ada di luar bandar. Ini juga menjamin keselamatan makanan mereka. Kita mengidamkan suasana yang sama juga boleh berlaku di Malaysia. Malangnya kalau kita lihat di kawasan-kawasan luar bandar kita, tanah-tanah yang terbiar ini cukup banyak, Tuan Pengerusi. Bagi orang yang menilai peri pentingnya tanah ini, mereka mungkin merasa kerugian yang amat sangat.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini untuk mengusahakan, mungkin bersama dengan kementerian yang lain, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, untuk memastikan tidak ada pembaziran tanah-tanah ini dan mesti diusahakan dengan apa cara sekalipun termasuk dengan program-program pemulihan yang sedia ada di bawah kementerian ini ataupun kementerian yang lain. Jika tidak, kita mungkin menghadapi saat-saat di mana hasil makanan kita yang sekarang pun kebanyakannya diimport akan berada dalam keadaan yang kritikal.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan mengenai program di bawah Butiran 020300 – Pembangunan Desa yang tidaklah terlalu banyak diberikan peruntukan, tetapi ekonomi luar bandar ini boleh dibangunkan dengan penggunaan aset yang ada di luar bandar iaitu tanah. Jadi kalau setakat ia dibuat di bawah satu program seperti di bawah KEMAS, mungkin ia tidak dapat perhatian yang tinggi di kalangan para penduduk.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya kementerian ini merangka semula Program Pembangunan Desa ini dengan sehebat-hebatnya, dengan meletakkan jumlah kewangan yang besar supaya usaha-usaha membangunkan rakyat dan tidak memerlukan mereka ke bandar misalnya, dapat kita laksanakan untuk seluruh negara, Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kalau boleh kita hendak melihat anak luar bandar tidak ke bandar, anak Sabah dan Sarawak tidak perlu ke Semenanjung atau sebaliknya. Kita hidupkan industri-industri yang boleh menangkap imaginasi rakyat supaya mereka kekal dan gembira di luar bandar.

Kita tidak hanya boleh menumpu – bila kita sebut pembangunan luar bandar ini, yang terfikir bagi sesetengah orang, FELDA. FELDA ini antara apa yang didakwa sebagai *success story*. Mana ada orang miskin kalau ada tanah sepuluh ekar? Jadi sepatutnya mereka ini sudah bercerai susu. Patutnya sudah *independent*. Akan tetapi kita lihat bila kita bercakap mengenai pembangunan luar bandar, antara perkara yang dengan izin *strike* kita punya *imagination* ialah FELDA. Jadi ini patut kita ubah dan orang-orang di FELDA pula harus diberikan satu semangat bahawa mereka ini sebenarnya sudah berjaya. Mereka sepatutnya berasa agak malulah kalau dilihat sebagai miskin dan sentiasa memerlukan perhatian walaupun FELDA bukan di bawah kementerian ini. Saya sebut ini sebagai merangkum seluruh aktiviti ekonomi di luar bandar.

#### ■1140

Seterusnya Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh mengenai pihak Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang juga diperuntukkan sejumlah wang yang tidak juga banyak untuk pembangunan di bawah P.22 iaitu sejumlah RM28.4 juta sahaja. Apabila saya perhatikan jumlah ini di bawah P.22, ianya setanding dengan apa yang di dalam mukadimah kementerian ini di

bawah KESEDAR iaitu usaha untuk membangunkan jalan kampung sebanyak 28 kuantiti projeknya dengan jumlah panjang jalannya 29.5 kilometer Tuan Pengerusi.

Ertinya satu projek satu kilometer, sedangkan Kelantan Selatan di bawah KESEDAR ini ianya meliputi satu *area*, satu kawasan yang separuh negeri Kelantan. Walaupun semuanya bukan kawasan penempatan masih hutan tetapi tidaklah, tidak mungkin, tidak munasabah jalan yang hendak dibangunkan oleh KESEDAR hanya sepanjang 29.5 kilometer bagi tahun 2014.

Saya di kawasan Kuala Krai ada satu kampung, Kampung Bahagia namanya. Untuk sampai ke Kampung Bahagia, ada dua cara. Kedua-dua caranya mesti melalui sungai naik bot, 40 minit perjalanan untuk tiba ke Kampung Bahagia. Kemudian mereka boleh pula keluar ke satu jalan lain tetapi bertemu juga sungai yang sama Kampung Keluat. Jaraknya lebih kurang dalam tujuh, lapan kilometer. Ini sahaja sudah mengambil satu, ini kawasan KESEDAR ini ya, sudah mengambil lebih kurang  $\frac{1}{4}$  daripada peruntukan tersebut.

Jadi, saya hendak mencadangkan kementerian untuk melihat semula peruntukan kepada KESEDAR ini supaya kawasan KESEDAR ini dapat melaksanakan pembangunan infrastruktur luar bandar khususnya jalan raya ini dengan lebih banyak. Jadi, saya menyebut kampung tadi itu untuk perhatian kementerian. Mungkin kementerian akan berkata mereka ada RM980 juta untuk jalan luar bandar. Mungkin ini termasuk dalam kawasan-kawasan lain tetapi saya rasa kalau kita bagi berdayakan, beri daya yang lebih kepada KESEDAR dengan peruntukan yang lebih tinggi, mungkin mereka dapat menumpukan kepada jalan-jalan khusus untuk kampung-kampung yang di bawah jagaan KESEDAR ini.

Saya juga ingin menyebut semula seperti yang disebut setahun yang lalu mengenai kedudukan KESEDAR ini di dalam negeri Kelantan dari segi pentadbirannya, dari segi *Board of Directors*nya. Saya harap ianya dapat melibatkan penyertaan daripada wakil-wakil rakyat yang ada di kawasan yang terlibat dengan KESEDAR seperti Gua Musang, Kuala Krai, sedikit di Tanah Merah, di Jeli misalnya, supaya kita dapat memberikan sumbangan buah fikiran dan tidak terhad kepada kelompok-kelompok parti sebelah pihak sahaja. Itu saya ulangi seperti apa yang telah saya sebut setahun yang lalu.

Seterusnya Tuan Pengerusi masih ada lagi anak-anak luar bandar yang terpaksa ke bandar untuk belajar setiap hari. Seperti yang saya sebutkan tadi di Kuala Krai juga mereka terpaksa menaiki motor-motor galah, bot-bot yang berenjin panjang itu. Bukan sekadar isu risiko perjalanan setiap hari berulang-alik tetapi dari segi masa dan juga tenaga yang mungkin memberikan kesan terhadap prestasi pendidikan mereka.

Jadi, saya mencadangkan bagi tempat-tempat sebegini khususnya di kawasan yang saya wakili Kuala Krai. Kalau boleh selain daripada asrama-asrama sekolah yang sedia ada, ada sudah asrama sekolah sedia yang ada tetapi khusus untuk pelajar-pelajar yang berulang-alik menaiki bot ini sudilah apa kiranya dibuat penilaian semula dan didirikan asrama-asrama desa di kawasan bandar. Hal ini supaya dapat mengurangkan risiko berulang-aliknya anak-anak kita ini ke kawasan bandar untuk mendapat pendidikan.

Ini boleh membuka suatu lembaran baru dan semangat baru kepada pelajar-pelajar kita. Bukan hendak asrama yang besar-besar. Mungkin sekadar untuk menampung 30, 40 orang pelajar tentunya tidak melibatkan suatu kos yang tinggi. Kalau-lah isu tanah mungkin menjadi pertikaian kerana tanah di bawah kerajaan negeri, rakan-rakan kita di mana-mana tempat bersedia untuk berurusan dengan kerajaan negeri supaya kita dapat menyediakan tapak yang sesuai untuk asrama-asrama ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai satu agensi yang sangat penting di bawah kementerian ini iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mempunyai peranan yang sangat besar khususnya dalam pendidikan kepada anak bangsa kita. Kita rasa pembangunan di bawah MARA ini termasuk pusat-pusat pendidikan seperti Maktab Rendah Sains MARA harus diperluaskan ke kawasan-kawasan yang masih belum lagi diberikan pembangunan yang sepertinya.

Termasuk juga pusat-pusat GiatMARA ataupun institusi-institusi latihan yang lain di bawah MARA supaya kita dapat pertahankan anak-anak kita di kawasan masing-masing. Kalau mereka ingin bekerja tidak perlu keluar kawasan untuk pergi ke Pusat GiatMARA misalnya untuk ke Maktab MARA ataupun Maktab Rendah Sains MARA. Hal ini supaya tidak ada keperluan untuk mereka nanti bila selesai sahaja sangkut di tempat-tempat mereka berkursus dan bekerja di sana dan meninggalkan kampung halaman mereka.

Kalau pusat-pusat pembangunan ini ada di tempat masing-masing saya rasa mereka akan membangunkan, mereka akan bekerja dan tetap tinggal di kawasan-kawasan mereka sendiri. Itu akan membantu pembangunan kawasan kampung masing-masing Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tiada daripada sebelah kanan di sini BN sebelum saya panggil sebelah kiri? Sila Yang Berhomat Sungai Petani.

#### 11.47 pg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada pecahan 030000 - Jabatan Kemajuan Orang Asli. Kalau kita tengok mutakhir ini banyak keluhan-keluhan yang dibangkitkan oleh Orang Asli. Mereka merasakan bahawa kerajaan tidak berbuat secukupnya untuk membangunkan bukan sahaja kependudukan mereka, taraf hidup mereka, tetapi yang lebih penting peluang mereka untuk sama-sama bersaing dengan masyarakat yang lain dalam negara ini. Nama pun Orang Asli makna takrifannya mereka berhak, mereka ialah orang-orang yang pertama, mereka ialah pemunya negara ini yang asli. Oleh sebab itu, psikologi mereka merasakan mereka harus mendapat layanan yang sepatutnya lebih jauh lebih baik daripada rakyat lain.

Namun pun begitu, kalau kita tengok ada beberapa perkara yang selalu mereka bangkitkan. Kita faham bahawa masalah tanah ialah di bawah jurisdiksi di bawah kerajaan negeri. Namun usaha harus dibuat oleh Kerajaan Pusat bagi meyakinkan kerajaan-kerajaan negeri bahawa di sana hak Orang Asli mesti dipertahankan. Apa yang mereka minta ialah satu layanan

yang bukan istimewa tetapi satu layanan yang secukupnya bagi memastikan hak mereka terjamin. Dua perkara yang lazimnya dibangkitkan oleh mereka ialah yang pertama satu kawasan yang munasabah untuk mereka tinggal secara selesa dan mempunyai *future*, mempunyai masa depan yang jauh lebih baik daripada sekarang. Kedua ialah satu kawasan luasnya yang munasabah bagi memastikan mereka dapat bercucuk tanam.

■1150

Ini soal yang di bawa terlalu lama tetapi hingga sekarang ini tidak nampak penyelesaian yang jitu. Oleh yang demikian, saya kira telah sampai masanya kerajaan memandang serius bagaimana masyarakat Orang Asli ini diberikan layanan yang setimpal.

Keduanya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Orang Asli juga ialah bagaimana pendidikan harus diberikan kepada mereka secara total. Apa yang berlaku sekarang ini Jabatan Orang Asli khususnya membantu seadanya tetapi tidak ada satu program yang khas, yang jelas bagaimana untuk *push* kan Orang Asli ini supaya mendapat kedudukan yang hebat. Sebagai contoh, saya kira harus ada satu usaha untuk mengumpulkan anak orang Asli di semua kawasan dan mereka ini diberikan perhatian yang lebih, sama ada ditempatkan di asrama khusus dan diberikan guru-guru terlatih, kemudian diberikan *facilities* yang memungkinkan mereka dapat naik. Apabila ini terjadi maka mereka, anak-anak yang berjaya ini akan menjadi contoh pada anak Orang Asli yang lain. So, saya minta supaya kerajaan memberikan tumpuan yang lebih kepada mereka kerana akhirnya hak mereka harus dipertahankan.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan Butiran 090000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sudah tentu objektif MARA seperti yang tercatat di antaranya ialah melahirkan modal insan, global dan berintegriti. Keduanya, yang juga disebut ialah menyumbang kepada pemilikan ekuiti. Saya kira telah sampai masanya rakyat harus melihat bahawa MARA ini harus jauh ke depan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, kita harus keluar daripada sindrom seolah-olah MARA ini tempat berpayungnya, tidak ada tempat lain dah khususnya untuk bumiputera.

Kalau ada masalah MARA ialah tempatnya dan MARA menjadi payung untuk selama-lamanya. Saya kira harus ada psikologi baru di kalangan Melayu bumiputera bahawa MARA bukan tempat bergantung yang secara total. Oleh sebab itu, saya kira harus ada paradigma yang baru. Sudah tentu negara tidak akan dapat memberi payung kepada nasib Melayu dan bumiputera yang tidak akan carik, tidak akan koyak kerana akan sampai masanya bahawa negara harus terbuka dan saya kira paradigma ini penting untuk mengajar anak-anak.

Saya sebut ini sebab saya lihat pengalaman kita semua termasuk juga pelajar-pelajar kita yang ditaja oleh MARA. Saya mengambil contoh pelajar-pelajar kita yang ditaja oleh MARA dengan pelajar-pelajar yang persendirian, yang ditaja oleh ibu bapa. Saya lihat kalau pelajar-pelajar yang mendapat Biasiswa MARA *psychologically* mereka merasa cukup *complacent*. Ada pengalaman kita pelajar-pelajar MARA di luar negara, dia punya *percentage* kegagalan jauh lebih tinggi dari pelajar-pelajar yang ditaja oleh ibu bapa dia. Sedangkan dia dihantar dengan kelulusan yang tinggi. Bila kita tanya dia, bila kita duduk dan bincang dengan budak-budak ini, apa masalah

dia? Tuan Pengerusi, masalahnya ialah masalah psikologi. Masalah yakin sangat bahawa MARA akan hidup dan akan sentiasa di sana hingga kiamat.

Jadi, dia rasa tidak ada satu *derive* untuk bangun dan bangkit dan keluar dari pergantungan ini. Ini untuk satu masa depan yang cukup berbahaya. Oleh sebab itu kita tengok walaupun kita hantar pelajar-pelajar yang cemerlang di peringkat SPM, bila sampai sahaja di universiti, janjilah kita boleh bawa, kita boleh buat *assessment*, berapa orang pelajar-pelajar kita yang balik dengan kejayaan? Ini masalahnya, masalah psikologi. Saya hendak tanya juga kementerian, daripada institusi yang kita ada sekarang ini, berapakah jumlah pelajar yang telah pun kita hantar ke dalam dan ke luar negara sekarang semenjak RIDA bertukar kepada MARA contohnya?

Keduanya, budak-budak yang kita hantar, anak Melayu dan bumiputera yang dihantar ke MRSM, berapa jumlah mereka? Kemudian, berapa pelajar-pelajar yang kita hantar ke Institut Kemahiran MARA ataupun IKM, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), kemudian pelatih GIATMARA? Ini satu jumlah yang sepatutnya anak Melayu dan bumiputera yang ramai. Maknanya dengan tajaan kita keluar, harus ada satu kumpulan usahawan-usahawan Melayu yang boleh kita banggakan. Saya hendak tanya MRSM semenjak kita tubuhkan sampai sekarang, berapa puluh? Saya ingat ratus ribu dah sekarang. Di mana mereka? Kita hendak tengok satu kumpulan yang berjaya. Hinggakan kadang-kadang kita melihat ucapan-ucapan pemimpin kita, "*Oh! Melayu masih mundur, kita harus bantu mereka, Melayu harus mendapat payung*". Betul, saya tidak mengatakan bahawa Melayu mundur, bumiputera mundur tetapi untuk melaksanakan sesuatu harus diletakkan kaveat di situ.

Oh! Kita kena *protect* Melayu kerana mereka masih mundur. Akan tetapi sedarkan kita bahawa semenjak MARA ditubuhkan, semenjak MRSM ditubuhkan, semenjak semua institusi ada, berapa ratus ribu pelajar-pelajar yang sudah keluar? Harus mereka ini sudah menjadi *industry leader* saya rasa. Akan tetapi apa terjadi? Ke mana mereka? Kenapa mereka menyepi? Apakah ada *something wrong*, sesuatu yang berlaku selepas dia keluar universiti, dia berhenti setakat itu? Adakah mereka tidak dilatih dan tidak diberikan satu suntikan semangat bahawa kamu bukan sahaja setakat masuk universiti dan keluar universiti tetapi agenda kamu harus lebih dari itu, menjadi pemimpin, sama ada dalam bidang akademik atau pun industri atau lain-lain.

Jadi, saya rasa saya minta kerajaan melihat balik. Kita akui bahawa bumiputera dan Melayu harus dibantu tetapi pergantungan yang luar biasa begini kadang-kadang tidak membantu langsung. Oleh sebab itu kita minta supaya harus ada kekuatan, ada keterbukaan untuk anak-anak Melayu yang mendapat bantuan MARA ini, pergantungan mereka untuk selama-lamanya saya ingat sampai masanya untuk berhenti. Harus ada keberanian keluar daripada suasana dan saya kira bukan sahaja anak-anak Melayu di Semenanjung tetapi juga Sabah dan di Sarawak. Tuan Pengerusi, saya kita itu sahaja yang saya hendak bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekijang.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Jerlun.

**11.57 pg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya peluang untuk berbahas tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pertama, tentang Butiran 020000 – KEMAS. Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa guru-guru KEMAS hari ini telah pun dapat bertugas dengan baik oleh kerana mereka telah diberikan pembantu khas untuk membantu mereka. Kalau sebelum ini mereka dilihat terpaksa dalam masa yang sama memberikan pembelajaran, mengajar dan sebagainya dan juga terpaksa membantu untuk menyediakan makanan tetapi hari ini kita lihat pihak KEMAS telah memberikan pembantu kepada mereka untuk melicinkan tugas-tugas pemberian makanan kepada pelajar-pelajar kita.

Malangnya Tuan Pengerusi, saya dimaklumkan elaun yang diberikan kepada pembantu guru ini berjumlah RM400 sahaja. Adalah keluhan-keluhan daripada mereka minta jasa baik daripada kerajaan supaya dapat dipertingkatkan elaun ini. Kalau kita lihat tangga gaji daripada Kementerian Sumber Manusia sendiri pun, gaji minimum adalah sebanyak RM900. Akan tetapi dengan jumlah elaun RM400 ini mereka minta supaya pihak kementerian dapat mengkaji semula agar ditambahkan sedikit kerana kita lihat pembantu-pembantu guru ini bukan sahaja diberikan tugas untuk proses penyediaan makanan dan pemberian makanan kepada pelajar-pelajar dan adik-adik kita tetapi mereka juga dilihat membantu guru terutamanya apabila ada program-program di hujung minggu dan juga program-program di peringkat KEMAS sendiri.

Kemudian Tuan Pengerusi pada Butiran 020800 – Latihan. Saya minta supaya pelaksanaan lebih kerap diberikan terutamanya dalam bentuk latihan dan kursus-kursus baru terutamanya kepada guru-guru KEMAS kita. Ini adalah kerana kita lihat hari ini pelajar-pelajar terutamanya adik-adik kita yang masuk ke Tabika KEMAS ini, mereka yang berumur 3,4,hingga 6 tahun ini kebanyakan adik-adik kita ini perlu diberikan pendedahan dan juga pembelajaran dengan konsep yang lebih baru. Jadi saya cadangkan supaya pihak kementerian memberikan tambahan latihan dan kursus-kursus baru terutamanya kepada tenaga-tenaga pengajar di peringkat KEMAS ini.

**■1200**

Kemudian yang lebih penting juga Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan Butiran 020600 iaitu berkaitan dengan kokurikulum. Saya ingin mencadangkan supaya Tabika KEMAS ini dilihat semula dari segi kokurikulum dan juga proses pengajaran mereka kerana hari ini dilihat lebih ramai ibu bapa yang telah menghantar anak-anak mereka ke Tabika KEMAS ini meminta supaya pihak kementerian menambah baik lagi kokurikulum dan juga proses pembelajaran ini supaya Tabika KEMAS dilihat lebih relevan dalam memberikan pembelajaran kepada anak-anak kita, terutamanya di peringkat prasekolah.

Kemudian untuk Program Khusus iaitu Butiran 100000. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana memberikan penambahan kepada Butiran 100600 - Bantuan Makanan, kepada pelajar-pelajar Tabika KEMAS ini kerana kita lihat sebelum ini daripada RM1.50 satu hari dinaikkan kepada RM2. Jadi jumlah ini juga adalah saya lihat amat baik, dan

saya harap pihak kementerian kalau dapat menambah mungkin kepada RM2.50 satu kepala, itu pun sudah cukup baik demi kebaikan pelajar-pelajar di Tabika KEMAS ini.

Kemudian...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Sepang, silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada rakan saya daripada Sekijang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sekijang, setuju atau tidak berkaitan dengan institusi prasekolah ini, kita tahu bahawa dalam negara kita ini bukan sahaja KEMAS yang menyediakan prasekolah ,tetapi juga terdapat banyak lagi institusi prasekolah yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Setuju atau tidak dengan saya dari segi memberi bantuan ini bahawa kita seharusnya mengamalkan sedikit liberalisasi. Maknanya mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan prasekolah ini juga seharusnya dibantu sebab kita rasa apabila mereka menyediakan prasekolah itu, hakikatnya mereka juga membantu kerajaan dari segi mendedahkan atau memberikan pendidikan prasekolah kepada masyarakat di negara kita ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Sekijang bersetuju dengan saya bahawa bantuan prasekolah ini bukan sahaja dihadkan kepada KEMAS tetapi juga kepada institusi lain seperti PASTI atau mana-mana pun. Itu yang pertama.

Keduanya, kalau berkaitan dengan prasekolah ini, sebab depan rumah saya ini betul-betul Tabika KEMAS. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Sekijang, adakah Yang Berhormat Sekijang sedar bahawa saya difahamkan oleh guru Tabika KEMAS ini, pelajar yang lima tahun ini dia tidak ajar langsung. Dia betul-betul ajar menyanyi dan main sahaja. Jadi adakah ini yang dimaksudkan kita perlu ada perubahan? Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang. Saya hendak respons yang berkaitan dengan KEMAS tadi itu. Sebenarnya pada pandangan sayalah semasa kebetulan merasmikan program KEMAS baru-baru ini di dalam kawasan saya, saya ada juga bertanya oleh kerana ada beberapa orang ibu bapa yang berjumpa dan meminta pandangan. Agaknya kenapa KEMAS seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi lebih pengajaran dalam bentuk nyanyian, permainan dan sebagainya. Apabila saya merujuk kepada pihak KEMAS sendiri, sebenarnya bukanlah keseluruhan masa yang diperuntukkan untuk pelajar-pelajar ini dalam bentuk bermain dan juga menyanyi seperti yang kita dengar keluhan dari ibu dan bapa mereka ini tetapi sebenarnya masih ada lagi *syllabus* dan juga kokurikulum yang diajar kepada anak-anak kita ini terutamanya hal yang berkaitan dengan agama dan juga proses pengajian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, anak saya sendiri pun kebetulan saya hantar ke Tabika KEMAS. Dalam umur lima tahun itu mereka telah diajar juga program berkaitan dengan mengaji, berkaitan dengan pembelajaran asas, berkaitan dengan bacaan dan sebagainya. Kita lihat peningkatan mereka pada hari ini memang agak baik.

Cuma Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada topik yang lain...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bantuan kepada tabika lain selain KEMAS.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang itu saya minta pihak kementerian untuk menjawab. Boleh Yang Berhormat Sepang ya? Kalau tidak kena jadi Menteri [Ketawa]

Saya hendak beralih kepada peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan dan juga lampu di peringkat kampung. Saya hendak ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberikan perhatian- peningkatan sebanyak RM5 juta untuk penyelenggaraan jalan-jalan dan lampu di kampung ini kerana di kawasan saya sendiri inilah yang menjadi permasalahannya kerana setiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah, ketua-ketua kampung dan juga penghulu-penghulu memberikan saranan supaya jalan-jalan ini terutamanya jalan-jalan kampung yang tidaklah berapa lebar- selebar lebih kurang dalam dua meter dan sebagainya ini diselenggarakan dengan baik, dan juga lampu-lampu jalan ini supaya dapat ditambah dan juga dibaikpulih jika berlaku sebarang kerosakan.

Jadi terima kasih kepada pihak kerajaan, dan saya harap pihak kementerian serius dalam memastikan penyelenggaraan jalan dan juga lampu kampung ini dapat dilaksanakan.

Begitu juga dengan Butiran 02300 iaitu jalan-jalan luar bandar juga dipertingkatkan sebanyak RM205 juta oleh sebab di kawasan saya juga dilihat banyak kawasan kampung yang memerlukan penurapan semula jalan, pelebaran dan sebagainya. Saya harap peruntukkan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak kementerian sebaik mungkin bagi memastikan jalan-jalan di luar bandar ini dapat dinaiktarafkan.

Cuma Tuan Pengerusi, saya musykil dengan pengurangan sebanyak RM20 juta untuk pemasangan baru lampu-lampu jalan kampung. Saya harap Butiran 01707 ini dapat dikaji semula kerana saya lihat permintaan daripada kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di kawasan kampung untuk lampu-lampu jalan ini memang agak banyak kebelakangan ini. Oleh kerana kita lihat kejadian-kejadian jenayah, kejadian-kejadian yang tidak diingini kerap berlaku terutamanya di kawasan-kawasan terpencil dan di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi apabila permohonan lampu-lampu jalan ini terutamanya lampu-lampu baru ini, saya harap pihak kementerian dapat meneliti semula agar pengurangan sebanyak RM20 juta ini dapat dikaji, dan kalau boleh janganlah dikurangkan. Kalau boleh biarlah ia ditambah agar peruntukan berkaitan dengan lampu-lampu jalan ini dapat diberikan kepada permohonan-permohonan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Kemudian..

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya, Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Berkenaan dengan lampu jalan kampung tadi. Yang Berhormat Sekijang menyatakan bahawa kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk lampu jalan kampung. Sedarkan Ahli Yang Berhormat bahawa lampu-lampu jalan kampung yang telah dipasang di setiap kampung telah mengalami kerosakan. Jadi ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan kepada lampu-lampu jalan kampung yang saya kira ada yang telah sekian lama tidak pernah

dibaiki, dan ada kalanya ada pihak-pihak tertentu tidak tahu di mana hendak merujuk soal-soal pemberian. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sekijang, lampu jalan kampung saya harap Yang Berhormat akan panjangkan cerita ini kepada pihak yang berkenaan. Ia menjadi masalah Tuan Pengerusi. Dipasang oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah- peruntukan daripada kementerian tetapi siapa yang membayar bilnya pula? Timbul isu itu.

Jadi akhirnya lampu ini tidak menjadi-jadi Tuan Pengerusi. Jadi peruntukan itu pergi ke mana? Kalau hendak memudahkan orang kampung, kena cari jalan penyelesaian. Jangan terjadi macam cuba mencari penyelesaian atau *solution* untuk Kementerian Pelajaran tetapi akhirnya di luar bandar tidak ada *broadband*, tidak ada *internet*, dipasang pula sistem ‘PBS’. Datuk Pairin marah sebab PBS itu parti dia.

#### ■1210

Jadi saya minta Yang Berhormat kemukakan kepada kementerian ini sebab saya tiada masa untuk berhujah Tuan Pengerusi, saya tumpang dengan Yang Berhormat Sekijang supaya kalau hendak memberi orang kampung kemudahan, berilah baik-baik. Bincang macam mana *maintenance* dia, bincang macam mana hendak menyelesaikan pembayaran bil dia, sebab JKK kata kami tidak ada peruntukan. Jadi ada lampu kena potong sebab bil tidak bayar.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* macam mana RM2 juta...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa RM2 juta? Inilah masalah Yang Berhormat Pokok Sena Tuan Pengerusi. Dia punya maklumat tidak tepat, nanti kalah Naib Presiden.

*[Ketawa]*

Saya sudah doa mudah-mudahan menang.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** MP ada peruntukan Tuan Pengerusi, tiba-tiba mari duk jerit di sini apa cerita?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat Pokok Sena sudah tidak tahu peraturan...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Negara ini sudah lama merdeka, lampu jalan pun tidak ada. Apa punya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pokok Sena ini bukan *floor* saya, ini *floor* Yang Berhormat Sekijang. Saya tumpang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Negara merdeka sudah 50 tahun lebih masih ada Ahli Parlimen bercakap soal lampu tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak ada duit.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Malu.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, cerita ini cerita di luar bukan di dalam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini cerita luar, duduk, duduk.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak bagi tahu, saya malulah, Ahli Parlimen terpaksa bercakap mengenai 50 tahun lebih merdeka.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak apa, tidak apa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kasihan orang kampung tidak ada lampu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kempen, kempen.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ingat Yang Berhormat Kinabatangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tujukan kepada Yang Berhormat Sekijang. Dia pula berebut saya punya peluang Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan, kalau pun menumpang dengan Yang Berhormat Sekijang, jangan benda yang ditumpang itu lebih panjang daripada Yang Berhormat Sekijang. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima Kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pokok Sena tumpang lalu mana boleh? Dia ambil *timeline* saya. Jadi oleh kerana itu saya minta Yang Berhormat Sekijang supaya mengetengahkan kepada kementerian kalau hendak memberi orang kampung kemudahan, fikir baik-baik jalan penyelesaian. *Maintenance* dia macam mana, bil dia siapa bayar. Ini kita bagi lampu, jalan kampung, JKK pening kepala. Dia jumpa wakil rakyat. Kalau 100 kampung wakil rakyat bankrap Tuan Pengerusi. Terima Kasih Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Sekijang, boleh saya masuk sedikit? Terima Kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya tertarik dengan Yang Berhormat Kinabatangan tentang lampu awam ini. Lampu kampung ini memang baik untuk masyarakat. Akan tetapi saya dapati bahawa apa yang ada masalah di Sarawak, mungkin tidak ada masalah di Semenanjung kerana kalau Yang Berhormat Sekijang bersetuju dengan saya bahawa lampu-lampu di kampung Semenanjung ini dibaiki oleh Tenaga Nasional. Jadi dengan hanya telefon 15454, Tenaga Nasional akan datang untuk membaiki dan bil pula akan dikumpul oleh Tenaga Nasional dan dihantar di Kementerian Luar Bandar. Saya tidak tahu bagaimana keadaan ini berlaku di Sarawak. Kemungkinan ada sedikit perbezaan di situ.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Langkawi. Sebenarnya saya membangkitkan berkaitan dengan lampu jalan kampung ini Yang Berhormat Pokok Sena bukanlah kata kita di peringkat kerajaan ini tidak mampu hendak bantu dan sebagainya. Tidak. Cuma saya melihat kerana di dalam peruntukan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini ada

disebutkan tentang penambahan untuk lampu jalan terutamanya di kawasan-kawasan kampung dan sebagainya.

Sebab itu saya bangkitkan supaya saya lihat seperti di kawasan-kawasan di negeri Sabah dan juga Sarawak yang saya pasti, kawasan-kawasan luar bandar ini peruntukan-peruntukan lampu kampung ini memang amat diperlukan oleh kerana seperti yang saya sebutkan tadi faktor-faktor yang berkaitan dengan kejadian-kejadian jenayah seperti rompakan dan sebagainya kerap sangat berlaku di kawasan-kawasan luar bandar oleh kerana mungkin bukanlah kerana masalah tidak ada lampu jalan, lampu kampung dan sebagainya. Akan tetapi mungkin dengan adanya kemudahan ini ia akan dapat memberikan peluang. Sebagai contoh kalau contoh ada SRS dan sebagainya KRT dan sebagainya mereka boleh menggunakan kedudukan lampu jalan yang ada ini untuk membantu proses berkaitan dengan mengurangkan kadar jenayah.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Sekijang, tambah sedikit. Di 100800 - Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung, RM44 juta. Jadi saya rasa yang itu dapat menyelesaikan masalah di Sarawak.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima Kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya hendak beralih Tuan Pengerusi kepada Kepala 040000 iaitu RISDA. Tuan Pengerusi, saya dapat makluman bahawa isu tabung tanam semula getah yang kita tahu telah dipraktikkan lama dan disimpan lama di dalam RISDA. Ada permasalahan berkaitan dengan pembayaran tuntutan terutama kepada peneroka-peneroka FELDA, yang bertukar daripada penanaman getah kepada penanaman kelapa sawit. Mereka minta jasa baik terutamanya daripada RISDA supaya dapat mengeluarkan tabung tanam semula tersebut.

Mungkin jumlahnya tidak banyak dalam 15-17 ribu seorang peneroka tetapi jumlah ini tidak dapat hendak dikeluarkan oleh kerana alasan daripada pihak RISDA ialah apabila mereka menanam getah pada asalnya tetapi apabila beralih kepada tanaman kelapa sawit jumlah tabungan ini tidak dapat hendak dikeluarkan. Jadi saya minta pihak kementerian supaya dapat mengkaji semula tentang perkara ini dan bagaimana dapat dibantu mereka ini agar duit tabung tanam semula ini dapat diberikan kepada mereka. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, Terima Kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

#### **12.16 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dalam bandar mana ada jalan kampung.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** 060100 Pihak Berkua Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa RISDA sekarang dalam proses untuk meningkatkan lagi dan bertambah penanaman pokok getah. Akan tetapi kalau kita tengok proses di mana RISDA menolong proses ini, saya hendak tahu adakah ini satu polisi yang betul memandangkan ia perlukan *labor intensive* dan kebanyakan dimana tanaman getah dibuat

ramai di antaranya pekerja asing dan dasar kerajaan sekarang adalah untuk mengurangkan kita bergantung kepada pekerja asing.

Maka, adakah kita perlu lagi untuk memberi bantuan sedemikian untuk meningkatkan lagi penanaman pokok-pokok getah di negara ini. Dalam proses ini Tuan Pengerusi, saya hendak tahu bila permohonan untuk menanam getah dibuat? Saya difahamkan satu di antara syaratnya adalah bahawa geran tanah tersebut perlu ditulis di sana penanaman getah boleh dibuat.

Akan tetapi apabila permohonan dibuat kepada RISDA ia ditolak. Atas alasan bahawa kaau itu adalah kali pertama permohonan dibuat, kali pertama penanaman diperlukan ia tidak dibenarkan oleh RISDA. Apakah rasionalnya? Kenapa bantuan RISDA tidak dibuat walhal permohonan untuk *secondary issue* dimana penanaman sebelum itu telah dibuat dan dibersihkan tempat tersebut untuk menanam balik pokok getah ia dibenarkan.

Apa rasional ini walaupun geran tanah menunjukkan bahawa penanaman itu boleh dibuat? Saya juga ingin tahu berapakah luas tanah di mana di seluruh negara lebih-lebih pekebun-pekebun kecil di mana berapakah ekar yang ditanam dengan getah di seluruh negara ini dan kalau tengok *long term* getah adakah ia masa hadapan yang cerah memandangkan harga getah sangat ... dan harga dia teruk sehingga RM1.50 RM2 sekilo dan apakah untuk menolong penoreh-penoreh getah dan saya tahu bahawa ada ramai di antara pelanggan yang jumpa saya mengatakan bawah pada musim hujan ini hujan selama 20 hari dalam sebulan. Mereka hanya boleh bekerja 10 hari dan apakah pertolongan yang dibuat oleh badan tersebut.

Lagi satu perkara Tuan Pengerusi adalah mengenai orang asal. Nombor satu walaupun kita menggunakan perkataan orang asal, tetapi dalam buku senarai Bajet lagi menggunakan perkataan Orang Asli.

#### ■1220

Saya harap satu pembetulan dibuat. Hari ini hari bersejarah di mana orang-orang Penan di Sarawak akan datang lebih kurang masa ini di mana mereka membawa harapan agar Parlimen dan juga semua orang di sini mengambil tahu perkara mereka di mana satu empangan akan dibuat di Muram, '*Murum' Dam*.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebut nama betul, sebut nama '*Murum' Dam*. Itu kawasan saya Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak apa, Yang Berhormat sudah lupa hendak bercakap mengenai hal tersebut. Jadi saya di bandar lebih tahu. Saya mengambil inisiatif mungkin Yang Berhormat..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Prihatin? Saya prihatin. Ini ada satu masalah yang serius di mana saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, semalam pada 7 hari bulan lebih kurang 15 orang telah ditangkap oleh polis. Mereka memberi protes di sana dan kita perlu tahu *long term planning*. Adakah empangan ini perlu dan mengapa kita perlu mengetepikan orang-orang yang telah tinggal di sana untuk beratus-ratus tahun dan tidak ada perbincangan, tidak ada inisiatif untuk

memberitahu apakah masalah sebenar mereka. Ini adalah *short term games* yang kita lupa bahawa mereka perlu perhatian yang lebih.

Hari ini mereka datang supaya membangkit dan memberitahu supaya perhatian diberi kepada mereka supaya tindak laku kerajaan negeri, tindak laku yang dibuat oleh kerajaan persekutuan adalah tidak patut. Untuk orang-orang Penan mereka juga adalah warganegara kita, perlu perhatian, perlu pertolongan dan dasar kerajaan perlu dikaji balik supaya jangan kita menghalau mereka untuk mereka duduk di tempat kampung mereka. Cari makan di tempat biasa mereka.

Kita juga menjadi ahli *on Convention Indigenous People* dan kita telah menandatangani tersebut. Akan tetapi walaupun konvensyen itu ditandatangani oleh kerajaan, tetapi terma-termanya tidak diimplementasikan oleh kerajaan. Nampaknya apa yang kita cakap, apa yang kita cakap di luar negara, di forum-forum luar negara tetapi diguna pakai di negara ini. Ini adalah satu perkara yang perlu kita ingat.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai orang asal ini di mana rumah-rumah dibina di merata-rata tempat untuk mereka di perkampungan. Satu di antaranya adalah di Chenderiang, Perak. Tiga tahun dahulu saya telah bangkitkan perkara tersebut di mana rumah itu telah dibina selama lebih dari tiga tahun tetapi wayar-wayar ada di rumah tersebut, paip-paip ada tetapi paip air tidak ada dan TNB tidak menyambung elektrik kepada rumah-rumah tersebut. Ini bukan satu yang luar biasa. Saya difahamkan banyak tempat-tempat di mana Orang Asli tinggal, ini keadaan yang sama. Mereka dipinggirkan, tidak ada inisiatif oleh kementerian, walaupun kementerian tahu mengenai perkara tersebut.

Di Gopeng, Tuan Pengerusi, pedalaman lebih kurang 20 kilometer dari Gopeng di mana ada sebuah sistem solar yang telah dibuat dan telah diimplementasikan lebih 15 tahun, sepuluh tahun tetapi semua tidak berfungsi, semua tidak berfungsi. Saya difahamkan bahawa sekarang kerajaan ada satu inisiatif yang baru iaitu membawa tidak tahu sistem yang baru. Kesemua ini nampaknya adalah untuk menguntungkan beberapa kontraktor-kontraktor yang ada senario yang baru atas alasan mahu menolong Orang Asli tetapi pada akhir sekali mereka tidak mendapat manfaat yang tertentu.

Akhir sekali saya hendak tahu adakah kerajaan ini serius kepada Orang Asal. Kalau kita tengok Jabatan Orang Asli di negara ini berapa peratusan Orang Asal yang betul-betul bekerja di *department* tersebut. Walaupun perkara ini ada dibangkitkan di Parlimen beberapa kali Tuan Pengerusi tetapi tidak ada. Kita perlu ada satu inisiatif yang baru. Juga saya berpendapat kerajaan juga perlu memberi pertolongan yang sedikit luar biasa kepada Orang Asal kerana mereka betul-betul di pinggir jauh dari pekan-pekan di mana mereka tidak dapat menyesuaikan diri seperti kita. Mereka perlu pertolongan.

Anak-anak mereka, kalau kita pergi ke sekolah-sekolah mereka Orang Asal mungkin banyak orang hairan, walaupun banyak sekolah-sekolah dibina tetapi mereka tidak tahu apakah mustahaknya untuk menghantar anak-anak Orang Asal untuk belajar. Setakat ini kalau kita tengok arena profesionalisme dalam jurusan profesionalisme peguam, doktor, arkitek dan sebagainya.

Nampak sangat-sangat kurang Orang-orang Asal yang pergi ke universiti untuk mempelajari kursus-kursus tersebut.

Maka saya pohon agar satu inisiatif yang baru dibuat oleh kementerian untuk mencari jalan satu usaha yang baru supaya Orang-orang Asal yang telah dipinggirkan yang tidak dapat manfaat-manfaat tertentu, walaupun ada dasar-dasar kerajaan untuk menolong mereka tetapi tidak sebetulnya. Kalau kita tengok satu di antara- baru-baru ini, Tuan Pengerusi dua bulan dahulu Orang Asal datang dari seluruh negara ke Parlimen untuk memberitahu masalah mereka.

Kalau kita dengar masalah mereka Tuan Pengerusi, itu menghairankan kita. Orang Asal dia punya tanah pada pandangan saya dan banyak peguam-peguam negara semua tanah di negara ini adalah kepunyaan Orang Asal tetapi kita membuat undang-undang mengatakan berapa hak dia. *Catchment area* dia di mana air mengalir, di mana kerap kali pokok-pokok ditebang, *logging concession* diberi tempat tersebut. Ini semua diketahui. Apa tindakan yang boleh diambil oleh kementerian untuk supaya Orang Asal ini dapat tidak di tempat-tempat di mana air mengalir, *catchment area* tidak diusik.

Yang mustahak Tuan Pengerusi, bila mereka datang mereka kata tanah rakyat tanah diambil dari mereka. Di usaha-usaha dan dibuat tetapi tanah itu semua diberi kepada bukan Orang Asal tetapi diberi kepada kontraktor-kontraktor, kroni-kroni, Ahli Parlimen-Ahli Parliment, kroni-kroni ahli politik. Jadi perkara ini sangat menyusahkan kerana pada dasarnya untuk menolong Orang Asal tetapi bila proses itu datang, proses itu berjalan ribu-ribu hektar diambil, tanah-tanah tetapi pada akhirnya dia tidak diberi atau tanah itu tidak di usaha untuk Orang Asal tetapi untuk kroni-kroni dan pengusaha-pengusaha yang buat sedemikian [*Dewan riuh*]

Jadi ini adalah benar, realiti. Jadi kita perlu mengaku, mengaku *historic different*. Kita perlu tahu bahawa satu kesilapan yang tragik telah kita buat terhadap Orang Asal. Kita perlu polisi, kita perlu tindakan ikhlas untuk menolong mereka dan satu di antara prosesnya nombor satu kita perlu meminta maaf kepada Orang Asal...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Ipoh Barat. Boleh mencelah?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Cari jalan untuk mengatasi masalah tersebut.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh? Ini kawan baik. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini sahabat saya dari Ipoh Barat ini memang sungguh prihatin dengan Orang Asal ya. Saya pun Orang Asal juga Yang Berhormat. Jadi saya mahu tahu oleh kerana Yang Berhormat menyentuh, Yang Berhormat Pokok Sena pun tidak tahu dia Orang Asal atau dari Pokok Sena kah? Tidak tahu lah. Saya ini tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat soal Orang Asal ini *origin people*.

Jadi masalah tanah kepunyaan Orang Asal ini termasuk Orang Asli ini, saya mahu tanya Yang Berhormat, kroni-kroni siapa yang membuka tanah-tanah asal ini yang saya tahu belum tahu lagi. Yang Berhormat ini berinformasi yang begitu mendalam. Kalau tidak saya pun marah juga kalau ada kroni-kroni. Saya tidak tahu lah kroni daripada mana. Mungkin kroni daripada Kerajaan Negeri Kelantan kah, kerajaan Penang kah, kerajaan Selangor kah, siapa kroni-kroni ini? Saya

mahu tahu. Kalau tidak Yang Berhormat Ipoh Barat ini Sabah ini spesies siapa tanah-tanah Orang Asal di Sabah ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Termasuk- faham-faham...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Siapa yang pakai?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Nombor satu saya Orang Asal Malaysia, okey nombor satu. Nombor dua, kroni-kroni itu semua tahulah. Bukan sahaja satu kerajaan negeri, banyak kerajaan negeri. Negeri Perak pun sama juga. Inilah yang kita muhi atasi yang *fundamental problemnya* ialah *root cause* kita ada masalah. Kita mesti mengakui. *They don't have the same bargaining power.* Tidak ada *bargaining power*. Dia tidak ada *bargaining power*. Kita perlu menolong mereka. Itu patut...

■1230

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, laluan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat, saya cuma hendak mengingatkan sedikit ataupun penjelasan mengenai kes orang-orang Penan ini yang mana satu ketika, malahan gadis-gadis Penan telah dirogol oleh pembalak-pembalak yang telah masuk ke kawasan itu. Sampai sekarang ini nasib gadis-gadis yang telah dirogol masih belum lagi...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, butiran apa ini, kes rogol ini?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Pencelahan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat ya. Jadi apakah status itu masih lagi belum lagi diselesaikan dan gadis-gadis ini masih lagi terbiar begitu dan pembalak-pembalak itu masih lagi bermaharajalela? So, bagaimanakah kementerian ini harus menangani masalah ini? Mereka seolah-olah, walaupun perogol-perogol ataupun penjenayah telah kita kemukakan tetapi masih belum ada tindakan terhadap mereka. Jadi ini satu penindasan yang sangat-sangat berat kepada gadis-gadis Penan yang hendak pergi ke sekolah, yang hendak belajar, berhenti tengah jalan menumpang lori-lori balak untuk ke sekolah tetapi berhenti di tengah jalan dirogol oleh pemandu-pemandu lori-lori balak ini. Itu dia Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Sebenarnya ramai di antara Ahli Parlimen mengetahui fakta-fakta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang. Bukan perkara yang baru, lebih tiga tahun dahulu perkara ini was *wild in the internet*. Kita sangat susah hendak percaya tetapi bila beberapa NGO bukan dari Malaysia sahaja, di luar negara pun pergi *on the ground*, nampaknya apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Ampang itu benar.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, kesannya sehingga kini tidak ada *guarantee* bahawa apa yang telah berlaku dahulu dan apa yang telah berlaku sekarang tidak lagi diabaikan. Rogol dan hal-hal lain yang berkaitan dengan terhadap anak-anak dan wanita di sana masih berlaku. Itulah yang kita rasa sangat dukacita. Kita perlukan inisiatif dan tindakan oleh kementerian. Bolehkah kementerian memberi pengesahan bahawa mereka tahu atau tahu tetapi tidak muhi tahu, atau

tidak mahu tahu tetapi ingin tidak mengetahui perkara ini walhal seluruh dunia mengetahui perkara ini.

Penan, kita tahu dari dulu sampai sekarang salah satu di antara komuniti yang betul-betul terpinggir dan kalau mereka datang ke Parlimen hari ini, menunjukkan betapa serius perkara tersebut. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Ampang yang mengingatkan saya isu ini dan saya rasa sedih bahawa sehingga ini walaupun sudah berapa tahun perkara itu berlaku – dan perkara yang *primary* itu adalah pembalak-pembalak yang membuat hal tersebut. Ini adalah kenyataan yang betul, kenapa tindakan tidak diambil? Kenapa kementerian – apa usaha yang dibuat oleh kementerian? Bolehkah ia diberikan dengan terperinci tindakan susulan yang telah diambil untuk mengatasi mereka? Kalau sedemikian, kenapa hari ini orang-orang Penan perlu datang ke Parlimen? Ambil satu *flight* dari Sarawak datang ke sini bukan senang, Tuan Pengerusi. Maka saya harap kementerian mengambil perhatian, mencari jalan untuk mengatasi masalah itu dan masalah-masalah yang lain ini yang saya bangkitkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lenggong.

#### **12.34 tgh.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berucap di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2014.

Saya merujuk B.22 Butiran 010000 dan perkara-perkara yang berkaitan. Kita tahu bahawa agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini begitu banyak dan kementerian ini begitu besar dan ia penting dalam soal untuk pembangunan khususnya di kawasan luar bandar dengan adanya pelbagai agensi termasuk FELCRA, MARA dan sebagainya. Oleh itu, yang penting bagi kita ialah dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan biar ia benar-benar menepati sasaran dan cepat dan sebagainya. Saya tahu bahawa ketika ini kementerian ada Jabatan Pembangunan Luar Bandar di peringkat negeri.

Saya ingin cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya diwujudkan Jabatan Pembangunan Luar Bandar di peringkat daerah supaya dapat menyelaraskan pelbagai agensi di bawah kementerian ini untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan dan sudah tentu sebagai pemimpin dan wakil rakyat di kawasan berkenaan boleh dapat memantau secara terperinci bagi membantu pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah. Walaupun saya tahu bahawa kebanyakan projek ada yang diserahkan kepada Pejabat Daerah sebagai agensi pelaksana ataupun di peringkat JKR tetapi saya fikir lebih berkesan jika dilaksanakan sendiri oleh agensi di bawah kementerian sebagai agensi pelaksana supaya tidak berlaku pertindihan.

Saya mengalami beberapa keadaan yang mana misalnya diperuntukkan oleh kementerian untuk membina jalan misalnya, apabila kita turun ke bawah membuat pengumuman bahawa peruntukan telah pun diluluskan tetapi dilaksanakan oleh agensi lain, misalnya JKR, daripada kelulusan RM100,000 tiba-tiba dilaksanakan oleh JKR ialah RM60,000 sahaja. RM40,000 telah dialihkan kepada projek lain. Ini menyukarkan kita dan sebab itu saya cadangkan supaya, sudah

ada di peringkat negeri, dimantapkan dan dilebarkan di peringkat daerah. Ataupun, jika mengambil masa yang lama untuk tujuan ini kerana perlu mendapatkan kelulusan daripada perkhidmatan awam dan sebagainya, dilaksanakan sebagaimana oleh Kementerian Kesejahteraan Luar Bandar supaya ada satu majlis yang betul-betul berfungsi untuk kita membantu bagi menyelaraskan program pembangunan. Saya sebut Kementerian Kesejahteraan Luar Bandar, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tunduk, dia bangun gosok-gosok mata. Itu saya harap diberikan tumpuan.

Berikutnya saya rujuk Butiran 020000 – KEMAS. KEMAS satu lagi agensi yang begitu besar peranannya. Ini Yang Berhormat Pokok Sena paling takut kerana berkesan, kerana begitu dekat dengan masyarakat dan sebab itu saya harap supaya beberapa program yang nampaknya dari segi bajetnya agak kurang, diperbanyakkan apatah lagi yang berkaitan dengan program-program pembangunan modal insan. Ada kelas mengaji, ada kelas-kelas program-program dengan kaum ibu, dengan anak muda dan sebagainya perlu diperbanyakkan supaya dengan peruntukan yang banyak ini dapat digunakan untuk memenuhi setiap ruang dalam kehidupan masyarakat di luar bandar. Ini penting kerana dengan adanya program-program ini, saya percaya ia membantu kita menyelesaikan banyak masalah. Misalnya ada bengkel jahitan, ada bengkel-bengkel walaupun sudah ada tetapi mesti diperbanyakkan, diperbaharui dari segi programnya sesuai dengan keadaan perubahan ketika ini supaya kegiatan-kegiatan ini dapat ditingkatkan termasuklah latihan dan sebagainya.

Saya ingin merujuk Butiran 060000 – RISDA termasuk Butiran 02404. Ini satu lagi agensi besar yang berada di bawah kementerian iaitu RISDA. Peranan yang dimainkan oleh RISDA begitu hebat sekali, saya ucapkan tahniah, dan saya fikir kita berpeluang untuk menambah nilai apa yang telah pun kita lakukan ketika ini terutama sekali dalam memastikan berlaku peningkatan taraf hidup dan juga pendapatan masyarakat luar bandar terutama sekali pekebun-pekebun kecil getah. Akan tetapi saya harap usaha-usaha yang gigih dilakukan kerana pada hari ini harga getah turun dan ia juga membebankan walaupun kita tahu ia dipengaruhi oleh pasaran dunia.

Saya hendak merujuk berkaitan dengan projek Lonjakan mega ini. Di kawasan saya Yang Berhormat Pokok Sena, kita ada projek besar, Lonjakan Mega. Ini sebagai sumbangan kerana orang Lenggong bagi sumbangan besar kepada Kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab itu saya harap Projek Lonjakan Mega Agopolitan Ganda ini diberikan tumpuan kerana saya tahu, saya tidak mahu sebut apa masalahnya, tetapi dalam pengetahuan kementerian, selesaikanlah masalah-masalah berkaitan dengan perkara-perkara terutama sekali berkaitan dengan projek-projek tanaman yang nampaknya ada yang menjadi, ada yang tidak menjadi tapi mungkin disebabkan oleh musuh tanaman dan sebagainya.

#### ■1240

Minta dipercepatkan kalau kita tertangguh untuk melantik peserta-peserta ketika ini kerana sepatutnya perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan ini telah pun selesai nampaknya ada berlaku kelewatan dan saya harap Projek Lanjutan Mega Agopolitan Ganda ini diberikan perhatian oleh pihak kementerian dan agensi yang berkaitan.

MARA. Ini satu lagi agensi yang cukup besar. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang tidak putus-putus dan sekali lagi memberikan tumpuan kepada MARA, agensi yang cukup penting untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat bumiputera, orang Melayu dan masyarakat di seluruh negara. Oleh kerana itu saya mohon supaya diperbanyakkan lagi premis-premis perniagaan supaya membolehkan masyarakat luar bandar khususnya dan peniaga-peniaga kecil dapat mempunyai premis bagi melaksanakan perniagaan mereka.

Untuk itu saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, oleh sebab di kawasan saya, kawasan pertubuhan baru dekat dengan Bukit Nasah dan juga ada Maktab Rendah Sains MARA Gerik. Namanya Gerik tapi dalam kawasan Parlimen saya untuk merancang bagi membolehkan diwujudkan gerai MARA di situ. Oleh sebab kita ada MRSM, kita ada kolej komuniti, dan ada beberapa lagi perancangan pembangunan termasuk penempatan di situ.

Sudah tentu saya harap MARA mempunyai perancangan untuk mewujudkan gerai MARA di tempat berkenaan. Kalau tidak pelajar-pelajar MARA sendiri terpaksa pergi ke Gerik, ke Kuala Kangsar yang jauh hanya untuk kerja-kerja kecil termasuk untuk fotostat dan sebagainya. Saya harap ini diberikan perhatian.

Selain daripada itu juga, saya minta ini, yang ini saya harap yang benar-benar diberikan tumpuan. Projek yang dilaksanakan pecah tanahnya ini pada tahun 2004, sewaktu Yang Berhormat Padang Rengas menjadi Menteri Pembangunan Usahawan. Sehingga hari ini projek berkenaan iaitu Kolej Poly-Tech MARA dekat Tasik Raban itu hari ini tidak boleh lagi beroperasi sehingga kini. Saya tahu ia berpunca juga daripada masalah kontraktor, projek besar, nilainya lebih daripada seratus juta ringgit, tidak boleh lagi beroperasi, sudah janji tahun lepas, tahun dulu, sebelum ini, tidak melaksanakan lagi.

Jadi saya harap kalau sudah berlaku kelewatan saya minta supaya MARA fikir ambil dulu pelajar tetapi tempatkan dulu di mana-mana IKBN sehingga selesai siap Poly-Tech MARA di Lenggong itu, maka pindahkan pelajar berkenaan. Saya ingat ini sebahagian daripada amalan yang biasa di buat oleh MARA. Saya minta dijawab dalam Dewan yang mulia ini kenapa berlaku kelewatan. Ini saya tahu, saya sudah pergi melawat, saya tahu apa masalah, saya cuma hendak dengar apa yang kementerian dapat bagi jawapan dalam Dewan ini. Saya minta sungguh-sungguh supaya kementerian beri perhatian kepada projek ini telah mula pada tahun 2004 hingga sekarang tidak siap-siap, cukup lama.

Saya minta satu lagi ialah kursus yang ditawarkan di sini tidak hanya terhad dalam satu bidang saja tapi di luaskan termasuk industri pelancongan, hotel dan sebagainya minta diwujudkan di kolej ini.

Satu lagi ialah JAKOA, Butiran 01000, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian kerana di kawasan saya terdapat beberapa kawasan penempatan masyarakat Orang Asli ini. Saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana banyak membantu dan membuat perubahan kepada pembangunan masyarakat Orang Asli. Akan tetapi saya yakin dengan peruntukan yang diberikan ini berpeluang untuk kita tingkatkan lagi.

Terutama sekali saya minta perhatian kali ini, ini kawasan yang dekat dengan projek lanjutan mega tadi, penempatan Orang Asli RPS Dala itu. Kemudahan jalan masuk, dua hari sudah kita telah pun masukkan *Celcom* untuk meningkatkan kemudahan telekomunikasi tetapi jalan masuk ke kawasan berkenaan daripada luar ke dalam memang begitu daif dan teruk sekali. Saya harap ini diberikan perhatian termasuk yang ke bawah duli Tuanku Sultan Perak telah pun pergi ke kawasan ini dan melakukan perasmian projek bekalan elektrik.

Akan tetapi Orang Asli cakap dekat saya, “*Dato’ kadang-kadang TV ada, peti ais ada tapi letak baju saja sebab elektrik kadang-kadang tidak berfungsi.*” Saya harap ini diberikan perhatian. Ini serius, sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab tidak macam Yang Berhormat Pokok Sena, bercakap saja tapi tidak buat kerja. Kita minta kementerian berikan perhatian supaya mengatasi masalah. Oleh sebab saya tahu di Pokok Sena ini ramai orang daif, dia tidak pernah jumpa pun, dia ceramah dalam Dewan ini saja.

Jadi minta beri perhatian projek bekalan air dan juga...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Minta laluan dulu. Saya tidak bagi. Duduk dulu.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tempat bersejarah dulu-dulu takkan ketinggalan macam itu, 50 tahun merdeka, tempat bersejarah itu.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini di kawasan berhampiran Gerik tidak termasuk. Oleh sebab itu..

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Selangor...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Orang UMNO punya tempat macam itu, eh teruk itu.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dulu. Laluan sudah tidak dibagi, bercakap tidak ada maklumat. Ini masalah hendak kempen biarlah elok-elok, nanti hilang undi lagi teruk ini. Yang Berhormat jadi saya minta dua perkara ini bekalan elektrik dan juga air yang telah pun diberi peruntukan tetapi tidak dapat berfungsi dengan begitu sempurna. Saya harap ini diberi perhatian kerana air kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada [*Dewan riuh*] Ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri bukan di Lenggong, di penempatan Orang Asli, jangan silap faham Yang Berhormat Pokok Sena.

Jadi minta perhatian. Satu lagi Yang Berhormat...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagus lah itu. Maknanya negeri perintah Barisan Nasional ‘A’ tidak ada. Orang Gerik panggil ‘A’, air itu. ‘A’ tidak ada lagi, jadi..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena minum sekejap di luar.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Ketawa*]

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha itu lah.

**Tuan Pengerusi:** Sehingga Yang Berhormat Lenggong habis berucap.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat betul lah Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Ketawa] Saya kesian tengok seorang MP Barisan Nasional ini mari bercakap soal air tidak ada lagi, elektrik tidak ada, lampu jalan tidak ada.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Duduk la Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa ini? Bawa lah mai..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya asyik ingatkan dia asyik bercakap fasal pelancongan, pelancong banyak tempat. Saya ingat hebat. Rupanya air dengan api pun tidak ada. *Allahuakbar!* [Ketawa]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena tidak usah cakap banyak Yang Berhormat Pokok Sena. Selama 22 tahun PAS memerintah Kelantan, air tidak selesai-selesai lagi Yang Berhormat. Jangan hendak fikir banyak lah. Tengok diri sendiri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** BN 50 tahun, BN 50 tahun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hah, tengok. Bila betul, sudah kelam kabut.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** BN 50 tahun, 50 tahun

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak payah. Selama 22 tahun memerintah Kelantan air tidak selesai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Ketawa] BN 50 tahun elektrik, kerajaan pusat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau setakat ceramah saja tidak boleh selesai masalah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa lah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri jangan layan. Ini orang meroyan, meroyan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini Yang Berhormat Tenggara tolong tengok sekejap. Yang Berhormat Tenggara tolong tengok sekejap, kesian kat dia itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak minta Yang Berhormat supaya projek ini sudah ada bekalan air saya sebut tadi. Memang kementerian bagi peruntukan besar. Apa yang saya maksudkan tadi ialah berlaku kadang-kadang tidak ada air, ia tidak berfungsi dengan baik. Ini boleh dipertingkatkan. Ini yang saya maksud. Oleh sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena itu salah faham. Dia tidak faham. Oleh sebab itu saya minta lah kalau orang PAS dengar dalam siaran ini jangan pilih lah ini pemimpin yang tidak boleh menjadi pemerintah lah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Paip sudah pasang, kepala sudah letak, air tidak ada. Lagu mana ini? [Ketawa].

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** RTS Lubuk Cupak ini satu lagi penempatan Orang Asli. Ini tempat yang juga sudah ada rumah, sudah peningkatan dibuat. Cuma

saya minta supaya jalan masuk juga ditambah nilai, ditambah lagi. Kita sudah ada jalan. Prasarana sudah ada tetapi tambah sedikit lagi termasuklah kemudahan bekalan elektrik ditingkatkan. Ada rumah-rumah lagi yang tidak ada. Satu lagi kita ada penempatan satu lagi ialah Air Papan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong boleh mencelah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita ada penempatan satu lagi ialah Air Papan. Saya sebut ini Yang Berhormat Menteri sebab saya sudah beberapa kali sebut, Air Papan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong, boleh mencelah? Mencelah sikit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Projek RPS Orang Asli Air Papan ini ialah kampung serpihan. Maknanya daripada kampung induk, ia keluar pergi buat petempatan baru. Jadi kawasan ini saya harap diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri kerana bila petempatan baru, banyak kemudahan yang tiada, biasa masyarakat Orang Asli kadang-kadang dia berpindah randah atas alasan-alasan tertentu mengikut adat resam mereka dan ingin penempatan baru. Bila penempatan baru, ia minta diberikan perhatian. Ini saya yakin akan diambil tindakan oleh kementerian supaya kementerian bertanggungjawab tidak seperti kerajaan negeri Kelantan air pun tidak selesai sampai sudah bila-bila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong sikit saja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Asyik sampai begitu. Kalau setakat kita berjanji saja hendak majlis pecah tanah, hendak buat jalan, buat itu, buat ini, buat pun tidak, tidak payah lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri satu lagi FELCRA. FELCRA.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong mencelah sikit boleh?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak ada masa Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit saja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang sekejap, sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Orang Asli, Orang Asli sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak, tidak ada masa, tidak ada masa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, hendak sokong, hendak sokong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Butiran 03100 FELCRA. Saya fikir sudah sampai masanya untuk FELCRA memikirkan hutang pembangunan yang dibuat sewaktu mula-mula pelaksanaan projek FELCRA. Di kawasan saya pun ada dan saya fikir banyak di kawasan lain pun ada. Ini minta kementerian kaji, kalau boleh dihapuskan hutang pembangunan berkenaan. Kalau tidak, dikurangkan atau dicari kaedah yang lain supaya hutang pembangunan ini tidak membebankan peserta. Saya fikir kalau ia berjaya diselesaikan dengan baik, ini satu lagi tindakan kerajaan yang cukup baik sebagai kerajaan yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Menteri, saya fikir itu sahaja yang saya hendak sebut. Saya cuma sebut di sini, saya mengucapkan terima kasih kerana Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberikan peruntukan yang besar, mendapat peruntukan yang besar dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan di peringkat akar umbi, di Lenggong terutamanya kita terdapat banyak nikmat pembangunan. Saya berharap pakej jalan yang telah pun siap daripada Bukit Sapi ke Kampung Luat telah pun siap tetapi sambungan daripada Kampung Luat itu, di Kampung Talong ke Intan Suraya.

Saya ingat fasa ketiga yang masih lagi belum dilaksanakan dan saya tahu ini telah pun ada dalam pengetahuan kementerian, dilaksanakan supaya dengan adanya jalan berkenaan akan lebih mempercepatkan dan memudahkan perhubungan masyarakat di kawasan sekitar ini dan ia dapat membantu untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi. Hakikatnya, pihak kementerian telah pun membantu untuk meningkatkan kemudahan *electricity* dan sebagainya.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Cuma yang saya sebutkan tadi ialah beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan untuk kesejahteraan rakyat sebagai kerajaan yang bertanggungjawab. Tidak seperti Kerajaan PAS di Kelantan dan juga di negeri Selangor, Terima kasih.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Bukit Gantang?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Yang ini dari PAS?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** PAS.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila.

## 12.52 tgh.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian berkenaan dengan Butiran 03200 dalam P.22 iaitu berkenaan dengan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat iaitu program bantuan rumah kepada penduduk luar bandar. Persoalan ini ialah persoalan yang tidak selesai sehingga ke hari ini terutamanya di kawasan luar bandar termasuklah juga di negeri Sabah dan Sarawak. Ini kerana skim ini terbahagi kepada dua, satunya ialah pembinaan rumah baru dan yang keduanya ialah baik pulih rumah yang sedia ada.

Kita mengharapkan supaya di sana adanya satu *database* ataupun unjuran yang boleh dibuat pihak kementerian, bagaimana data yang boleh kita peroleh daripada ketua kampung ataupun daripada penghulu atau daripada pejabat daerah. Bagaimana keperluan yang diperlukan oleh rakyat yang tidak mempunyai rumah ataupun rumah yang perlu diperbaiki. Begitu juga dengan hal yang berkaitan dengan banyak yang saya lihat di kawasan saya sendiri ialah apabila kita tengok banyak dari kalangan mereka yang tidak bertanah, rumah ini, kebanyakannya adalah menumpang dengan tanah orang.

Jadi, apa salahnya kerajaan negeri berpakat dengan kementerian untuk menyediakan satu tapak khusus kepada rakyat yang tidak bertanah. Maknanya biar ada satu tapak rumah yang diberikan walaupun sekarang ini ada skim berkenaan dengan rumah PPRT. Akan tetapi yang kita mahu ialah tapak rumah yang memang menjadi hak milik kepada pemilik yang tidak mempunyai tanah ini tadi kerana ini boleh mendatangkan satu pemudahnya. Kalau tapak rumah ada sendiri, kita boleh untuk memohon kepada Baitulmal dan juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga kepada projek PLB.

Masalah yang berlaku, saya tengok ramai di kalangan orang-orang miskin di kampung ini mereka tidak bertanah. Oleh sebab itu kita mengharapkan kementerian berpakat dengan kerajaan negeri supaya menyediakan tanah kepada mereka yang tidak bertanah, sekurang-kurangnya untuk tapak rumah. Kita juga mahu di sana adanya unjuran seperti tahun depan ataupun tahun 2015. Sudah tentu dah ada dalam *database* daripada kementerian berkenaan dengan rakyat yang memerlukan rumah. Kita tidak mahu seperti yang berlaku di tempat saya. Apabila kes kita berjumpa di pejabat daerah untuk memohon berkenaan dengan projek PLB, surat yang kita pohon...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekijang, Sekijang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ya, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyebut tentang pembinaan rumah itu. Setahu sayalah kalau peruntukan untuk pembinaan rumah itu memang daripada kementerian tetapi pemberian tanah ini, bukankah itu urusan daripada kerajaan negeri. Jadi, minta penjelasan Yang Berhormat, mungkin kalau Kerajaan Negeri Kelantan agaknya dapat memberikan tanah yang lebih kepada orang-orang miskin itu, itu lebih elok agaknya. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya ini Ahli Parlimen Bukit Gantang, Perak. Negeri Perak di bawah Kerajaan UMNO, Barisan Nasional. [Ketawa] Jadi tidak timbul soal di Kelantan ya?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Membangkitkan soal tanah tadi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ya tanahlah. Saya bercakap ini negeri Perak, kawasan saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Lenggong tadi menyebut negeri di bawah dia, Lenggong ini ialah kawasan yang paling kuat UMNO tetapi kawasan itu... [Berucap dalam bahasa Arab] [Ketawa] Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang tadi. Gangguan ini Tuan Pengerusi.

Oleh sebab itu kita mengharapkan, ini benda yang serius saya cakap ini, bukan soal kita ada kepentingan politik yang kita adu ini. Ini kerana pengalaman yang saya tengok ialah kerana ada benda-benda yang kita lihat apabila kita pergi berjumpa dengan pejabat daerah, misalnya saya katakan ada satu permohonan di kawasan saya. Berkennaan dengan satu jalan dekat dengan Kampung Berchat ataupun dengan unit peti undi Kampung Cheh.

Di situ keperluan untuk membina jambatan yang telah pun runtuh sudah lama, untuk keperluan pekebun-pekebun kecil pergi ke tempat itu. Saya sudah menghantar surat permohonan pada bulan Julai tetapi malangnya apabila pergi berjumpa dengan pejabat daerah, dia kata surat tidak dapat sedangkan kita mempunyai bukti bahawa surat yang kita hantar dengan e-mel dan juga dengan pos kita hantar. Ini kelemahan yang ada kepada pejabat daerah dalam menyelesaikan permasalahan ini. Oleh sebab itu kita mengharapkan supaya kalau peruntukan tidak ada dan saya hendak bertanya berapakah peruntukan untuk projek jalan kampung bagi Pejabat Daerah Larut Matang. Berapakah peruntukan untuk projek jalan kampung untuk Daerah Larut Matang dalam tahun 2014.

Kemudian saya hendak beralih kepada Butiran 00602 – MRSRM. Oleh sebab itu konsep MRSRM, saya harapkan supaya terutama untuk membangunkan pelajar-pelajar di luar bandar. Oleh kerana itu, kalau boleh kemasukan pelajar-pelajar di luar bandar ini biarlah mereka itu walaupun tidak mendapat 5A dalam UPSR, misal kata 4A ataupun 3A, 3B, kerana merit mereka ini tidak boleh disamakan dengan merit pelajar-pelajar yang berada di sekolah-sekolah bandar terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar seperti mana Sabah dan Sarawak. Saya ingat inilah roh penubuhan sekolah asrama penuh peringkat awal, seperti mana yang dipelopori oleh bapa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu. Kita lihat tertubuhnya sekolah-sekolah asrama penuh yang lain, penilaian kemasukan peringkat awal pada waktu itu hanyalah mendapat 4A, 3A tetapi mereka ini *develop*. Akhirnya mereka sudah menjadi orang yang berjaya. Oleh sebab itu saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya minta kalau boleh bukan sahaja MRSRM ini diadakan – contohnya di Sepang tidak ada MRSRM. Kalau boleh MRSRM Ulul Albab itu juga ditambah, setakat ini saya tahu hanya tiga sekolah sahaja yang ada, MRSRM Ulul Albab yang provide tahfiz. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Boleh terus Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Jawab sekarang ini sebelum sambung nanti perbahasan tengah hari.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey, terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang. Saya memang bersetuju setakat hari ini Ulul Albab ada tiga. Satu di Serting, kedua di Kepala Batas dan ketiganya di Besut. Oleh sebab itu kita mengharapkan supaya ini pun kemasukan permintaannya melebihi daripada penawaran yang ditawarkan oleh MRSRM sehingga timbulnya inflasi di situ. Iaitu inflasi orang yang hendak masuk kelas Ulul Albab. Ulul Albab ini MRSRM yang ada maahad tahfiz.

Berbalik kepada cerita tadi ialah...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, boleh sambung sebelah tengah hari nanti.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey terima kasih Tuan Pengerusi.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang. Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan peringkat Jawatankuasa dihadkan 10 minit Yang Berhormat ya.

### **2.32 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu lagi ialah Butiran 04000, P.22 iaitu berkenaan dengan RISDA.

Kita tahu bahwasanya antara objektif RISDA ini pada tahun 2015, ia bercita-cita untuk meningkatkan pendapatan dari kalangan pekebun-pekebun kecil sebanyak sebulan iaitu RM2,500. Akan tetapi apa yang berlaku ialah, berlakunya tentang harga turun naik getah pada hari ini kerana pernah ada getah tertinggi yang pernah dicatat pada tahun 2011 sebanyak RM17.17 sen. Sekarang sudah pun menjunam harganya tidak sampai pun RM10.

Apa yang saya minta ialah supaya pihak kerajaan terutamanya di pihak kementerian ini untuk memikirkan, bagaimana satu strategi untuk memastikan supaya adanya harga lantai untuk memastikan supaya pekebun-pekebun kecil ini terbela dengan keadaan harga komoditi getah yang turun naik ini. Ini sebagai salah satu daripada untuk kita hendak memelihara tentang masa depan negara kita sebagai salah satu negara yang mengeluarkan getah di dalam negara ini.

Begini juga berkenaan dengan bantuan RM500 kepada pekebun-pekebun kecil. Akan tetapi saya hendakkan supaya RM500 kepada pekebun-pekebun kecil ini juga perlu diambil kira ialah kepada penoreh-penoreh getah. Sekarang apa yang berlaku mungkin kepada pemilik kebun kecil yang mempunyai keluasan sebanyak 2.5 hektar. Maka mereka layak untuk mendapat RM500. Apa yang menjadi masalahnya ialah tauke-tauke ini kadang-kadang mereka mempunyai lebih tanah.

Mereka tidak mengalami masalah dari segi kesempitan wang. Mereka yang mengalami masalahnya ialah dari kalangan penoreh-penoreh yang bekerja di kebun-kebun tersebut. Maka kita

harapkan supaya yang dapatnya ialah penoreh-penoreh getah itu sendiri. Kita tak hendak berlaku seperti mana yang berlaku kepada nelayan yang bantuan subsidi RM200 yang memperolehnya ialah kepada orang yang memiliki bot sedangkan nelayan-nelayan tersebut, yang bekerja dengan tauke-tauke bot, mereka tidak mendapat bantuan subsidi sebanyak RM200 ini.

Maka sebab itu saya mengharapkan supaya keadaan ini tidak berlaku juga kepada pekebun kecil, terutamanya kepada penoreh-penoreh yang berada di tahap yang kadang-kadang berada di tahap kemiskinan terutamanya di musim-musim tengkujuh yang perlu diberikan perhatian oleh RISDA ini.

Begitu juga RISDA, bukan sahaja mereka ini, aktiviti mereka tidaklah kita harapkan terhad kepada pekebun terhadap getah semata-mata. Seboleh mungkin biarlah di sana adanya industri-industri hiliran ataupun dengan tanam-tanaman sampingan seperti mana aktiviti ternakan, juga sayuran walaupun ini agak boleh bekerjasama dengan Kementerian Pertanian, namun begitu sebagai salah satu daripada nilai tambahnya, perlu diambil kira kerana memandangkan soal getah ini seperti mana kita tahu ketika musim tengkujuh mereka tidak dapat untuk mengusahakan. Maka dengan harapan kita dengan adanya sulaman-sulaman daripada aktiviti-aktiviti ini dapat memberikan peningkatan hasil dan juga dapat membentuk satu daripada rakyat yang berpendapatan yang agak selesa. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mukah.

#### **14.37 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin cuma menyentuh dua, tiga perkara di bawah Kementerian Luar Bandar ini di bawah P.22, Butiran 120700 iaitu Mini RTC.

Saya ingin sejauh mana yang kita dapat maklumat bahawa saya ingin mencadangkan supaya di dalam RTC kalau membina kawasan-kawasan luar bandar di mana kemudahan infrastruktur seperti kedai atau pejabat-pejabat yang belum ada, saya mencadangkan supaya dalam program RTC ini termasuklah juga menyediakan kemudahan infrastruktur supaya perkhidmatan-perkhidmatan RTC ini boleh dijalankan iaitu *Rural Transformation Centres* menjadi nadi pembangunan di luar bandar khususnya di dalam bidang yang terlibat, yang membangunkan ekonomi di luar bandar.

Keduanya Tuan Pengerusi iaitu di bawah Butiran 00400 iaitu di bawah Pendidikan Prasekolah ini ia banyaknya memang kita tidak manafikan kejayaan KEMAS dan kementerian ini dalam menyediakan kemudahan ini memang tidak dapat dinafikan kerana kesannya memang begitu baik khususnya dalam bidang pembangunan anak-anak kita di luar bandar dalam bidang prasekolah ini. Di sini saya ingin menyentuh supaya sedikit usaha ditambahbaikkan supaya menyediakan infrastruktur dan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan juga kalau boleh memperbaiki ada banyak tempat KEMAS juga yang masih menumpang di bangunan-bangunan sementara.

Ketiganya Tuan Pengerusi di bawah Butiran 00611 iaitu **GIATMARA**. Saya ingin mendapat maklumat bilakah pusat GIATMARA di Mukah akan dibina kerana yang sedia ada kita sediakan dulu adalah bekas tempat woksyop JKR. Jadi sekarang tambahan sebuah di sini tetapi sekarang saya nampak tempat itu sudah begitu tidak mencukupi dengan perkembangan dan permintaan daripada anak-anak kita di luar bandar khususnya di kawasan Parlimen Mukah kian meningkat. Jadi berharaplah dapat alihkan perhatian untuk menyediakan kerana saya boleh maklumkan, tapak tanah pun sudah ada untuk dibina pusat GIATMARA ini. GIATMARA ini sudah ada semenjak saya menjadi Ahli Parlimen, lebih daripada 20 tahun sudah ada di sana.

**▪ 1440**

Jadi yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin tekankan serba sedikit memohon supaya di bawah perbekalan air luar bandar ini Butiran 02002 saya nampak bahawa banyaknya masalah kita di luar bandar dengan adanya perbekalan air yang disediakan oleh Kementerian ini. Akan tetapi banyaknya tidak mencukupi kerana air ini boleh dikatakan ada paip tapi tidak ada banyak air keluar. Jadi saya berharap yang saya cadangkan bahawa kalau boleh nampak dari kawasan ini tambahkan *booster resolver* atau *booster*. Banyak cara kita meningkatkan lagi *pressure* di kawasan, bukannya tidak mencukupi air tetapi pengalirannya adalah kurang kerana kurang tekanan air.

Jadi inilah perkara-perkara...

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Ya, eh janganlah. Itu sajalah saya ingin ambil perhatian Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ini. Sekian, terima kasih

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut.

**2.43 ptg.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli tetapi sebelum saya membincangkan atau membahaskan Butiran 030000, 030100, 030200, 000300, 030400 dan 030500.

Izinkan saya maklumkan bahwasanya saya hendak jadi panglima Orang Asli oleh kerana kita lihat daripada bajet yang dibentangkan, berlaku penurunan. Ini yang dirasakan kecewa oleh Orang-orang Asli. Oleh kerana dulu kita lihat peruntukan 2013 ialah RM 62,486,200 tapi sekarang diturunkan kepada RM56,072,900. Ini yang dirasakan oleh Orang-orang Asli khususnya Tok-Tok Batin dan juga rakan peguam Amani William Hans Abdullah ataupun Bahtony ya, supaya saya dapat melahirkan rasa terpinggir, rasa kecewa mereka terhadap kementerian oleh kerana daripada bajet yang ditunjukkan menunjukkan ada penurunan.

Jadi sebelum saya sentuh bajet tersebut kita lihat apakah objektif Jabatan Kemajuan Orang Asli ini saya sebelum ini dikenali Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya tidak ubah orang asal oleh kerana itu biar mahkamah tukar asal daripada asal daripada asli ataupun asli jadi asal. Cuma

kita lihat objektif dia membasmikan kemiskinan tegar masyarakat Orang Asli. Bajet diturunkan, meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Peruntukan diturunkan, meningkatkan tahap kesedaran minda masyarakat Orang Asli, pun peruntukan diturunkan. Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan, pendidikan, kesihatan dan akses kepada kemudahan asas antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat umum di Malaysia bagaimana hendak dilaksanakan Tuan Pengerusi sekiranya peruntukan dikurangkan dan meningkatkan tahap kesihatan masyarakat Orang Asli dan menghapuskan segala jenis penyakit berjangkit.

Inilah objektif kementerian untuk membela Orang Asli tapi daripada peruntukan kita lihat nampaknya tidak akan terbelia. Oleh sebab kita lihat apa yang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat. Rompin ramai Orang Asli.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Betul, betul. Ini kembar saya sudah bangun juga *[Ketawa]* Silakan Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya tertarik dengan Yang Berhormat Lumut.

Saya pun sebelum itu yang sebelah sana tanya bila pemilihan minggu depan ini hendak sokong ulama kah sokong geng Anwar ini. Dia suruh saya tanya tapi saya rasa ini PKR kita tak campurlah tetapi PKR kadang-kadang dia buat kerja ini untuk geng-geng Erdogan rupanya. Akan tetapi hendak balik kepada topik sebelum Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari segi perlunya kita membela masyarakat Orang Asli, saya bersetuju lagipun Rompin ramai Orang Asli. Akan tetapi di Lumut ini berapa ramai Orang Asli? Hendak tanya itu saja...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ya, tiada. Makna cepat benar Yang Berhormat dulu pakai kopiah, *alhamdulillah* saya bersyukur tapi masuk PKR sudah lain, jadi politik sebenarnya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Memang kalau kita cari Orang Asli di Lumut tidak ada tapi kalau di Perak ramai.

Untuk maklumat Yang Berhormat Rompin dan juga Tuan Pengerusi, kita dapat butiran mengenai masyarakat Orang Asli ini di Malaysia. Jumlah penduduk Orang Asli tidak ramai, lebih kurang 142 ribu orang sahaja. Ini termasuk di Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu. Tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak tidak ada Orang Asli dia kata, orang asal saja. Suku kaum dia Senoi, Loto dan Negrito. Tapi Yang Berhormat Gerik dia boleh bagi tambahan suku kaum Orang Asli ini lagi.

Kemudian jumlah kampung Tuan Pengerusi. Ada 852 kampung dan penghulu batin dia ada 587. Ini yang saya wakilkan dia orang ini, 587 Tok Batin. Kemudian kita lihat status kemiskinan. Miskin tegar 9,003 keluarga. Miskin, 4,942. Mudah miskin 11,141 keluarga dan kemudian kita tengok status pendidikan. IPTA, 63 orang termasuklah Bahtony ini, sudah graduate pun, sudah jadi peguam. Kemudian di sekolah menengah ada 9,738 orang dan sekolah rendah

ada 27,176 orang. Ini saya dapat daripada portal Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Belum tukar lagi dalam portal, masih lagi JHEOA.

Kemudian kita tengok keciciran. Darjah 6 tercicir 1,715 orang. Kemudian di Tingkatan 1 hingga 5, tidak tamat Tingkatan 5 ada 1,008 orang. Program bantuan rumah PPRT dapatlah 2,759 rumah. Ini termasuk di dalam 306 kampung ya. Kemudian prestasi pembangunan. Rumah yang dapat elektrik ataupun kampung yang dapat elektrik daripada 852 kampung tadi, 526 saja Tuan Pengerusi ada elektrik termasuklah yang tidak ada elektrik di Gerik tadi, yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Gerik.

Air, 651 kampung saja baru dapat air dan begitu jalan, jalan masuk baru 727 kampung dari 852 kampung dan status tanah tidak boleh cerita. Ramai yang tidak dapat tanah lagi. Masih tidak selesai. Ini mungkin kerajaan negeri dapat membantunya. Ia bertentangan dengan kita tengok teras Jabatan Hal Ehwal Orang Asli...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Silakan Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lumut dan terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Bercakap mengenai tadi, Yang Berhormat Lumut bercakap mengenai Orang Asli ini dan dilaporkan mengikut laporan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, ada 63 orang anak-anak Orang Asli ini masuk universiti. Jadi setujukah dengan saya dalam keadaan azab dan juga sengsaranya Orang Asli dalam kehidupan mereka, kurangnya perhatian diberi, kurangnya bantuan diberi, tekanan hidup dan sebagainya. Setujukah Yang Berhormat Lumut bahawa 63 orang masuk universiti itu kira besar, sepatutnya tidak mampu masuk universiti ini tetapi mereka ini dengan suasana yang ada mungkin motivasi yang diberikan oleh ialah pihak kerajaan pun ada, negeri, persekutuan, itu kira sudah bagus tetapi kalau sekiranya Orang Asli ini diberikan hak mereka yang sama dengan orang-orang lain mungkin kejayaan ini lebih besar lagi di kalangan mereka. Setuju atau tidak?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Memang saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Kota Bharu ya. Kita yakin dan percaya sekiranya mereka diberi perhatian, diberi tumpuan, diberi bantuan, *insya-Allah* rasanya lebih ramai lagi. Sebagaimana dibuktikan oleh sahabat saya itu Amani William Hans Abdullah ataupun Bahtony, sudah jadi peguam terkenal buat masa ini.

Jadi saya ingin mohon kementerian supaya mengotakkan objektif mereka sebagaimana di dalam portal JHEOA ada beberapa teras yang perlu diambil tindakan supaya dapat membantu Orang Asli ini. Kalau jabatan itu dikatakan Jabatan Kemajuan Orang Asli tapi kita melihat daripada peruntukan ataupun bajet macam jabatan memundurkan Orang Asli oleh kerana diturunkan peruntukannya tetapi kita mohonlah kepada kementerian supaya melihat balik kononnya teras modal insan. Dikatakan ingin meningkatkan kesedaran Orang Asli terhadap pendidikan awal kanak-kanak.

**■1450**

Ini kita hendak lihat daripada peruntukan yang diberi pada tahun ini RM56 juta supaya sebahagian daripadanya dapat dilaksanakan untuk mengenai teras tersebut. Begitu juga dengan teras ekonomi memperluaskan bantuan perniagaan kepada usahawan Orang Asli. Ini kita skeptikal dengan tindakan-tindakan kementerian sama ada benar-benar dapat membantu Orang Asli supaya taraf hidup mereka, sosioekonomi mereka boleh dipertingkatkan. Kementerian kena buktikan.

Begitu juga dengan teras prasarana, menyediakan kemudahan asas diperlukan di perkampungan Orang Asli, menyediakan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli termasuklah api, air dan jalan raya yang dikatakan tidak cukup...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Seterusnya teras kualiti hidup. Kementerian menjanjikan untuk memperkasakan perkhidmatan kualiti hidup kepada masyarakat Orang Asli. Gunakanlah peruntukan-peruntukan yang ada ini, kita bantu Orang Asli. Seterusnya teras warisan kebudayaan seperti menyediakan dan mengumpul dan memelihara kebudayaan tradisional warisan dan artifak-artifak Orang Asli. Ini kita hendak lihat juga kementerian laksanakan.

Akhirnya teras perkhidmatan dan tadbir urus, memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus. *Insya-Allah* dengan adanya api, air dan kemudahan asas kita percaya pelaksanaan untuk membantu Orang Asli dalam perkhidmatan dan tadbir urus boleh dilaksanakan.

Akhirnya Tuan Pengerusi kita lihat memang ada peruntukan pembangunan DE sebanyak RM64,718,000 diperuntukkan pada tahun ini untuk memenuhi enam teras yang telah disenaraikan. Kita harap kementerian mengambil serius dalam membantu Orang Asli supaya sosioekonomi hidup mereka dapat dipertingkatkan. Kalau boleh kita wujudkan satu perkampungan sebagaimana kita boleh wujudkan FELDA, mengapa kita tidak boleh wujudkan satu perkampungan untuk Orang Asli supaya mereka dapat hidup dengan lebih maju, dengan lebih aman dan dapat berkongsi keamanan dan kesejahteraan yang kita sama-sama alami masa kini. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun. Kita akan hentikan sebelum jam 4. Jam 4 nanti Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Yang Berhormat Kanowit.

## **2.52 ptg.**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama berbahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Terutama sekali saya ingin pergi ke Butiran 00400 iaitu bahagian pendidikan sekolah di kawasan luar bandar yang telah juga Kementerian Luar Bandar ini juga telah diberi mandat untuk mengadakan pembangunan prasekolah terutamanya di kawasan luar bandar, di rumah-rumah panjang dan di kampung.

Kita amat berterima kasih atas usaha ini dan di kawasan saya sendiri sebagai contoh memang banyak prasekolah ini dibangunkan di rumah-rumah panjang dan kampung-kampung

tetapi masalahnya adalah kemudahan seperti bilik darjah ataupun rumah. Prasekolah ini kebanyakannya tidak ada walaupun tenaga pengajar ada tetapi tempat budak-budak kecil ini bersekolah belum ada lagi. Kita sebagai wakil rakyat selalu jadi mangsa apabila melawat ke rumah-rumah panjang ini kita diminta untuk memberi peruntukan untuk membuat rumah pra sekolah. Ini jadi masalah. Jadi saya harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar melihat perkara ini dan memberi peruntukan secukupnya kepada pembangunan pra sekolah di luar bandar.

Kedua lagi bahagian pendidikan adalah Butiran 110400 dalam bahasa Inggeris adalah *Literacy Education for Adults Skill* (LEADS). Ini juga satu usaha yang sangat bagus dan kita puji kepada kementerian kerana memberi peluang kepada orang-orang dewasa yang dalam beberapa puluh tahun dahulu tidak ada peluang untuk pergi ke sekolah dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memberi peluang kepada mereka untuk pergi ke sekolah dan diberi kelas bimbingan ataupun kelas *full time* dalam tiga bulan dan selepas itu mereka *graduate* dalam peringkat pertama.

Saya pun telah menghadiri banyak majlis *graduation* ini yang mereka memuji dan mereka memohon supaya peruntukan lebih ataupun kelas ini dilanjutkan kepada peringkat yang lebih tinggi, *advance stage*, satu.

Kedua, banyak rumah panjang di pedalaman ini juga masih ramai daripada orang-orang dewasa ini belum dapat pendidikan asas seperti ini. Kalau dapat kementerian dipohon untuk memberi banyak lagi peruntukan dan tenaga pengajar kepada rumah-rumah panjang atau kampung yang masih memerlukan pendidikan seperti ini.

Seterusnya adalah Butiran 01702 iaitu bekalan elektrik di luar bandar. Kita melihat memang peruntukan besar untuk seluruh negara ini tetapi saya ingin memberi *proposal* atau alternatif kepada kementerian sebab di kawasan luar bandar seperti di kawasan hulu sungai kita ada *potential* untuk mini hidro. Saya pun difahamkan memang sudah ada beberapa projek mini hidro telah dijalankan dan dibangunkan di kawasan Sarawak tetapi untuk Kanowit saya ingat belum ada. Jadi saya mohon kalau dapat kementerian melihat kalau ada permohonan daripada kawasan-kawasan ini diberi keutamaan supaya ianya akan dapat memberi bekalan elektrik kepada luar bandar yang tidak mungkin akan mendapatnya daripada elektrik dari dua bandar besar.

Kedua, bekalan air Butiran 02004 juga saya ingin berterima kasih kepada apa yang telah diberi oleh kerajaan selama ini. Saya juga ini *propose* alternatif untuk bekalan air ini. Satu daripadanya adalah tahun dahulu satu sistem dikatakan *life saver*. *Life saver* ini adalah sistem di mana kawasan-kawasan yang tidak ada bekalan air ini diberi sistem penapisan air dan ini sangat penting kepada kawasan-kawasan yang tidak ada *gravity fits system* dan tidak ada apa-apa saluran air daripada *water boat*.

Ini perlu diteruskan dengan peruntukan lebih banyak dan saya difahamkan satu sistem unit itu adalah dalam lingkungan RM40,000 atau RM50,000 dan memang sudah banyak juga diadakan. Di Sarawak saya difahamkan mungkin sudah lebih 1,000 unit *life saver system* ini telah diberi. Kalau dapat tahun ini peruntukan ini diberi lebih lagi supaya lebih banyak lagi rumah-rumah

panjang yang tidak ada peluang untuk mendapat air bersih daripada *water boat* untuk mendapatkan air bersih melalui sistem ini, sistem alternatif.

Juga Butiran 02300 jalan-jalan luar bandar. Memang kita juga berterima kasih kerana banyak juga peruntukan diberi setiap tahun oleh kerajaan melalui kementerian ini tetapi saya juga ingin memohon kepada kerajaan untuk memberi keutamaan sebab saya ingat mungkin kesemua negeri atau pun kawasan-kawasan Parlimen telah pun memohon peruntukan untuk *maintenance*.

Saya fikirkan di sini adalah kementerian untuk memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang belum ada jalan, bina baru. Oleh sebab kalau tidak ada peruntukan sebesar ini untuk diberi kepada sebuah negeri dan mungkin sedikit sampai ke kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah. Kemungkinan kita mendapat jalan kepada kawasan-kawasan jauh di pedalaman itu tidak akan sampai dalam masa yang singkat ini. Jadi pengkhususan saya di sini adalah untuk memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan atau rumah panjang yang belum ada jalan.

Last sekali ialah Butiran 04000 iaitu berkenaan dengan RISDA. Ini boleh dibaca bersama dengan Butiran 94000 iaitu peruntukan di bawah NKEA sebab getah ini adalah satu daripada projek NKEA kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi kawasan-kawasan di luar bandar. Bagi Sarawak memang getah ini adalah satu daripada tanaman ataupun sumber ekonomi kepada rakyat di luar bandar. Dengan ini saya berharaplah skim subsidi atau bantuan perlu diberi lebih banyak lagi kepada rakyat di luar bandar di Sarawak supaya mereka dapat mengusahakan tanaman getah ini di tanah-tanah NCER mereka pada masa ini sedang...

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Minta pencelahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Aman bangun Yang Berhormat.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Okey. Tidak apa.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang RISDA untuk tanaman mini estet getah. Peliknya mereka hanya boleh menanam di tanah yang ada geran. Pada pandangan Yang Berhormat Kanowit, dapatkah RISDA menukar polisi supaya menerokai tanah-tanah adat yang belum ada geran. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Sri Aman, ini adalah harapan kita supaya kerajaan tidak akan terlalu *strict* dengan keadaan ini sebab memang dahulu kita difahamkan kalau tanah itu belum ada geran tidak mungkin akan diberi subsidi ataupun bantuan tetapi sekarang kita sudah mendengar bahawa ianya fleksibel sedikit. Kalau ditentukan bahawa kawasan itu adalah kawasan NCER, saya ingat RISDA juga boleh memberi bantuan untuk subsidi ataupun bantuan untuk tanaman getah ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

■1500

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Raub.

**3.00 ptg.**

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin bercakap mengenai Kepala B.22. Akan tetapi sebelum itu saya hendak komen sedikit mufti Yang Berhormat Arau pagi tadi. Dia ada baca ayat Al-Quran tapi dia lupa baca ayat sebelum itu [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Beri amanah kepada mereka yang berhak." Dia lupa baca itu. Dia hanya baca hendak setia kepada orang lain.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kerana bercakap mengenai KKLW ini satu kementerian yang penting. Bajet tahun ini, Bajet 2014 memohon RM9.8 bilion. Ini kementerian yang jaga banyak institusi yang bersandarkan kepada kampung, JKKK, JKKP, KEMAS, RISDA, FELDA, FELCRA, KESEDAR, KEDA, KETENGAH dan macam-macam lagi. Akan tetapi ini juga satu kawasan di mana ramai majoriti orang Melayu duduk di sini dan kita menaruh harapan yang tinggi kepada KKLW ini untuk meningkatkan pendapatan orang luar bandar, sebab kalau kita tengok daripada *household income survey* tahun 2012 ini, yang 20% teratas mempunyai pendapatan *household* sebanyak RM13,000, yang 40% ke bawah di mana majoritinya orang Melayu dan bumiputera mempunyai pendapatan RM3,600. Orang Melayu yang 20% ke atas itu mempunyai pendapatan RM10,666, yang 40% ke bawah yang mendiami di bandar-bandar mempunyai pendapatan bulanan RM1,300. Sebab itu kita mengharapkan dengan RM9.8 bilion peruntukan, kita mengharapkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini membangunkan dan meningkatkan pendapatan orang luar bandar.

Jadi saya hendak pergi kepada Butiran 010600 - INFRA. INFRA ialah program melatih dan membuat *research* untuk bagaimana mentadbir dan mengurus luar bandar. Jadi saya berharap kerana ini melibatkan ramai orang dan banyaknya pertubuhan seperti kampung yang terlibat. Misalnya kampung yang terlibat ada 15,500 buah kampung dan dia hendak angkut juga orang-orang kampung untuk menyertai program-program latihan dan program bagaimana hendak mengurus kawasan luar bandar 96,000 orang. Jadi bajet yang saya rasa hanya diberi sebanyak itu, sama ada mencukupi atau tidak untuk mendidik orang ini bagaimana untuk mengurus luar bandar. Itu INFRA.

Kemudian saya hendak menyentuh, walaupun ini bukan secara *direct* tetapi saya tengok Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan mengadakan tiga bulan sekali atau empat kali setahun dia akan bertemu institusi seperti FELDA, FELCRA. Saya hendak sebut macam di FELDA, di bawah Butiran 010900 - Kemudahan Tanah dan Wilayah yang diberi peruntukan sebanyak RM16.017 juta. Di banyak kawasan FELDA sebagai contoh, masalah yang terbesar sebagai contoh di Raub, FELDA Tersang, FELDA Lembah Klau ialah masalah mengenai pembuangan pengutipan dan pelupusan sampah, sebab orang-orang peneroka ini tidak bayar *quit rent* sebab berada di luar daripada majlis daerah atau majlis perbandaran, maka tidak ada perkhidmatan mengumpul, mengutip dan melupuskan sampah-sampah ini. Jadi orang FELDA ini buang sampah di merata tempat. Kalau kita hendak balik ke Kota Bharu kita lalu di FELDA Tersang, di persimpangan Jalan Tersang itu, di situ lah peneroka FELDA buang sampah rata-rata

atas jalan. Jadi ini mendarangkan masalah kesihatan. Jadi saya berharap pihak kementerian memandang perkara ini dan menyelesaikan masalah pengutipan, penghantaran dan pelupusan sampah. Itu satu.

Kemudian kita ada di bawah Butiran 011300 – Pengupayaan Komuniti dan Infodesa iaitu hendak mengajar Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini bagaimana hendak mentadbir kampung. Jadi saya harap satu daripada perubahan yang dilakukan ialah kita mesti melihat kepada penambahbaikan kualiti kepimpinan dalam JKK. Pengalaman saya sendiri berkenaan JKK ini ialah ekstensi kepada cawangan-cawangan UMNO. Banyak ketua cawangan dan mereka terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kelayakan yang kita mengharapkan untuk membangunkan orang Melayu tetapi kita letak orang-orang yang mempunyai kelayakan yang *questionable* untuk memimpin peringkat kampung. Jadi saya berharap institusi seperti JKK ini mestilah kerajaan serius melihat bagaimana untuk meningkatkan kualiti kepimpinan di peringkat JKK.

Lagi satu saya hendak sentuh ialah Butiran 020000...

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Minta penjelasan sedikitlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sebab apa- tahniah kepada Yang Berhormat Raub. Kenyataan beliau itu betul tapi masa beliau dalam UMNO dahulu- yang benar sejak beliau meninggalkan UMNO, sudah banyak buat perubahan baru sudah [Ketawa]

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: [Bangun]**

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Nanti, belum habis lagi. Yang sebenarnya dahulu memang betul apa yang Yang Berhormat katakan tadi bahawa yang ketua kampung itu juga merupakan ketua untuk membangunkan Orang Asli...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** ...Bagilah aku habis dahulu. Kau ni. Untuk itu... [Ketawa] Belum habis. Kata menghormati demokrasi. Apalah?...

Ini cakap tidak serupa bikin. Bila dia bercakap, suruh kita dengar. Bila kita cakap tidak mahu dengar. Apalah ini. Ini demokrasi ala pembangkang itu sebabnya tapi saya bersetuju. Oleh kerana itu kerajaan sedar bahawa perlu kita adakan jawatan JKK khas untuk Orang Asli itu sendiri. Apa Yang Berhormat kata itu betul dan apa yang kerajaan sudah buat untuk maklumanlah yang saya difahamkan termasuk saya di Rompin, itu yang saya tahu, bahawa warga Orang Asli dia ada JKKnya tersendiri yang memerlukan ketua mereka sendiri. Itu fenomenanya. Apa Yang Berhormat kata itu betul, saya setuju, tapi perubahan sudah buat. Itu hendak maklumkan kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat dia lebih mengetahui tentang DAP sekarang, dia kurang maklumat tentang UMNO. Itu hendak beritahu.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih tapi saya tidak cakap pun mengenai JKK Orang Asli. Saya cakap mengenai orang Melayu, sebab orang UMNO yang selalu bising bagaimana untuk mengangkat martabat orang Melayu kampung, tetapi diletak di peringkat *grass root leadership*. Ya lah kepimpinan yang terdiri daripada jaga bank, jaga sekolah, macam-macam. Jadi bagaimanakah orang macam ini mempunyai kemampuan untuk memberi idea-idea untuk membangunkan orang Melayu? Itu yang saya cakap. Bukan mengenai Orang Asli. Orang Asli saya tidak tahu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Cela sedikit Yang Berhormat Raub?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Raub tahu tidak di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat ada pula Barisan Nasional-UMNO ini dia bentuk pula JKPP dalam standard yang tidak begitu bagus? Hendak juga membentuk satu JKPP untuk berlaga dengan JKK yang dibentuk oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri kita?

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Itu satu perkara yang saya hendak sentuh. Maknanya, di negeri yang kerajaannya bukan Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional mewujudkan JKPP sebagai satu usaha untuk *undermine* pertubuhan yang sahih yang diwujudkan oleh kerajaan negeri. Maknanya *you encourage a government within a government. You create anarchy* macam ini. Kelam kabut orang Melayu hendak ikut JKPP kah ataupun hendak ikut JKK [*Disampuk*] Itu balik semula. Saya hendak cakap, ini bukan satu perubahan yang mendadak. Ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Rompin.

#### ▪ 1510

Semasa saya dalam UMNO dulu, saya mencadangkan bahawa JKK ini patutnya ambil pegawai-pegawai kerajaan dan bukannya daripada jaga kereta, jaga bank, jaga sekolah untuk memimpin masyarakat Melayu di kampung. Oleh sebab itu macam manakah orang ini mahu mendukung program pembangunan di kampung-kampung sedangkan kita memerlukan kepimpinan yang berkualiti di puncak *grass root level*. Barulah dasar-dasar kerajaan boleh dilaksanakan tanpa ada ketirisan...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis, Yang Berhormat.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan sikit, boleh?

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Saya sikit sahaja, Tuan Pengerusi. Cakap masa itu.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sikit sahaja penjelasan. Tuan Pengerusi, sedarkan Yang Berhormat Raub bahawa sebenarnya JKK yang wujud, JKPP yang wujud ini adalah JKK di bawah Kerajaan Persekutuan sejak daripada dahulu lagi. Jadi, apa yang dibuat

sekarang adalah diteruskan perkhidmatan daripada persekutuan terus kepada negeri. Jadi, negeri yang baru pula ini pula yang buat asing ini, siapa yang baru, siapa yang lama? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Saya faham. JKPP ini Tuan Pengerusi hanya diwujudkan semasa seorang bekas Menteri Besar yang sudah masuk PAS hari ini yang wujudkan. Bukan masa dahulu. Bukan dulu. Dulu hanya ada JKPK. Kalau di negeri-negeri yang Barisan Nasional menang, kita tidak tengok pun ada JKPK bayangan. Hanya di negeri-negeri yang dimenangi oleh parti bukan Barisan Nasional, kita wujudkan satu pertubuhan bayangan untuk *undermine* apa yang hendak dilakukan oleh JKPK yang sahih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Jadi saya ingat Tuan Pengerusi, sebab masa yang tidak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** ...Saya gulung di situ dan saya melihat bahawa kalau betul-betullah kita hendak membangunkan masyarakat kampung, hendak meningkatkan pendapatan, kita mesti bersedia untuk menerima *by partisan view* sebab *stakeholders* ini bukan hanya terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen daripada Kerajaan Barisan Nasional. Kita daripada pembangkang pun juga meletakkan kepentingan orang kampung sama seperti yang dilakukan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengerang.

### 3.12 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya mula, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran 30 orang pelabur daripada Badan Perniagaan US-ASEAN daripada Washington, USA untuk melihat peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan mengenali Malaysia [*Tepuk*] Mereka terdiri daripada syarikat *Fortune 500*, dan tadi siang mereka telah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat peluang pelaburan. Inilah hebatnya Kerajaan Barisan Nasional. Tidak macam kerajaan pembangkang. Cakap tidak serupa bikin [*Dewan riuh*]

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Minta, minta...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Rompin kerana mengetuai delegasi tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi laluan, Yang Berhormat?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Hendak bercakap, cakaplah. Hak bercakap, takkan tidak boleh cakap? Yang Berhormat Raub cakap tadi saya tidak kacau, takkan saya cakap Yang Berhormat Raub hendak kacau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi, Yang Berhormat Raub. Yang Berhormat Raub, tidak bagi. Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Raub, relakslah Yang Berhormat Raub. Biarlah saya cakap. Yang nak sensitif kenapa, Yang Berhormat Raub?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Raub, tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tengok kepada Maksud P.21 dalam butiran iaitu kalau kita lihat dari segi KEJORA. Saya hendak sebut Butiran 03700, 080000, 080100.

Kalau kita tengok daripada Program KEJORA ini, kalau kita tengok Lembaga Kemajuan Johor Tenggara ini, memang dilihat sebagai satu agensi yang membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di Wilayah Johor Tenggara untuk memaju, menggalak, membantu dan sebagainya. Jadi daripada aspek ini, terdapat tujuh aktiviti di bawah Program KEJORA iaitu pembangunan bandar, pembangunan ekonomi penduduk, pembangunan kampung tradisional, pembangunan pertanian, pembangunan pelancongan, pembangunan ICT dan pembangunan modal insan.

Jadi saya hendak sebut macam saya sebut dulu. Kalaulah KEJORA ini dalam bidang ini yang diberikan tanggungjawab, kenapa mesti KEJORA? Ataupun Koperasi KEJORA terlibat dalam pembangunan rumah di kawasan Parlimen Pengerang yang berhadapan dengan projek RAPID. Sepatutnya KEJORA ataupun Koperasi KEJORA ini, tanah yang dia dapat ini, tanah kerajaan yang mereka dapat untuk diusahakan. Janganlah kita usahakan dalam dasar untuk mencari keuntungan.

Saya sebagai ahli parlimen hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini. Ini kerana Koperasi KEJORA pun sebagai koperasi kakitangan itu dia hendak mencari rezeki dan sebagainya. Hendak cari kewangan. Janganlah dia mencari kewangan pada dasar untuk menguntungkan mereka sebagai pemaju. Ini kerana kewujudan koperasi ini bukan untuk menjadi pemaju. Kewujudan koperasi ini memang untuk mencari kewangan bagi mereka dan juga pekerja-pekerja tetapi dalam proses mencari kejayaan dari segi ekonomi, janganlah masyarakat tempatan dijadikan mangsa.

Saya sudah sebut dalam perbahasan saya daripada dulu. Jangan pula dengan adanya projek RAPID yang begitu agresif, jangan pula perumahan dalam kawasan Parlimen Pengerang ini, kawasan pembangunan luar bandar ini, kawasan luar bandar ini di mana perumahan menjadikan masyarakat setempat berhadapan dengan cabaran yang begitu tinggi. Saya sudah sebut dalam sesi yang lepas harga rumah banglo lebih kurang bernilai RM600,000, rumah kedai bernilai RM500,000. Ini sebenarnya tidak sepatautnya berlaku. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri, kalau boleh KEJORA mesti mewujudkan satu dasar. Kalau perumahan luar bandar, berapa harga sebenarnya yang boleh dilaksanakan ataupun dijual? Kalau ada pemaju luar masuk sekalipun, mesti ada bahasa orang putih kata *cap*. Dia mesti ada *cap*. Maknanya, harganya tidak boleh lebih daripada harga tinggi ini.

Ini kerana kalau kita tidak, ya lah kita tahu ada beratusan kos rumah rendah di negeri Johor yang dituntut oleh kerajaan negeri. Kita tidak boleh membenarkan mana-mana syarikat-syarikat

pemaju menggunakan dengan izin, *joint venture agreement* dengan koperasi mewujudkan perumahan yang begitu besar yang menjadikan mangsa kepada orang tempatan. Jadi saya rasa harga-harga ini kita mesti mempunyai kepekaan yang lebih positif. Harapan saya daripada KEJORA.

Keduanya, saya hendak timbulkan berkenaan dengan MARA. Kalau kita tengok kepada 00604 dan 00611. Saya hendak sebut tentang Institut Kemahiran MARA dan GIATMARA. Saya tengok, kalau kita tengok bercakap tentang Majlis Amanah Rakyat (MARA) – Membangun Usaha, Berjaya dan Inovatif, Melahirkan Modal Insan, Global, Berintegriti, Menyumbang Kepada Pemilikan Ekuiti dan Memudahkan Sistem Penyampaian. Salah satu daripada aktivitinya ialah kemahiran dan teknikal.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah yang dilakukan oleh IKM dan juga GIATMARA dalam kawasan Parlimen Pengerang berhadapan dengan projek RAPID? Adakah GIATMARA dan IKM begitu proaktif mewujudkan kursus-kursus *up-skilling* dan *re-skilling* supaya anak-anak tempatan khasnya anak-anak masyarakat luar bandar, anak-anak peneroka FELDA diberikan peluang dalam industri minyak dan gas dalam aspek kemahiran. Apa sebenarnya yang dilakukan secara komitmen agresif yang dibuat oleh IKM dan juga GIATMARA? Kalau setakat hendak *repair* kereta, kalau setakat hendak *repair* lori, saya rasa Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak mewujudkan transformasi ekonomi yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ini kerana kita mesti menerima hakikat bahawa kalau kerajaan tidak membantu secara proaktif kepada masyarakat setempat, menyediakan bukan sahaja dalam aspek kemahiran tetapi juga menyediakan dalam aspek mentaliti positif, mereka akan ketinggalan bila berhadapan dengan industri minyak dan gas. Saya dimaklumkan kehadiran pekerja asing di kawasan Parlimen Pengerang saya ini, akan berhadapan dengan ramai pekerja asing. Ini kerana pekerja asing ini kononnya mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam industri *oil* dan gas dengan izin.

Jadi kenapa kita ini bila berhadapan dengan PATI, bila berhadapan dengan pendatang asing, berhadapan dengan pekerja asing, kenapa kita tidak boleh memberikan tanggungjawab kepada kementerian yang relevan supaya rakyat, masyarakat, generasi muda, belia dan belianwanis diberikan keutamaan, bukan hanya omong kosong tetapi diwujudkan satu kursus kemahiran yang memberi fokus kepada industri tersebut dan memberi fokus kepada anak-anak yang berada dalam kawasan tersebut. Diberikan dengan izin *priority* ataupun keutamaan berhadapan dengan projek-projek dalam kursus *re-skilling* dan *up-skilling*. Inilah harapan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya berharap Yang Berhormat Menteri bolehlah membantu dalam aspek ini.

Seterusnya saya hendak bercakap tentang KEMAS. Kita ini yang menjadi wakil rakyat di kawasan bandar ini khasnya memang tidak boleh lari daripada peranan KEMAS kepada masyarakat kita khasnya masyarakat luar bandar yang mana penekanan adalah kepada anak-anak. Jadi, saya hendak sebut kepada Butiran 020000, 020400, 00100 dan 00400. Kita cakap tentang pendidikan masyarakat dan kita cakap tentang prasekolah.

Jadi semasa saya dulu menjadi Menteri Belia dan Sukan pergi ke negara Cuba, saya ada sebut dalam Dewan, negara Cuba ini bila dia mengajar sejarah kepada anak-anak tadika, dia mengajar sejarah ini sebagai satu kewajipan. Anak-anak ini diajar tentang kejayaan kepimpinan mereka. Bukan sahaja belajar dari segi teori tetapi dari segi fizikal juga diwujudkan semula landskap-landskap sejarah supaya anak-anak di sekolah itu mempunyai kepekaan.

■1520

Jadi, kadang-kadang bila kita tengok anak-anak kita yang belajar di sekolah KEMAS ini, kalau setakat kita hendak mengajar anak kita membaca, menulis itu satu halah juga. Akan tetapi sejarah kita sebagai sebuah negara yang begitu mempunyai pelbagai kaum antara ikatan kita untuk menghormati sesama kita sebagai satu negara pelbagai kaum, pelbagai agama ialah sejarah. Sejarahlah yang sebenarnya mendidik kita memahami kita sebagai orang Melayu, orang Cina dan orang bukan Melayu dalam negara kita.

Jadi, itu sebabnya saya berharap KEMAS di bawah kepimpinan KKLW akan mewujudkan *syllabus*. Sebagai contoh, kejayaan-kejayaan pemimpin kita hari ini, tidak payahlah hendak cakap tentang proses sejarah dan kemerdekaan, itu memang wajiblah kita cakap. Akan tetapi hari ini kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri. Kita tengok kejayaan itu kita terangkan pada anak-anak kita supaya tidak adalah anasir-anasir yang masuk ke sekolah pembangunan luar bandar ini. Mencucuk cikgu dan anak-anak supaya Kerajaan Barisan Nasional ini sahajalah yang paling buruk.

Itu sebabnya saya hendak mengambil kesempatan ini hendak terangkan sedikitlah. Saya masa hari itu tidak ada dalam Dewan tetapi saya dengar adanya satu kononnya kenyataan yang dibuat, di mana Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam Parlimen ini Yang Berhormat Arau, saya tengok tengah menerangkan tentang apa yang berlaku baru-baru ini. Ini yang mana Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah isteri Perdana Menteri telah menghadiri satu jemputan di Qatar. Saya hendak terangkan sebab saya ada di situ bersama sahabat saya Yang Berhormat Masjid Tanah. Kami berdua ada, yang mana Yang Amat Berbahagia telah dijemput untuk menghadiri sebagai tetamu yang mana untuk merasmikan program tersebut iaitu undangan yang dijemput Forum Antarabangsa Usahawan Wanita Qatar Kali Keempat oleh Persatuan Perniagaan Wanita Qatar daripada 11 November hingga 12 November. Tajuknya, "Arab Businesswoman as Change Makers", dan saya berada di sana.

Tidak ada pula yang mengatakan bahawa Yang Amat Berbahagia itu mewakili kerajaan, tidak. Beliau mewakili diri beliau sebagai kejayaan beliau, yang mana beliau telah dijemput dan pada masa yang sama juga selepas merasmikan, beliau telah diberikan anugerah daripada persatuan tersebut ataupun NGO tersebut yang disebut Persatuan Perniagaan Wanita Qatar diberikan Anugerah QIBWF Trofi di atas sumbangan pembangunan sosial dan ekonomi negara termasuk dalam memperkasakan wanita...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan sedikit.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini saya hendak terangkan, sekejap ya?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan sedikit.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sila, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, terima kasih Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini tidak masuk butiran Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak masuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Pendekkanlah, pendekkan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Pendekkan. Disebut oleh Yang Berhormat Pengerang tadi bahawa kehadiran beliau atas nama peribadi. Kita dimaklumkan dia mewakili kerajaan sebab itu boleh naik jet eksekutif kerajaan. Sekarang ini pula kata peribadi, lagilah menimbulkan pertikaian, lagilah tidak betul.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya jawab ya. Inilah masalahnya sahabat saya. Kadang-kadang ini kita ini hendak menyalah tafsir. Memang dia dijemput sebagai keperibadian beliau, sebagai *First Lady* dalam negara kita. Beliau dijemput [*Disampuk*] Saya hendak sebut, eh! Biarlah saya terangkan, yang hendak marah apa fasal? Biar saya terangkan. Dalam aspek ini jemputan itu dibuat bukan atas dasar kerajaan, dijemput secara peribadi. Beliau dijemput oleh Persatuan Perniagaan Wanita Qatar, itu jemputan. Proses dia, saya tahu sahabat-sahabat saya pembangkang hendak bisinglah fasal *private jet*, betul tidak?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak jawab. Keputusan hendak naik jet itu, saya dimaklumkan bahawa ini dibuat oleh Mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ini dipengerusikan. Saya dimaklumkan bahawa ini keputusan Kabinet yang membenarkan beliau menghadiri menggunakan apa yang disebut *private jet*, itu dia punya *transportation* tetapi isu dia ialah beliau telah dijemput. Saya berada dalam dewan itu dengan Yang Berhormat Masjid Tanah, saya tengok di mana wanita-wanita dalam negara-negara Arab, Timur Tengah saya tengok memang begitu melihat kejayaan Malaysia, satu negara dan melihat kepimpinan. Kita tahu lah di negara Timur Tengah ini orang perempuan hendak bawa kereta pun tidak boleh. Saya tidak tahu lah parti pembangkang ini, tidak tahu lah dia punya dasar dia, tetapi wanita Timur Tengah melihat kepada Malaysia sebagai contoh...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak betul itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Not quite true...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** ...Yang mana mereka mahu melihat...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tidak betul maklumat itu, bukan negara Arab... tidak boleh bawa kereta.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Bahawa mereka boleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Jadi, yang hadir ini saya hendak sebut ya, bukan beliau sahaja, yang hadir ini ramai, wakil-wakil daripada kerajaan. Hadir juga persatuan daripada...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Pengerang minta...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Biar saya sebut yang hadir, yang hadir juga ialah *senior government official*. Saya hendak sebut nama boleh tetapi saya bagilah disebabkan masa, wakil daripada BAKTI, tiga isteri Menteri yang ikut sekali. Ada juga pegawai-pegawai tinggi daripada kerajaan, daripada NGO, Peniagawati yang dipimpin dan juga wakil daripada media, juga daripada FELDA melalui Persatuan Wanita FELDA (WADA), ini semua menghadiri, kehadiran pada masa itu. Silakan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, nombor satu maklumat yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerang tentang wanita di Timur Tengah adalah tidak benar. Hanya ada satu negara sahaja yang tidak membenarkan wanita memandu iaitu di Saudi Arabia. Saudi Arabia bukan seluruh Timur Tengah. Di Syria, Mesir, Jordan, Bahrain dan banyak lagi tempat, Libya dan sebagainya. Wanita telah memainkan peranan yang cukup penting...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak apalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nombor dua dan ini *point* yang terpenting *irrespective*, dengan izin, *irrespective of the fact that it was Cabinet decision*, hakikatnya jet kerajaan, jet eksekutif kerajaan tidak boleh digunakan untuk peribadi. Apabila dijemput atas dasar peribadi, *then it is a complete...* *[Disampuk]* No, no, minta maaf Yang Berhormat Pengerang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila habiskan Yang Berhormat ya?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak tahuhah sama ada Yang Berhormat Pengerang hendak membantu ataupun sahaja hendak mendedahkan penyelewengan yang berlaku di bawah pentadbiran Barisan Nasional *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam ya kerana PAS lah menyebabkan Barisan Nasional-UMNO menang banyak Kerusi pada pilihan raya baru-baru ini yang ke-13...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Fasal PAS macam Yang Berhormat Shah Alamlah, rakyat memilih kepimpinan Melayu melalui UMNO. Itu sahaja saya hendak sebut, saya hendak jawab satu sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu fasal TV orang pegang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengerang, boleh habiskan Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Kedua, saya hendak sebut ya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Media pun dipegang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini sebabnya yang mana Yang Berhormat Shah Alam hendak tahu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lagi pun undi dekat Johor bertambah bagi PAS.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Akan tetapi undi seluruh Malaysia tidak menang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh! Undi seluruh Malaysia popular naik.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Apa popular? Yang memimpin Barisan Nasional Yang Berhormat Shah Alam, pembangkang tidak memimpin.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa pula?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Barisan Nasional memimpin kerana rakyat memilih Barisan Nasional.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal *Gerrymandering*, pasal di Sabah dan Sarawak 10,000 dapat satu Kerusi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak jawab. Inilah sebenarnya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dekat Shah Alam 50,000 dapat satu kerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia beri soalan, biarlah saya jawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana betul?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Pengerang pun tidak mampu menang, tidak bertanding sudah [*Ketawa*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Eh! Betul, saya menang undi popular sebab parti pembangkang hantar bekas penyanyi, saya pun tidak tahu kenapalah. Mungkin pun tahu saya akan menang, itu terpulang pada parti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pengerang, sila habiskan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Akan tetapi dalam isu ini saya hendak terangkan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bekas penyanyi lawan bekas Menteri, cantiklah [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya berhak terangkan. Beliau adalah isteri Perdana Menteri, beliau dijemput untuk menghadiri. Mesyuarat Kabinet mendapat

surat permohonan daripada Kementerian Luar Negeri- membuat keputusan bahawa beliau menaiki *private jet*. Ini keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Kabinet, apa pula yang salah. Kalau keputusan Kabinet hari ini hendak bagi *private jet* kepada Yang Berhormat Shah Alam pun dia boleh bagi. Itu hak Kabinet, Yang Berhormat Shah Alam hendak bising sebab inilah kerajaan, fasal ini kerajaan telus...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maknanya Kabinet boleh buat ikut suka dialah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini masalah, tolong...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Whatever the Cabinet decides they can go...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *The accountability of Cabinet to the Members of Parliament.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan apa ini? Kerajaan yang tidak ada prinsip dan tidak ada peraturan [*Dewan riuhan*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini masalah Yang Berhormat Shah Alam tetapi sebenarnya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana boleh Kabinet buat ikut suka dia, *you cannot justify* sesuatu tindakan semata-mata ianya kelulusan Kabinet.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak terangkan Tuan Pengerusi. Duduk! Beliau tidak pergi ke sana untuk berjalan. Beliau pergi ke sana kerana...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang salah tetap salah!

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Memenuhi- beliau berjumpa dengan pemimpin, Perdana Menteri daripada Qatar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh balik kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Kabinet benarkan saya bercakap.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** ...Dan juga kepimpinan persatuan dan sebagainya beliau pergi sebagai pemimpin...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Laluan satu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ya lah, dia pergi sebagai seorang...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Isu ini sudah cukuplah Yang Berhormat, sudah keluar daripada butiran Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *She is not representing the government.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Kita tidak boleh menghina hanya kerana beliau isteri Perdana Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana boleh?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini sebenarnya strategi yang dibuat oleh pembangkang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Walaupun isteri, tidak bererti bahawa dia berhak untuk menikmati segala yang...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Seolah-olah isteri itu tidak elok, ini namanya niat jahat, ini niat jahat daripada Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** ...Suka mewujudkan seolah-olah Perdana Menteri dan isterinya orang tak baik, inilah niat Yang Berhormat Shah Alam.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *She was never elected by the people.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Yes! [Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya hendak terangkan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bertanding dahulu dalam pilihan raya...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak terangkan sebab Yang Berhormat jangan salah faham...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *She has no right to use...*

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat, sokong diri sendiri sahajalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia pergi untuk mewakili kerajaan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya bagi jalan kepada Yang Berhormat Tanjung Karang. Silakan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Pengerang, saya hendak minta penjelasan sahaja. Yang Berhormat Pengerang bersetuju tidak bahawa dalam banyak-banyak isteri-isteri Perdana Menteri dalam rantau ini, yang dipanggil diberi penghormatan ialah isteri Perdana Menteri Malaysia. Kalau negara lain boleh memberikan satu pengiktirafan dan pergi dekat sana, bukan sahaja bagi *keynote address*, berjumpa pula dengan pemimpin-pemimpin tertinggi di negara tersebut yang saya ingat jarang diberikan peluang seperti ini.

#### ■1530

Setuju tidak Yang Berhormat Pengerang bahawa kalau pemimpin negara luar boleh memberi penghormatan yang tertinggi kepada isteri Perdana Menteri kita, mengapa kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh menghargai jasa yang dibuat oleh isteri Perdana Menteri dan juga penghormatan yang diberi oleh negara lain? Setuju tidak Yang Berhormat Pengerang bahawa perangai pembangkang, apa juga, barang siapa yang cuba memajukan negara yang mengharumkan nama negara mereka akan menjadi musuh kepada mereka. Sebaliknya, kalau pemimpin mereka pergi luar negara, merosakkan nama baik negara, itu nombor wahid bagi mereka.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Eh, ini apa ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, kita pergi, ...

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Isteri Perdana Menteri- ke mana dia hendak pergi [*Dewan riuu*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tidak guna kemudahan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan mencelah Yang Berhormat Pengerang punya *floor*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tidak guna kemudahan kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *Floor* Yang Berhormat Pengerang Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia boleh pergi ke mana dia hendak pergi, tidak ada halangan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, eh ini apa ini ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau hendak pergi, pergi lah tetapi gunakan duit sendiri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Shah Alam ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Shah Alam duduk lah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Shah Alam, ini *standing* apa? Tidak boleh ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai duduk Yang Berhormat Krai.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kabinet berikan kelulusan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Eh, *you* tahu tidak pasal apa [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduklah, Yang Berhormat Kuala Krai duduk [*Dewan riuu*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Inilah *problem* pembangkang. Dia ingat ini Parlimen ini Parlimen dia punya kah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai duduk Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita ada peraturan, *floor* saya, sebab itu saya bangun.

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sudah makan ubat ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan, peraturan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bangun kerana diberi *floor*. Inilah *problem* pembangkang, hendak mewujudkan satu kekecohan [*Dewan riuu*] Tengok ini!

Ingatkan Parlimen ini pembangkang punya kah? Kita di Parlimen kita ada peraturan. Ini masalah pembangkang, undang-undang ada, peraturan ada tidak mahu dihormati. Hendak bangun sesuka hati. Kalau hendak bangun sesuka hati, saya pun boleh bangun, kita pun boleh bangun [*Dewan riuh*] Apa hendak jadi?

Tolong jaga tingkah laku pembangkang. Jangan ingat hendak tunjuk besar kepala. Hendak tunjuk besar kepala, kita pun boleh tunjuk besar kepala. Tolong Tuan Pengerusi, saya bangun atas peraturan mesyuarat. *Problem* dengan pembangkang kerana pembangkang tidak pernah menghormati undang-undang. Malah peraturan Dewan pun tidak hormat! [*Tepuk*][*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Inilah masalah kita. Kalau kita ikut peraturan, bangun, baik, kita tidak ada kecoh. Tadi Yang Berhormat Shah Alam bangun saya ada bangun? Saya diam. Bila saya hendak bercakap saya minta kebenaran. Ikut lah peraturan. Kalau hendak cakap sendiri pergi melalak tepi jalan lah. Ini bukan tepi jalan hendak buat demonstrasi [*Tepuk*] Jadi saya hendak tanya, saya hendak balik pada isu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Pengerang, setujukah tidak sebagai rakyat Malaysia ....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ketawa? Saya bukan tanya Yang Berhormat Shah Alam. Apa nama ini?

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ketawa dalam Dewan bukan salah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai tidak boleh Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan salah dalam peraturan, ketawa dalam Dewan [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa?... Bangun atas peraturan apa? Tidak faham-faham peraturan. Apa, apa, apa?

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Asas peraturan apa? Saya minta kebenaran, duduklah. Kalau tak tahu peraturan duduk! Janganlah hendak tunjuk besar kepala. Kita ada peraturan duduklah.

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tengok Tuan Pengerusi pun senyum, ketawa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Suka-suka hati hendak bangun, suka-suka hati bercakap. Saya hendak tanya, saya hendak beritahu. Sebagai rakyat Malaysia sepatutnya kita berbangga bahawa isteri Perdana Menteri kita diberikan penghormatan oleh negara luar. Mengapa kita mesti perlekehkan? [*Dewan riuh*] Jadi, setuju kah Yang Berhormat Pengerang dengan apa yang saya cakapkan tadi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengerang boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sebenarnya Tuan Pengerusi saya hendak duduk ini. Saya tengok cara Yang Berhormat Shah Alam ini beria-ia ini macam sebenarnya mereka hendak menafikan kejayaan Kerajaan Barisan Nasional dan isteri mereka. Kehadiran Yang Amat Berbahagia itu dijemput sebagai tetamu kehormat. Dia dijemput, dia merasmikan satu konvensyen. Dia menghadiri di sana berjumpa dengan pemimpin-pemimpin. Itu dia dijemput.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan lah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia dijemput atas kapasiti dia. Ya, kalaualah Kabinet membuat keputusan, yang mempengaruhkan Kabinet bukan Perdana Menteri mempengaruhkan supaya isteri dia pergi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu *technicality* sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan ada *technicality*.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sekarang ini, hujah Tanjong Karang itu betul. Kenapa mereka hendak menafikan kejayaan yang didapati oleh Kerajaan Malaysia, pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib dan isteri dia. Ini masalah pembangkang, apa yang kita buat semuanya tidak elok. Minyak wangi pun dia kata bau kentut sebab dia yang banyak bau kentut. Jadi, saya sebenarnya menyokong ...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Butiran mana, butiran mana Tuan Pengerusi?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** ...Maksud B.22. Terima kasih. Jadi saya hendak minta Tuan Pengerusi dia orang ini kalau tidak suka, suruh dia keluar daripada Dewan lah, masalah betul. Masalah besar!

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Siapa yang pengerusi, dia pengerusi kah? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ada orang Amerika tanya, "Siapa yang *hahaha ni*" *[Dewan ketawa]* Ya Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

### 3.34 ptg

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada anggaran perbelanjaan KKLW ini di bawah kod Objek Am terlebih dahulu iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dianggarkan sebanyak RM9.8 bilion untuk 2014 ini. Saya melihat bajet ini berkurangan berbanding dengan Bajet 2013 yang berjumlah RM9.955 bilion. Walaupun kementerian ini penting tetapi saya melihat bajet ini dikurangkan.

Saya masih lagi untuk melihat di bawah Butiran 03000 – Jabatan Orang Asli. Walaupun Pengkalan Chepa tidak ada Orang Asli tetapi di Gua Musang ada ramai Orang Asli dan dia

menjadi penting kerana rakyat Asli juga mereka yang mengundi dan mereka di Gua Musang itu banyak memberi undi kepada Barisan Nasional.

Tadi Yang Berhormat Lumut telah banyak memberitahu mengenai objektif murni Jabatan Orang Asli ini seperti membasmi kemiskinan, meningkatkan kualiti hidup dan sebagainya. Akan tetapi kalau dilihat pada Butiran 030300 dan 030400 mengenai pembangunan sosioekonomi dan juga pembangunan minda dan pendidikan, kita lihat bajet itu berkurangan begitu ketara iaitu daripada RM13.8 juta pada tahun 2013 kepada RM39 juta.

Jadi, dalam hal ini saya melihat kerajaan sebenarnya tidak berapa serius untuk menangani masalah Orang Asli, ketinggalan Orang Asli. Jadi, saya rasa bajet ini perlu diteliti untuk mengeluarkan Orang Asli ini daripada tahap kemiskinan.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 090100 – MARA. Saya difahamkan terdapat usahawan yang menerima pinjaman daripada MARA, namun tidak menjalankan perniagaan. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian berapa jumlah usahawan yang telah mendapat pinjaman daripada MARA dan berapa peratus kah yang berjaya dan berapa peratus yang gagal dan apakah punca-punca kegagalan mereka ini?

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 00602 – MRSM iaitu kemasukan pelajar. Kita tahu penduduk luar bandar ketinggalan dari segi semua perkara, dari sudut infrastruktur dan juga dari segi guru-guru pakar dan juga pusat-pusat tuisyen berbanding dengan mereka di bandar yang mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur, kemudahan guru-guru pakar dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa merit kemasukan pelajar-pelajar ke MRSM ini bagi pelajar luar bandar mestilah berbeza dan mesti keutamaan diberikan kepada pelajar luar bandar. Itu cadangan saya.

Seterusnya, kepada Butiran 03200. Yang ini saya perlu pengesahan iaitu Skim Rumah Mesra Rakyat. Ada aduan rakyat bahawa borang terutamanya bagi negeri Kelantan dan Selangor diadukan bahawa borang Skim Perumahan Rakyat ini hanya dikeluarkan oleh pejabat UMNO Bahagian. Borang ditapis oleh Pejabat UMNO dan seterusnya baru dihantar kepada SPNB untuk proses seterusnya. Jadi, persoalannya adakah ini benar? Sekiranya ini benar ia merupakan suatu yang agak memalukan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Saya senyum sahajalah. Bagi Butiran 0700 dan 0200 – Bekalan air dan bekalan elektrik. Saya ingin bertanya kepada kementerian berapa peratus kah rakyat luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak yang masih belum mendapat bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik.

Mengenai RTC, saya melihat RTC di Kelantan sangat berjaya dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu di mana pada peringkat awalnya RTC ini lengang tetapi oleh kerana Majlis Perbandaran Kota Bharu menutup pasar borong ikan dalam bandar dan juga sayur dan mengarahkan ke RTC ini, maka kita lihat kerjasama antara MPKB dengan RTC ini menjadikan

ianya sebuah RTC yang berjaya. Jadi, soalan saya kepada kementerian, berapakah jumlah RTC seluruh negara dan berapakah RTC yang berjaya dan berapa yang gagal?

Bagi Butiran 011400 – Pembangunan dan Pemantauan Projek. Kita lihat dalam 2014 ini sebanyak RM15.5 juta diperuntukkan dan ianya bertambah daripada Bajet 2013.

**■1540**

Jadi, saya mohon penjelasan dalam pemantauan kementerian, berapa banyakkah projek yang gagal disiapkan dan berapakah kerugian yang dialami? Apakah punca-punca kepada kegagalan tersebut?

Sedikit mengenai Butiran 00400 yakni Pendidikan Prasekolah. Saya rasakan bahawa memulakan pendidikan dengan guru-guru yang cekap dan kurikulum yang baik boleh membentuk modal insan yang baik. Oleh kerana itu saya mencadangkan agar pendidikan Islam dimulakan daripada kecil lagi. Kalau kita tengok Dr. Zakir Naik, seorang penceramah bebas, beliau memulakan pengajian Islam, bahasa Arab dan Al-Quran seawal usia empat tahun dan beliau berjaya membentuk modal insan yang cemerlang. Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada KEMAS terutamanya untuk meneliti balik kurikulum KEMAS ini bagi menghasilkan anak-anak yang cemerlang *insya-Allah*. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**3.41 ptg.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 100200 – Elaun JKPP dan juga elaun JKPP. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah KKLW yang telah mewujudkan JKPP khususnya di negeri Selangor dan juga mungkin dalam beberapa negeri yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional tetapi sebaik cakap JKPP ini daripada Raub. Raub, Barisan Nasional memerintah tetapi dia tidak faham apa yang berlaku di negeri yang bukan Barisan Nasional memerintah.

Saya hendak ambil contoh Selangor. Selangor ini ialah negeri yang memang wujud JKPP. Sebab apa kita wujudkan JKPP? Ini kerana kita hendak pastikan bahawa struktur peruntukan Kerajaan *Federal* benar-benar sampai kepada rakyat. Oleh kerana itu di Selangor sebagai contoh, rakyat kena menerima hakikat bahawa ada dua kerajaan. Satu Kerajaan Barisan Nasional yang peruntukan pembangunannya datang daripada *Federal* dan satu lagi ialah Kerajaan Pakatan Rakyat. Masing-masing kerajaan ada bajet masing-masing. Masing-masing kerajaan sewaktu pilihan raya dahulu ada manifesto masing-masing. Oleh kerana itulah untuk Barisan Nasional menunaikan janji kita kepada rakyat, kita hendak pastikan peruntukan yang kita bahas pada hari ini sampai berhari-hari benar-benar sampai kepada rakyat kerana kita tidak mahu ada sabotaj yang berlaku oleh pihak kerajaan negeri.

Saya hendak beritahu di setiap negeri dalam Selangor kita ada Jabatan Pembangunan Persekutuan. Di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan kita ada penghulu kita sendiri. Kita juga ada pegawai daerah kita sendiri. Kita jaga dan ada JKPP di bawah. Adakah pelantikan

JKKKP ini berdasarkan kepada politik? Jawabnya tidak! Kalau jawabnya ya memang pihak pembangkang mengesahkan. Saya hendak beritahu mengapa. Kalau betul-betullah JKKKP atau JKKK itu yang dikatakan tadi sebagai satu institusi yang boleh membangun dan membela rakyat tanpa mengira fahaman politik, mengapa JKKK waktu Barisan Nasional memerintah dahulu bila PKR memerintah Selangor, semua JKKK ini ditukar? Kita tidak persoalkan ditukar. Itu hak kerajaan negeri tetapi mengapa ditukar? Diberi kepada pemimpin-pemimpin parti mereka di akar umbi. Mengapa? Oleh sebab itu saya kata, pembangkang cakap tidak serupa bikin. Saya hendak cabar di negeri Selangor *[Disampuk]* Tahu pun. Terima kasih banyaklah.

Jadi kalau sudah tahu UMNO buat macam itu mengapa hendak bising? Mengapa jadi budak-budak dalam Dewan ini?...

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Kita bising sebab *the principle is* kita tidak boleh wujudkan satu institusi pembayang. *You have the... If you are the authority of* satu kerajaan. Saya minta pada dia.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, minta dari dia.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Dia sudah beri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham, saya faham. Terima kasih Yang Berhormat Raub. Oleh sebab itu saya kata. Apa institusi dekat bawah? Institusi dekat bawah ialah yang akan mencerminkan kerajaan dan yang hendak memastikan dan memantau segala projek yang diberi oleh kerajaan mesti sampai ke rakyat. Membawa laporan balik kepada agensi yang memberikan peruntukan. Ini amat penting.

Oleh kerana itu duit daripada kerajaan negeri. Mereka berhak melantik JKKK mereka. Lantiklah. Kita tidak ada masalah. Hendak lantik ketua PAS atau ketua PKR lantiklah, tidak ada masalah sebab kita faham, kita hormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti dulu. Bagi saya habiskan dahulu. Batu mana ada JKKKP? Duduklah. Batu mana ada JKKKP. Yang tadi Yang Berhormat tidak faham, duduk.

**Tuan Pengurus [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat ada JKKKP saya berilah. Batu tidak ada JKKKP. Maknanya Yang Berhormat tidak faham. Jadi saya beri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Maksud saya..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Batu ni susah hendak bercakap. Chin Peng pun dia sokong tidak habis-habis lagi.

Jadi sebab itu, minta maaflah, sebab Yang Berhormat yang pergi menghormati Chin Peng dahulu. Orang lain tidak pergi pun. Duduk dulu Yang Berhormat Batu. Saya hendak beritahu. Ini cerita apa yang berlaku di negeri yang ada JKKKP dan JKKK. Batu di Wilayah Persekutuan, mana ada JKKKP ini. Jadi dia tidak faham. Dia pun bukan ADUN, jadi dia tidak faham. Jadi inilah masalah. Tidak faham hendak bercakap tetapi saya akan beri bercakap selepas ini. Yang Berhormat dengar dahulu. Jadi apa tugasnya? Tugasnya untuk memastikan projek ini berjalan.

Oleh sebab itu saya kata kita tidak bising pun bila JKKK itu dilantik oleh kerajaan negeri. Kita tidak bising pun bila kerajaan negeri tidak menghormati keputusan rakyat. Hendak pilih nazir masjid sudahlah. Pilih nazir masjid, pilih imam masjid, buat undi. Bila buat undi kalau ikut demokrasi yang undi nombor satu itu patut jadi nazir, patut jadi imam. Ini tidak. Hantar tiga nama, hantar pada kerajaan negeri. Bila nama turun, eh yang dapat nombor tiga dipilih jadi nazir. Yang dapat nombor dua pula dipilih jadi imam. Inikah demokrasi secara aman?

Akan tetapi kita tidak bising! *[Disampuk]* Itu demokrasi pembangkang. Samalah juga DAP punya demokrasi. Macam DAP ini juga. Sebab dia punya demokrasilah. Dalam Perlembagaan DAP, pengurus-pengurus negeri dipilih oleh Ahli-ahli DAP di negeri. Ertinya Pengurus DAP dipilih tetapi di Kedah demokrasinya pengurus yang dipilih ditukar dan dilantik pula orang lain menjadi Pengurus DAP di Kedah. Itu demokrasi DAP. Tidak menghormati undang-undang mereka sendiri. Kalau undang-undang sendiri pun tidak mahu dihormati, Yang Berhormat Gelang Patah yang hendak mewujudkan Dinasti Lim, inilah masalahnya. Sampai perlembagaan sendiri pun tidak mahu hormati.

Jadi saya hendak balik kepada ini. Betul atau tidak Yang Berhormat Seputeh? Betul apa yang berlaku pada DAP di Kedah. Itu yang DAP marah pada Kedah. Letak jawatan semua. Tidak menghormati keputusan rakyat. Sama juga PKR ini. Dia kerajaan negeri. Jadi sebab itu kita lantik JKPP kerana JKPP akan lapor kepada siapa? Dia akan lapor kepada penghulu kita. Penghulu kita akan lapor kepada siapa? Lapor kepada pegawai daerah kita. Pegawai daerah kita lapor kepada siapa? Lapor kepada pegawai pembangunan negeri. Pegawai pembangunan negeri lapor kepada siapa? Lapor kepada Majlis Tindakan Pembangunan Negara. Ini sistem kita. Kerana apa? Di Selangor hendak marah apa? Kalau kata kita lantik penyelaras.

Di negeri Selangor yang dilantik menjadi penyelaras DUN ada berapa? Ada 12 orang. Hari ini DUN Barisan Nasional, tiap-tiap DUN yang dimenangi oleh Barisan Nasional mereka juga melantik penyelaras. Penyelaras mereka juga ada peruntukan macam DUN. Macam-macam lebih daripada wakil rakyat lagi di kawasan mereka. Kita tidak bising pun sebab kita faham ini kuasa politik. Ada kuasa, gunakan. Ikut peraturan duit kerajaan negeri. Hendak belanja, belanjalah tetapi masalahnya yang masalah ini yang bercakap orang yang tidak faham. Hendak cakap Raub. Raub bukan ada JKPP. Hendak cakap Batu, Batu bukan ada JKPP. Akan tetapi dalam..

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sekejap.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Saya hendak beri..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Raub ada JKPP?

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Tidak ada tetapi saya faham pertalian antara JKPK dan JKPP.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak ada, duduklah.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Pasir Puteh saya boleh beri sebab dia Kelantan, saya faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya beri contoh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh ada JKKP.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya beri contoh JKKP kerana pembangkang ini macam peribahasa kata selalu menggunakan peribahasa yang mengatakan "lembu punya susu, sapi dapat nama". Saya beri contoh. Perangai mereka macam ayam. Telur sebijji, riuh sekampung. Kita macam penyu Barisan Nasional. Ini kelemahan Barisan Nasional. Saya mengakui kelemahan Barisan Nasional kerana kita mengamalkan budaya penyu. Kita telur banyak pun kita diam sahaja, penyu... pembangkang.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Itu bising tu [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ambil satu contoh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Itu bising [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penyu itu sangat laparlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya beri, saya beri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Penyu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya beri. Tambah Yang Berhormat Seputeh. Saya beri Yang Berhormat Seputeh. Ini mestilah Seputeh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh dengan Seputeh sama. Pasir Puteh dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Seputeh ini bagus sebab dia dulu masuk jadi Exco Industri, pelaburan di negeri Selangor naik RM11.8 bilion kerana kebijaksanaan Yang Berhormat Seputeh.

#### ■1550

Oleh kerana boleh jadi Menteri Besar kah, DAP kah takut dengan Yang Berhormat Seputeh ini popular dia terus tidak bagi jadi Exco. Itu yang pelaburan di Selangor ini merudum daripada RM11.8 bilion tinggal RM2.8 bilion sebab Yang Berhormat Seputeh tidak ada [*Dewan riuhan*]

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Betullah itu, betullah itu. Tidak mengapalah itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Seputeh ini hebat! Dia hebat, dia merupakan pemenang yang paling banyak dalam Malaysia, menang lebih daripada 50,000 hebat! Oleh sebab itu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kuasa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Oleh sebab itu di dalam DAP... [*Dewan riuhan*] Duduklah Yang Berhormat Batu!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, ini peringkat jawatankuasa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu budaya DAP siapa hendak tengok hebat-hebat tentang Yang Berhormat Seputeh ini, dia tidak *confirm*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini peringkat jawatankuasa, bukan jawatankuasa UMNO.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu. Masalah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu Yang Berhormat Seputeh hebat, nanti, nanti saya bagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini bukan mesyuarat cawangan UMNO.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nantilah, nantilah saya hendak cakap Yang Berhormat Batu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah! Tidak bagi duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak cakap, saya bagi. Nama Yang Berhormat Batu, jangan kepala batu sudahlah. Ini yang masalah, mentang-mentang Ahli Parlimen Batu dia hendak tunjuk kepala batulah pula. Saya hendak beritahu contoh. Contoh yang saya kata pembangkang hendak orang kata, lembu punya susu, tetapi sapi dapat nama. Contoh bantuan tebatan banjir negeri Selangor, berapa juta? RM37.9 juta. Daripada duit ini? Duit ini datangnya daripada *Federal*. *Federal* bagi RM25.5 juta. Berapa kerajaan negeri bagi? Kerajaan negeri hanya bagi RM12.4 juta. Separuh duit daripada *Federal* siapa yang patut buat *announcement* sepatutnya?

Adakah Kerajaan *Federal* ataupun kerajaan negeri. Patutnya Kerajaan *Federal* buat kenyataan. Ini tidak, Menteri Besar buat kenyataan. Seolah-olah macam duit dia, macam dia hendak jaga banjir. Oleh sebab itulah negeri Selangor ini bukan sahaja kita. Ini tengok ini MBJ didesak, Gombak desak, semua desak. Ada duit tidak tahu bagi Kerajaan Negeri Selangor.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini Dewan Undangan Selangor kah?  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapalah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dia sudah silap kena. Bahas Dewan Undangan Negeri Selangor salah tempat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu Yang Berhormat tidak faham...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh duduk Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Selangor pun negeri Malaysia juga.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab saya cakap Yang Berhormat Batu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya cakap bawah butiran.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dia salah...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Selangor Malaysia juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapalah Yang Berhormat biarkan dia.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Oh bila sentuh Selangor tidak boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau saya salah cakap Tuan Pengerusi tegur saya. Saya boleh balik daripada tajuk. Akan tetapi saya sekarang bercakap...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi tengok.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi saya bercakap bawah Butiran JKPP ada butiran dia. Bila ada butiran dia saya bercakap sebab masalah JKPP, yang saya kata tadi ada kaitan dekat atas. Oleh sebab itu kita di negeri Selangor saya sebagai rakyat orang Parlimen daripada Selangor saya minta dan saya menyokong penuh supaya JKPP negeri Selangor mesti diwujudkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Point of order, point of order* butiran apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudahlah duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Untuk memastikan bahawa peruntukan daripada *Federal* akan sampai daripada rakyat. Apa?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Butiran mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah sebut sudah butiran tersebut.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey ini dua-dua saya punya *partner*. Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Seputeh barulah *partner* saya ini yang belakang ini cakap tidak tentu hala. Ini saya bagi kepada Yang Berhormat Seputeh. Selepas ini Yang Berhormat Ipoh Barat hendak bertanyakah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjung Karang kita ada had masa 10 minit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hendak bagi Yang Berhormat Seputeh kah tidak? Tidak kita bagi kepada Yang Berhormat Seputeh sebab dia pun daripada Selangor. Saya hormat daripada Selangor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, bagilah. Ya Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat Tanjung Karang ini bahas di tempat yang salahlah. Kalau ada sidang Dewan Undangan Negeri Selangor, jadi semua ini mungkin adalah ucapan untuk kawan dia di Dewan Undangan Negeri Selangor. Sekarangnya ialah...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Pandang seriuskah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, sekarang ialah di Selangor kita ada ketua kampung dilantik oleh kerajaan negeri. Saya ada kampung daripada *Federal* dan bagi orang kampung *confuse*. Mana satu hendak ikut? Sekarang ialah kita tahu selama ini ketua kampung atau JKKK atau JKKKP semua ini dilantik adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi yang sekarang yang *Federal* juga ada jawatankuasanya, kacaulah. Saya rasa demi keamanan, kedamaian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kesejahteraan kalau kawasan kampung dan juga luar bandar adalah lebih baik hormat pilihan rakyat itu seharusnya dilantik jawatankuasa JKKK yang dilantik oleh kerajaan negeri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini Yang Berhormat Seputeh. Oleh sebab dia pandai cakap, sebab itu dia takut dengan Yang Berhormat Seputeh ini yang lebih maju ke depan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Satu minit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, sila-sila Yang Berhormat Batu. Tidak mengapalah bagi kepada Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang tepat kata Batu tidak ada JKKK. Itu sebab ini adalah kerana pelantikan ini mengikut perlembagaan. Perlembagaan membolehkan kita ada tiga paras kerajaan. *Local government* itu sebahagian daripada perlembagaan. Kalau JKKK dilantik atau ketua kampung atau *local council* dilantik oleh kerajaan negeri itu mengikut perlembagaan. Akan tetapi kalau JKKKP ini adalah satu agensi yang diwujudkan tidak mengikut lunas perlembagaan. Oleh sebab itu jadi bezanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau macam ini Yang Berhormat Batu sepatutnya boleh kerana pelaksanaan tidak ada *local council* lantiklah. Akan tetapi tidak lantik sebab itu bukan ikut perlembagaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang boleh habiskan Yang Berhormat ya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak mengapalah nanti Kementerian Perumahan akan umum untuk tubuh JKKKP konsepnya lebih kurang JKKKP. Jadi Yang Berhormat Batu boleh bercakaplah soal itu. Dia tidak faham beza JKKKP ini, baik macam kita Yang Berhormat Seputeh. Saya sudah ulang banyak kali. Kita hendak pastikan peruntukan daripada Kerajaan *Federal* benar-benar sampai kepada rakyat. Tidak ada masalah dekat bawah. Yang pening kepala ini pemimpin yang dekat atas sahaja. Rakyat khabar tahu borang, kita tahu kita tanya ini borang peruntukan daripada siapa?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencelah sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peruntukan daripada kerajaan negeri. Pergilah jumpa JKPP. Hendak minta bantuan sekolah rendah agama, pergi jumpa dengan JKPP. Ini peruntukan daripada mana? Daripada *Federal* daripada Kementerian Pertanian kena sain JKPP.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi bukannya soalnya. Yang penting rakyat mendapat faedah. Itu yang pentingnya, siapa juga yang menyokong, yang penting rakyat mendapat faedah. Akan tetapi bagi kita bukan sahaja rakyat mendapat faedah tetapi rakyat mesti tahu siapa punya peruntukan, siapa punya duit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duit rakyat kalau kerajaan negeri pun tetap untuk rakyat juga.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Wilayah hendak jumpa ya, Wilayah Persekutuan hendak jumpa siapa?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi sebab itu. Wilayah Persekutuan hendak jumpa siapa? Jumpalah menteri yang ada. Jadi sebab itu Tuan Pengerusi, jangan cuba hendak politikkan isu ini. Kita hormat Yang Berhormat Ampang, saya boleh bagi Yang Berhormat Ampang ini Selangor. Okeylah tetapi Yang Berhormat Ampang ini Selangor. Silalah Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Tanjung Karang. Saya dengar Yang Berhormat Tanjung Karang berhujah dengan JKPP dan JKPP yang dilantik oleh kerajaan negeri. *Line of reporting*, dengan izin, tadi ada sebuah *confusion*, dengan izin Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tanjung Karang menyebutkan bahawa untuk memastikan bahawa peruntukan itu daripada *Federal* akan digunakan cara betul akan sampai ke akar umbi oleh JKPP.

Saya juga hendak tanya, bagaimana pula pandangan Yang Berhormat Tanjung Karang mengenai wang peruntukan untuk Ahli Parlimen wakil rakyat di peringkat Parlimen yang tidak diberikan melalui kami, tetapi dia beri melalui Ketua Bahagian UMNO. Seorang yang tidak dilantik bukannya dia menang, dipilih orang rakyat diberikan kuasa untuk membelanjakan wang itu. Jadi apakah keamanahannya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkas Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Boleh Yang Berhormat Tanjung Karang tolong jelaskan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya ingat tadi semasa saya berucap Yang Berhormat Ampang adakah tidak atau tidur? Saya sudah cakap banyak masuk tadi. Saya sudah cakap tadi, inilah dia masalah pembangkang. Dia tidak faham apa yang dia cakap. Macam tadi dia tidak dengar apa yang saya cakap. Saya kata tadi dia bukan *report* pun

bukannya *report* pun kepada pegawai daerah. Kita ada kita punya pegawai persekutuan sendiri. Kita ada di bawah 'SUU'. Pegawai daerah ini dia di bawah SUK. Itu tidakkan tidak faham, satu.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat Ampang, saya sudah sebut tadi, DUN ada 12 DUN yang hanya BN menang. Yang Berhormat tahu tidak di dua belas DUN yang BN menang bawah kerajaan negeri ada yang melantik penyelaras mereka. Ada peruntukan mereka dan kalau Kerajaan Negeri Selangor ini adil, duduklah dulu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu di bawah kuasa kerajaan negeri! *[Ketawa]* Okey mereka boleh lantik tetapi soalan saya...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, habis-habis. Okey *[Dewan riuh]* Baik-baik. Sudah-sudah okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa *standard*lah ketua wanita ini.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Cakap tidak serupa bikin.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey sudah-sudah duduk.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Pakai nama yang salah!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah sudah, sudah, sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah, sudah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Ampang baca buku mana ini? Yang Berhormat Ampang baca silap buku.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak ucapkan...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang ini tidak fahamlah, buat... tangkap udang *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah, sudah, sudah. saya hendak rakamkan terima kasih banyaklah kepada Yang Berhormat Ampang yang telah pun mengakui bahawa itu proses kerajaan negeri. Betul. Oleh sebab itu kita cakap, itu sebab janganlah ini yang saya kata ini yang kuman seberang laut nampak, gajah depan mata tidak nampak contoh Yang Berhormat Ampanglah. Dia juga tetapi saya hendak bagi tahu.

■1600

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau kata duit kerajaan negeri- tadi kata duit rakyat. Apa? Kalau kerajaan negeri membayar elaun, memberi peruntukan kepada penyelaras mereka yang tidak dipilih oleh rakyat, adakah duit itu dibayar oleh PKR? Jawabnya bukan dibayar oleh PKR *[Dewan riuh]* Dibayar oleh rakyat. Saya rakyat Selangor, kad pengenalan saya 10, darah saya mengalir di Selangor. Bukan macam Yang Berhormat Ampang, IC dia bukan 10. Saya tahu dia dilahirkan di mana. Jiwa tidak sama.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Minta maaf cakaplah.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya hendak beritahu bahawa Pakatan Rakyat jangan menipu rakyat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Minta laluan sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bila kita buat, "Oh! Ini duit rakyat." Apa? Kalau Kerajaan Negeri Selangor pergi bayar kepada Yang Berhormat Pandan hari itu yang mendapat eluan jadi penasihat Menteri Besar yang tidak berapa cerdik pun dia beri duit, apa itu duit Menteri Besarkah dibayar? Itu duit rakyat!

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, tolong sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Janganlah bila kata Barisan Nasional guna duit rakyat, bila kerajaan negeri belanja kata bukan duit rakyat. Kalau kata PKR, ini saya hendak tunggu yang Selangor ini menjadi tuan rumah sekarang ini dalam Mesyuarat Agung PAS sekarang ini. Kita ada maklumat. Jangan jadi macam dahulu. Dahulu bila Selangor menjadi tuan rumah, perhimpunan PKR tiga tahun lepas tidak silap saya, perhotelan pun kerajaan negeri tolong bayar [*Dewan riuh*] Kita ada bukti [*Dewan riuh*] Jadi oleh itu, saya mengucapkan terima kasih banyak. Saya menyokong supaya JKPPK diteruskan. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang. Tuan Pengerusi, kalau tohmahan yang tidak berasas... [*Dewan riuh*] Dia kena ada bukti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat, macam ini, bawa ke SPRiah [*Dewan riuh*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Batu, panas, panas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, saya panggil Yang Berhormat Kampar di belakang sana, kemudian Yang Berhormat Jerlun. Itu sahaja Yang Berhormat. Selepas itu minta Menteri menjawab.

#### 4.01 ptg.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam perbahasan kali ini di peringkat jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud Bekalan 22, Butiran 090100 - Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebanyak RM3,495,019,400. Seperti dilaporkan dalam media pada bulan Julai tahun ini, Maktab Rendah Sains MARA berharga RM80 juta yang baru dibuka di Parit, Perak merupakan MRSM pertama di Perak dan yang ketiga di Malaysia yang menawarkan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) kepada pelajarnya. Seterusnya, kesemua MRSM dijangka melaksanakan sistem dwi sijil SPM dan IGCSE menjelang tahun 2016. Maktab pertama yang menawarkan sistem dwi sijil ini ialah MRSM di Pekan, Pahang.

Tuan Pengerusi, IGCSE ialah kelayakan yang diiktiraf dunia. Ia turut ditawarkan di kebanyakan sekolah antarabangsa di Malaysia kepada pelajar yang mampu membayar yuran

persekolahan sebanyak hampir RM60,000 setiap tahun. Contohnya di Kolej Tunku Jaafar. Dengan terlaksananya sistem dwi sijil ini, pelajar-pelajar di MRSM juga akan mempunyai akses kepada IGCSE ini. Kumpulan pelajar ini boleh melanjutkan pelajaran di luar negara dalam masa yang lebih singkat tanpa perlu menghadiri program transisi.

Pada masa sekarang, terdapat 49 buah MRSM yang menawarkan 9,000 tempat pelajar di seluruh negara. Jumlah ini apabila dibandingkan dengan 462,940 orang pelajar yang menduduki PMR pada tahun ini adalah kurang daripada 2% daripada keseluruhan bilangan pelajar. Lebih daripada 44,000 permohonan telah diterima bagi 9,000 tempat yang sedia ada pada tahun ini. Walaupun akan terdapat empat buah MRSM baru dengan penambahan 1,000 tempat untuk pelajar menjelang tahun 2014, namun bilangan tempat yang tersedia ada tidak akan mencukupi untuk bakal pemohon.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

Jelas sekali bahawa hanya satu golongan kecil pelajar yang bertuah dan elit iaitu sekitar 2% daripada jumlah pelajar sahaja yang akan mempunyai akses kepada pendidikan dalam aliran bahasa Inggeris dan masa depan yang lebih cerah. Bagaimana pula dengan nasib 98% pelajar yang lain? Adalah tidak adil dan tidak betul untuk manafikan hak kumpulan pelajar ini kepada peluang yang sama. Kebanyakan pelajar yang diterima masuk MRSM mungkin dari golongan kaya dan berkuasa, golongan elitis. Walau bagaimanapun, bagi negara kita maju dan mencapai status negara maju, kita mesti majukan keseluruhan lapisan masyarakat. Dalam usaha ke arah ekonomi bertaraf dunia, kita akan sama-sama memperoleh faedah apabila mempunyai penguasaan bahasa Inggeris dalam pertuturan dan juga dalam bidang teknologi.

Sekiranya IGSCE membawa manfaat kepada pelajar MRSM, ia seharusnya membawa manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia. Adalah lebih ideal sekiranya sistem dwi sijil ini turut ditawarkan sebagai pilihan kepada pelajar di lebih banyak sekolah kerajaan. Kelayakan SPM sahaja tidak mencukupi untuk menyediakan modal insan yang mencukupi memenuhi permintaan daripada syarikat multinasional di dalam dan di luar negara kita.

Tuan Pengurus, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah dilancarkan dalam tahun 2003. Ia bertujuan meningkatkan taraf bahasa Inggeris bersama dengan pembelajaran sains dan matematik. Walau bagaimanapun, PPSMI gagal mencapai matlamatnya dan dimansuhkan pada tahun 2012.

Sistem dwi sijil SPM dan IGCSE seperti yang diamalkan di MRSM mungkin sukar untuk dilaksanakan. Pertamanya, langkah ini memerlukan peruntukan tambahan yang amat besar. Seterusnya adalah faktor permintaan tambahan IGCSE ke atas masa belajar yang pada masa yang sama perlu bersedia untuk menduduki SPM. Opsyen menemukan semula pendidikan aliran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah harian kerajaan yang terpilih nampaknya lebih murah dan mudah diurus daripada aspek permintaan ke atas pelajar.

Tuan Pengerusi, sekolah aliran bahasa Inggeris merupakan normal dalam sistem pendidikan negara sebelum dihapuskan dalam tempoh 1970 hingga 1982. Pada zaman itu, Malaysia dicemburui oleh negara-negara lain. Kita semua...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Pengerusi, ini kepala mana ini? Educationkah atau pun Kementerian Luar Bandar dan Wilayah?

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Kalau MRSM boleh tawarkan dwi sijil sistem dengan perbelanjaan negara, saya cadangkan sekolah aliran bahasa Inggeris boleh jadi satu pilihan kepada 98% pelajar lain seperti sekolah agama, sekolah antarabangsa dan sekolah persendirian. Ini kerana hari ini pun ada ramai Ahli Yang Berhormat yang meminta MRSM ditubuhkan di kawasan mereka, tetapi peruntukan bagi menubuhkan lebih MRSM itu adalah amat besar.

Dengan ini, saya mendesak kerajaan untuk menghidupkan semula pendidikan aliran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah harian kerajaan yang terpilih demi meningkatkan prestasi pelajar sekolah kita di dalam penilaian antarabangsa dan juga kedudukan universiti-universiti kita supaya kita benar-benar boleh menjadi sebuah negara maju. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jerlun. Saya difahamkan oleh Pengerusi tadi bahawa selepas Yang Berhormat Jerlun, Menteri sudah sedia untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Jerlun.

#### 4.09 ptg

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbahas dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tahniah kepada kerajaan yang telah menyediakan bajet yang masih besar walaupun ada sedikit penurunan jika dibandingkan dengan tahun lepas.

#### ■1610

Jadi, saya hanya hendak mengambil kesempatan untuk membahaskan beberapa perkara yang mungkin belum disentuh oleh mana-mana Yang Berhormat yang lain. Pertama sekali tajuk Butiran 070000 dan juga 04100 iaitu berkaitan dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). KEDA telah pun diberikan peruntukan gabungannya hampir RM50 juta iaitu RM26.8 juta bagi mengurus dan RM20 juta untuk pembangunan.

Jadi kita sedar bahawa KEDA ini telah pun ditubuhkan pada tahun 1981 untuk membangunkan wilayah baru di Kedah, membuka kawasan-kawasan baru, menyusun semula sosioekonomi rakyat dan sebagainya. Apa yang kita lihat setakat ini memang KEDA telah pun berjaya.

Namun, mungkin kekurangan ketika itu adalah pemilihan kawasan yang dibuat untuk menempatkan 52 penempatan rakyat di dalam kawasan KEDA ini yang mana tidak ada aktiviti ekonomi yang boleh membantu mereka. Jadi, selamanya penduduk kawasan itu terpaksa dibantu dan kita tidak melihat banyak sangat kemajuannya kecuali daripada segi pelajaran dan sebagainya. Namun, ada dua buah kawasan perumahan yang mempunyai aktiviti ekonomi yang

mantap iaitu di Ulu Legong, di Baling dan juga di Wang Tok Rendong, di Langkawi yang terlibat dengan program *homestay* yang mana jualan permintaan *homestay* mereka amat tinggi. Kita minta supaya kementerian dan juga KEDA dengan kerjasama kementerian lain termasuk Kementerian Pelancongan untuk memantapkan lagi aktiviti ini supaya ia dapat dijadikan contoh sebagai kampung yang berjaya.

Seterusnya, yang penting sekali pada hari ini ialah Butiran 060000 - RISDA yang mendapat RM252 juta dan di bawah Kepala 040000 sebanyak RM279 juta. Kita sedar bahawa hari ini Malaysia sangat bergantung kepada pekebun kecil untuk menghasilkan getah yang mana hari ini sebanyak 986,000 hektar getah ditanam melalui pekebun kecil. Sedangkan melalui ladang ataupun estet hanya sekadar 64,000 hektar. Pengeluaran hasil yang dibuat oleh pekebun kecil ketika ini, hitung panjangnya adalah 1,510 kilogram satu hektar. RISDA telah pun menasarkan untuk tahun 2014 untuk program tanaman semula RM162,963 hektar.

Jadi, sudah tentulah apabila masalah yang sering kita dengar di bawah sana termasuk di kawasan-kawasan luar bandar di Kedah yang mana apabila dibuat penebangan, *felling* penebangan pokok lama untuk ditanam semula, RISDA mengambil masa yang agak lama kerana katanya bekalan benih getah itu agak lambat. Ini perlu dilihat dan dirancang betul-betul oleh RISDA kerana kita tidak mahu terdapat kawasan yang ditebang dibiarkan kosong, tidak ada produktiviti sehingga dua tahun. Jadi, sudah tentulah kita mahu supaya RISDA juga memastikan kualiti benih yang dibekalkan oleh kerana permintaan yang tinggi, maka mungkin ada pihak yang cuba mengambil kesempatan membekalkan anak benih getah yang tidak sesuai yang hanya akan disedari kesannya tujuh tahun atau lapan tahun atau sepuluh tahun yang akan datang.

Sama jugalah dalam Kepala 03100 – FELCRA yang diberikan peruntukan yang agak banyak iaitu RM360 juta juga perlu memastikan kualiti pengurusan estet dan juga ladang di bawah FELCRA itu dapat menjamin pulangan yang setimpal dan baik untuk peserta-peserta program FELCRA.

Di bawah NKRA - Butiran 120400, Butiran 120600 dan Butiran 120700. Ini yang saya rasa adalah sebahagian daripada matlamat besar...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Program Transformasi Komuniti iaitu yang merangkumi dua tajuk iaitu RTP dan juga UTP. Program... Oh!

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana tidak sempat berucap, mencelah sahajalah. Soal mempertingkatkan masyarakat luar bandar ini, sebagai mana yang sahabat Yang Berhormat Jerlun sentuh tadi, ada satu yang dikatakan Infodesa pengupayaan masyarakat di luar bandar. Saya melihat pihak kementerian telah pun menukar namanya kepada RTC. Ertinya, RTC ia sebagai satu pusat untuk mempertingkatkan keupayaan masyarakat-masyarakat di luar bandar Yang Berhormat Jerlun.

Jadi, apakah pihak kementerian, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jerlun, setakat manakah keberkesanan dan berapa pusat yang telah dikenal pasti RTC ini yang mana keberkesanan NKRAnya, pencapaiannya kepada masyarakat luar bandar ini supaya dia lebih

mahir dalam segi ICT, macam-macam keupayaan dengan maklumat-maklumat yang terkini terutama sekali maklumat-maklumat daripada pihak kerajaan dan sebagainya. Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jerlun, minta kepada kementerian supaya menerangkan apakah kesudahan dan di mana tempat-tempat yang diletakkan RTC yang kononnya mempertingkatkan keupayaan masyarakat luar bandar?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Oleh kerana saya pun kesuntukan masa, saya minta dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Jadi, di bawah program *Rural Transformation Program* (RTP), dengan izin, kita hendak mencergaskan semula kawasan luar bandar yang mungkin dahulu kurang bermaya, kawasan ini lebih berdaya maju, lebih produktif dan di dalam program ini terdapat satu program baru yang sebut sebagai Kampung Abad 21. Kita difahamkan, kementerian telah pun memilih, telah pun mengenal pasti 42 buah kampung dan kita harapkan di bawah program ini juga, akan melibatkan 37,800 isi rumah dan 189,000 orang akan mendapat manfaat keseluruhannya. Cumanya kita juga hendak bertanya kepada kementerian, apa sudah jadi dengan Gerakan Daya Wawasan yang sebelum ini memang menjadi satu ikon kementerian dan kita hendak supaya janganlah, apabila Kampung Abad Ke-21 ini diaktifkan, diwujudkan, maka dilupakan pula dengan GDW yang telah lama bergerak .

Selain daripada itu, sudah tentulah seperti Yang Berhormat Putatan sebut tadi dalam konteks ini dimasukkan RTC dan kita hendak supaya kementerian juga mengenal pasti dan memberikan jawapan seperti yang telah diminta oleh Yang Berhormat Putatan sebentar tadi. Dalam satu lagi komponen RTP ini, ada Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) yang satu ketika telah difahamkan akan diwujudkan di peringkat Parlimen dan kita hendak tahu daripada kementerian, sehingga kini sejauh manakah pelaksanaan atau perancangan mewujudkan Majlis Pembangunan Luar Bandar? Adakah sama konsepnya dengan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) yang ada.

Seterusnya, di bawah RTP ini juga kementerian berhasrat untuk mewujudkan pangkalan data induk. Kita sedar bahawa banyak sangat data yang ada, cumanya mana satu yang kita hendak guna pakai. Adakah kita hendak menggunakan e-Kasih, e-Sinar dan sebagainya? Ataupun adakah pangkalan data induk ini bermaksud, setiap isi rumah itu dikenal pasti tuannya dan juga anaknya, kaum keluarganya, di mana mereka belajar dan apakah pencapaian dan sebagainya? Ini amat penting.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ia ada berkaitan dengan Kepala 220300 iaitu Peruntukan Jalan Luar Bandar yang menerima peruntukan sebanyak RM979 juta. Jadi, saya kira ini memang kerja berterusan kementerian.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Kementerian sentiasa memberikan peruntukan setiap tahun tidak kira di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak tetapi di peringkat pelaksanaan. Silakan.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberikan sedikit maklumat tentang jalan-jalan luar bandar di seluruh negara dan juga khususnya dia beritahu di Sabah. Dia menyatakan bahawa masih ada lebih 10,000 kilometer jalan-jalan luar bandar di Sabah yang perlu dinaiktarafkan, perlu diturap dan ia memerlukan sebanyak lebih kurang RM33 bilion untuk menurap keseluruhannya. Kalau kita tengok dalam bajet ini, pada tahun ini, dinyatakan juga ada lebih kurang hampir RM1 bilion untuk seluruh negara. Khusus untuk Sabah, Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi tadi menyatakan bajet untuk Sabah RM140 juta.

#### ■1620

Kalau kita lihat dari segi unjuran dia, kalau-lah setiap tahun RM140 juta bajetnya, kemudian peruntukan diperlukan RM33 bilion. Kalau begitulah kadar pelaksanaannya, kita memerlukan lebih 200 tahun untuk menyelesaikan seluruh dan menurap semua jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah sahaja. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju cadang kepada kerajaan buat satu program khas untuk menyelesaikan naik taraf penurapan jalan-jalan luar bandar ini supaya kita dapat selesaikan? Kalau tidak selesai dalam masa tujuh tahun, sampai tahun 2020 pun, sekurang-kurangnya jangan tunggu sampai 200 tahunlah. Kalau tidak, bagaimana kita mahu capai negara maju?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuaran. Sudah tentulah bila bercakap soal jalan, kalau kita bercakap soal jalan luar bandar, ada jalan yang dikategorikan dengan *state road* atau jalan negeri. Kemudian jalan kampung dan ada jalan macam tempat saya di Kedah ini, di kawasan MADA - jalan MADA, pun jalan luar bandar. Dalam konteks yang lebih kecil, jalan mini tar kampung yang menghubungkan kampung-kampung kecil hanya *one way*. Kalau satu kereta lalu, kereta depan kena tunggu. Jadi, sudah tentulah kalau kita bercakap dalam konteks keseluruhan, kita pun sedar kalau mini tar biasa pun memerlukan RM100,000 untuk satu kilometer.

Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Tuaran, yang mana kerajaan secara keseluruhannya di bawah NKRA atau di bawah mana pun dan juga bersama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk melihat secara keseluruhan. Kita sedar bahawa memang proses hendak *upgrade* jalan-jalan ini daripada jalan biasa, kemudian diletakkan *crusher run*, selepas itu *dicompat*. Kemudian, mungkin tiga tahun dinaik taraf dengan tar. Bila tar ini sudah siap, jalan yang sebelum itu lima kilometer di belakang sudah rosak, yang ini memang akan berterusan. Cuma kita pun simpati dengan rakan-rakan dan kaum keluarga kita di Sabah dan Sarawak yang memang dahagakan pembangunan jalan ini kerana kita sedar jalan inilah yang akan memulakan segala-galanya, proses untuk membangunkan penduduk, aktiviti ekonomi dan sebagainya. Sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat yang baik Yang Berhormat Jerlun. Masalah Jerlun ini sama dengan masalah di sebelah Kedah, di luar bandar. Bukan macam Ipoh Barat. Ipoh Barat ini bandar. Kita ini masalah rakyat. Bukan masalah bandar. Jadi, terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun.

Jadi soal pelaksanaan- Yang Berhormat Seputeh pun tidak perlulah kacau-kacau sebab kawasan bandar [*Disampuk*] Masalah pelaksanaan yang mana kita sebagai wakil rakyat di kawasan masing-masing, kadang-kadang kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh pihak kementerian, kadang-kadang kita tidak tahu, tiba-tiba timbul menjelma di kawasan.

Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Jerlun soal pelaksanaan ini dan siapa yang melantik kontraktor-kontraktor yang membuat atau menaik taraf jalan-jalan kampung ini, setakat yang projek-projek kecil? Boleh tidak Yang Berhormat Jerlun minta daripada pihak kementerian supaya orang-orang tempatan, kontraktor-kontraktor Kelas ‘F’ di kawasan yang tertentu, di mana projek itu dilaksanakan, diberi kepada rakyat yang memerlukan bantuan daripada kerajaan. Bukan macam Seputeh sama Ahli Parlimen Ipoh Barat, tidak perlulah sana.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hairan belum dapat lagi [*Ketawa*]

**Dato’ Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Putatan, setuju. Inilah yang saya sebutkan tadi bahawa di dalam usaha untuk kita hendak menyelesaikan pembangunan jalan luar bandar ini, kita juga perlu secara seriusnya menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) ini sebab macam di Kedah pun ada yang pejabat daerah yang jaga jadi SO, ada yang JKR, ada yang MADA dan ada yang ICU. Kita di Kedah pun ada cawangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Jadi mungkin KKLW negeri ini boleh menjadi *lead agency*, dengan izin, untuk hendak *coordinate*. Paling tidak pun kita hendak mendapatkan data di bawah MADA contohnya, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, MADA berapa kilometer peruntukannya? Kemudian di bawah negeri, mungkin di bawah Kementerian Kerja Raya, dia ada peruntukan diberi kepada kerajaan negeri. Mungkin pejabat pembangunan negeri ataupun Pejabat SUK boleh beri makluman. Kemudian, dari segi hendak buat kerja itu, pelaksana selalunya JKR daerah.

Jadi soal pemilihan kontraktor, ini pun menjadi satu masalah. Sudah tentulah kalau boleh oleh kerana benda ini pun tidak banyak, peruntukan pun tidak banyak, jadi diutamakan kontraktor tempatan. Kalau orang Sabah, bagilah orang Sabah. Janganlah bagi orang Semenanjung cari makan di sana. Ini kerana orang Sabah pun perlu. Sama juga di Sarawak. Kalau di Kedah, biarlah di Kedah. Kalau di Jerlun, cubalah bagi orang Jerlun. Jangan bagi orang Alor Star, guna lesen Jerlun, pergi buat kerja di Jerlun.

Jadi benda-benda inilah yang perlu dilihat secara menyeluruh yang saya rasa peranan yang boleh dimainkan oleh Pejabat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di peringkat negeri. Akhir sekali Tuan Pengerusi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan boleh?

**Dato’ Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Jerlun. Tadi Yang Berhormat kata sekarang peruntukan diberi kepada kawasan luar bandar di Kedah. Ada di bawah ICU, ada di bawah sana, sini. Saya ingat hanya negeri di bawah Pakatan Rakyat menghadapi masalah macam ini. Nampaknya Kedah di bawah Barisan Nasional masih belum memperbetulkan keadaan ini.

Jadi, saya rasa adalah lebih baik bagi kementerian bagi layanan yang adil kepada semua negeri, sama ada negeri di bawah Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional. Cara mengendalikan semua peruntukan luar bandar ini dan cara mengadakan jawatankuasa kampung ini haruslah sama rata di semua negeri. Setujukah Yang Berhormat?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Perkara ini macam Kedah pun. Sebenarnya kita pun baru ambil alih. We *inherited* masalah itu enam bulan yang lalu. Jadi, kita hendak perbetulkan [*Dewan riuh*] Tidak apa. Terima kasih. Cuma macam soal... [*Disampuk*] Ya lah, itu isu yang kita hadapi. Apa yang penting pada saya ialah ada setengah tempat macam Sabah dan Kedah, walaupun setelah kita merdeka sekian lama, masih belum dapat menikmati kemudahan atas itu. Kita akui *first come, first serve*. Kita sedar apa semua.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak tanya, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Seputeh. Hari ini pakaian betul cantik tetapi cuma mata sahaja tidak merah, yang lain semua merah. Kasut merah, *handbag* merah, macam-saya hendak tanya. Di Kedah, bajet kita lulus tetapi saya dengar Selangor bajet tidak lulus. Pakatan Rakyat sendiri tidak menyokong bajet. Macam mana ada kata? Semua... [*Disampuk*] Saya sedang bercakap dia bangun. Mana boleh begitu Tuan Pengerusi. Macam mana Seputeh ini? Saya tengok minta penjelasan, dia yang bangun. Betul tidak? Dia sendiri-macam mana pentadbiran Selangor boleh menjadi? ADUN sendiri tidak sokong Menteri Besar dia.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia cakap bohong. Yang Berhormat Jerlun jangan jawab dia. Dia cakap bohong.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Adakah juga Yang Berhormat Seputeh juga berpakaat-Menteri Besar ganti Yang Berhormat Gombak?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Jerlun yang mencetuskan semua ini, lain kali saya tidak suruh Yang Berhormat Jerlun bercakap panjang lebar. Hanya 10 minit, 10 minit. Saya difahamkan 10 minit Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mereka kacau ini. Saya bawa cerita rakyat tetapi macam Selangor, mereka hendak *joint*, mereka negeri maju. Akan tetapi betullah macam Yang Berhormat Rompin kata, saya difahamkan Tuan Pengerusi, bajet yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri besar semalam, Timbalan Menteri PKR pun tidak berapa sokong. Berbalik kepada tajuk kita, saya meminta supaya kementerian melihat secara holistik, secara menyeluruh. Bukan hanya sekadar macam setengah orang kata, kita ada bajet, kita habiskan bajet tetapi kualiti kerja kita itu tidak memadai, tidak berbaloi. Mungkin kontraktor itu dapat hasil yang lebih tetapi rakyat masih terkial-kial hendak minta manfaatnya dan kita di peringkat wakil rakyat menjadi masalah.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pembinaan rumah. Rumah ini sama ada bina baru mahupun perbaiki rumah. Di Kedah ini selalunya rumah ini di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diberikan kuasa pelaksana kepada KEDA. KEDA, mengikut

bajet yang saya lihat, tahun lepas kita dapat peruntukan 780 buah rumah tetapi tahun ini hanya sekadar 470. Jadi, mungkin sudah tentulah kita tidak mahulah rakyat kata pada tahun lepas masa hendak pilihan raya, banyak. Bila sudah menang, tidak ada. Jadi ini tidak mau. Kena tengok balik tetapi kita tahu ada juga peruntukan melalui LKIM, ICU, KEDA dan sebagainya. Cumanya, yang penting adalah semasa pelaksanaan projek itu dibuat, rakyat hendaklah mendapat manfaat yang tinggi.

**■1630**

Ada laporan setengah-setengah kes yang berlaku, contohnya *repair* rumah bernilai RM10,000. *The real value that goes to the house owner* ini, dengan izin Tuan Pengerusi, hanya RM2,000. Di tengah jalan, ikut atas angin apa semua ini, hilang RM8,000. Ini yang kita sedih dan kita hendak supaya bahagian pemantau KKLW ini kalau perlu...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerlun jelas sedikit sahaja boleh?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Hendak, habis sudah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya hendak sokong yang *you cakap* tadi itu. Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya pun hairanlah bila Barisan Nasional berhujah di sana, dia kata sokong, sokong tetapi merengek-rengek tidak ada air, tidak ada api, tidak ada sekolah, tidak ada apa. Jadi itu apa namanya, sokong apa itu namanya?

**Seorang Ahli:** Sokong bawa rebah!.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ia begini, hakikat dan realiti kita perlu sedar. Saya sudah kata tadi kita ini ada sesetengah kawasan sudah 56 tahun merdeka pun masih jalan tanah merah. Apabila kerajaan beri tar, beri tar sekilo di sini, 20 kilo di sana, menangis hendak minta. Jadi yang itu biasalah, walaupun di Ampang, walaupun di Shah Alam, benda-benda ini masih berlaku. Itu tiada hal. Cuma...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Jerlun, Sibuti.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Jerlun, boleh tidak pihak KKLW membuat R&D bagaimana kita hendak membangun, membina rumah yang betul-betul dengan harga yang baik dengan cara yang baru ini, cara yang kita pasang siap. Boleh tidak Yang Berhormat Jerlun? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jerlun jawab secara singkat. Selepas itu Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menjawab.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya sudah hendak habis Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya setuju. Mungkin KKWL sendiri pun dapat menggunakan kaedah baru IBS dan sebagainya yang boleh mengurangkan kos, tetapi kualitinya tinggi yang boleh memberi kesan baik dan lama kepada pengguna, atau pun rakyat. Ini kerana kita sedar bahawa bukan mudah untuk kita hendak beri bantuan satu RM43,000 bina baru ini, bukan senang. Ini kerana kita tahu peruntukan yang terhad tetapi permintaan yang cukup ramai. Jadi mungkin menggunakan

teknologi terkini, kaedah baru, bahan-bahan yang lebih murah tetapi mantap, ia akan dapat dengan bajet yang sama amunnya, tetapi lebih ramai penerima manfaat tersebut. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi, Jerlun mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.32 ptg.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan bajet Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Pengerusi, oleh sebab Dewan telah membahaskan bajet ini di peringkat Jawatankuasa, maka saya akan menjawab soalan-soalan atau perkara-perkara yang telah dibangkitkan secara spesifik mengikut butiran yang telah diungkit. Saya menjawab mengikut tajuk.

Sekarang saya bermula dengan jalan luar bandar. Yang Berhormat Sekijang telah bertanya atau pun membangkitkan isu jalan luar bandar di kawasan Sekijang dinaiktarafkan dan diturap semula.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini tiada peruntukan disediakan bagi kawasan Parlimen Sekijang di bawah Program Jalan Luar Bandar bagi tahun 2014. Peruntukan jalan luar bandar negeri Johor tahun 2014 melibatkan pelaksanaan tujuh buah projek yang sedia ada dan peruntukan yang disediakan adalah komited dan terhad. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan projek baru kepada pihak JKR negeri untuk diselaraskan bagi cadangan pelaksanaan tahun 2015. Permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak EPU-JPM, dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Yang Berhormat Lenggong bertanya hal projek jalan daripada Kampung Luat Lenggong ke Intan Suraya Sungai Siput. Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina dan menyiapkan jalan ke Kampung Luat Lenggong ke Intan Suraya Sungai Siput ditangguhkan memandangkan kos pembinaan projek itu terlalu tinggi. Namun begitu, bagi membolehkan penduduk kampung memperoleh akses dengan kawasan luar, pihak kementerian telah melaksanakan projek Jalan Kampung Talong Luat ke Kampung Beng, Kampung Batu Reng dengan menggunakan skop jalan kampung. Projek tersebut telah siap pada Januari tahun 2012.

Yang Berhormat Kanowit bertanya supaya peruntukan yang diluluskan diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan rumah panjang yang belum ada jalan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM29 juta telah diluluskan di bawah Program Jalan Penghubung Desa di negeri Sarawak pada tahun 2014. Keutamaan projek jalan penghubung desa ini diberi kepada projek-projek bina baru dan naik taraf. Manakala di bawah program jalan luar bandar, sejumlah RM258,589,000 telah diperuntukkan untuk membina jalan luar bandar di Sarawak pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, tiga projek berjumlah RM31 juta telah dilaksanakan di Parliment Kanowit....

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mencelah Yang Berhormat Menteri. Patah belakang sedikit sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini Kanowit?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak. Sedikit tadi yang Lenggong tadi. Ke belakang sedikit sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ke belakang sedikit? Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, oleh sebab di Kampung Beng itu kita ada projek besar di situ termasuk pembukaan kuari besar yang sedang dilaksanakan, dan projek pembangunan ekonomi yang lain termasuk beberapa perancangan untuk penempatan rakyat. Ini termasuk projek *Lenggong Agro Valley* yang telah pun diperuntukkan oleh kerajaan dan juga projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, TKPM Bukit Sapi, ia memerlukan jalan masuk. Oleh sebab kos untuk pembinaan fasa berikutnya daripada Kampung Talong ke Intan Suraya di Sungai Siput itu, saya tahu ia memakan belanja yang besar tetapi saya harap projek berkenaan jangan dibuang terus daripada peruntukan kementerian. Satu.

Cuma jalan Yang Berhormat Menteri maksudkan tadi, saya tahu jalan itu, itu yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Cuma ia kecil Yang Berhormat, itu jalan kampung yang kecil, ia tidak boleh- saya ingat yang itu dinaiktarafkan. Itu sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kementerian akan ambil maklum apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Lenggong, kepentingan jalan dan kesemua yang telah disebutkan itu tadi dan juga mungkin perlu dinaiktarafkan juga.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, tambah sedikit.

Apa yang saya ingin sampaikan kepada kerajaan adalah, sebab permohonan untuk bina baru jalan di seluruh negara mungkin kurang daripada apa yang kita dapat daripada Sabah dan Sarawak. Ini kerana di sana adalah masalah pembinaan baru jalan memang masih banyak. Jadi hujah saya adalah, supaya kerajaan melihat kalau jalan bertar tidak dapat dibuat, *at least* kita buat jalan *gravel road* pun sudah cukup untuk kawasan-kawasan yang belum ada jalan. Ini kerana kalau bukan buat sekarang, kosnya akan meningkat pada tahun akan datang. Ini patut difikirkan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih atas cadangan, dan bagi kementerian itu adalah baik. Ini kerana mungkin kita boleh melihat kepada yang diperlukan adalah *connectivity, access*. Jadi kita boleh melihat kepada lebih panjang kilometernya daripada standardnya. Jadi ini memang kita pertimbangkan.

Berkenaan dengan jalan-jalan luar bandar tadi, banyak telah dikongsi dengan kementerian ini, sebab Yang Berhormat Tuaran semasa mencelah Yang Berhormat Jerlun, telah juga mengingatkan Dewan ini akan jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri pagi tadi. Jadi bagi kementerian, itu jawapan mungkin sudah agak jelas. Cuma Yang Berhormat Tuaran, betul juga sebab saya pun datang daripada Sarawak dan hendak banyak jalan-jalan luar bandar dibina dan kita tidak harus menunggu 200 tahun.

■1640

Akan tetapi kerajaan ataupun kementerian ini memang bertekad sejauh mana mungkin kami tidak akan leka dalam usaha kami. Oleh sebab itulah Yang Berhormat, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini termasuklah Yang Berhormat di sebelah sana, marilah sama-sama untuk menyokong permohonan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini untuk meminta lebih banyak lagi bajet diluluskan kepada kami supaya jalan luar bandar ini dapat kita bina seperti yang kita hendak dengan lebih banyak lagi. Jadi kalau...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya?

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Perlukah tidak? Oleh sebab saya menerima cadangan daripada Yang Berhormat tadi...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Ya betul akan tetapi saya mahu minta penjelasan sedikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan. Yang Berhormat kalau dari segi *budgeting*, pembuatan bajet sekarang, kita buat dengan cara yang sama. Selepas itu kita dapat bayar RM140 juta setiap tahun dengan cara begitu. Berkali-kali begitu. Adakah Yang Berhormat percaya dan yakin yang kita akan mendapat peruntukan yang lebih. Kalau itu caranya tentu sekali dengan masalah yang begitu besar kita memerlukan RM33 bilion untuk menyelesaikan kita perlu cara yang lain.

Pertamanya, kalau kita lihat dari segi kefahaman. Ini soal jalan luar bandar, di bawah kelolaan JKR negeri-negeri tanpa Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan untuk naik taraf memang tidak boleh. Jadi kalau dengan cara yang sedemikian rupa, hari itu Timbalan Menteri Kewangan menyatakan bahawa oleh kerana kita mengurus defisit, jadi kita kena kurangkan. Maknanya peruntukan untuk naik taraf jalan-jalan luar bandar dan sebagainya pun menjadi mangsa. Jadi kalau ini caranya dia pun tidak diberi keutamaan, sampai bila? Sampai 200 tahun?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi betullah Yang Berhormat telah bertanya dan menyerahkan kepada Kementerian Kewangan dan memang kita perlulah menyemak semula. Kalau boleh menambahbaikkan proses bagaimana cara kita untuk kita memastikan bagaimana kita boleh mempercepatkan lagi. Akan tetapi semuanya memerlukan peruntukan ataupun memerlukan perbelanjaan yang besar. Mungkin dari segi tahap ekonomi kita, adakah kita mampu untuk membelanjakan khususnya jalan luar bandar ataupun jalan di seluruh negara sahaja tanpa kita dapat juga mengagihkan secukupnya kepada keperluan-keperluan lain di industri ataupun ekonomi kita. Jadi ia bergantunglah kepada itu.

Jadi saya berharap bab jalan luar bandar ini, saya akan berpindah...

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan sedikit. Saya sebagai pengucap yang pertama kepada kementerian ini tadi...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Jalan kampung?

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, tajuk jalan kampung. Tuan Pengurus, saya menunggu kalau-kalau ada disinggung tentang apa yang saya sebut mengenai jalan tadi. Saya rasa kalau boleh tidak hendaklah kita merayu minta di Parlimen ini, banyak tempat lain. Akan tetapi tidak ada tempat lain. Sebab itu kita bercakap juga tentang jalan kampung, longkang dalam Parlimen ini. Saya ada sebut Jalan Kampung Bahagia ke Kampung Keluat. Akan tetapi tidaklah saya kata boleh tidak buat jalan. Saya sebut itu dengan tujuan untuk merangsang kementerian menimbangkannya. Akan tetapi tidak ada jawapan. Kalau tidak ada pun katakanlah, "*Mungkin kalau ada lebih duit*", jawablah begitu kalau boleh. Khusus untuk jalan kampung ini. Satu sahaja saya sebut, saya tidak sebut banyak di Kuala Krai itu. Oleh kerana menimbang kedudukan kewangan kementerian.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Akan sampai ke situ, sebab sekarang saya tadi bab Projek Perhubungan Desa. Jadi jalan kampung sama. Okey, tadi Yang Berhormat Kuala Krai sendiri telah menjelaskan dengan begitu *detail*, jadi saya haraplah pegawai-pegawai dekat sini ambil perhatian akan permohonan, rayuan ataupun rintihan dan keluhan daripada kawan sayalah Yang Berhormat Kuala Krai. Saya tidak dapat memastikan dan menetapkan di sini supaya projek itu Yang Berhormat dapat atau tidak.

Jadi kalau memang ada keperluannya untuk ataupun demi masyarakat di luar bandar mungkin harus kita pertimbangkan. Jadi Yang Berhormat Sekijang memohon supaya peruntukan penyelenggaraan jalan kampung ditambah. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini hanya diperuntukkan sejumlah RM16.2 juta untuk penyelenggaraan jalan-jalan penghubung desa di seluruh negara pada tahun 2013. Program penyelenggaraan jalan ini dan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2014 dan senarai akan dimuktamadkan setelah mendapat senarai cadangan jalan-jalan yang perlu diselenggarakan daripada pihak KKLW di cawangan negeri dan pemimpin setempat.

Yang Berhormat Bukit Ganang, tidak ada ya? Bertanya berapa peruntukan yang disalurkan kepada Pejabat Daerah Larut/Matang untuk menaik taraf jalan Kampung pada tahun 2014. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2014 sejumlah RM7.7 juta diperuntukkan untuk menaik taraf jalan penghubung desa di negeri Perak. Setiap permohonan akan dipertimbangkan secara *case-by-case*. Peruntukan akan disalurkan hanya kepada Jabatan Kerja Raya dan Pejabat KKLW cawangan negeri Perak.

Bekalan elektrik luar bandar. Yang Berhormat Sekijang memohon supaya peruntukan pemasangan lampu jalan kampung ditambah. Kementerian mengambil maklum akan keperluan pemasangan lampu jalan kampung di kawasan luar bandar. Program pemasangan lampu jalan kampung ini akan diteruskan pada tahun 2014. Kuantiti pemasangan LGK ini akan dimuktamadkan bersama kerajaan negeri sebelum kerja-kerja pemasangan LGK ini dimulakan pada bulan Januari 2014 oleh Tenaga Nasional Berhad. Di Sabah oleh Sabah Electricity Sdn Bhd dan di Sarawak oleh Sarawak Energy Berhad.

Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang, senarai pemasangan LGK masih di peringkat untuk dimuktamadkan oleh kementerian. Sehubungan itu kementerian mengalu-alukan cadangan

lokasi pemasangan LGK dari Yang Berhormat untuk kawasan Sekijang bagi pemasangan pada tahun hadapan, tahun 2014.

Yang Berhormat Lenggong juga membangkitkan isu projek bekalan elektrik luar bandar di RPS ‘Dala’ yang selalu tidak berfungsi. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek BLB, sistem solar hibrid di RPS Dala dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad dan dibiayai menggunakan peruntukan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik yang dikawal oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Projek bernilai RM4.4 juta ini telah siap pada tahun 2009 dan memberi bekalan elektrik 24 jam kepada 150 buah rumah tetapi tidak ada *[Ketawa]* Ini jawapan dari kementerian.

Di peringkat awal selepas projek beroperasi sistem solar hibrid ini menghadapi sedikit masalah teknikal. Isu teknikal ini telah disiasat dan telah diselesaikan dan pihak TNB memaklumkan bahawa sistem solar hibrid di RPS Dala ini sekarang berfungsi dengan baik dan tiada lagi sebarang gangguan bekalan elektrik bermula tahun 2012.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya selalu masuk kawasan berkenaan. Jadi saya tahu kedudukan sebenar. Saya harap pihak yang berkaitan mengambil tindakan yang sepatutnya sebagaimana yang dijawab dalam Dewan ini. Oleh sebab saya sering masuk kawasan berkenaan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya memberi Yang Berhormat peluang untuk menjelaskan lagi apa keadaan sebenarnya dan berharaplah pihak-pihak yang berkenaan dengan projek ini ambil maklum. Kami dari kementerian akan menyusuli dengan siasatan lagi.

Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Kinabatangan sama-sama membangkitkan isu bayaran operasi dan senggara lampu jalan kampung. Mereka bertanya siapakah yang membayar bil dan penyelenggaraan projek lampu jalan kampung ini?

#### ■1650

Mesyuarat Jemaah Menteri pada Ogos tahun 2000 dan pada 23 Mac 2013 telah bersetuju supaya kos pemasangan dan pembiayaan kos operasi dan selenggara lampu jalan kampung diteruskan. Kerja-kerja pemasangan LJK dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung. Di Sabah, Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Sarawak Energy Berhad, di Sarawak.

Apabila LJK ini siap dipasang kerja operasi dan selenggara ini dibuat oleh TNB, SESB, dan SEB secara berterusan dan kos ini dibiayai oleh kerajaan iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sehubungan itu isu pembayaran bil LJK tidak timbul di seluruh negara kerana kos ini dibiayai oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga 30 Oktober tahun ini tahun 2013 sejumlah 252,948 unit LJK telah siap dipasang di seluruh negara dan kerajaan membelanjakan RM44 juta setahun untuk membiayai kos operasi penyelenggaraan lampu jalan kampung ini.

Yang Berhormat Kanowit mencadangkan pembinaan sistem mikro hidro di kawasan hulu sungai yang berpotensi dan di pedalaman negeri Sarawak ataupun negeri Sabah. Terlebih dahulu

kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan untuk pembinaan stesen mikro hidro untuk menjana elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan sistem mikro hidro menjana bekalan elektrik telah dimulakan di beberapa kawasan pedalaman Sarawak. Pelaksanaan projek sistem mikro hidro ini dibangunkan bersama UNIMAS dan Sarawak Energy Berhad. Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk membangunkan sistem mikro hidro di Kanowit kerajaan amat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat supaya kajian kesesuaian kawasan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dapat dimulakan atau dikenakan.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa bertanya mengenai liputan bekalan air dan elektrik di seluruh negara. Sehingga Disember tahun 2012, liputan bekalan elektrik dan air adalah seperti berikut:

- (i) di kawasan Semenanjung liputan elektrik – 99.67%;
- (ii) di Sabah liputan bekalan elektrik – 90%; dan
- (iii) di Sarawak liputan bekalan elektrik – 84%.

Bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar. Yang Berhormat Lenggong membangkitkan masalah bekalan air di RPS Dala, Gerik yang melibatkan perkampungan Orang Asli. Berhubung dengan isu bekalan air di RPS Dala, Gerik kementerian telah melaksanakan projek bekalan air pelbagai sumber di perkampungan tersebut pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, sistem bekalan air tersebut menghadapi masalah tertentu. Kementerian ini dan JAKOA sedang dalam usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]**

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ada?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana memberi peruntukan yang cukup besar untuk pelaksanaan projek ini yang sebenarnya memang memberi kebaikan kepada rakyat. Cuma saya harap minta pihak kementerian melakukan sesuatu secara bersungguh-sungguh sebab isu masalah ini bukan baru. Sudah bertahun sejak pelaksanaan projek berkenaan.

Jadi saya minta supaya kerajaan memanggil balik kontraktor berkenaan dan pegawai turun tengok dan jangan dapat laporan daripada bawah sahaja supaya pastikan projek ini betul-betul berjalan kerana saya tahu setiap kali saya masuk dua isu tadi mesti akan dibangkitkan kepada saya. Ini penting untuk diselesaikan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Kalau boleh kalau sebelum ini belum dibuat, kalau sudah boleh dibuat sekali lagi. Kementerian mengalu-alukan kalau boleh Yang Berhormat Lenggong bekerjasama untuk memajukan surat berkenaan dengan kedua-dua masalah ini supaya di peringkat kementerian kami dapat melihat dan juga akan pergi ke sana untuk kita mencari penyelesaian *final re-cost*.

Jadi Yang Berhormat Mukah, Yang Berhormat mohon *booster pump* di kawasan Mukah bagi meningkatkan tekanan air. Memerlukan *booster pump* ya, Yang Berhormat Mukah. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan menyemak isu tekanan air rendah di kawasan

Mukah ini dengan Pihak Berkuasa Air Negeri iaitu JKR Sarawak dan mempertimbangkan pelaksanaannya.

Yang Berhormat Kanowit juga mencadangkan sistem alternatif bekalan air *life saver* bagi kawasan yang jauh di pedalaman diberi lebih peruntukan. Kementerian mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kanowit di atas cadangan Yang Berhormat agar sistem alternatif bagi membekalkan tangki air *life saver* di kawasan pedalaman. Kementerian akan meneliti cadangan tersebut dan mempertimbangkan pelaksanaannya.

Projek Ameniti Sosial. Permohonan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang. Permohonan jambatan di Kampung Cheh didakwa oleh Yang Berhormat bahawa Pejabat Daerah tidak mengambil sebarang tindakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian di bawah Program Ameniti Sosial bersedia untuk mempertimbangkan permohonan Yang Berhormat berkenaan.

Walau bagaimanapun, kementerian mohon kerjasama Yang Berhormat Bukit Gantang untuk memanjangkan permohonan berkenaan kepada kementerian untuk tujuan siasatan dan pertimbangan lanjut oleh pihak kami, kementerian. Yang Berhormat Kuala Krai tolong beritahu kawan yang tidak ada dalam Dewan ya [Ketawa] Tahun 2013 kita tidak ada peruntukan untuk Projek Ameniti Sosial ini. Akan tetapi kalau dilihat dalam bajet kita peruntukan untuk tahun depan tahun 2014 kita ada peruntukan yang agak besar juga.

Saya pergi ke Projek Agopolitan. Yang Berhormat Lenggong lagi. Projek Agopolitan Ganda Gerik masalah peserta, ada halangan ya?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan isu peserta Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta maaf Tuan Pengerusi. Bukan peserta, pembangunan. Peserta itu kita bila-bila masa boleh masuk. Kita sudah ada buat temu duga pun. Pembangunan di kawasan berkenaan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, ini penjelasan dia. Isu tanah yang dicerobohi oleh peneroka asal dan baru. Ada halangan, ada masalahlah? Tindakan akan diambil oleh Pejabat Tanah dan Daerah dan jalan penyelesaian akan dijangkakan selesai tahun 2015. Setelah selesai barulah permohonan untuk merancang penempatan akan dilaksanakan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak apalah Timbalan Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dari mula projek Agopolitan Ganda Gerik ini telah mengalami beberapa isu berkaitan Agopolitan antaranya serangan binatang liar iaitu gajah dan babi hutan banyak masuk ke kawasan itu [Ketawa] Tindakan sedang diambil melantik pemborong baru untuk menanam dan menyulam semua kawasan yang terdiri daripada lima blok utama, ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang telah menyiapkan prasarana jalan bagi memudahkan kerja penanaman dan penyenggaraan ladang. Jadi selanjutnya telah menyiapkan pagar elektrik bagi mengelakkan serangan gajah liar itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

■1700

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** RISDA telah menyediakan keperluan benih yang secukupnya sepanjang tempoh menyulam dan menanam tahun 2013 dan 2014, dan juga untuk kita mempercepatkan kerja-kerja pembangunan melalui penjadualan semula pembangunan ladang ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soal isu pengambilan peserta tidak ada masalah, itu di peringkat kita akan buat dengan kerajaan negeri. Soal tanah yang dicerobohi akan diganti dan sebagainya bukan ada masalah, itu di peringkat kita sudah- baiknya di negeri Perak ini, Ahli Parlimen ialah Jawatankuasa Pengambilan Tanah dan sebagainya.

Yang saya hendak sebut di sini ialah saya minta agensi yang berkaitan beri tumpuan pada isu-isu untuk mempercepatkan pembangunan kawasan berkenaan dari segi tanaman dan perkara-perkara walaupun cerita mungkin nampak *joke* pasal babi, pasal gajah, sebenarnya itu adalah antara punca yang menyebabkan kegagalan dan melambatkan projek ini. Selagi pokok tidak ada, selagi tanaman tidak dibuat, bagaimana kita hendak masuk peserta? Dia hendak makan apa, hendak buat apa? Itu sebab perkara itu paling mustahak dan saya harap kementerian beri tumpuan untuk mempercepatkan projek ini kerana ia sudah begitu lama.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey Yang Berhormat Lenggong, itu saranan yang begitu baik. Adakah Yang Berhormat Lenggong mencadangkan untuk kita tidak diganggu oleh binatang-binatang liar ini, mereka juga diberikan tanaman-tanaman makanan mereka di tempat yang berhampiran? *[Ketawa]* Mungkin cadangan yang baik juga.

Tuan Pengurus, saya teruskan. Saya pergi ke bahagian penyelarasan program projek di peringkat daerah. Yang Berhormat Lenggong lagi. Soalan yang dibangkitkan dan dicadangkan supaya Jabatan Pembangunan Luar Bandar diwujudkan di peringkat daerah untuk menyelaras projek-projek, isu agensi-agensi di bawah KKLW atau diadakan majlis di peringkat daerah seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Isu yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun yang bertanya tentang MPLB, adakah ia serupa juga dengan MPPP tadi. Biar saya jawab sekali sebab ini konsep yang sama ya.

Pihak KKLW mengambil maklum terhadap cadangan Yang Berhormat untuk mengujudkan pejabat KKLW di peringkat daerah bagi menyelaraskan program atau projek isu-isu luar bandar di daerah tersebut. Akan tetapi buat pada masa ini, penyelarasan dibuat secara bulanan melalui Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Bagi negeri Kelantan...

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Parit Sulong.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tunggu dahulu. Saya habiskan yang ini dulu. Ia terputus. Bagi negeri Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor, penyelarasan dibuat melalui Jawatankuasa

Kerja Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri. Perkara ini adalah selaras dengan Arahan No. 1, 2010.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Tadi mengenai...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Gajah liar?

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Tuan Pengerusi, boleh Tuan Pengerusi? Pasal tadi itu yang pegawai jawatankuasa dan juga pejabat KKLW di peringkat daerah. Saya hendak menyokong. Saya kira perkara itu sangat penting Yang Berhormat Menteri. Sebabnya, kalau kita serahkan terus kepada Mesyuarat Tindakan Daerah, banyak perkara yang dibincangkan dan ianya bukan hanya fokus kepada sama ada apa juga projek di bawah KKLW itu berjaya kah, selesai kah, tidak. Jadi pada saya, penting untuk kementerian mungkin membuat satu perubahan baru dengan meletakkan pegawai-pegawai kementerian sendiri di peringkat daerah-daerah. Jadi saya berharap apa tadi rakan saya Yang Berhormat Lenggong ini cadangkan dapat dipertimbangkan dengan serius oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, sebab saya tidak dapat hendak bercakap, jadi saya cakaplah sekarang ini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima Kasih Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Isu yang sama Timbalan Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Isu sama, okeylah sudah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya lah, tapi hendak tambah. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut bahawa ia boleh ditangani melalui mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah. Akan tetapi, yang saya hendak masukkan di sini, oleh kerana KPLB mempunyai jabatan yang cukup banyak, projeknya cukup banyak dan isunya cukup banyak, jadi mesti ada agensi atau majlis yang memberi fokus kepada isu-isu di bawah KPLB. Itu sahaja. Kalau di peringkat mesyuarat pegawai daerah, Yang Berhormat sendiri tahu bahawa isu lain. Isu keselamatan hendak cakap di situ, isu majlis perbandaran pun di situ. Jadi tidak boleh memberikan tumpuan.

Saya fikir, dari segi pegawai sudah ada, cuma penyelarasan itu hendak dibuat bagaimana. Kalau di peringkat awal ini barangkali susah dan sukar kerana bajet, kerana kelulusan daripada pihak JPA hendak wujudkan jabatan, susah, apa salahnya wujudkan majlis dahulu yang ada mesyuarat berkala dan secara tersusun dan merancang dan melihat segala isu yang boleh ditangani. Kalau tidak, hendak tunggu Mesyuarat Pembangunan Daerah, kadang-kadang dia *miss* satu bulan, banyak isu lain yang tertunggak untuk diselesaikan. Saya harap ini dapat diberikan pertimbangan oleh kementerian.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, ini cadangan. Tidak perlu minta penjelasan atau dijawab. Okey, kita ambil maklum apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Lenggong supaya di peringkat kementerian kita boleh memikirkan apa kaedah yang terbaik. Mungkin kita boleh...

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya rasa tidak payah hendak fikir-fikir lagi sebab kementerian lain semua dah buat, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadinya

kita tidak mahu KKLW tertinggal. Kami mahu KKLW ini juga ke hadapan bersama juga dengan kementerian-kementerian lain. Terima kasih banyak-banyak.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima Kasih. Saya pergi ke isu yang agak popular berkenaan dengan masyarakat Orang Asli. Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan tentang penggunaan istilah orang asal dalam bajet yang mana masih menggunakan istilah Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Artikel 120 Perlumbagaan Persekutuan telah memberi definisi kepada Orang Asli. Yang Berhormat sebagai peguam memang sudah tahu lah. Sebagai Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Orang Asli mempunyai Akta Orang Asli 1954 di mana ianya mengguna pakai definisi Orang Asli sebagai seseorang yang mempunyai kedua ibu bapa dari kalangan Orang Asli atau salah seorang ibu bapa atau bapanya yang pernah menjadi ahli kepada kumpulan etnik Orang Asli. Berkaitan penggunaan ‘orang asal’, ia lebih merujuk kepada masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Ipoh Barat juga bertanya jumlah Orang Asli yang berkhidmat di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Sehingga Oktober 2013, seramai 385 Orang Asli telah dilantik berkhidmat di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Pada masa yang sama, seramai 1,548 Orang Asli kini sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Adalah menjadi hasrat kerajaan memastikan Orang Asli bukan sahaja berkhidmat di Jabatan Kemajuan Orang Asli malah turut berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan yang lain juga.

Yang Berhormat Ipoh Barat juga membangkitkan berkaitan...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan sedikit. Yang Berhormat berkata 380 orang bekerja di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Jumlahnya berapa untuk lain-lain bangsa sekali? Total berbanding dengan Orang Asli. Yang menjadi kerumitan adalah kerana, walaupun ini Jabatan Kemajuan Orang Asli, tapi kita semua tahu bahawa Orang Asli adalah minoriti dalam Jabatan tersebut. *Director General, Deputy Director General* dan sebagainya. Pekerja-pekerja ini bukan Orang Asli.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Faktanya memang bukan ramai Orang Asli di Jabatan Kemajuan Orang Asli. Sebab saya tidak ada maklumat yang terperinci bersama saya sekarang, okey.

## ■1710

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh bagi dengan bertulis sekarang?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh-boleh.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya teruskan. Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan berkaitan masalah infrastruktur di perkampungan Orang Asli di Gopeng dan Chenderang. Manakala Yang Berhormat Lenggong membangkitkan masalah jalan masuk ke RPS Dala seperti yang telah saya sebut tadi. Namun saya mohon menjawab sekali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kerajaan begitu komited untuk menangani masalah keperluan asas di perkampungan Orang Asli. Ia meliputi keperluan rumah PBR, jalan perhubungan, bekalan air bersih dan bekalan elektrik.

Bermula tahun 2013 pihak Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah menyalurkan peruntukan khusus bagi pelaksanaan projek-projek tersebut. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan diambil tindakan yang sewajarnya. Proses ini dijangka akan selesai pada tahun 2017 iaitu masalah projek-projek tadi.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan sedikit. Ini bila saya bangkitkan perkara di Cendiang khususnya di kampung Sungai Tiang, timbalan saya sendiri telah melawat di mana rumah-rumah itu telah dibina lebih kurang empat tahun dulu. Di sana ada paip air, paip ada, air tidak ada, wayar elektrik ada tetapi tiada elektrik. Walaupun bandar itu tidak berapa jauh dari sana. Apakah usaha yang sering dibuat supaya *connectivity* itu boleh dibuat dengan- supaya Orang Asli itu dapat manfaat yang sama.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Penjelasan sikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Seperti mana yang telah saya sebut pada...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di kawasan saya ada dua perkampungan Orang Asli iaitu di Sungai Perah dan Suak Padi. Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dalam menimbangkan projek-projek untuk Orang Asli termasuk jalan dan perumahan dapat dipertimbangkan sekali. Oleh sebab saya pernah mohon untuk perkampungan di Sungai Perah mengenai rumah baru tetapi tidak dapat di timbangkan begitu juga di Suak Padi. Jadi di dalam rancangan kementerian untuk menaiktarafkan kampung Orang Asli ini jangan tinggalkan dua kampung Orang Asli di kawasan saya. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Parit yang telah memperjuangkan masyarakat Orang Asli di kawasan Yang Berhormat. Seperti mana yang telah saya jelaskan atau pun seperti mana semua orang tahu kerajaan kita memang meneruskan usaha untuk memberi pembangunan ke mana-mana pihak di mana-mana pun tempatnya.

Jadi usaha memang kita teruskan. Jadi Yang Berhormat Parit kalau boleh Yang Berhormat Parit panjatkan sepucuk surat kepada kementerian supaya kami di peringkat kementerian tahu dengan lebih *detail* apa yang diperlukan. Jangan risau lah Yang Berhormat sebab pegawai-pegawai ada duduk di belakang, mereka mencatat apa yang telah disebut semua oleh Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat juga.

Yang Berhormat Sungai Petani mengatakan hak Orang Asli mesti dipertahankan dan cadangan untuk disediakan satu kawasan yang munasabah untuk tinggal dengan selesa dan disediakan satu kawasan yang munasabah untuk bercucuk tanam. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang serius berkaitan dengan hak Orang Asli termasuk perkara yang berkaitan dengan tanah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Baru mula ini, duduk dulu Yang Berhormat Sepang ya. Duduk dulu, duduk dulu, duduk. Saya teruskan dulu, okey. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang serius berkaitan Orang Asli termasuk perkara berkaitan tanah. Satu dasar pemberi

milikan dan pembangunan tanah Orang Asli telah diluluskan di mana antara lain ia bersetuju untuk memberi hak milik tanah kepada ketua isi rumah Orang Asli yang meliputi tapak rumah dan ladang pertanian seluas di antara dua hingga enam ekar. Jabatan kini sedang dalam tindakan untuk mengadakan konsultasi dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan termasuk masyarakat Orang Asli sendiri bagi berurusan pelaksanaan dasar tersebut.

Sepanjang tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini hingga kini jabatan telah membelanjakan sebanyak RM11.2 juta bagi melaksanakan kerja ukur untuk pewartaan tanah Orang Asli. Sehingga kini seluas 23,903.84 hektar tanah Orang Asli telah diwartakan dan seluas 92,775.39 hektar tanah sedang dalam proses permohonan pewartaan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ada bertanyakan soalan bertulis. Ada 12 perkampungan Orang Asli yang terdapat di Sepang. Pertamanya saya hendak tanya, kalau tidak dapat jawab lisan pun jawab bertulis pun tidak mengapa. Bagaimana tentang kedudukan tanah mereka di 12 perkampungan ini? Itu yang pertama.

Keduanya ada beberapa perkampungan orang asli yang terdapat di Sepang ini yang jaraknya agak jauh daripada contohnya hospital ya. Jadi saya pernah melawat seorang Orang Asli yang telah meninggal dunia, yang mereka tidak dapat pergi ke klinik. Jadi saya mohon supaya pihak kementerian ini dapat memastikan kemudahan klinik bergerak ini dapat dipantau sebab dikatakan bahawa Pejabat Kesihatan ada buat klinik bergerak.

Akan tetapi apa yang dimaklumkan kepada saya oleh Orang Asli tidak ada. Jadi ada satu percanggahan di situ. Jadi saya berharap pihak kementerian dapat memantau perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya terima kasih Yang Berhormat Sepang, saya akan memberikan jawapan secara bertulis seperti juga yang diminta oleh Yang Berhormat ya. Saya teruskan Yang Berhormat Sungai Petani juga menyentuh pendidikan Orang Asli tidak diberikan perhatian menyeluruh oleh JAKOA.

Untuk makluman Yang Berhormat kenyataan tersebut tidak benar. KKLW melalui JAKOA telah membelanjakan peruntukan yang besar iaitu RM42.2 juta setahun bagi memastikan tahap pendidikan Orang Asli diberikan secara menyeluruh. Ini termasuklah bantuan seperti penyediaan kemudahan pengangkutan pelajar ke sekolah, skim bantuan galakan pendidikan, pembayaran yuran persekolahan, sumbangan komputer riba.

Pada tahun 2013 seramai 697 pelajar orang asli sedang menuntut di IPTA. Manakala seramai 22 pelajar Orang Asli yang sudah menuntut di luar negara di bawah tajaan MARA dalam pelbagai jurusan. Yang Berhormat Lumut membangkitkan tentang pengurangan bajet kepada masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerajaan begitu mengambil perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli.

Selain daripada peruntukan yang telah diluluskan tersebut, masyarakat orang asli turut mendapat peruntukan khas daripada Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri yang mana akan menumpukan kepada keperluan infrastruktur di perkampungan Orang Asli. Seperti

Yang Berhormat sedia maklum peruntukan yang disediakan adalah berjumlah RM109 juta tidak termasuk RM141.6 juta yang disalurkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Apa yang menjadikan jumlah peruntukan yang akan disalurkan kepada masyarakat Orang Asli berjumlah RM250.6 juta keseluruhannya. Ini membuktikan bahawa kerajaan tidak sekali-kali meminggirkan kebijakan dan kepentingan masyarakat Orang Asli.

■1720

Berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2013 yang berjumlah RM185 juta, terdapat kenaikan jumlah 35%. Yang Berhormat Lumut juga bertanyakan tentang pendidikan Orang Asli. Berkaitan pendidikan Orang Asli, seramai 320 pelajar Orang Asli ditawarkan ke IPTA bukan 63 orang seperti yang didakwa, yang dikatakan 63 tadi. Keciciran di peringkat sekolah di kalangan pelajar Orang Asli di sekolah rendah adalah sifar. Keciciran sekolah rendah adalah 25.24% daripada 4,125 orang pelajar. Manakala keciciran sekolah menengah pula adalah 26.67% daripada 2,688 orang pelajar. JAKOA sentiasa mempertingkatkan usaha-usaha bagi meningkatkan tahap pendidikan Orang Asli dengan menyediakan kemudahan pengangkutan, biasiswa di peringkat IPTA dan sebagainya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta mengemaskinikan data di portal JAKOA itu. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak betul ya. Nanti kita semak semula kalau perlu dikemaskinikan, nanti kita beritahu kepada Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat Lumut juga untuk penempatan Orang Asli seperti di FELDA. Berhubung cadangan Yang Berhormat, JAKOA melalui KKLW telah mendapat peruntukan khas bagi melaksanakan program pembangunan bersepadu untuk Orang Asli seperti di Sungai Siput, Perak mulai tahun 2013 hingga 2017. Pada tahun ini sejumblah RM54 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program ini. Antara komponen-komponen di dalam program ini adalah seperti berikut:

- (i) sekolah menengah;
- (ii) projek tanaman koko dan sawit;
- (iii) projek bantuan rumah;
- (iv) jalan perhubungan desa; dan
- (v) kemudahan infrastruktur.

Program seumpama ini akan diperluaskan lagi di kawasan penempatan Orang Asli yang lain. Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya jawab yang membangkitkan isu ini dahulu. Boleh?

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, ya soal Sungai Siput, Orang Asli di Pos Yom saya mahu sedikit penjelasan, Sungai Siput *[Disampuk]*

Tuan Penggerusi, Yang Berhormat, Sungai Siput, saya ada pergi sanalah Pos Yom. Projek Lembaga Koko yang diusahakan oleh masyarakat Orang Asli. Saya melawat kawasan tersebut dan melihat juga, dan memberi satu kelas motivasi di sekolah-sekolah di sana. Jadi, saya melihat

jalan yang masuk itu mengambil masa dua jam daripada Ipoh. Apakah kerajaan ataupun kementerian dapat melihat untuk menaiktarafkan jalan ke Pos Yom ini sebab ada projek-projek yang mana bertujuan untuk meningkatkan ekonomi Orang Asli di situ. Pada 21 Disember ini, saya akan melawat tempat itu lagi. Minta pihak kementerian supaya melihat jalan masuk ke Pos Yom itu agar diperbaiki.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Baiklah kalau ada permohonan, sila beritahu kementerian dengan surat supaya kita...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Boleh Yang Berhormat Putatan? Yang Berhormat Pengkalan Chepa membangkitkan isu pengurangan peruntukan pembangunan sosioekonomi dan program pembangunan minda dan pendidikan di JAKOA. Untuk makluman Yang Berhormat, pengurangan peruntukan pembangunan sosioekonomi dan pembangunan minda dan pendidikan adalah merupakan peruntukan mengurus melibatkan emolumen dan perbelanjaan operasi JAKOA. Ia bukan peruntukan untuk pembangunan masyarakat Orang Asli. Ia dikurangkan atas dasar perbelanjaan berhemah kerajaan. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan mengurus terdapat peningkatan di bawah program khusus untuk masyarakat Orang Asli sebanyak RM3 juta, daripada RM51 juta kepada RM54 juta pada tahun 2014. Sekarang saya beralih kepada RISDA.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismai [Jelebu]:** Jabatan Orang Asli sedikit, boleh?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terlewat sedikit. Okeylah.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan perkara sosioekonomi di bawah Jabatan Orang Asli, JAKOA juga ada mempunyai program pembinaan rumah-rumah orang miskin di kampung Orang Asli.

Saya hendak menyarankan kepada kementerian agar peruntukan untuk pembinaan rumah ini ditambah dan diperbesarkan kerana bilangan rumah-rumah yang dapat dibina atau diberikan pada setiap tahun kepada satu kampung itu sangat sedikit dan ia menjadi permasalahan sebenarnya. Banyak yang tidak dapat daripada yang dapat. Jadi Orang Asli ini biasanya dia kahwin muda, jadi permintaan terhadap rumah kepada yang sudah berkeluarga ini sangat tinggi dan ada kadang-kadang itu dalam satu rumah sampai tiga, empat buah keluarga yang tinggal.

Jadi ini menjadi bebanan kepada kita sebagai wakil rakyat. Jadi, mohon kementerian supaya kalau boleh menambahkan peruntukan dan perhatian kepada keperluan masyarakat Orang Asli dari segi perumahan bagi mereka yang sudah berkeluarga. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih di atas saranan Yang Berhormat. Itu tertakluk kepada apa yang telah diluluskan kepada kementerian daripada Kementerian Kewangan. Sekadar itulah kita dapat berbelanja. RISDA. Yang Berhormat Sekijang, isu bayaran bantuan tanaman semula peneroka RISDA tidak dibayar apabila menukar jenis dari getah kepada kelapa sawit, ini FELCRA. Program tanaman semula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh hanya daripada getah kepada getah sahaja. Jika menukar jenis tanaman daripada getah kepada

tanaman lain, bantuan akan dihentikan. Untuk mengekalkan jumlah keluasan getah kepada satu juta hektar pada setiap tahun. Yang Berhormat Ipoh Barat. Masih ada?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak merujuk kerana saya dimaklumkan oleh peneroka-peneroka ini duit tabungan mereka itu yang berjumlah hampir RM17,000 hingga RM18,000 itu disimpan di dalam tabung tanaman semula melalui RISDA. Jadi, yang itu dipohon oleh pihak peneroka-peneroka ini agar dapat dikeluarkan kepada mereka. Bukannya bantuan tetapi tabungan mereka. Terima kasih.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang kerana di Jelebu masalah yang sama juga. Di mana peneroka yang menanam getah juga menghadapi masalah untuk menuntut pembayaran itu. Jadi, ada timbul masalah harus menuntut dengan FELDA atau dengan RISDA? Akan tetapi ada kes, dahulu pernah dibayar. Di FELDA Lui Timur, RISDA pernah membayar kes yang sedemikian rupa sebelum ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, saya ambil maklum perkara ini dan akan maklumkan semula kepada Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Sekijang atas perkara yang telah dibangkitkan ini tadi. Yang Berhormat Ipoh Barat, bertanyakan keluasan tanaman getah dan bilangan pekebun kecil di Malaysia. Jumlah, luas dan bilangan pekebun kecil getah di Malaysia mengikut statistik tahun 2012, kawasan di Semenanjung Malaysia, keluasan 714,000 hektar dan bilangan pekebun kecil yang terlibat 268,465 orang. Di Sabah keluasannya 95,000 hektar.

### ■ 1730

Bilangan pekebun kecil terlibat 23,000. Di Sarawak 169,000 hektar luasnya dan bilangan pekebun kecil 20,600 orang. Jadi jumlahnya 978,000 hektar ke seluruh negara melibatkan 312,000 pekebun kecil.

Yang Berhormat Ipoh Barat juga bertanyakan syarat kelulusan bantuan tanaman semula. Di antara syarat yang melayakkan dibayar bantuan tanaman semula adalah seperti berikut:

- (i) ada pokok getah tua bertoreh;
- (ii) pemilik tanah yang sah;
- (iii) syarat tanaman dalam geran adalah getah dan jika bukan diminta menukar syarat jenis tanaman kepada getah; dan
- (iv) bagi yang tiada getah, RISDA menyediakan peruntukan untuk tanaman baru getah.

Yang Berhormat Ipoh Barat, mengenai kejatuhan harga getah dan harga rendah. Harga getah tidak dapat dikawal sepenuhnya, bergantung pada pasaran dan permintaan negara-negara luar. Bantuan daripada kerajaan, kerajaan telah memperuntukkan bantuan Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG). Peruntukan dalam program ini pada tahun 2013 ialah RM5 juta. Peruntukan yang sama untuk tahun 2014 ialah RM5 juta juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, cuma untuk pengetahuan saya, berapa lama agaknya?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kalau hendak dihabiskan, lambat lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau hendak dihabiskan lama?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Mahu satu jam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila. Satu jam lagi?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Mungkin hampir satu jam ataupun saya tengok, pilih. Okey?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya teruskan Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya teruskan, ada juga skim insentif produktiviti getah (SIPG). Peruntukan tahun 2013 diperuntukkan RM8.5 juta dan peruntukan tahun 2014 - RM17.5 juta.

Tujuan bantuan PPG dan SIPG adalah untuk menjamin produktiviti meningkat seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Bantuan kejatuhan harga getah, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM160 juta pada tahun 2013. Pekebun kecil yang layak akan dibayar sebanyak RM500 setiap orang sehingga Disember tahun inilah. Jadi, setakat ini sejumlah 237,449 pekebun kecil telah menerima bantuan ini. Juga...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Duduk, saya sampai ke Bukit Gantang sekarang. Yang Berhormat Bukit Gantang, ya duduk.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Memohon kerajaan menetapkan harga lantai getah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] :** Sedikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya sudah beralih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan..

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebab Tuan Pengerusi..

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ada tanya mengenai *feasibility the long term*. Saya kata pemaikan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Lebih intensif punya, adakah praktikal kita menggalakkan penanaman pokok getah? Ada *feasibility study*, ada kriteria yang tertentu, kita hendak tahu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sebab itulah kita meneruskan usaha RISDA. Jadi memang kita mengharapkan. Okey? Terima kasih ya. Jadi Yang Berhormat Bukit Gantang..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ipoh Barat dia macam tak ada Pengerusi dia.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dia tak ada keyakinan dengan getah dia , tak apa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila. Kuala Krau ada di sini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Bukit Gantang ya. Kerajaan amat prihatin tentang fakta kejatuhan harga getah. KKW dan *Ministry of Plantation Industry and Commodity* telah mengadakan perbincangan khusus dan pelan intervensi, *intervention plan* ya. Jika harga getah di bawah paras RM5.40 sen sekilogram ya, harga lantai. Jadi, pada harga ini, jumlah pendapatan pekebun kecil masih melepas garis kemiskinan. Jadi Yang Berhormat Bukit Gantang harus tahu, getah ini ia di bawah Kementerian Komoditi juga, bukan semata-mata di bawah Kementerian Luar Bandar. Hanya RISDA di bawah Kementerian Luar Bandar.

Yang Berhormat Bukit Gantang memohon kerajaan membayar bantuan kepada penoreh getah pada masa kejatuhan harga getah. Bantuan kejatuhan harga getah hanya diberi kepada pemilik kebun getah yang memenuhi syarat utama iaitu kurang daripada 2.5 hektar. Penoreh-getah bukan kesemuanya terdiri daripada rakyat Malaysia. Jadi, ada penoreh daripada negara-negara asing. Jadi, agak sukar kepada kita untuk kepada siapa sepatutnya kita bantu. Jadi, tiada skim tersebut pada masa sekarang Yang Berhormat Bukit Gantang ya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Pengerusi, minta.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ini berkenaan dengan bantuan kepada penoreh tadi. Boleh atau tidak kementerian mencari satu mekanisme untuk membantu mereka? Kita tidak hendak macam nelayan. Nelayan ini kita tengok, yang dapat bantuan insentif itu pemilik bot, tidak kepada nelayan yang menjadi pekerja kepada bot. Boleh cari mekanisme itu. Hak yang orang asing jangan bagilah.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, saranan yang baik. Bolehlah, kita boleh berusaha bagaimana kita- cuma kita hendak pastikan sebab yang sedia ada sekarang terlalu ramai rakyat bukan warganegara kita yang menoreh. Jadi saya harap Yang Berhormat Bukit Gantang harus tahu sebab kita hendak mengurus kewangan kita. Jadi, untuk membantu penoreh, memang kita hendak membantu warganegara kita, orang Malaysia. Itu tidak ada soal tentang itu.

Jadi Yang Berhormat Bukit Gantang, RISDA diminta untuk mengadakan aktiviti selain daripada yang terbabit dengan tanaman getah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Di antara program yang dilaksanakan oleh RISDA untuk menambah pendapatan adalah aktiviti ekonomi tambahan meliputi bantuan untuk tanaman kontan, ternakan dan industri desa. Juga pembangunan keusahawanan meliputi latihan khusus dan pewujudan pusat pengumpulan produk pekebun kecil.

Jadi Yang Berhormat Kanowit memohon kerajaan menyediakan bantuan tanaman getah dari sumber NKRA bagi negeri Sarawak. Jumlah bantuan tanaman semula, getah ke getah untuk seluruh Malaysia adalah seperti yang disebut tadi, RM283,169,910 dan khusus untuk Sarawak berjumlah RM46,770,452.

Jadi Yang Berhormat Sri Aman semasa mencelah, minta RISDA membangunkan tanah-tanah yang tiada geran di Sarawak. Tanah-tanah NCR boleh dibangunkan dan diberi bantuan untuk menanam semula kawasan getah tua setelah mendapat pengesahan daripada Pejabat Tanah dan Survei Negeri Sarawak dan ditentukan pemiliknya oleh Tuai Rumah, ketua kampung dan sebagainya. Jadi...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jumlah peruntukan lebih kurang RM46 juta di Sarawak ini, berapakah sasaran pekebun kecil yang akan mendapat bantuan dengan peruntukan tersebut untuk tanaman getah? Kalau jumlah, jumlah sasaran, sasaran pekebun kecil yang akan mendapat bantuan ini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sasaran di Sarawak setelah RISDA mula masuk ke Sarawak setiap tahun kita menyasarkan 5,000 hektar dalam setahun. Jadi, kalau saya perlu mempercepatkan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Jerlun, menyentuh RISDA juga. Kebun-kebun yang hendak ditanam semula pun lambat dibekalkan benih.

Isu benih tidak mencukupi berlaku pada tahun 2012 kerana terdapat pertambahan matlamat keluasan kebun tanaman semula daripada 14,000 hektar kepada 35,000 hektar. Walau bagaimanapun, isu ini dapat diatasi pada tahun 2013 dengan penubuhan tapak semaiian pusat yang mencukupi dan berada di Kedah, Pahang, Melaka, Perak, Sabah dan Sarawak. Sarawak tidak ada masalah benih Yang Berhormat Jerlun ya? Jadi biar saya beralih kepada KEMAS...

▪ 1740

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang selainnya saya akan jawab secara bertulislah sebab saya hendak cover tajuk-tajuk ini. Mungkin tidak adil kepada yang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Sekijang, masalah pembantu guru KEMAS dibayar elaan RM400 sebulan berbanding gaji minimum RM900 sebulan. Yang Berhormat Sekijang, keputusan untuk melatih Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) telah dibuat di dalam mesyuarat KSN KEMAS, JPA dan JPNIN pada 4 November 2012 dulu. Walau bagaimanapun KEMAS telah bercadang untuk melantik PPMS ini ke jawatan Pembantu Pemaju KEMAS Gred S17 secara kontrak di mana mereka ini juga bakal menikmati gaji dan kemudahan-kemudahan penjawat awam yang lain...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *[Bangun]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Jadi dulu mereka ini hanya dilantik sebagai pembantu, sebab itu sekarang apabila permohonan untuk menjadi pemaju ini, KEMAS hendak memastikan

mereka ini sekurang-kurangnya ada kelayakan yang tinggi supaya nanti mungkin lebih senang ataupun boleh kita serapkan sebab ada kelayakan mereka ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelebu bangun.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Sekijang juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Jelebu bangun.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya hendak percepatkan Yang Berhormat Jelebu, boleh kerjasama sikit.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Gaji.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Bolehlah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. KEMAS memainkan peranan besar di dalam pendidikan awal dan kemasyarakatan. Jadi saya menerima cadangan dan pandangan daripada kakitangan KEMAS agar mereka juga harus diperkasakan. Jadi didapati ada kewajaran kementerian untuk menimbangkannya kerana skim gaji mereka kontrak ini tidak cukup selesa dan ada keadaan kadang-kadang itu guru KEMAS nya sekarang ini diambil di kalangan diploma pun ada. Jadi mereka memperoleh tangga gaji yang lebih tinggi berbanding dengan penyelia kanan KEMAS sendiri.

Jadi kedudukan sudah agak tidak seimbang. Guru yang dijaganya grednya tinggi, penyelianya grednya rendah. Ini saya mohon kementerian teliti betul-betul supaya dapat diselaraskan dan diletakkan tahap gaji, sudahlah mereka ini kontrak, letakkan kepada mereka pada tahap gaji yang sepatut dan sewajarnya.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya sungguh tahu akan keadaan ini Yang Berhormat Jelebu sebab di kawasan saya di Kapit begitu juga keadaannya. Jadi itu adalah saranan daripada Yang Berhormat Jelebu. Jadi di peringkat kementerian, usaha sudah bermula untuk melihat bagaimana kita boleh sampai menemui apa cara yang seadil-adilnya untuk kita membayar gaji mereka di lain-lain peringkat ini. Okey, terima kasih ya.

Jadi Yang Berhormat Sekijang membangkitkan latihan kepada guru KEMAS. KEMAS telah mengadakan dan merancang kursus-kursus dan bengkel-bengkel untuk mempertingkatkan profesionalisme pembantu masyarakat tadika dan taska terutamanya pada cuti sekolah dan secara dwi mingguan setiap bulan. Bagi pemaju masyarakat yang mempunyai kelayakan akademik untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma pendidikan, mereka telah ditawarkan untuk mengikut kursus dalam cuti KDC ya, yang dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Kursus di dalam cuti sekolah lah seperti mana telah saya sebut tadi.

KEMAS juga telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk rundingan terus pelantikan IPTS yang menawarkan Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak untuk menghantar pemaju masyarakat yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang mencukupi

untuk mengikuti kursus peringkat diploma yang seperti mana yang telah saya sebutkan tadilah Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang juga membangkitkan kurikulum dan proses pembelajaran kepada kanak-kanak. KEMAS tidak mempunyai status yang dirancang sendiri kerana mengikut sepenuhnya Kurikulum Standard Persekolahan Kebangsaan (KSPK) Kementerian Pelajaran Malaysia. Manakala bagi kurikulum taska, KEMAS menggunakan sepenuhnya program PERMATA Negara daripada JPM. Jadi status dia samalah.

Yang Berhormat Sekijang juga menyentuh hal program kursus bantuan makanan tambahan, cadangan tambahan dari RM2 hingga RM2.50. Sebelum ini kadar memohon tambahan untuk kanak-kanak taska ialah RM1.80 untuk Semenanjung Malaysia dan RM2.05 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa Julai 2013 baru-baru ini kadar tersebut telah dinaikkan kepada RM2 untuk Semenanjung Malaysia dan RM2.20 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan. Cadangan untuk menaikkan kadar ke RM2.50 akan dipertimbangkan kemudian.

Yang Berhormat Lenggong, jadi program modal insan ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada dalam Dewan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Lenggong tiada dalam Dewan. Yang Berhormat Pengerang tiada dalam Dewan, jadi saya terus kepada jawab secara bertulis ya. Untuk Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada dalam Dewan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** KESEDAR. Tadi dia bertanya untuk jawapan dia. Jadi kita bagi dia jawapan secara bertulislah. Yang Berhormat Kuala Krai sudah meninggalkan Dewan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Gombak okey. Yang Berhormat Gombak nanti. Yang Berhormat Raub ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada dalam Dewan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Raub tiada, Yang Berhormat Pengerang tiada, jadi teruskan. Yang Mukah ada. Yang Berhormat Mukah bertanya supaya program Mini RTC ya disediakan kemudahan infrastruktur seperti kemudahan pejabat dan kedai runcit. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini mini RTC tidak menyediakan kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun sebagai *one-stop centre* kepada penduduk luar bandar, mini RTC turut menyediakan lapan inisiatif seperti yang berikutlah:

- (i) latihan ICT;
- (ii) latihan kemahiran;
- (iii) *cyber cafe*;
- (iv) kiosk;
- (v) informasi Malaysia;
- (vi) kolaborasi bersama kementerian dan agensi lain;
- (vii) agen bank berdaftar, sukarela; dan
- (viii) bersama IPT dan sebagainya.

Lapan inisiatif. Jadi ini pernah juga Yang Berhormat Mukah dengar. Jadi jawapannya mungkin tidak berapa lengkap. Yang Berhormat kementerian beri secara bertulislah. Sekiranya Yang Berhormat Mukah berminat untuk mendapat mini RTC di kawasan Mukah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan saya Timbalan Menteri minta kerjasama.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak cukup masa.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Soal yang lapan inisiatif. Mengikut sumber di sini, sembilan inisiatif dan mengikut laporan ringkas...

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okeylah, terima kasih lah, sembilan inisiatif.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Menunjukkan impak dia ini semua lebih daripada 80% iaitu ilmu pengetahuan, meningkat ekonomi, celik ICT, penilaian terbuka, 83% hubungan penilai pesat, perhubungan interaktif. Semua lebih daripada 80%. Impaknya siapa? Yang saya tanya tadi, saya juga tanya mencelah soal ICT ini.

#### ■1750

Di Sabah hanya Kampung Bayangan sahaja. Jadi bagaimana masyarakat dapat pencapaian mengikut laporan daripada KKLW yang semua mencapai 80% lebih impaknya. So Yang Berhormat Timbalan Menteri, maklumat itu mesti selaras dengan laporan KKLW dalam *website*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tunggu lama tadi, keluar sekejap sembahyang sahaja terus Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi minta buka balik helaian itu kalau ada jumpa Kuala Krai tolong baca balik. Terima kasih, ini sahabat lama.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Kuala Krai sahabat lama. Kami dahulu bersama dalam jawatankuasa.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Hebat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Kuala Krai memohon kementerian supaya perbanyakkan peruntukan jalan kampung di kawasan KESEDAR. Jadi jawapannya Yang Berhormat Kuala Krai ringkas bajet pembangunan KESEDAR tahun 2014 sebanyak RM28.48 juta, RM28 jutalah Jalan Pembangunan Desa (JPD) pada tahun 2014 nanti. Peruntukan RM1.1 juta lima projek sepanjang enam kilometer, okey?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Cuma untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan para pegawai kalau boleh jalan yang saya sebut satu tadi diambil kira kerana kawasan itu memang dalam kawasan KESEDAR.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dahulu tadi?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya sebut tadi.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kampung Bahagia ke Kampung Keluak itu dipertimbangkan. Kalau tidak masuk dalam *original list* pun, dengan izin, minta dipertimbangkan kerana sudah lama jalan itu teruk. Itu rayuan sahabat. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Jerlun juga membangkitkan membantu meningkatkan sosioekonomi penduduk tempatan KEDA, 52 penempatan. KEDA ada melaksanakan beberapa projek pembangunan yang membantu peningkatan sosioekonomi penduduk di penempatan KEDA sejak dari penubuhannya. Bagi tahun 2014, di antara projek-projek yang akan dilaksanakan adalah Projek Peningkatan Pendapatan Petani KEDA iaitu RM400,000, Projek Pembangunan Usahawan Perkhidmatan KEDA RM2 juta dan Program Bantuan dan Bimbingan Perniagaan Kecil, RM250,000.

Jadi Yang Berhormat Jerlun, peruntukan PBR bagi negeri Kedah tahun 2014 dan mohon ia ditambah. Selain itu mohon KKLW memantau dengan rapi kualiti projek PBL khas projek penambah baik pulih. Untuk makluman Yang Berhormat bagi tahun 2014, PBLR diperuntukkan sejumlah RM179 juta. Daripada jumlah ini sejumlah RM8 juta akan diagihkan kepada negeri Kedah bagi membiayai pelaksanaan lebih 460 unit projek PBR. Kementerian akan mengkaji semula sama ada, ada keperluan tambahan peruntukan PBR ini.

Dalam konteks pemantauan, kementerian sentiasa memastikan projek-projek PBR ditambah dengan kualiti yang baik melalui pemantauan oleh agensi-agensi KKLW khas oleh KEDA bagi negeri Kedah.

Jadi Yang Berhormat Jerlun juga mencadangkan Pejabat Cawangan Negeri KKLW sebagai *lead agency* bagi menyelaras projek di luar bandar bagi negeri Kedah. Pihak KKLW melalui pejabat cawangan negeri berperanan sebagai pelaksana dan pemantau kepada projek dan program KKLW di negeri. Di peringkat negeri, Pejabat Pembangunan Negeri *State Development Office* (SDO) merupakan *lead agency* bagi menyelaras projek-projek luar bandar di mana KKLW, JKR dan lain-lain agensi adalah ahli kepada jawatankuasa tersebut.

Jadi yang agak panjang ini tentang Yang Berhormat Jerlun juga membangkitkan isu GDW dan JKPP. Ini juga sepatutnya dalam perbahasan peringkat dasar Yang Berhormat Jerlun juga membangkitkan perkara yang sama. Saya jawab. Gerakan Desa Wawasan merupakan inisiatif Kementerian Luar Bandar dan Wilayah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun minta jawab tidak jawab? Tidak payah jawab.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tidak ada masa waktu itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah jawab.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Sekarang?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekarang tidak payah jawab.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Pengerusi tidak payah jawab?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah jawab Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okeylah. Yang Berhormat Jerlun maaf, jawapan bertulis. Ada masa lagi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada, sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey Yang Berhormat Jerlun. Kewujudan pangkalan data induk. Untuk maklumat Yang Berhormat Jerlun pada masa kini, kementerian sedang bekerjasama dengan pihak EPU sebagai *lead agency* bagi mewujudkan satu sistem profil kampung di peringkat nasional. Pelbagai pihak turut terlibat dalam pembangunan sistem ini dan contohnya ICU dan KPKT untuk mengambil kira sistem sedia ada. Jadi ini dia Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai saya beralih kepada isu MARA. Yang Berhormat Kuala Krai bertanya untuk menambah baik bilangan institusi pendidikan MARA seperti GIATMARA, MRSM untuk menggalakkan penghijrahan belia ke bandar-bandar dan kawasan lain.

Sehingga tahun 2013 terdapat 49 MRSM dengan kapasiti seramai 34,546 pelajar dan 231 Pusat GIATMARA dan pelatih seramai 12,446 orang sedang mengikuti pengajian dan latihan di seluruh Malaysia. Di negeri Kelantan telah terdapat lima buah MRSM...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang bangun. Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Saya teruskan. Tunggulah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ini, ini Yang Berhormat Kuala Krai mahu ini diteruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Berunding dengan Yang Berhormat Kuala Krai. Di negeri Kelantan telah terdapat lima buah MRSM yang beroperasi iaitu di Kuala Krai, Jeli, Pasir Tumboh, Pengkalan Chepa dan Tumpat. Manakala terdapat 15 Pusat GIATMARA di negeri Kelantan termasuk di Kuala Krai yang telah beroperasi sejak tahun 2004. Dengan adanya MRSM dan GIATMARA, ia dapat memberi peluang pembelajaran dan latihan kemahiran seterusnya belia tidak perlu berhijrah ke bandar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit penjelasan Yang Berhormat Kuala Krai tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Kuala Krai lah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada menyebut dalam jawapan tadi memang MRSM antara yang ada di Kuala Krai. Saya menyebut tadi kolej MARA yang mana merupakan

institusi yang lebih tinggi daripada sekolah persediaan kepada masuk ke IPT. Itu yang saya maksudkan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit Timbalan Menteri pasal MRSM Timbalan Menteri saya dapat kalau ikut statistik.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit. Fasal ikut negeri ini satu-satunya negeri yang paling sedikit ada MRSM ini Selangor. Ada satu sahaja sedangkan Johor ada lima, Kedah ada enam, Kelantan ada lima, Melaka ada tiga. Jadi saya mohon Sepang pun ada kawasan luar bandar. Saya hendak minta kalau boleh di Sepang buat satu MRSM Timbalan Menteri sebab di situ tanah pun masih luas lagi. Saya minta sangatlah Timbalan Menteri, terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey. Kalau ada permohonan boleh dipertimbangkan dan ia tertakluk kepada kewangan sedia ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini permohonan. Permohonan rasmi, saya minta dengan Timbalan Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Kalau ada permohonan pun ia mesti tertakluk kepada kewangan yang ada untuk kita melaksanakan. Okey kita ambil maklum. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perlis ada dua kecil.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Sungai Petani tidak ada. Yang Berhormat Lenggong tidak ada, siapa lagi? Okey Yang Berhormat Bukit Gantang ada?...

Yang Berhormat Bukit Gantang mencadangkan untuk membangunkan pelajar-pelajar luar bandar yang miskin dan cemerlang serta menambah bilangan MRSM Ulul Albab. MARA sememangnya memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar luar bandar, miskin yang kurang cemerlang untuk mengikuti pengajian di MRSM di mana syarat kelayakan kemasukan direndahkan hingga keputusan UPSR 3A dan 2B.

MARA dalam tindakan perancangan untuk menambah MRSM Ulul Albab tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi dan guru yang berkelayakan sama juga dengan Yang Berhormat Sepanglah...

**Seorang Ahli:** Ulul Albab.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Mukah, pembinaan baru Pusat GIATMARA di Mukah.

■1800

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Parit bangun.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Biar saya habiskan Yang Berhormat Mukah dahulu.

GIATMARA Mukah sedia ada ditubuhkan pada tahun 1954, lama sudah, di atas tanah milik Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kampung Penakup Hilir. Kursus yang ditawarkan adalah Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam dan Pendawaian Elektrik. Pembinaan

Pusat GIATMARA ditapak baru boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kesesuaian tapak dan juga peruntukan yang mencukupi. Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Sedikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okeylah Yang Berhormat Parit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan MRSM. Saya di Parit memang ada sebuah MRSM. Cuma, harapan orang di Parit supaya sekurang-kurangnya beberapa percent kuota dapat diberikan kepada anak-anak orang Parit. Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah ada satu lagi *special test* bahasa Inggeris yang, walaupun mereka dapat 5A termasuk Bahasa Inggeris tetapi kena duduk peperiksaan khas bahasa Inggeris yang menyebabkan ramai yang kurang berjaya, pasal bahasa Inggeris itu. Bolehkah agaknya bagi maksud orang Parit hanya diambil yang 5A Inggeris sahaja untuk masuk ke MRSM di Parit itu? Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Cadangan itu perlu disemak dengan sedalamnya sebab tidak dapat saya buat masa sekarang kata boleh atau tidak boleh Yang Berhormat ya. Terima kasih. Saya teruskan.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa ada?... Sudah balik? Tidak apalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu sahaja?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Pengerusi, itu sahajalah jawapan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah buat kali ini dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau jawapan saya tidak memuaskan hati Ahli Yang Berhormat semua, jadi saya mohon maaf oleh kerana kesempitan masa. Kita boleh juga memanjangkan jawapan atau penjelasan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Pengakuan secara bertulis yang kita hendak dengar itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,724,380,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM5,724,380,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,107,803,100 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM4,107,803,100 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.23 [Jadual] -  
Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahaskan.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak ramai ya. Lebih kurang lapan. Yang Berhormat Simpang Renggam, sila.

**6.04 ptg.**

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Singkat sahaja. Satu perkara sahaja. Saya ingin menyentuh Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Saya ingin menarik perhatian kementerian pada sebuah jambatan di Kampung Sari di dalam kawasan Parlimen Simpang Renggam kerana jambatan ini telah pun dilaporkan rosak pada 16 hari bulan Mac tahun ini oleh penduduk di kampung tersebut dan pada hari yang sama, Ketua Jabatan JPS Daerah Kluang dan pembantunya telah pun membuat lawatan. Dua hari lepas daripada tarikh tersebut, pihak JPS menghantar sekali lagi pegawainya untuk membuat siasatan dan ulasan diberikan oleh JPS adalah jambatan tersebut sangat membahayakan dan tidak sesuai untuk laluan.

Justeru itu, JPS memberikan cadangan secara rasmi kepada Pejabat Daerah Kluang untuk menutup jambatan tersebut. Bulan seterusnya saya membangkitkan semula lagi dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kerana tidak ada sebarang tindakan diambil. Sehingga ke 2 Ogos tahun ini juga, Pejabat Daerah Kluang memberi jawapan bahawa permohonan tersebut sebanyak RM200,000 telah pun dikemukakan tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan diambil. Saya merayu kepada kementerian supaya memandang perkara ini serius dan saya berharap jambatan ini dapat dibaiki dan disempurnakan pada hujung tahun ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**6.06 ptg.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk ke Butiran 040000 – Mineral dan Geosains yang diperuntukkan RM64.759 juta dan Butiran 150300 – Kajian Mineral dan Geosains yang diperuntukkan RM1 juta.

Tuan Pengerusi, kekayaan mineral terutamanya hidrokarbon adalah sangat penting kepada negara. Sumbangan setiap tahun kepada pendapatan Kerajaan Persekutuan adalah di antara RM70 hingga RM80 bilion iaitu lebih kurang 30% daripada pendapatan Kerajaan Persekutuan tiap-tiap tahun. Masalahnya, walaupun kita ada Jabatan Mineral dan Geosains,

persoalan tentang dasar dan juga perancangan hidrokarbon iaitu harta mineral kita yang paling berharga ditinggalkan sepenuhnya kepada Petronas mengikut beberapa undang-undang yang telah dibuat.

Masalah apabila keadaannya Petronas tidak melaporkan ataupun bertanggungjawab kepada Parlimen. Jadi sehingga kini kita sebenarnya tidak tahu apakah dasar dan juga perancangan mengenai kelangsungan dan lestari sumber hidrokarbon di negara ini. Peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Jabatan Geosains dan Mineral itu ada berkait juga dengan persoalan kajian.

Kalau mengikut kadar pengeluaran terkini dan juga nisbah penggantian rizab minyak, minyak mentah di negara kita hanya tinggal 23 tahun dan gas asli hanya tinggal 31 tahun. Maknanya, harta hidrokarbon ini hanya tinggal dalam satu generasi akan hilang. Jadi sebab itu saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya memberi sedikit maklumat apakah dengan peruntukan yang ada ini boleh diusahakan supaya satu dasar lestari mengenai harta geosains dan mineral negara boleh diusahakan dan dibentangkan kepada Dewan supaya kita boleh tahu harta 23 tahun yang akan hilang dalam tempoh satu generasi ini apakah perancangan kerajaan dan bukannya ditinggalkan seratus peratus kepada Petronas.

Soal kebertanggungjawaban ini juga menjadi satu isu yang utama apabila Petronas yang menjadi agensi nombor satu dan satu-satunya badan yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan harta geosains dan mineral negara ini secara undang-undangnya tidak bertanggungjawab dan melaporkan kepada Parlimen. Ini sudah tentu menyukarkan Petronas. Oleh sebab itu akhir-akhir ini kita dengar banyak kritikan dan tuntutan terhadap Petronas dari pelbagai pihak yang menuduh bahawa Petronas mengetepikan kepentingan sesetengah kumpulan. Petronas tidak mementingkan ekonomi bumiputera dan lain-lain.

Ada juga dari semasa ke semasa keraguan dan juga waspada mengenai kebolehan dan ketelusan Petronas dalam menguruskan harta geosains dan mineral hidrokarbon negara ini sehingga ada tuduhan mengenai penyelewengan, kerugian dan lain-lain. Sedangkan, bagi mereka yang biasa dengan industri minyak dan hidrokarbon, ia satu industri yang kompleks. Operasinya tidak sama dengan operasi-operasi industri lain dan yang lebih penting dari perspektif Parlimen dan Dewan Rakyat, kuantum perbelanjaan setiap projek itu tidak boleh kita samakan dengan jenis-jenis perbelanjaan yang selalu kita bahaskan di sini. Kalau contohnya mungkin satu projek jalan raya, Yang Berhormat Menteri tahu mungkin hanya melibatkan RM20 juta hingga RM30 juga.

#### ■ 1810

Satu projek *oil and gas*, dengan izin selalunya melibatkan RM300 juta hingga RM400 juta. Satu perkara yang biasa untuk Petronas dalam satu mesyuaratnya membuat keputusan melaburkan RM2 bilion, RM3 bilion. Jadi, apabila tidak ada kebertanggungjawaban Petronas, maklumat yang sebenarnya kadang-kadang itu tidak sampai termasuklah kepada Ahli Dewan dan banyak Ahli Dewan sendiri yang bukan latar belakangnya daripada sektor minyak ini kadang-kadang tidak mempunyai maklumat yang tepat untuk mengkritik dan menegur Petronas.

Oleh sebab itu saya rasa kita perlu berlaku adil baik daripada sebelah kerajaan ataupun baik daripada sebelah Pakatan Rakyat bahawa kita perlu membantu Petronas untuk kita memastikan bahawa maklumat ini dapat diterangkan dan kita betul-betul faham tentang fungsi, peranan dan juga skop operasi pelaburan Petronas. Saya mohon kalau rakan-rakan wakil rakyat dan Ahli-ahli yang lain bersetuju supaya kita merakamkan tahniah kepada kakitangan Petronas kerana sehingga sekarang Petronas adalah satu-satunya syarikat Malaysia yang berada di dalam *Fortune 500* dan setiap tahun Petronas menduduki ranking lima atau sepuluh teratas dari segi syarikat minyak di dunia ini yang paling untung.

Jadi, kita tidak boleh persoalkan dari segi itu tentang jasa dan sumbangan Petronas dan kakitangannya kepada negara. Walaupun begitu, bukanlah bermakna oleh kerana prestasi Petronas itu baik selama ini, kita tidak boleh tegur dan tidak boleh kritik Petronas. Apatah lagi seperti yang saya sebut dalam keadaan yang mana kita tidak tahu apa sebenarnya dasar dari segi melestarikan harta geosains dan hidrokarbon dari segi kita tidak dapat maklumat yang penuh tentang operasi dan pelaburan Petronas. Sudah tentu banyak perkara yang dibawa oleh rakyat yang perlu kita suarakan di sini. Cuma, saya mohon bantuan dan juga kerjasama semua.

Pertama, perlu ada disiplin dari kalangan Ahli Dewan sendiri supaya kita perlu menolak sebarang campur tangan terutamanya dari segi penganugerahan projek yang melibatkan projek-projek Petronas. Ini kerana prestasi dan juga kebolehan Petronas menyumbang sumber kewangan yang begitu besar kepada negara bergantung kepada prestasi kontraktor-kontraktor yang dipilih oleh Petronas. Sepanjang saya bertugas di Petronas menduduki jawatankuasa-jawatankuasa tender sebegini, kalau ada campur tangan, ada wahyu atau lobi daripada luar baik atas alasan macam mana pun, kalau Petronas mengambil risiko menganugerahkan kontrak dalam satu projek yang penting kepada satu syarikat yang tidak mampu melaksanakan tugas itu, maka tanggungjawab Petronas adalah apabila Petronas tidak mendapat untung yang sewajarnya. Itu akan membawa kesan yang besar kepada negara kerana Petronas tidak mampu untuk menyumbang wang saban tahun. Oleh sebab itu kita perlu sokong sepenuhnya...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Pandan, boleh mencelah sikit?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya, ya. Sila, sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya agak keliru sedikit butiran mana yang Yang Berhormat Pandan nyatakan yang ada kaitan Petronas dengan Jawatankuasa ini?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Butiran 040000 – Mineral dan Geosains kerana itu bersifat dasar. Jabatan ini bertanggungjawab untuk menggubal dasar mengenai dan juga satu...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Akan tetapi di peringkat Jawatankuasa, ingat bajet ini pun tidak ada kena mengena dengan Petronas. Pada pandangan sayalah. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Nanti dulu, nanti dulu. 150300 – Mineral dan Geosains ialah mengenai belanjawan untuk kajian sumber baru. Itu ada kena mengena dengan Petronas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pandan. Lagi dua minit, ya?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Jadi sebab itu, perkara ini kita perlu beri tumpuan sepenuhnya supaya Petronas terus diberikan sokongan untuk memilih kontraktor yang berkebolehan dan berprestasi walaupun ada beberapa tuntutan-tuntutan yang lain dan perlu diberi sokongan melalui *Vendor Development Program*, dengan izin Tuan Pengerusi. Malah saya rasa *Vendor Development Program* itu perlu kita sebarkan dan kita gunakan untuk kita bentuk dua lagi syarikat minyak tempatan. Satu, yang melibatkan negeri Sabah dan satu yang melibatkan negeri Sarawak.

Saya minta sokongan Yang Berhormat Menteri sendiri supaya kita terus lobi supaya diwujudkan satu petrol Sabah dan satu petrol Sarawak daripada kita terlalu banyak memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat persendirian. Lebih baik kita gunakan pengalaman Petronas dibentuk sebagai syarikat milik rakyat untuk membentuk satu syarikat milik rakyat Sabah dalam minyak dan gas dan satu syarikat milik rakyat Sarawak dalam minyak dan gas. Perkara ini dalam kajian jabatan nanti supaya dapat diambil berat.

Kedua atau akhir sekali Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebut, sementara Petronas telah menunjukkan prestasi yang baik tetapi Petronas juga boleh ditegur. Contohnya apabila pengurusan Petronas kadang-kadang terpisah daripada pandangan rakyat biasa. Contohnya keputusan yang terkini oleh pengurusan Petronas...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Dengan izin Tuan Pengerusi berkaitan dengan cadangan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** ...Untuk rakyat-rakyat kita mempunyai sedikit keuntungan daripada kehebatan hasil oleh Petronas itu. Mungkin Yang Berhormat Pandan ingat bahawa Kerajaan Malaysia sendiri setahun lebih yang lalu telah mengumumkan suatu cadangan tentang bagaimana hendak mengagihkan keuntungan daripada hasil minyak dan gas ini khususnya di pantai timur kepada rakyat. Janjinya dalam masa enam bulan, suatu laporan akan dibentangkan untuk dibuat keputusan. Akan tetapi, ianya telah melampaui enam bulan. Mungkin telah melampaui satu tahun. Apakah pandangan Yang Berhormat Pandan tentang perkara ini?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Pandan, boleh sedikit?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Half a minute.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Can, can.* Teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Apakah pandangan Yang Berhormat Pandan berkenaan dengan kegagalan Petronas untuk menubuhkan *Advisory Council* yang terdapat dalam Petroleum Development Act? Sepatutnya *Advisory Council* ini datang daripada *members state* ataupun *states* yang mengeluarkan minyak seperti Sabah, Sarawak, Kelantan dan sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, sementara saya tahu ada rakan-rakan yang bertanya apa kena mengena dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, tetapi tanggungjawab memastikan bahawa harta geosains dan mineral kita iaitu hidrokarbon ini dijaga dengan baik demi rakyat adalah tanggungjawab juga di bawah kementerian. Oleh sebab itu kalau mengambil kira pandangan Yang Berhormat Tumpat, oleh kerana sumber ini adalah terhad, dalam tempoh 20 tahun sahaja lagi, maka sebab itulah sudah sampai masanya kita perlukan satu tindakan yang lebih ikhlas supaya wang dan dana itu bukan sahaja diberikan terus ke dalam peruntukan dan juga kewangan Kerajaan Persekutuan tetapi perlu ada cara supaya ia sampai terus kepada rakyat.

Menjawab rakan saya daripada Yang Berhormat Penampang, persoalan itu sudah tentu perlu dijawab oleh Perdana Menteri kerana Petronas melaporkan kepada Perdana Menteri dan saya kira Perdana Menteri perlu memberi penjelasan kenapa perincian dan butiran di dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 itu tidak dipatuhi.

Saya hendak tutup dengan soal sedikit tentang Petronas tadi. Keputusan terbaru yang Petronas tidak membenarkan peniaga-peniaga kecil untuk menjual di kedai-kedai Mesra Petronas, ini adalah contoh-contoh keputusan yang dibuat oleh eksekutif di pejabat tinggi yang terpisah daripada keperluan rakyat di bawah. Keputusannya, saya kira ada pertimbangan atas dasar muhkuh memastikan bahawa *packaging* itu adalah mengikut piawaian yang ditetapkan daripada Petronas. Akan tetapi bagi mereka yang menjual kerepek harga RM3 ataupun makcik pakcik yang mengusahakan nasi lemak harga RM4, untuk menuntut mereka melabur di dalam mesin pakej yang berharga beratus ribu ringgit hanya untuk menjual 20 pek kerepek di kedai Petronas, sudah tentu tidak masuk akal. Saya harap sebab itu akhir sekali Tuan Pengerusi, untuk kita bantu Petronas dan bantu Yang Berhormat Menteri supaya soalkekayaan sumber asli negara ini dapat diterangkan dengan lebih baik kepada rakyat, wajarlah sekiranya Petronas mula untuk membentangkan laporan.

Kalau tidak secara rasmi di Parlimen pun tetapi kepada satu *caucus* Ahli-ahli Parlimen...

#### ■1820

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Nanti saya habiskan ya, saya habiskan. Kalau tidak secara rasmi kepada Parlimen pun, kalau itu katakan memerlukan satu perubahan undang-undang, paling kurang Tuan Pengerusi untuk kita menyelesaikan segala soal yang timbul ini, Petronas perlu bermula dengan membuat pembentangan kepada Ahli-ahli Parlimen di dalam satu *caucus* Petronas sepautunya. Paling kurang itu boleh memulakan usaha untuk memastikan

maklumat yang tepat sampai kepada Ahli-ahli Parlimen supaya Ahli Parlimen boleh memberi pandangan dan kritikan yang kena dan juga yang tepat kepada Petronas. Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi terus.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, maaf. Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Pandan tadi, terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma *the journey jalan tadi saya confused sedikitlah, first sekali you kata tentang renewable energy tetapi Yang Berhormat Pandan tadi cerita tentang akhirnya pergi ke kerepek, orang dekat bawah mesra, convenient store dan kita cakap mineral resources*. Jadi, saya hendak tanya kerana ada *confusing* sedikitlah di sini Yang Berhormat Pandan. *You bawa, kita rasa kita tidak boleh sentuh sebab ada wahyu tetapi pada masa yang sama you hendak kita buat caucus supaya kita intervened*, bagi tahu Petronas *what to do*. Saya hendak sedikit pencerahan daripada Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Dari segi kenapa soal Petronas ini timbul saya telah terangkan Tuan Pengerusi bahawa hidrokarbon adalah harta mineral kita yang paling utama. Jadi, kita perlu ada satu dasar yang betul-betul difahami oleh rakyat bukan ditinggalkan kepada Petronas semata-mata.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Setuju tidak Yang Berhormat Pandan bahawa...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Nanti dahulu saya jawab...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Saya *remember* pertengahan 80-an kita kata kita punya *national recovery reserve oil* tinggal dalam 14 tahun, tadi Yang Berhormat Pandan tinggal 20 tahun. *I think* separuh daripada kita punya *income from Petronas is derive from external* punya *income*. Yang Berhormat Pandan cakap tadi Petronas *one of the most profitable, I think it quite consistent the last many years*. Kita pun tengok pulangan itu banyak pergi kepada *one of the main coffers for the government. So, I think isn't that* dasar yang baik, yang *I think* kita should teruskan. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Banyak, dia dah jadi lima soalan jadi kita kena jawab satu-satu. Pertama, Yang Berhormat Kota Tinggi tanya sedang saya sebut supaya jangan ada campur tangan tetapi ada juga pandangan. Kita perlu bezakan campur tangan itu adalah dari segi penganugerahan kontrak dan pemilihan kontraktor yang diberi tanggungjawab untuk mengusahakan projek dan lapangan besar Petronas. Ini kerana kejayaan dan prestasi kontraktor itu akan ada kesan yang besar kepada kebolehan Petronas untuk menyumbang, yang itu kita tidak boleh campur. Kalau Petronas sudah ada ataupun mana-mana GLC sudah ada satu sistem integriti dan kontrak dan pemberian tender dan perolehan yang baik maka perlu ditinggalkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Akan tetapi pada masa yang sama kita juga sebagai wakil rakyat berhak mendengar rintihan daripada rakyat. Dalam kes ini, ada banyak juga perkara-perkara yang diputuskan oleh pengurusan Petronas yang kadang-kadang terpisah daripada realiti di bawah. Dengan izin Tuan Pengerusi, *it is a matter common sense*. Kadang-kadang keputusan yang dibuat oleh Petronas itu tidak ada *common sense*. Jadi, sebab itu lebih baik kalau Petronas juga ada *engagement* dan juga pertukaran pendapat dan maklumat dengan wakil rakyat supaya perkara-perkara seperti ini boleh dielakkan. Saya rasa cukup di situ, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang.

#### 6.24 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 150300 - Mineral dan Geosains. Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tentang di tempat saya di Limbang ada projek-projek untuk sumber air yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains di beberapa rumah panjang. Ada beberapa buah itu kira *successful*, seperti di Rumah Muar dan sebagainya tetapi ada juga *certain project* itu di mana semuanya di *provide* disediakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains. Perkakas-perkakas, segala paip airnya semua tetapi kadang-kadang malangnya untuk pengetahuan Timbalan Menteri. Ianya hanya terletak di situ sahaja *untouched*, so barangkali perkara ini haruslah di *refer* baliklah kepada Jabatan Mineral dan Geosains kenapa perkara ini boleh terjadi. Ini kerana rakyat tertunggu-tunggu juga dan saya tengok benda itu nanti menjadi satu pembaziran. Malahan rakyat di luar bandar itu, di rumah panjang masih banyak juga memerlukan, banyak sumber kita daripada *medical*, daripada geosains. Akan tetapi yang ini saya hendak sentuh fasal geosains.

Satu lagi yang saya hendak sentuh ialah tentang Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Jadi, saya di sini sekali lagi, di peringkat dasar hari itu telah menyentuh tentang Sungai Limbang ini, muara Sungai Limbang. Muara Sungai Limbang ini, dahulu saya telah pun menyuarakan pemendapan, mendapan di muara sungai dan juga *certain part of the river*, dengan izin. Sekarang ini kalau air surut sedikit kita dah boleh nampak buaya relaks atas pemendapan tebing-tebing sungai ini. *You can really see the crocodile there*. Ini perkara yang dua, tiga, empat tahun dahulu, *we cant see that*. Tidak ada tengok benda ini.

Jadi saya mintalah kepada- sebab saya difahamkan juga jabatan negeri ada *provide* tidak banyaklah dalam mungkin RM3 juta, RM4 juta dan RM5 juta sahaja tetapi projek ini dahulu telah pun diluluskan. Sebelum ini, sebelum penggal lepas sebanyak, *I think RM10 million to RM15 million* termasuk EIA yang diperlukan oleh Kerajaan Negara Brunei sebab muara Sungai Limbang itu. Teluk Brunei itu milik mereka tetapi masalah dia sekarang, kapal-kapal hendak masuk susah dan *the worst part is* sekarang kampung-kampung di tebing sungai itu kalau ada banjir, ada hujan di hulu sedikit, bertemu dengan air pasang.

Kalau dekat surau Kampung Seberang Kedai di Pekan Limbang itu sudah satu kaki setengah sudah di atas air, sudah dibanjiri air. *We should do something with this* mendapan. Jadi,

saya minta kepada kerajaan untuk melihat perkara ini secara serius *because I can foresee that* dalam dua tiga tahun lagi agaknya makin banyak tempat lagi akan menghadapi banjir disebabkan oleh pemendapan sungai ini. Saya difahamkan mungkin dianggarkan projek ini hanya bernilai RM15 juta ke RM20 juta sahaja untuk *dredging* muara dan *certain part of river* di sepanjang Sungai Limbang tersebut. Jadi, saya mohonlah kepada kerajaan untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

#### **6.27 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah di bawah Butiran 020300 – Penyelarasaran dan Operasi Tanah, RM158 juta. Butiran 030300 – Kadaster, RM154 juta. Saya mohon penjelasan secara terperinci perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian dan pejabat tanah daerah-daerah. Dalam menyelesaikan kes pembahagian pusaka kecil dan proses pengeluaran geran tanah. Adakah pangkalan data ukur kadaster sudah pun dikemas kini? Di manakah kita boleh membuat rujukan?

Tuan Pengerusi, Butiran 050000 – Perhutanan, Butiran 050200 – Operasi Hutan sebanyak RM9.4 juta dan Butiran 050300 – Pembangunan Hutan, RM9 juta. Soalan saya adakah kementerian dan agensi-agensi berkaitan benar-benar mengurus dan mengawal sumber hutan kekal bagi mengekalkan kepelbagaian kayu kayan dan tidak di ceroboh oleh pembalakan haram atau digunakan untuk ladang atau tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan secara besar-besaran. Mengikut *report website Mango Bay*, Malaysia telah kehilangan 47,278 kilometer persegi hutan simpanan dalam tiga tahun lepas atau bersamaan 4.7277 juta hektar. Mengikut jawapan kementerian kepada Yang Berhormat Taiping, jumlah keluasan hutan simpan kekal (SK) pada 31 Disember 2012 adalah sebanyak 12.84 juta hektar.

#### **■1830**

Adakah keluasan SSK ini masih kekal sehingga sekarang, dan adakah kenyataan *website* yang saya sebut di atas iaitu Mango Bay ini benar? Saya sebenarnya berpengalaman- ada peneroka telah pun membuka 40 ekar tanah dan menanam durian, dan nangka madu. Akan tetapi, selepas pokok sudah agak besar baru kita tahu, dan kita masuk bersama pejabat daerah dan Jabatan Hutan untuk melihat apa yang berlaku di situ. Jadi, saya bimbang kalau banyak lagi hutan-hutan baru umpamanya di Cameron Highlands, Jabatan Hutan tidak sedar ada orang-orang yang telah pun menceroboh hutan kita.

Adakah peraturan dari kementerian yang meletakkan syarat bahawa setiap penebangan pokok mesti diganti atau ditanam semula sebagaimana yang ada diamalkan. Umpamanya saya pernah pergi ke Thailand, setiap pokok yang ditebang mesti digantikan balik bagi memastikan kepelbagaian kayu kayan negara kita.

Tuan Pengerusi, Kepala 060000 - Alam Sekitar. Merujuk kepada Butiran 060200 - Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar bernilai RM10.3 juta, dan Butiran 060300 - Pengawasan dan Penguatkuasaan bernilai RM99.1 juta. Adakah benar-benar kementerian meletakkan syarat setiap pembangunan umpamanya projek perumahan, kilang terlebih dahulu mendapat kelulusan EIA, ekoran dari banyak pembangunan baru yang menyebabkan berlaku banyak bencana terutama banjir kilat dan banjir lumpur yang disebabkan oleh *developer* tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Saya juga dapat terlalu banyak bukit-bukit yang telah diterokai untuk mendapatkan batuan bagi membina jalan. Jadi sedarkah - bukit sebagai pasak bumi apabila diganggu memberi kesan kepada perubahan cuaca. Jadi, saya berharap pihak kementerian melalui agensi-agensinya dapat mengawal penerokaan bukit itu secara minimum.

Saya juga ingin mendapat penjelasan jadual kerja penguat kuasa alam sekitar. Adakah mereka juga bertugas waktu malam? Ini kerana banyak kilang yang melepaskan asap dari kilang mereka waktu malam. Ini menyebabkan berlaku peningkatan pencemaran udara.

Tuan Pengerusi, Kepala 070000 – Perlindungan Hidupan Liar. Merujuk kepada Butiran 070100 – Konservasi. Sebanyak RM63.3 juta. Bagaimana kementerian boleh mengawal kawasan perlindungan hidupan liar dalam negara kita ini? Sedangkan terlalu banyak tanah-tanah hutan yang dibuka untuk pembangunan menyebabkan hidupan liar ini lari. Umpamanya kalau kita tengok banyak beruk, babi hutan, beruang lari ke bandar-bandar, ke taman perumahan mencari makan. Apakah nasib hidupan liar ini, dan apakah langkah-langkah kementerian dalam mengekal populasi hidupan liar ini?

Kepala 080000 – Pengairan dan Saliran. Merujuk kepada Butiran 080200 – Perkhidmatan Teknikal berjumlah RM77.6 juta, siapakah yang bertanggungjawab memastikan sungai-sungai kita ini bersih untuk rekreasi dan bekalan air. Sekiranya ada usaha-usaha pembersihan sungai-sungai oleh NGO, atau ketua-ketua kampung secara berkala, siapakah yang bertanggungjawab untuk dihubungi dalam mendapatkan kerjasama.

Saya ingin maklumkan di Sungai Beranang ada NGO daripada rakan-rakan muda yang telah pun berusaha sekarang untuk membantu membersihkan sungai secara berkala. Saya juga sangat berharap tebatan banjir Sungai Langat terutama di Sungai Serai yang dijanjikan oleh kementerian melalui Jabatan Parit dan Saliran Daerah Hulu Langat dapat disiapkan segera sebelum banjir melanda kembali.

Akhir sekali...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]:** Yang Berhormat Hulu Langat, kalau boleh saya tumpang berkaitan dengan masalah banjir, sebagaimana yang saya sebutkan tiap-tiap kali peluang ini ada bahawa masalah seperti yang sahabat kita daripada Hulu Langat sebutkan itu juga berlaku di kawasan saya di Tumpat, iaitu disebabkan oleh masalah sungai yang mana Tumpat ini dilingkungi oleh dua sungai, Sungai Kelantan dan Sungai Golok.

Sungai Golok memberi banyak masalah dari segi banjir yang mana oleh kerana projek-projek untuk menjaga daripada ianya menjadi banjir tidak dilakukan dengan berkesan oleh pihak JPS, yang mana di kawasan saya seperti juga Rantau Panjang, kita mengalami masalah air yang melimpah. Tidak ke sebelah Thailand tetapi ke sebelah Kelantan kerana pihak Thailand telah mengadakan projek-projek untuk memastikan bahawa air tidak melimpah ke bumi mereka. Akan tetapi air ini melimpah ke bumi di sebelah Kelantan, di sebelah Malaysia khususnya Rantau Panjang dan Tumpat yang mana air ini akan bertakung pula berhari-hari, berminggu-minggu dan ini menambah lagi kesulitan rakyat. So, saya pohon Yang Berhormat Hulu Langat untuk sama-sama membawa kes Tumpat ini ke perhatian kementerian. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Okey *insya-Allah*. Tuan Pengerusi, minta ucapan Yang Berhormat Tumpat masuk dalam ucapan saya. Saya juga berpengalaman sedikit lah dengan JPS. Memang untuk melaksanakan tebatan banjir ini agak lambat. Bila ditanya *drawing, drawing*, belum siap. Jadi, saya mintalah perkara yang sama dapat dibuat dengan segera.

Akhir sekali, merujuk kepada Butiran 100100 – Biokeselamatan yang bagi saya ini perkara baru yang saya rasa yang nilainya RM1.6 juta. Akan tetapi saya amat berminat untuk kementerian memberi penjelasan secara lengkap mengenai kawal selia aktiviti berkaitan organisme diubahsuai yang hidup, yang difahamkan bertujuan untuk mengelakkan dari kemudaratan kepada manusia, haiwan, tumbuhan, dan juga alam sekitar. Saya mohon penjelasan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan.

### 6.37 ptg

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja.

Bagi Maksud B.23 dan P.23- saya longgokkan semua. Butiran 150700 – Pengairan dan Saliran, Butiran 151100 – FRIM, juga maksud P.23, Butiran 02801 – Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyenggraan Sempadan Antarabangsa, dan juga saya sentuh sedikit soal eKADASTER pada Butiran 02804, kalau saya sempat. Saya juga ingin berbahas soal pengukuran sempadan kepada geran-geran tanah.

Akan tetapi saya lebih ingin menyentuh kepada P.23, Butiran 10802 – Projek Perhutanan Masyarakat di Lokasi di Sabah, dan Butiran 10803 – Program Pembangunan Mampan Sumber Hutan Sabah, dan juga Butiran 10804 – Projek *Heart of Borneo* (HOB) Negeri Sabah. Ini satu daripada tajuk yang paling baik bagi negara kita yang mana telah diiktiraf di peringkat antarabangsa yang mana kita juga memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita ada komitmen 40% untuk kita supaya tidak boleh melepaskan karbon dioksida ke atmosfera pada satu ketika di *conference* di Copenhagen semasa itu.

Jadi, itu satu komitmen dan ini satu usaha daripada Kerajaan Negeri Sabah yang mana telah pun diiktiraf sebagai satu tanda yang menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**■1840**

Di sini saya ingin menyentuh sedikit tempat-tempat yang saya sebutkan tadi itu yang melibatkan Maliau Basin, Imbak Canyon, Danum Valley di dalam planning Greatest Segama Malua. Sekarang dianggap sebagai *Green Heart of Sabah*. Ini satu daripada pendekatan *Sustainable Forest Management* iaitu mempunyai 14 *field outpost* dan *wildlife protection units*. Ini juga melibatkan usaha kita dalam melibatkan murid-murid sekolah kita supaya melibatkan kesedaran mereka tentang pemuliharaan alam sekitar di negeri Sabah. Jadi saya mahu bertanya kepada pihak kementerian Pusat walau pun ada peruntukan yang diberi kepada usaha kerajaan negeri ini, saya mahu bertanya kepada kementerian adakah negeri-negeri lain di Sarawak atau pun negeri-negeri di Semenanjung berbuat demikian? Ini satu usaha saya rasa juga dimainkan oleh kerajaan-kerajaan negeri di seluruh negara kita.

Saya harap Yang Berhormat Tumpat juga bersetuju dengan hasrat ini iaitu negara kita sebagai satu negara yang menjadi model yang boleh dicatatkan di peta dunia di mana kita adalah satu-satunya negara yang menyahut kepada pemuliharaan alam sekitar di negara yang boleh dilihat oleh masyarakat antarabangsa.

Jadi itu Tuan Pengurus dan saya mengharapkan jawapan daripada pihak kementerian usaha Kerajaan Pusat untuk membuat satu *engagements* dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya mengenal pasti tempat-tempat terutama sekali kawasan Kuala Krau. Saya tidak tahu kalau ada dan saya harap Yang Berhormat Kuala Krau pun bersetuju dengan cadangan saya ini supaya pihak kementerian dapat melaksanakan apa yang harus kita buat untuk memelihara alam sekitar kita.

Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin menyentuh sebelum saya kembali kepada maksud bekalan tadi dan juga sebelum habis masa kepada P.23 Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS di pelbagai negeri, Butiran 15100 – Menjaga Hakisan Pantai dan Butiran 17100 – Taman Laut. Jadi apabila kita melihat dengan soal pemuliharaan perparitan atau pun sungai-sungai yang kecil di kawasan masing-masing, saya mengharap kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini juga dapat menyahut rentetan rakyat di peringkat akar umbi yang mana Yang Berhormat Tumpat menyebutkan tadi selalunya airnya bertakung semasa hujan lebat lebih-lebih lagi musim sekarang.

Kita melihat apa yang berlaku di Filipina yang mana kerosakan harta benda terutama sekali penduduk-penduduk yang duduk di tepi-tepi sungai ini kebanyakannya di kawasan saya dan saya mengharapkan pihak kementerian dapat menyumbang sedikit peruntukan untuk memulihara parit-parit yang mungkin banyak tumbuh-tumbuhan yang tersumbat dan pelbagai lagi masalah. Saya rasa Yang Berhormat Gombak tahu masalah Putatan ini. Ramai penduduk-penduduk yang duduk di tepi sungai. Beliau pernah melawat Putatan. Yang Berhormat Shah Alam tidak pernah melawat. Yang Berhormat Shah Alam tidak ada masalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi soal hakisan sungai ini amat serius di Putatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kapar mana ada pantai. Cuma hakisan laut dan pantai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Pulau Ketam ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pulau Ketam. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Ini mengenai Butiran 15100. Pada tahun 2013 peruntukan bagi mencegah hakisan pantai adalah sebanyak RM24 juta. Namun pada tahun ini perbelanjaan pembangunan telah bertambah sebanyak empat kali ganda menjadi RM113,700,000.

Saya ingin kerjasama Yang Berhormat minta kepada kementerian apakah usaha-usaha secara terperinci yang akan dijalankan di bawah peruntukan yang agak besar ini untuk mencegah hakisan pantai?

Soalan kedua saya ialah adakah pencegahan hakisan pantai ini boleh membantu menyelesaikan masalah banjir? Oleh sebab saya tidak ada peluang untuk bercakap, saya minta Yang Berhormat Putatan menyahut soalan saya sampai ke pengetahuan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak semestinya Yang Berhormat tidak ada peluang berbahas. Ada. Boleh cubalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh gulung.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebelum saya masuk celahan telah dibuat oleh Yang Berhormat Kapar. Hakisan pantai ini amat serius sekali yang melibatkan rumah-rumah yang dibina di tepi pantai itu hampir-hampir masuk ke bilik tidur. Jadi saya minta pihak kementerian dapat memantau melalui pegawai-pegawai di negeri untuk melihat dan memeriksa apa yang patut dilaksanakan.

Saya mohon pihak kementerian turun padang melawat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri selalunya ke Sabah tetapi tidak pernah maklumkan saya untuk melawat pantai-pantai yang dihakis. Jadi saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat melawat satu hari nanti di mana hujung kepada Lapangan Terbang Kota Kinabalu itu memang senang, boleh nampak dari kapal terbang. Jadi itulah saya mohon daripada Yang Berhormat Menteri kalau melihat dan saya bahkan bercadang supaya masalah penduduk-penduduk yang bermastautin dekat pantai ini dapat diringankan dan rintihan mereka ini dapat dijawab sekurang-kurangnya kalau tidak dibuat semua maka kita akan laksanakan secara berperingkat atau berfasa.

Jadi itu satu permintaan yang ikhlas dan jujur daripada Putatan supaya rakyat Putatan senang hati dengan wakil rakyat mereka. Jadi itu satu.

Jadi Butiran 171100..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan. Permulaan kata ringkas sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang satu ringkas. Ini yang penting. Taman laut yang kita lihat di Kota Kinabalu ini berdekatan dengan pulau-pulau yang mana produk-

produk pelancongan di mana terdapat satu taman dipanggil taman .. tempat yang banyak kes-kes pengeboman ikan. Ini bukan sahaja di sekitar pantai Kota Kinabalu tetapi juga di Pulau Mantanani dan tempat-tempat lain pula yang kena bom ikan ini. Saya mengharapkan walau pun penguatkuasaan itu bukan di bawah bidang kuasa kementerian tetapi apa jenis bantuan kepada kerajaan negeri sekiranya itu dalam bidang kuasa negeri dari pihak Kerajaan Pusat untuk membantu seperti menanam kembali terumbu-terumbu karang ini dapat dipulihkan kembali. Ini supaya benih-benih ikan itu dapat membiak secara natural nanti.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi saya minta – ini baru mukadimah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah 12 minit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini mukadimah sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sekejap. Boleh satu minit? Ini projek FRIM. Secara ringkas. Adakah pihak kementerian boleh bercadang untuk menubuhkan atau mewujudkan stesen FRIM di Sabah dan Sarawak? Yang saya tahu hanya ada di Kepong. Itu ringkas.

Satu lagi pendedahan pengukuran sempadan antarabangsa yang mana ESSCOM ini belum ada - kekhuitiran di mana sempadan yang harus dijaga. Kadang kala ada 1,400 kilometer panjangnya. Kadang-kadang dia kata 1,700 kilometer. Jadi saya harap pihak kementerian dapat membantu pihak ESSCOM yang menentukan di mana sebenarnya sempadan antarabangsa kita Malaysia dengan Filipina ini. Itu satu. Ringkas sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau sepuluh butiran semua ringkas jadi panjang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Okeylah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih ya Yang Berhormat Putatan.

■1850

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, bolehlah satu lagi, satu lagi di eKADASTER ini, saya mengharap penyukatan tanah-tanah asal di Sabah ini tambah peruntukan itu, Sarawak itu ada banyak sedikit, Sabah ada kurang sedikit. Jadi sebelah Orang Asli di Semenanjung ini lagi kurang. Jadi kalau peruntukan ini ditambah orang saya rasa berterima kasih kepada kerajaan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Gombak.

**6.50 ptg.**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin merujuk kepada Butiran 08000 – Pengairan dan Saliran yang diperuntukkan RM105 juta dan Butiran 080100 – Perkhidmatan Pengurusan yang diperuntukkan RM27.4 juta. Persoalan saya ialah dengan jumlah peruntukan yang telah kita bahas pada petang ini dan perlu pengesahan sebentar lagi, kita mengharapkan kementerian dapat memastikan Jabatan Pengairan dan Saliran di semua negeri termasuk negeri-negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan profesional dan bertanggungjawab.

Saya bangkitkan perkara ini kepada masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor di mana pada tahun 2013, Dewan Undangan Negeri Selangor telah meluluskan sejumlah RM67 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Malangnya sehingga suku tahun ketiga tahun ini, JPS hanya berbelanja 61% daripada RM67 juta. Persoalan yang timbul pada hari ini ialah kegagalan JPS Negeri Selangor untuk mencapai bajet *performance* ataupun prestasi belanjawan mereka sehingga suku tahun ketiga tahun ini.

Maka saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah perkara ini berlaku dalam keadaan cuaca musim tengkujuh, banjir kerap kali berlaku termasuk di negeri Selangor tetapi nampaknya JPS gagal untuk menyempurnakan tanggungjawabnya bagi mencapai bajet *performance* yang saya nyatakan sebentar tadi. Apabila kita tegur baru-baru ini, maka di saat-saat akhir dalam bulan yang terakhir bulan 11 dan Disember pada tahun ini, baru JPS turun untuk meluluskan projek dalam keadaan yang tergesa-gesa seolah-olah JPS Negeri Selangor ini sedang menjalankan *christmas shopping*.

Kalau inilah yang berlaku, maka mereka terpaksa memberikan kerja-kerja ini secara *direct nego*, tidak mematuhi prosedur, tender terbuka dan kita tidak dapat memastikan piawaian yang dipakai itu satu piawaian dan garis panduan yang telah ditetapkan untuk menjamin kerja-kerja yang akan dilaksanakan itu dapat disempurnakan pada jadual yang ditetapkan. Maka, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengapa perkara ini berlaku dan adakah kementerian boleh memantau semua JPS bagi memastikan mereka mencapai KPI dan bajet *performance* yang telah ditetapkan.

Oleh sebab itu pada semalam, Kerajaan Negeri Selangor terpaksa memotong belanjawan untuk JPS bagi tahun 2014 daripada RM67 juta kepada RM45 juta sahaja. Walaupun saya dan BBC kurang senang dengan penurunan belanjawan untuk JPS, tetapi kita juga memahami mengapa kerajaan negeri terpaksa melakukan demikian kerana kegagalan JPS untuk mengambil tindakan yang lebih bertanggungjawab bagi mencapai bajet *performance* yang telah kita luluskan bagi tahun 2013. Keduanya, saya ingin memohon penjelasan daripada kementerian tentang kerja-kerja menaik taraf Sungai Kongsi Lapan, Jalan Kolam Air, Ampang Jaya.

Apa yang kita teliti sebelum ini dengan pihak JPS daerah Gombak, Sungai Kongsi Lapan merupakan salah satu punca menyebabkan banjir kilat yang sering berlaku di Ampang Jaya. Maka, perbincangan telah berlangsung selama dua tahun dan JPS daerah Gombak telah berjanji untuk melaksanakan projek ini dengan segera tetapi sehingga hari ini belum ada tanda-tanda bahawa

projek ini akan dijalankan. Saya ingin mendapat penjelasan mengapa berlaku kelewatan dalam kerja-kerja menaik taraf Sungai Kongsi Lapan, Jalan Kolam Air dan sekiranya kerajaan telah bersetuju untuk menawarkan dan menganugerahkan kerja ini saya ingin penjelasan bilakah kerja-kerja ini akan bermula dan bilakah ianya dapat diselesaikan?

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 070000 – Perlindungan Liar yang telah diperuntukkan sejumlah RM72 juta dan juga Butiran 070100 – Konservasi yang diperuntukkan sebanyak RM63 juta. Ini lanjutan daripada perbahasan sahabat saya daripada Yang Berhormat Hulu Langat tentang harga yang perlu kita bayar ekoran pembangunan melalui penerokaan hutan-hutan di mana banyak hidupan liar ini seperti yang dinyatakan tadi beruk, monyet, babi hutan ataupun *wild boas* ini telah mula meninggalkan hutan dan masuk taman-taman perumahan. Ini berlaku di Taman TAR, Taman Tun Abdul Razak dan juga Ampang Jaya.

Jikalau Yang Berhormat Arau pergi setiap petang punya banyak beruk dan monyet. Mungkin dia boleh menjadi kawan kita. Dia nampak Yang Berhormat Arau dia kenal. Hah, ini Yang Berhormat Arau dan banyak juga babi-babi hutan yang keluar daripada hutan dan masuk ke taman perumahan di Ampang Jaya. Ini mencemarkan *jogging track*. Kalau kita pergi ke Ampang Jaya dan Taman TAR, ada satu *jogging track* yang amat popular. Kalau di hujung minggu itu, saya kira sekitar seribu orang setiap hari Ahad menggunakan *jogging track* ini dengan keluarga masing-masing. Akan tetapi *jogging track* di Taman TAR ini telah dimusnahkan dan dicemari dengan hidupan liar yang keluar daripada hutan-hutan dan mencemari kawasan perumahan termasuk *jogging track*.

Ini menimbulkan soal keselamatan kepada anak-anak di Ampang Jaya dan kawasan sekitar apabila monyet dan beruk-beruk ini berkeliaran dan masuk ke dalam rumah di kawasan yang berkenaan. Maka saya ingin mendapat jaminan daripada kementerian apakah langkah-langkah yang boleh dan telah atau akan diambil oleh kementerian untuk menjaga alam sekitar termasuk tindakan terhadap monyet dan beruk serta babi hutan di Taman TAR itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **6.58 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada singkat sahaja saya punya perbahasan pada hari ini merujuk kepada Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai dan Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Jadi, kawasan Parlimen Parit Sulong ini adalah kawasan banjir. Di kawasan banjir kalau hujan berterusan dan banjir ini adalah sama ada banjir kilat ataupun banjir termenung.

Saya kita tiap-tiap kali dalam perbahasan mengenai kementerian ini saya akan bangkitkan pada masalah yang sama tetapi saya tengok belum ada lagi tindakan terutamanya daripada

penambahan bajet yang diberikan kepada apa juga perkara yang saya bangkitkan terutamanya dalam peringkat jawatankuasa.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang akan menjawab kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh kami ini. Saya hendak tanya untuk kawasan Parlimen Parit Sulong ini, apakah perancangan kementerian sebenarnya dalam menangani masalah banjir di kawasan saya terutamanya di Dewan Undangan Sri Medan. Saya juga dimaklumkan bahawa *maintenance* pembersihan parit itu dibuat tiga kali setahun. Adakah— soalan saya kepada kementerian adalah apakah kementerian tidak melakukan satu kajian kerana perkara ini berlaku setiap tahun. Perkara yang saya selepas itu dibangkitkan pun setiap kali apabila kita menyuarakan masalah ini kepada JPS peringkat daerah jawapan yang sama juga diberikan kepada kami iaitu tidak cukup bajet. Sedangkan, perkara ini adalah perkara *norm*, perkara biasa.

#### ■1900

Jadinya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan berharap agar dapat memberikan lebih banyak lagi perhatian terutamanya kepada kawasan-kawasan yang sentiasa kena musibah seperti banjir ini terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong. Saya juga ingin mendapatkan jawapan mengenai apakah kementerian juga akan memperuntukkan bajet tambahan yang boleh digunakan untuk membersihkan dan juga mendalamkan parit-parit di kawasan Parlimen Parit Sulong?

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya lihat Yang Berhormat Beluran pun baru masuk. Kawasan Parlimen Parit Sulong ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, namanya pun Parit Sulong. Jadinya bila Parit Sulong itu, memang pergi mana-mana di kampung-kampung pun semua penuh dengan parit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kawasan Parit itu Yang Berhormat?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Itu parit sahaja tetapi yang ini parit yang sulung. Jadinya saya harap Yang Berhormat Menteri dapatlah memberikan lebih perhatian, dapat melihat perkara ini dan kita harapkan satu jawapan yang menggembirakan untuk penduduk di kawasan Parlimen Parit Sulong ini dalam menambahkan peruntukan daripada peruntukan yang dibajetkan untuk penduduk di kawasan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

#### 7.02 mlm

**Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah B.23, Butiran 060000 – Alam Sekitar. Dalam zaman *global warming* ini, isu penilaian alam sekitar amat kritikal dan selain dari agensi berkenaan, ramai orang perlulah menangani isu ini bersama. Isu-isu seperti runtuhnya *Highland Towers* dan baru-baru ini Empangan Bertam, contoh di mana *anticipation*, dengan izin atau ramalan awal tidak menjadi budaya kita dan pihak berkuasa hanya *react* dengan izin iaitu hanya apabila malapetaka berlaku, satu-satu tindakan bergegas

dilakukan. Dalam projek-projek tertentu termasuk juga projek kerajaan, EIA hanya disiapkan setelah projek hampir siap atau sudah siap. Hanya *purely academic exercise*, dengan izin.

Contoh pertama yang saya hendak bentangkan di sini adalah tentang projek Kompleks Bebas Cukai di Tasik Kenyir iaitu tempat pintu masuk Taman Negara di mana projek RM300 juta diteruskan di dalam keadaan Pulau Bayas digondolkan, banyak lereng-lereng bukit berlaku hakisan teruk di mana berpuluhan-puluhan pylon elektrik didirikan di pintu masuk Taman Negara. Di sini *ecotourism* Malaysia dan pencemaran visual dan fizikal berlaku dengan amat dahsyat di mana impak atas ekosistem kritikal dan berlaku visual dan *physical pollution*. Jadi di sini kami minta Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan PERHILITAN menegur atas keadaan yang berlaku.

Contoh kedua adalah yang telah disebut di kawasan sungai pula, di bawah Butiran 120000. Ada juga disebut baru ini kerja penambakan Sungai Terengganu di kawasan muka kuala dengan penduduk lebih 150,000 orang dibuat tanpa siapnya EIA dan *hydro study* walaupun kawasan ini ditambak melebihi 180 ekar. Akan tetapi yang menjaganya bukanlah JPS, yang menjaganya ialah JKR. Apa yang anehnya, pada beberapa hari lepas, saya menyebut daripada *Hansard*, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyebut, dia sendiri telah berkata, “*Saya pun tidak tahu dan kurang faham kenapa JPS tidak dibawa untuk bersama-sama supervise dengan JKR*”. Ini menunjukkan tidak ada keselarasan di dalam pemantauan di antara agensi-agensi kerajaan.

Saya beralih kepada Butiran 4000 kepada usaha perlombongan bijih besi di Bukit Besi, Dungun. Beberapa syarikat sedang mengusahakan lombong bijih di Dungun termasuk syarikat dari negeri China. Baru-baru ini, kerajaan mengumumkan pelaburan RM5 bilion akan masuk, peluang pekerjaan sebanyak 3,000 akan diwujudkan dan kilang besar memproses bijih akan didirikan. Sebenarnya, 95% daripada peralatan berat ini akan dibawa dari negeri China. Jadi, tidak ada alat-alat besar atau RM5 bilion akan masuk. Kedua, sekarang ini majoriti besar pekerja yang telah mula bekerja di kilang adalah dari negeri China iaitu lebih kurang 700 orang.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, betulkah kilang memproses bijih besi ini akan menyebabkan pencemaran yang amat buruk? Brazil dan Australia iaitu berpuluhan kali ganda benuanya lebih besar daripada Malaysia tidak membenarkan proses membakar bijih besi tersebut dilakukan di negara mereka sendiri tetapi dieksportkan terus ke China. Pencemaran alam dan udara yang akan membinaaskan prospek pelancongan cerah pantai timur yang terkenal dengan pantai bersih dan udara yang sihat akan menjadi satu tragedi yang amat menyedihkan kepada negara kita kalau tidak ada langkah-langkah yang diambil. Di Benua Australia, bijih besi dibawa dari padang pasir pedalaman Australia ke Darwin untuk dibakar dan diproses di China, bukan di Australia. Di Brazil juga, bijih besi dibawa dan diproses di China walaupun begitu jauh perjalanan. Itulah keadaannya.

Bijih besi dari Bukit Besi kaya dengan sulfur yang perlu dibakar dan beracun. Pencemaran alam sekitar, *exceed migraines* dan sebagainya amatlah membimbangkan. Sudahkah kajian EIA diluluskan dan memuaskan segala aspek pemantauan dan juga atas aspek akuatik ekosistem? *Waste product* perlu diproses. Adakah ini telah dikaji dan dipantau sebelum dibuang ke sungai, laut

dan sebagainya? Adakah kos *rehabilitation* dengan izin, lombong ini diambil kira dalam perjanjian selepas habis kerja dan jangan tinggal begitu sahaja? Jadi banyak lagi perkara-perkara yang perlu dirumuskan di sini dan perlulah pemantauan yang begitu terperinci dari Kementerian Alam Sekitar. Adakah syarat-syarat yang ketat ini dipatuhi?

Tuan Pengerusi, kita tidak ingin sejarah Syarikat Tioxide di Kemaman berulang sekali lagi di mana kegunaan gas dan elektrik yang di subsidi begitu tinggi oleh kerajaan dan rakyat Malaysia yang bernilai RM40 hingga RM50 juta digunakan oleh syarikat asing ini dan tiada cukai pada syarikat ini selama 18 hingga 20 tahun. Adakah projek-projek sedemikian ini akan hanya membawa pencemaran tetapi tidak ada manfaat yang bermakna kepada kita?

Akhir sekali tentang Butiran 070000 – PERHILITAN. Seperti yang disebut oleh rakan-rakan kita, peruntukan Konservasi untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM62 juta. Adakah PERHILITAN mengambil perhatian tindakan kawasan hidupan liar di hutan dan Taman Negara yang makin mengecil? Seperti di Kenyir, kabel dan pilon elektrik serta bangunan-bangunan pelancongan sudah *destabilize* kawasan hidupan liar di mana binatang-binatang liar telah berpindah dari kawasan-kawasan asal dan aslinya. Di manakah *buffer zone*, jika tidak diselaraskan dengan pembangunan.

Di Taman Negara Pahang pula, tarikan utama ekosistem yang menjadi *legendary*. Jalan balak yang besar dan bising telah sampai ke Kuala Tahan di mana kesepian di kawasan tersebut terjejas dengan teruk. Dahulu, di antara Kuala Tembeling dan Kuala Tahan adalah kawasan yang sepi dan aman.

Adakah kita serius mempromosikan *ecotourism* kalau tidak peka dan sensitif tentang hidupan liar di mana PERHILITAN ada kepakaran dan peruntukan sebanyak RM63 juta setahun. Inilah masalah utama EIA di dalam langkah kerajaan kita ini menuju ke arah negara maju 2020. Kita perlulah menjaga ekosistem kita dan juga alam sekitar kita dalam proses dan jangan menggadai segala aset-aset asli kita demi kepentingan kebendaan yang singkat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau.

■1910

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, butiran yang saya akan sentuh pada petang ini termasuklah Butiran 060100, Butiran 060200, Butiran 060300, Butiran 080100 dan Butiran 080200.

Tuan Pengerusi, pada peringkat dasar saya pernah sebut tentang pembakaran secara terbakar di kawasan Tebrau. Sampai sekarang, walaupun keadaan ada bertambah baik tetapi masalah itu masih belum diatasi. Akan tetapi berita baik ialah apabila saya sebut tentang syarikat Singapura yang membuat pembakaran terbuka di Malaysia yang kita sukar ambil tindakan, saya terima panggilan telefon daripada *Consulate General of Singapore* di Johor Bahru yang meminta saya mengemukakan butiran kepada beliau. Jadi saya harap bahawa dengan kerjasama daripada Singapura, masalah itu boleh diatasi. Akan tetapi, walaupun begini, banyak lagi kilang-kilang misalnya kilang plastik ataupun orang-orang yang membawa sampah-sarap secara haram ke tempat pedalaman dan membuat pembakaran khususnya pada waktu malam dan tengah malam.

Jadi, ini memang sukar bagi Jabatan Alam Sekitar untuk mengawal tetapi pada pandangan saya, kita tidak boleh kata susah kita tidak buat oleh kerana ini adalah tugas Jabatan Alam Sekitar. Kalau Jabatan Alam Sekitar tidak boleh buat, siapa yang boleh buat? Jadi, susah pun kena buat. Tengah malam pun kena pantau. Saya difahamkan bahawa di Singapura, sekiranya ada lori yang didapati membawa sampah ke tempat yang haram untuk membuat pembakaran, lori itu kalau ditangkap akan disita. Saya tidak tahu macam mana undang-undang kita oleh kerana setakat ini saya tidak pernah dengar ada lori yang disita kerana membawa ini. Ini memerlukan usaha yang gigih daripada Jabatan Alam Sekitar oleh kerana biasanya kawasan yang mereka bawa ialah kawasan pedalaman, masa itu biasanya tengah malam ataupun semasa hujan.

Tuan Pengerusi, tadi saya dengar ada Ahli-ahli Parlimen yang menyentuh berkenaan dengan banjir. Daripada segi ini, saya hendak mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar oleh kerana ini adalah senario Tebrau pada kira-kira lima atau enam tahun yang lepas. Setiap kali apabila sampai ke hujung tahun, memang akan banjir. Air banjir ini kadang-kadang dalam sampai kita boleh mengayuh sampan untuk menyelamatkan penduduk. Akan tetapi sudah lima tahun, kita tidak ada banjir yang serius di Tebrau, di Ulu Tiram bahkan kalau ada pun, mungkin banjir kilat itu sahaja. Walaupun boleh dikatakan masalah banjir sudah diatasi, sekarang kita menghadapi masalah hakisan tebing yang agak serius. Walaupun pada peringkat dasar saya sudah sentuh tentang satu projek yang dicadangkan oleh Jabatan Alam Sekitar Daerah Johor Bahru yang akan bercost lebih kurang RM6 juta.

Selain daripada ini, baru-baru ini saya terima lagi aduan tentang hakisan tebing dan kerosakan jambatan kecil di Kampung Haji Suhod, Ulu Tiram. Jadi, bagi kawasan ini, oleh kerana ia sudah serius, agak dekat dengan rumah, harta benda, penduduk di situ dan pengundi kita, jadi saya sudah mengeluarkan belanja bagi mereka membeli pasir, beli guni untuk buat tebatan sementara. Walau bagaimanapun, pagi ini saya baru terima, anggaran daripada Jabatan Alam Sekitar, untuk membina jambatan konkrit dan membaiki tebing Sungai Tiram di Kampung Haji Suhod Ulu Tiram itu, mereka membuat anggaran sebanyak RM665,000. Saya akan buat surat secara rasmi kepada JPS dan saya harap bahawa kementerian juga selain daripada RM6 juta yang saya minta ini, permintaan ini juga boleh diluluskan supaya kita boleh mengatasi masalah ini.

Jadi, itu sahaja yang saya hendak sentuh dan saya menyokong butiran yang saya sebut tadi. Sekian, terima kasih.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

#### 7.15 mlm.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja, dua perkara.

Pertama, berkenaan dengan Butiran 080000 – Pengairan dan Saliran. Masalah ini wujud dan saya pun telah bangkitkan di sesi Parlimen yang lepas berkenaan dengan tapak pembuangan sampah haram di tepi Sungai Klang di sekitar Taman Sri Manja, Taman Medan Baru, PJS 3.

Walaupun usaha-usaha telah dijalankan oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan juga daerah Petaling bersama-sama dengan JPS, masalah tapak pembuangan sampah ini berterusan semakin besar. Oleh sebab tempat ini merupakan *grey area*. Ia di tepi sungai. Kita menganggap kawasan ini merupakan kawasan kawal seliaan oleh pihak JPS kerana pihak MBPJ dan daerah tidak ada hak untuk menjaga kawasan ini. Tepi sungai, yang mana ada sekumpulan gengster yang duduk di sana 24 jam, membenarkan lori keluar-masuk. Sekali lori masuk, kutip RM150 dan mereka ini membakar sampah pada waktu malam kerana sampah itu semakin banyak seperti gunung, bukit. So, mereka bakar di sebelah malam. Semasa hujan lebat, semasa arus air sungai ini deras, mereka buang sampah, tolak sampah ke sungai.

Masalah ini sudah berlarutan selama dua tahun atau tiga tahun. Tidak ada penyelesaian. Semasa kita suruh MBPJ dan daerah Petaling dan pihak JPS untuk mengambil tindakan penguatkuasaan, kita dapati gengster ini mengeluarkan pistol, hendak menghasut kita pula, penguat kuasa takut. So, saya harap JPS ini ambil peranan supaya memanggil polis bersama untuk menghalau gengster ini, tangkap mereka. Kalau tidak masalah ini tidak selesai sebab tempat pelupusan sampah ini telah menjelaskan kawasan persekitaran yang mana setiap malam bau busuk kita boleh hidu di sekitar kawasan PJS 3, Taman Sri Manja dan Taman Medan Baru.

Ketika hujan – saya pernah melalui di sebelah Puchong, tidak jauh daripada kawasan itu, didapati banyak sampah yang mengalir mengikut arus air ini. Saya rasa JPS perlu mengambil tindakan yang tegas kali ini. Jangan biarkan kawasan tapak pembuangan sampah ini semakin besar dan menjelaskan kesihatan penduduk sekitar.

Kedua, saya hendak rujuk kepada Butiran 070000 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Di mana saya hendak membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Harimau Malaya ini yang semakin pupus tempat perlindungan, tempat kawasannya, hutan semakin kurang. Beberapa tahun yang lalu, saya pernah membangkitkan di Parlimen yang mana lima tahun yang lalu kita dianggarkan masih ada 500 ekor harimau di sekitar hutan di Malaysia.

#### ■1920

Saya hendak tahu sekarang ini anggarannya tinggal berapa ekor, di mana sekarang ini kerja-kerja ataupun masalah pemburu haram ini yang semakin menjelaskan dan menyebabkan semakin pupusnya bilangan harimau yang tinggal. Di mana sekarang rang undang-undang sedia ada tidak ketat. Hukumannya tidak berat sampai pemburu haram ini boleh menjalankan kerja seperti biasa, di mana pemburu haram masih berleluasa di sekitar hutan di Malaysia. Saya hendak tahu juga peruntukan untuk kali ini. Berapakah peruntukan yang disalurkan kepada NGO seperti WWF dan juga *Malaysian Nature Society* (MNS) kerana beberapa badan NGO telah pun mengambil langkah positif, langkah inisiatif untuk membantu bersama untuk mengekalkan dan juga untuk memelihara bilangan harimau yang tinggal di hutan Malaysia ini.

Saya hendak tahu sepanjang lima tahun ini, berapakah bilangan pemburu haram yang ditangkap, di kesan dan yang dihadapkan ke mahkamah, di mana kita langsung tidak nampak ada langkah-langkah untuk pihak-pihak PERHILITAN tidak ada ambil tindakan terhadap pemburu

haram ini. Mereka jalankan kerja seperti biasa dan bilangan harimau ini semakin pupus di Malaysia. So, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut.

## 7.22 mlm.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan beberapa perkara sahaja mengenai kementerian ini. Pertamanya, terima kasih ke atas warga kementerian ini yang telah pun membantu meningkatkan pengawalan alam sekitar khususnya. Selain itu, saya ingin membahaskan perkara di bawah Butiran 040200 mengenai di bawah mineral berkaitan dengan operasi. Perkembangan mutakhir sekarang ini Jerantut khususnya telah banyak lombong-lombong yang meneroka lombong bijih besi. Jadi akibat daripada itu, kemungkinan besar kawalan terhadap aktiviti perlombongan ini mungkin sedikit longgar menyebabkan ada kemungkinan mereka tidak mematuhi beberapa syarat tertentu yang akhirnya membawa kepada pencemaran sungai. Jadi, Sungai Pahang hari ini bukan lagi merupakan sungai yang baik, sungai yang elok kerana ia telah pun bertukar warna, lebih teruk daripada air teh tarik.

Jadi, saya mengharapkan agar kementerian ini dapat memberikan perhatian terhadap aktiviti perlombongan yang telah dijalankan di kawasan Parlimen Jerantut ini. Dengan harapan itu agar mereka yang mengusahakan perlombongan ini dapat memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Saya tidak anti kepada perlombongan tetapi kita mengharapkan agar mereka yang terlibat mengurangkan keghairahan dalam mengaut keuntungan mereka.

Kemudian di bawah Butiran 050000 mengenai perhutanan iaitu aktiviti di bawah Butiran 050200 – Operasi Hutan. Sekali lagi saya hendak mengaitkan dan mengharapkan agar kementerian dapat memberi perhatian yang lebih serius terhadap penerokaan hutan sama ada oleh peneroka yang haram ataupun yang halal. Syarat yang perlu kita kenakan kepada mereka biarlah dipatuhi, tidak hanya meninggalkan syarat tetapi mereka boleh berjaya melepas syarat-syarat yang telah kita tetapkan. Pengusaha-pengusaha pembalakan harus melihat bahawa mereka mestilah mengutamakan sungai. Sepatutnya kalau kita letakkan syarat supaya sungai-sungai itu tidak dicerobohi ataupun tidak diusahakan, maka syarat ini perlu dipatuhi agar ada zon penampang antara sungai dengan kawasan-kawasan pembalakan dan ini boleh mengurangkan kesan pencemaran akibat daripada penerokaan hutan yang saya sebutkan tadi.

Kemudian di bawah Butiran 060000 iaitu Butiran 060300 mengenai dengan pengawasan dan penguatkuasaan. Ini ada kaitan dengan dua perkara yang telah saya sebutkan tadi. Akibat daripada pengusaha yang rakus mengaut keuntungan yang menyebabkan kepada pencemaran Sungai Pahang yang saya katakan tadi. Pengusaha melepaskan sisa di luar waktu pejabat terutamanya di hujung-hujung minggu. Untuk makluman Tuan Pengerusi, hari ini masyarakat di Jerantut begitu gelisah akibat daripada pencemaran sungai ini malah saya dimaklumkan oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), gangguan loji telah pun berlaku sebanyak 25 kali. Loji

utama yang memproses air daripada Sungai Pahang untuk masyarakat di Jerantut telah ditutup sebanyak 25 kali sepanjang April hingga November.

Saya telah pun pergi melawat kepada loji air ini, memanglah untuk makluman Tuan Pengerusi, air ini kita hendak mandi pun tidak sanggup. Lebih teruk daripada air kubang kerbau lagi. Akibat daripada itu, gangguan terhadap peluang-peluang ekonomi di Jerantut yang ada kaitan dengan Sungai Pahang seperti penternakan ikan sangkar yang turut terganggu di mana ikan-ikan ini mati kemungkinan besar berpunca daripada pencemaran air ini. Apa yang lebih membimbangkan saya ialah kandungan logam berat yang ada dalam air ini yang mungkin mengakibatkan masalah kesihatan kepada pengguna-pengguna air yang bersumberkan air daripada bekalan Sungai Pahang.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jerantut merupakan kawasan pelancongan. Kalau gangguan ini berlaku, saya bimbang pelancong tidak berminat datang ke Jerantut dan ini akan mengganggu kepada punca pendapatan ramai rakyat di Jerantut.

Kedua terakhir Tuan Pengerusi iaitu hidupan liar di bawah Butiran 070100 – Konservasi. Perkembangan mutakhir ini telah membawa satu suara baru di Jerantut, yang mana Jerantut ini sering kali digangu ataupun boleh dikatakan gajah telah mula berkongsi dengan masyarakat kampung. Ini kerana gajah ini sering kali mengganggu kawasan-kawasan tanaman penduduk di kampung dan yang lebih seriusnya ialah telah berlaku kemasukan gajah ke kawasan pelancongan di Taman Negara. Apa yang lebih membimbangkan gajah ini juga telah pun menghampiri kawasan persekolahan. Jadi, saya minta kementerian ini berilah perhatian yang serius kepada masalah gajah ini. Saya bimbang konflik gajah dengan manusia akan menimbulkan malapetaka yang lebih buruk lagi.

Seperkara lagi seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu pemindahan monyet yang begitu banyak ke kawasan Jerantut. Mungkin mereka ingat bila masuk sahaja kawasan Jerantut, maka monyet yang ditangkap di kawasan-kawasan bandar tadi, dilepaskan begitu sahaja. Hari ini masyarakat kampung telah menerima kacau ganggu yang sangat teruk akibat daripada banyaknya bilangan monyet-monyet yang berada di Jerantut. Saya bimbang bilangan monyet ini lebih banyak daripada penduduk di Jerantut satu ketika nanti. Jadi kalau begitu, Parlimen Jerantut ini kita hendak serah kepada siapa?

Perkara yang terakhir Tuan Pengerusi ialah perkara di bawah Butiran 080200 iaitu mengenai tebatan banjir. Ini berkaitan dengan satu aliran sungai yang melintasi bandar Jerantut iaitu Sungai Betong yang kerap kali menimbulkan banjir kilat di kawasan bandar. Saya bimbang jika peruntukan tidak diturunkan oleh kementerian untuk memperbaiki aliran sungai ini, bandar Jerantut akan dilanda banjir dan ini sekali lagi Tuan Pengerusi, sudah tentu membawa akibat bahawa pelancong takut lagi hendak datang ke Jerantut. Jadi, banyak masalah, pencemaran sungai, gangguan gajah, gangguan monyet, banjir. Kalau pelancong tidak datang, bagaimanakah persiapan kita untuk berhadapan dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 nanti? Jadi Tuan Pengerusi, Jerantut mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

■1930

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Paya Besar.

**7.30 mlm.**

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara sahaja yang hendak dibangkitkan. Pertama, Butiran 050000 – Perhutanan dan Butiran 050300 – Pembangunan Hutan.

Pembalakan berleluasa di kawasan perhutanan perlu dipantau terutamanya kepada pemegang konsesi agar mereka tidak menebang pokok melebihi had yang ditetapkan. Program tanam semula perlu dilaksanakan secara kerap agar kesinambungan ekosistem hutan sentiasa diperbaharui. Kita tidak mahu kejadian seperti tanah runtuhan memberi kesan buruk bukan sahaja kepada habitat semula jadi, malah akan memberi kesan kepada penduduk yang berhampiran seperti kemunculan binatang liar di kampung-kampung serta banjir lumpur.

Butiran 070000 – PERHILITAN. Pengeluaran hasil hutan yang berleluasa terutamanya dari sektor pembalakan, dan pembukaan hutan telah menyebabkan hidupan-hidupan liar seperti gajah, harimau dan singa mula menceroboh kawasan kampung. Perkara ini telah membimbangkan penduduk setempat terutamanya di kawasan FELDA di Parlimen saya sendiri, di Kuala Krau, di Maran dan tadi kita dengar daripada Jerantut. Kerakusan pengeluaran hasil hutan ini menjelaskan keseimbangan ekosistem hutan di mana apabila habitat bagi hidupan liar ini terganggu, berlakulah kepupusan flora dan fauna, malah kawasan penduduk setempat juga akan terjejas.

Baru-baru ini dalam bulan September yang lepas, dua buah kampung dalam DUN Sungai Lembing telah diserang oleh gajah-gajah liar. Untuk memindah gajah-gajah liar ini setelah ditangkap, ia memakan belanja yang begitu besar. Saya difahamkan bahawa peruntukan melebihi RM20,000 bagi memindahkan gajah ini ke tempat yang sepatutnya. Oleh itu, saya percaya kementerian perlu mengadakan peruntukan bagi memindah bukan sahaja gajah, bukan sahaja monyet, malah harimau dan juga binatang-binatang liar yang lain.

Butiran 150000 – Dasar Baru, dan Butiran 150700 – Pengairan dan Saliran. Kawasan-kawasan yang selalu dilanda banjir perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan diberikan peruntukan secukupnya kerana kawasan-kawasan perparitan sering menjadi punca kepada masalah banjir. Masalah perparitan ini perlu diselesaikan segera bagi mengelakkan bencana seperti banjir ini tidak lagi berulang dan membebankan penduduk setempat. Perparitan yang tidak sempurna boleh menyebabkan banjir buruk yang melibatkan nyawa dan kerosakan harta benda. Mohon peruntukan dan perhatian yang serius oleh pihak kementerian terhadap kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir.

Satu peringatan kepada JPS, janganlah bulan November baru hendak membersihkan perparitan atau pun longkang-longkang besar. Ini kerana apabila ini berlaku, maka ini yang menjadi punca kepada bencana banjir. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**7.34 mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga atau empat isu. Satu adalah Butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan- masalah jerebu. Ini berlaku berulang kali di Malaysia dan setiap kali kita beritahu rakyat kita, ini kebakaran yang berlaku di Indonesia. Selepas itu pihak Indonesia akan mengatakan ini syarikat *you* yang datang ke sini. Ini selalu berlaku. Siasatan yang saya telah buat, memang betul kebakaran tanah gambut adalah masalah yang utama. Akan tetapi saya percaya Sime Darby apabila mereka kata bukan mereka yang buat, tetapi ada kontraktor-kontraktor tempatan lain di Indonesia yang hendak membuka tanah baru yang buat. Ini saya percaya.

Sebab utamanya ialah pengurangan paras air di bawah tanah. Ini kerana pada satu masa dahulu, Kerajaan Indonesia ingin membuka tanah yang luas untuk menempatkan orang daripada Jawa semua, dia hendak- so mereka buat sistem *drainage* yang begitu besar, yang telah mengurangkan air di kawasan tanah paya. Akan tetapi pada masa ini, paras air dalam tanah telah turun terlalu bawah. Oleh itu pada musim kering, lapisan gambut itu menjadi terlalu kering dan ia boleh terbakar dengan senang. Itulah puncanya.

Saya ingin tahu daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, adakah kita terima ini sebagai isunya? Jika ini isunya, kita perlu bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk memetakan semua kawasan yang berkenaan. Tatacara kita kendalikannya ialah untuk menaikkan paras air. Kita perlu buat empangan atas semua *canal*, tali air, naikkan semula paras air itu. Boleh dilakukan, dan tak perlu *rocket science* tetapi kita kena dahulu terima. Sekarang kita hanya tuduh mereka, mereka tuduh kita balik, katakan syarikat kita buat. Selepas itu bila hutan turun, kita semua lupakan. Saya rasa kita perlu kendalikan, saya rasa ini boleh dikendalikan, dan saya harap kementerian akan mengambil langkah-langkah.

Kedua ialah 060200 – Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar. Saya rasa kita perlu nilai balik pendekatan kita, kita dapat EIA iaitu *Environmental Impact Assessment*. Sekarang dalam undang-undang kita, kita mempertanggungjawabkan, mewajibkan syarikat yang membawa pembangunan untuk membuat kajian ini. So bila mereka pilih pakar, apa yang berlaku ialah kita dapat pakar-pakar EIA ini yang mesra kepada syarikat. Jika dapat syarikat yang terlalu profesional, yang terlalu *strict*, dia tidak akan dapat kontrak. So *there is self-selection*. Kita hanya beri pakar-pakar yang *soft* kepada pemaju untuk terus dalam bidang itu.

Dalam satu istilah Inggeris dengan izin, “*He who pays the piper, ‘dictate’ the tune*”. Jika pemaju yang pilih, yang membayar syarikat EIA ini, syarikat itu akan berat sebelah kepada pemaju. Saya rasa cara kita perlu buat atau pendekatan yang harus kita pakai ialah pemaju dikenakan bayar fi EIA tetapi bayar kepada kementerian. Kementerian yang pilih syarikat yang melakukan tinjauan itu, siasatan itu. Jika buat begitu, kita akan dapat laporan yang lebih bebas, lebih profesional dan lebih berguna kepada kita untuk menjaga alam sekitar kita.

Isu ketiga ialah di bawah Butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan. Ini adalah isu pembuangan sisa radioaktif dari loji Lynas. Dahulu pada bulan Julai tahun ini, ada satu jawapan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang mengatakan, Lynas hendaklah menyediakan

*permanent disposal facility* bagi pengurusan pembuangan sisa radioaktif dari loji. Akan tetapi selepas itu, ada satu lagi yang dikeluarkan daripada kementerian, pada bulan Oktober yang mengatakan, TOL membolehkan Lynas jalankan R&D atas *residue* supaya ia boleh ditukar kepada produk selamat yang ada *commercial value* seperti *synthetic aggregate*. Ini satu yang sangat *dangerous*, yang berbahaya.

#### ■1940

Istilah atau definisi yang dipakai untuk kumbahan radioaktif ialah satu *becquerel* bersamaan satu gram. *Becquerel* ertinya satu pecahan nuklear dalam satu *second*. Jadi satu *becquerel* ertinya tiap *second* benda itu keluarkan satu sinar radioaktif. Jika lebih daripada satu sinaran macam itu dalam satu gram, itu ditafsirkan sebagai radioaktif. Kita tahu *residue* daripada Lynas ada 6.4 *becquerel* segram. Jadi memang radioaktif. Akan tetapi jika kita ambil satu gram daripada itu kita campur 10 gram pasir, dia kurang ke 0.6. Ia tidak lagi ditafsirkan sebagai radioaktif. Kita pakai itu sekarang sebagai simen, sebagai *road mix*.

Ini saya ingat satu pendekatan yang amat bahaya. Katakan kita minum gula, minum satu *drink* yang terlalu manis. Dia tuang lagi air panas kata manis lagi. Akan tetapi amaun gula kita minum sama juga, sama sini. Radioaktif ini walaupun kita *dilute* dia dengan pakai pasir selepas itu kita pakai *acid due* iaitu kata sintetik agregat pakai untuk buat jalan raya atau buat simen untuk rumah, *it's dangerous*. So walaupun ini satu isu yang dikendalikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan tetapi jika kaedah ini dipakai di mana bahan ini dibenarkan dipakai untuk buat jalankah atau buat bangunankah, saya ingat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mesti ambil berat atas ini. Pastikan ini bahawa satu masalah, satu bahaya *medical* pada rakyat kita.

Last sekali saya hendak bawa isu pemanasan dunia. Di mana Malaysia kita sudah beri jaminan kita akan kurangkan intensiti *carbon dioxide* 40% sebelum tahun 2020 kan? Di mana kita katakan *the amount of CO<sub>2</sub>* untuk tiap unit GNP akan dikurangkan 40%. Itu satu langkah yang bagus. Akan tetapi saya rasa kita punya kementerian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mesti kaji juga penagihan kita dengan pertumbuhan ekonomi kita. Sekarang kita sasarkan ekonomi kita mesti tumbuh 5% - 6% setahun. Jika ekonomi kita tumbuh mestilah kita punya pengeluaran *carbon dioxide* juga akan meningkat.

*It goes together. So* kita kena tengok sampai bila kita boleh tumbuh ekonomi kita, *growth economy*. Satu lagi istilah daripada Mahatma Gandhi, dia kata dengan izin, "*there is enough in the world for everyone's need, but not enough for everyone's greed.*" Ada cukup dunia ini untuk rakyat semua untuk keperluan asas, akan tetapi untuk ketamakan tidak cukup. So, saya rasa ini yang kita kena kaji balik. Saya harap Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ambil *lead role* dalam ini untuk didik, bincang dan untuk *debate*. Oleh kerana kita katakan kita hendak *growth economy* untuk selesaikan masalah kemiskinan, tapi saya rasa masalah kemiskinan di Malaysia bukan disebabkan oleh negara kita miskin, tapi pengagihan kekayaan negara ini. So *I think* Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar kena ambil *lead role* untuk fokus isu *carbon dioxide* dan dikeluarkan

dan pemanasan dunia. Ini kerana ia adalah satu isu yang saya ingat *very important*, paling penting. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan selepas itu Yang Berhormat Kangar. Kemudian saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tuan Pengerusi, Selayang juga.

#### **7.44 mlm.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon berbahas di bawah Kepala Bekalan B.23, bermula dengan Butiran 16700 iaitu berkenaan dengan Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran. Di mana antara *output* yang diinginkan daripada program ini ialah pengurangan mangsa akibat banjir dan juga sistem ramalan dan amalan banjir dipantau. Saya ingin merujuk kepada kes banjir kilat di Lembah Bertam yang meragut nyawa dan satu orang warganegara Malaysia dan dua orang warganegara asing yang di mana seharusnya boleh kita hentikan atau boleh kita jangka sekiranya kita mengambil kira keselamatan penduduk-penduduk di situ.

Tuan Pengerusi di Lembah Bertam di tepi sungai itu ada tujuh keluarga yang hilang segala-galanya. Tujuh keluarga *total lost* dan 75 keluarga yang mengalami banjir teruk. Dalam keadaan di mana seharusnya sistem ramalan dan amalan banjir ini dipantau, saya membuat sedikit tinjauan ke tempat tersebut dan mendapati bahawa pada malam berlakunya banjir di Lembah Bertam memang berbunyi siren, memang bunyi siren. Akan tetapi bunyi siren yang berbunyi itu macam biasa, siren biasa. Sebab setiap kali air empangan akan dibuka akan berbunyi siren dan penduduk-penduduk akan diberitahu.

Selalunya penduduk yang tujuh orang keluarga itu hanya diberitahu kerana mereka yang duduk di tebing sungai dan mereka inilah yang selalunya kena banjir. Akan tetapi pada malam itu penduduk tujuh keluarga ini diberitahu, 75 keluarga tidak diberitahu. Akan tetapi apabila keluar air daripada empangan yang dibuka itu didapati bahawa 85 keluarga menghadapi keadaan banjir teruk dan ada meragut nyawa penduduk di Lembah Bertam. Soalan saya kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab kenapa RM40 juta baru diperuntukkan sekarang? Kenapa sebelum ini apabila ada laporan-laporan, ada kertas kerja yang ditulis oleh UNITEN dan sebagainya pakar-pakar dalam bidang ini tidak langsung diambil peduli dan tidak langsung diambil tindakan apa-apa. Tidak ada pun aktiviti-aktiviti untuk seperti Rancangan Tebatan Banjir, mengorek sungai, meramal banjir dan tidak ada *water drill* ataupun banjir *drill* Tuan Pengerusi.

Pada malam itu saya diberitahu tujuh keluarga ini sahaja yang maklum bahawa air akan naik akan tetapi yang lain-lain itu tidak ambil peduli kepada siren kerana biasa sangat siren itu berbunyi. Pada tahun 80-an pernah ada siren yang begitu panjang dan ada orang ketuk di setiap pintu. Pada tahun 80-an pernah berlaku banjir besar di situ dan caranya lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Bagi jalan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, silakan. Ada masa Tuan Pengerusi?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju tentang banjir ini – proses untuk menyediakan parit-parit monsun juga patut dikaji semula. Oleh sebab apa yang saya tahu ialah sesetengah kawasan JPS masih mewajibkan pemaju untuk menyediakan parit monsun atau pun perparitan dengan jangkaan *storm water carriage* hanya 10 tahun, tetapi dengan pembangunan yang begitu pesat mungkin perkara ini perlu dikaji semula dan meningkatkan *storm water carriage* tersebut.

Begitu juga kalau bercakap tentang banjir tentulah kita juga *concern* tentang rancangan tebatan banjir. Di kawasan saya di Bukit Mertajam ataupun di Pulau Pinang contohnya kita ada beberapa rancangan tebatan banjir terutamanya di Sungai Junjung, di Sungai Perai, di Sungai Juru yang sudah dijanjikan sejak RMKe-9, kini kita sudah ke RMKe-10 tetapi projek-projek ini masih belum terlaksana lagi. Jadi ini bukan sahaja membahayakan harta benda tetapi seperti kata Yang Berhormat membahayakan nyawa.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat sekejap, saya hendak mencelih sekejap? Tambahan sahaja.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sedikit sahaja ya?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sedikit sahaja. Berkennaan dengan banjir, saya ingin bertanya melalui Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri apakah cadangan bagi *flood mitigation measure* di kawasan saya Penampang yang sering kali, yang selalu banjir dengan dua kali tahun ini waktu *election* dan juga selepas pilihan raya. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih. Berkennaan dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam, apa Yang Berhormat katakan berkennaan dengan monsun *drain* perlu dikaji semula? Saya setuju kerana *development* ataupun pembangunan itu begitu pesat sekali dan tidak boleh hendak menampung air-air yang turun daripada lereng-lereng bukit dan juga pembangunan-pembangunan yang pesat. Perlu dikaji semula, saya setuju dan dimasukkan ke dalam perbahasan saya. Begitu juga dengan *flood mitigation* perlu juga di Penampang, bukan sahaja di Penampang akan tetapi di seluruh negara perlu dilihat kepada *flood mitigation measure*. Sebab di Kuantan pun begitu juga. Air itu tidak tahu hendak pergi mana. Bila air naik sahaja dia tidak boleh hendak salur keluar. Sebab dia banyak sangat kedai yang pembangunan yang *block* saluran air itu. Jadi *flood mitigation measure* ini ialah sesuatu yang perlu kita beri tumpuan.

Tuan Pengerusi saya hendak pergi kepada perkara yang kedua iaitu Butiran 060000 berkenaan dengan Pengawasan dan Penguatkuasaan.

■1950

Saya tahu bahawa saya pastilah bahawa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang akan menjawab ini amat arif bahawa Lynas mempunyai *three waste streams*. Antaranya ialah *Flue-Gas Desulfurization* (FGD), *Neutralize Under Flow* Fluid dan WLP. FGD dan NUF ini dibawa kawal seliaan alam sekitar. Jadi saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bagaimana langkah-langkah untuk memastikan bahawa sisa buangan daripada dua *waste stream* ini FGD dan NUF ini dikawal selia. Ini kerana setakat ini kita tidak pernah mengadakan *chemical*

*analyses.* Saya tahu bahawa kualiti sungai di Balok itu ialah tahap tiga dan sudah pun diambil sample-sample sebelum operasi Lynas itu bermula. Akan tetapi selepas operasi itu bermula, kita tidak dapat maklum balas berkenaan dengan bahan-bahan toksik, bahan-bahan *chemical* yang dikeluarkan ke dalam Sungai Balok hasil daripada proses dalam *stage TOL* ini.

Lagi satu Tuan Pengerusi, WLP iaitu sisa yang bersifat radioaktif ini *Water Leach Purification Solid Waste* apabila Act 304 membuat satu garis panduan iaitu Garis Panduan Pengurusan Sisa Buangan Radioaktif yang mengizinkan untuk *dilution* dan *recycling of the radioactive waste*. Kementerian memberi jalan kepada Lynas untuk *dilute* dia punya *waste*, dilusi dan kemudian *recycle commercializing*.

Saya kesal kerana MOSTI tidak mengambil *best practice* dengan menghantar sisa buangan daripada *rare earth refinery* gelombang seperti yang dibuat Australia. *Best practice*. Akan tetapi sebaliknya MOSTI mengizinkan bagi bawah Garis Pengurusan Sisa Buangan Sisa Radioaktif ini untuk *dilute* dan *recycle*. Maka apabila dia sudah di bawah 1 becquerel per gram. Ia bukan lagi dikawal selia oleh Act 304. Ia akan dikawal selia oleh Akta Kualiti Alam Sekitar.

Jadi saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab nanti memberitahu kepada kita bagaimana Kementerian Alam Sekitar akan *monitor* dan *regulate* WLP yang sudah di *dilute* ini yang kononnya hendak buat *road surface* lah yang kononnya hendak buat *fertilizer* lah dan sebagainya.

Bagaimana Kementerian Alam Sekitar hendak *regulate* tiga-tiga *waste stream* ini, WLP apabila dia *dilute*, dia dah *declassified* daripada *radio active waste*. Maka akan dikawal oleh EQA, ia tidak lagi di bawah Act 304. Jadi, ini menjadi tanggungjawab amanah saya untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana penduduk Kuantan hendak tahu bagaimana, kita bukan bercakap pasal radiasi di sini ya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita bercakap tentang *toxic waste heavy metal* yang akan keluar melalui *waste stream-waste stream* ini yang akan di *recycle* jadi *road surface* dan sebagainya kita hendak tahu bagaimana pihak kementerian akan mengawal selia *waste* tiga-tiga ini atau sisa daripada tiga-tiga *stream* ini?

Perkara ketiga Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 060200 berkenaan dengan EIA. Pada bulan Disember 2011, termasuk di dalam *list of prescript activity* di bawah EQA yang memerlukan *detail* EIA Yang Berhormat Timbalan Menteri, ditambah satu lagi aktiviti iaitu dengan izin Tuan Pengerusi “*An activity that processes radioactive material or producers radioactive waste is subject to a detail EIA*” pada Disember 2011.

Tuan Pengerusi, apabila kami di Kuantan membawa kes ini ke mahkamah kami kalah dengan alasan bawah ianya tidak *respective*. Pada tahun 2008 EIA sahaja dibuat kemudian *detail* EIA diwajibkan kemudian maka alasannya tidak respropective. Tidak boleh ke belakang. Antara ciri-ciri *detail* EIA perlu ada *health impact assessment*, perlu ada pelbagai *assessment*. Sekarang ini Lynas terkecuali semata-mata atas alasan teknikal kerana pada ketika Lynas masuk ke Malaysia, Malaysia tidak ada garis panduan, tidak ada undang-undang yang mampu untuk menangani *a rare earth refinery*.

Malaysia tidak ada garis panduan pengurusan sisa buangan radioaktif sehingga Jun 2011. Malaysia tidak mewajibkan industri yang memproses radioaktif material mengeluarkan sisa buangan radioaktif sehingga *detail EIA* ke atas industri tersebut sehingga Disember 2011. Tuan Pengerusi, apabila saya kata kita *lack environmental laws*, itulah yang kita maksudkan. Sekarang ini Kuantan - Sungai Balok akan pergi ke laut. Kuantan ialah pangkalan perikanan, *fishing port*. Kami di Kuantan ramai nelayan. Kita juga *dependent* dan bergantung kepada industri pelancongan.

Tuan Pengerusi, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak meyakinkan, pihak kementerian hendak meyakinkan penduduk-penduduk di Kuantan ini bahawa apabila Lynas terlepas daripada *detail EIA* dan Lynas tidak perlu buat *health impact assessment*, Lynas tidak perlu buat *public consultation* yang *rigorous*, Lynas tidak perlu buat macam-macam kita hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjamin keselamatan dari tiga *way stream* itu yang nanti akan termasuk di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri? Bagaimana hendak *cover* balik *detail* yang sekarang ini wajib tetapi mereka terlepas atas sebab teknikal. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima Kasih Tuan Pengerusi.

[Beberapa Ahli bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kangar.

### 7.57 mlm

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran 08600 - Pengurusan Hutan, jadi saya amat berharap agar pihak Jabatan Perhutanan dapat ditambah baik dalam pengindahan, pemeliharaan hutan dan kerja-kerja yang berkaitan dengan Jabatan Perhutanan. Sebagai contohnya di Perlis, kita ada beberapa pusat pelancongan yang di bawah kawal selia Jabatan Perhutanan. Sebagai contohnya Gua Kelam di kaki bukit di mana di kawasan tersebut kerja-kerja kawal selia dijalankan oleh Jabatan Perhutanan dan di situ terdapat beberapa aktiviti tarikan pelancongan seperti jambatan gantung, kereta api di dalam gua dan sebagainya. Jadi, pada masa sekarang kemudahan-kemudahan tersebut nampaknya agak uzur dan ditinggalkan begitu sahaja. Jadi saya memohon sejumlah peruntukan diberikan kepada Jabatan Perhutanan supaya kemudahan-kemudahan pelancongan yang menjadi tarikan pelancong dinaiktarafkan dan dibaiki.

Merujuk kepada Butiran 13500 - Pemulihan Empangan. Di negeri Perlis Empangan Timah Tasoh adalah empangan yang membekalkan air minuman untuk negeri Perlis. Buat masa sekarang Empangan Timah Tasoh masih lagi tidak berupaya untuk membekalkan air kepada tujuan untuk pertanian. Jadi, cadangan saya supaya dibina empangan kecil di sekitar di pinggir-pinggir empangan tersebut bagi tujuan menyimpan air untuk pertanian dan sebagai tadahan bagi tujuan untuk mengawal banjir. Seterusnya merujuk kepada...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Kangar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang, bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Sekijang.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Okey.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Terima Kasih Yang Berhormat Kangar. Berkенаan dengan empangan, saya juga hendak merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri pada tahun 2009, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa untuk membina takungan air bagi menakung lebihan air hujan membina saliran pintas sejauh 1.5 kilometer untuk mengalirkan air di kawasan Sungai Segamat dalam Parlimen saya. Cuma apa yang menjadi permasalahan hari ini ialah untuk fasa pertama berkaitan dengan membina saliran pintas sejauh 1.5 kilometer itu masih dalam proses pembinaan dan belum dapat disiapkan dengan sepenuhnya. Apa yang membimbangkan ialah kejadian banjir besar. Kalau di Kangar tidak pasti, tetapi di tempat saya kejadian besar tahun 2006 dan 2011 banjir besar di daerah Segamat yang menenggelamkan hampir 90% bandar Segamat itu. Antara puncanya ialah kita gagal untuk menakung lebihan air hujan. Seeloknya dibina ataupun empangan juga kita minta untuk dibina di hulu Sungai Segamat bagi mengelakkan kejadian banjir.

#### ■2000

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kangar juga, adakah pembinaan empangan ini, kajian itu perlu dibuat secara teliti supaya kejadian-kejadian banjir, kalau kita lihat tadi beberapa orang Ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli-ahli Parlimen menyatakan permasalahan berkaitan dengan banjir ini begitu serius di kawasan masing-masing yang mana di antaranya ialah kerana masalah berkaitan dengan empangan dan proses pembinaan takungan air ini yang tidak diteliti dan tidak dikaji dengan betul-betul sebelum dilaksanakan.

Saya minta juga pandangan daripada Yang Berhormat Kangar, adakah penaiktarafan selain daripada kita membina empangan dan sebagainya untuk menampung takungan air ini, maksudnya pembinaan tebatan banjir juga penting...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kesian Yang Berhormat kangar.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekejap, sikit lagi. Pembinaan ban untuk tebing-tebing sungai ini juga penting dalam memastikan kejadian banjir ataupun masalah berkaitan banjir ini akan dapat diatasi dengan sempurna. Terima kasih.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya memang bersetuju dengan cadangan pembinaan empangan-empangan kecil bagi mengawal, yang mana apabila tiba musim hujan, empangan akan penuh. Jadi cara mana kita mengawal pelepasan air adalah amat penting. Jadi sekiranya ada empangan yang lain, bolehlah air itu dialirkan supaya kadar pengaliran air ke sungai-sungai tidak melebihi volum seperti yang boleh ditampung oleh sungai tersebut. Jadi salah satu cadangan penaikan ban-ban di sekitar sungai itu adalah sesuatu yang amat perlu. Jadi saya mohon ucapan Yang Berhormat Sekijang dimasukkan dalam ucapan saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Mohon sebab saya hendak menghabiskan beberapa tajuk lagi. Jadi merujuk kepada butiran yang seterusnya iaitu Butiran 13900 – Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir. Saya ingin menumpu kepada isyarat banjir dan bentuk kawalan yang betul-betul berada di sesbuah empangan. Jadi sistem kawalan, kalau di Empangan Timah Tasoh di Perlis, ada satu sistem yang agak lama. Jadi apabila berlaku hujan yang lebat, takungan air di empangan gagal diuruskan secara sistematik. Ini menyebabkan air yang dilepaskan dari empangan dilakukan secara yang tidak betul dan ada kalanya menyebabkan air yang dilepaskan melimpah dan menyebabkan banjir.

Seterusnya Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri. Penjagaan sungai adalah sesuatu yang amat penting bagi tujuan pengairan untuk pertanian dan juga bagi mengawal banjir. Saya berharap agar sejumlah bajet diperuntukkan untuk tujuan-tujuan membersihkan sungai dan tali air, membina *U-drain*, membina parit-parit saliran dan kerja penyelenggaraan yang berkala. Jadi saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sekejap, sekejap, boleh saya sambung?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Mahu bagi Yang Berhormat Kapar Yang Berhormat?

**Seorang Ahli:** Sudah habis sudah, sudah habis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bolehlah bagi. Mencelah saja, mencelah saja.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Mohon selepas ini Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat. Tidak ada kenderaan untuk tumpang Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapa, boleh mencalah dengan Yang Berhormat Menteri nanti Yang Berhormat Kapar.

#### **8.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Pengerasi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 Ahli Parlimen, rakan-rakan Ahli Parlimen yang menyentuh pelbagai isu yang memberi cadangan dan pelbagai *solutions* kepada permasalahan alam sekitar di negara kita. Saya menyambut baik cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat, sebab bukan sahaja negara kita dilanda permasalahan alam sekitar disebabkan, bukan sahaja aktiviti-aktiviti kita di dalam negara tetapi aktiviti-aktiviti negara lain juga yang menyebabkan kepanasan global dan seterusnya perubahan iklim.

Tuan Pengerasi, pertamanya saya ingin menyentuh pertanyaan Yang Berhormat Simpang Renggam mengenai kerja-kerja kecil JPS pelbagai negeri dan juga Yang Berhormat Simpang

Renggam membangkitkan isu sebuah jambatan di Kampung Sari yang telah rosak pada 16 Mac 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di luar bidang kuasa JPS memandangkan jambatan tersebut terletak di tanah persendirian. Walau bagaimanapun, pihak JPS telah memberi nasihat teknikal dengan mengkaji dan menilai anggaran kos pembaikan sejumlah RM200,000. Pihak JPS telah memanjangkan perkara ini ke Pejabat Daerah memandangkan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah.

Ahli Yang Berhormat dari Pandan menyentuh tentang dasar hidrokarbon negara dan pengurusan Petronas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber hidrokarbon negara adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan bukan di bawah kementerian ini. Oleh itu, kementerian ini tidak dapat memberi apa-apa maklum balas mengenai isu yang dibangkitkan.

Seterusnya Yang Berhormat Hulu Langat yang bertanya adakah pangkalan data eKADASTER telah dikemas kini. Pada masa kini, pangkalan data Ukur Kadaster telah siap dikemas kini. Sebanyak 7.3 juta lot seluruh negara di Semenanjung Malaysia dan Labuan telah pun dimasukkan di dalam pangkalan data ini. Melalui pelaksanaan projek eKADASTER, pihak JUPEM telah menyediakan sistem *online* yang dikenali JUPEM2U. Jadi semua boleh rujuk *online* ini, JUPEM2U ini. Sistem ini boleh diakses dan digunakan setiap Pejabat-pejabat Tanah Daerah untuk menyediakan pelan hak milik bagi tujuan pengeluaran geran hak milik. Oleh itu, siapa yang ingin mengetahui hak milik itu, silalah menggunakan sistem JUPEM2U ini, sistem *online* JUPEM2U ini.

Seterusnya Tuan Pengurus, daripada Yang Berhormat Putatan, bolehkan FRIM menujuhkan sistem penyelidikan di Sabah dan di Sarawak.

■2010

Di Sandakan telah diwujudkan, *Forest Research Centre* (FRC) bagi menjalankan penyelidikan untuk pelbagai masalah perhutanan. Ini tertakluk kepada permintaan Kerajaan Negeri Sabah untuk mewujudkan Stesen Penyelidikan FRIM ini memang boleh juga dibuat di FRC, *Forest Research Centre* di Sandakan, di negeri Sabah.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat daripada Limbang bertanya tentang projek bekalan sumber air rumah panjang. Ada yang berjaya contohnya di Rumah Panjang Muang. Namun, di rumah panjang lain masih terdapat perkakasan yang dibekalkan oleh JMJ tetapi masih belum disiapkan sepenuhnya. Pelaksanaan bekalan sumber air rumah panjang atau dikenali sebagai Air Graviti Bukit ataupun AGB di bawah peruntukan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. JMJ telah membekalkan peralatan perkakasan, namun untuk menyiapkan pembinaan takungan dan pemasangan paip adalah dilaksanakan secara gotong-royong oleh penghuni-penghuni rumah panjang. Kelewatan adalah disebabkan kesukaran menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengumpul semua penghuni di rumah panjang kerana kebanyakan yang tinggal adalah golongan tua dan wanita. Manakala golongan muda bekerja di luar daerah.

Pertanyaan daripada Yang Berhormat Hulu Langat. Ini berkaitan dengan cadangan setiap pembangunan perumahan, penerokaan bukit, kilang-kilang menjalankan EIA kerana masalah

pencemaran yang diberikan. Kementerian di bawah agensi Jabatan Alam Sekitar memang mengambil berat tentang EIA yang perlu dibuat. Jika di dalam perintah EIA, aktiviti-aktiviti yang disenaraikan sudah pun ada di situ, maka EIA sememangnya perlu dibuat. Jabatan Alam Sekitar menyemak mengikut sensitiviti alam sekitar yang melibatkan keluasan projek, kapasiti pengeluaran kilang dan ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tunggu dahulu, saya baca ini sampai habis ya. Ketinggian dan keluasan projek di kawasan tanah tinggi. Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya berkenaan dengan EIA. Sekarang ini laporan EIA dibayar oleh syarikat kepada konsultan. Di situ ada konflik, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana syarikat itu yang membayar dan EIA itu dibuat untuk syarikat tersebut. Bagaimana kita hendak memastikan bahawa laporan EIA itu betul-betul *independent* supaya tidak ada *conflict of interest*, supaya *company* ataupun konsultan yang membuat laporan EIA ini tidak terikat dengan syarikat yang membayar mereka yuran kemudian mereka buat pula laporan EIA untuk syarikat tersebut?

Adakah pihak kementerian memikirkan bagaimana hendak memisahkan *interest* dan *conflict of interest* ini supaya tidak – kita menjaga kepentingan awam bukannya menjaga kepentingan syarikat yang membuat EIA tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan kerana membangkitkan isu EIA itu. Seharusnya konsultan EIA itu semestinya *independent* supaya apa yang mereka buat adalah bukannya di bawah arahan ataupun *directive* pemaju. Akan tetapi, oleh kerana pemaju yang membayar, maka kadang kala mereka mendampingi pemaju. Di dalam proses penilaian laporan EIA inilah kita perlu tahu. Kita menilai laporan EIA, ada jawatankuasa pakar-pakar yang menilainya bukan hanya daripada Jabatan Alam Sekitar tetapi daripada agensi-agensi yang lain dan juga NGO, pakar-pakar dan semuanya ini menilainya.

Daripada segi pengalaman dan ilmu pengetahuan kita, kita tahu sama ada laporan ini adalah laporan yang benar, yang baik ataupun tidak. Oleh itu, jika laporan ini bukan laporan yang betul, maka jawatankuasa ini *reject out right* dengan izin, laporan EIA seperti itu. Jadi, ini cara kita sekarang sebelum dasar baru untuk membuat – kalau kita buat dasar yang barulah, untuk membuat ataupun mengarahkan pemaju untuk mendeposit wang untuk EIA di Jabatan Alam Sekitar ataupun di kementerian. Akan tetapi, dasar ini belum wujud lagi. Jadi oleh itu setakat ini, kita menggunakan pakai *committee* inilah supaya kita dapat menilainya dengan lebih teliti lagi dan lebih baik serta kita boleh *reject* laporan EIA ataupun jika ianya tidak sahih ataupun tidak mengikut garis panduan. Yang Berhormat Kuantan ada lagi?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ada hendak soal lagi sedikit berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, boleh?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Boleh, boleh *sure*.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan dasar baru tadi, saya rasa itu sesuatu yang bagus

dan seharusnya tidak ada perkataan kalau dibuatlah. Seharusnya ada *political will* bagi pihak kementerian untuk melakukan perkara tersebut. Soalan saya lagi satu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam EIA ke atas Lynas, *cross section* lukisan itu yang diambil bukan *cross section* sebenar kilang Lynas, akan tetapi ianya lulus dalam masa tiga minggu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya hendak tanya apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa gambar-gambar dalam laporan EIA – Lynas itu, *cross section* yang diambil jauh daripada lokasi kilang Lynas itu sendiri?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih lah Yang Berhormat kerana memberi maklumat itu. Saya akan meneliti laporan ini.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** ...Laporan ini nanti barulah saya boleh memperkatakan sama ada ia betul ataupun tidak. Sama ada ia benar ataupun tidak...

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
Konsultan kata apa?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** ...Saya belum meneliti lagi laporan ini.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Tambahan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hulu Langat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Dari mana ini?

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** ...Depan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Hah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, silakan.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang menjadi *concern* saya ini penguatkuasaan semasa satu-satu projek itu berjalan. Ini yang kadang-kadang menyebabkan menjadi bencana kepada orang lain. Umpamanya katalah projek-projek besar pembangunan perumahan yang tidak mengikut peraturan-peraturan akhirnya berlaku banjir kepada taman yang sudah berada di sini 20 tahun tiba-tiba sekali oleh sebab pembangunan di tempat lain, dia yang menjadi mangsa. Siapakah yang patut memantau projek ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Adakah ini merujuk kepada EIA?

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Okey Yang Berhormat Hulu Langat, terima kasih kerana menyentuh perkara itu. Sebenarnya apabila EIA untuk apa-apa juga projek pembangunan diluluskan ianya ada syarat dan pelbagai *condition* dengan izin di dalam itu. Syarat itu apabila pemaju mendapat syarat itu, sebelum dia mendapat syarat itu dia mestilah menandatangani dokumen ini. Oleh itu dokumen ini adalah satu dokumen *legal*, syarat-syarat itu. Pihak yang memantau dan menguatkuasakan ini adalah Jabatan Alam Sekitar juga, memantau sama ada pemaju mengikuti

ataupun mematuhi semua syarat-syarat tersebut. Mesti dikuti. Jadi, inilah kadangkala permasalahan kita, kalau mereka tidak ikut, itu adalah masalah.

■2020

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oleh sebab EIA, kita perlu tahu apa sebenarnya EIA? EIA adalah *planning to* dengan izin. Apabila ia *planning to*, ia seharusnya dibuat, kajian EIA ini harus dibuat sebelum projek ini dimulakan, sebelum projek ini dilaksanakan. Akan tetapi, banyak sudah perkara seperti ini berlaku. Projek sudah pun dimulakan, barulah pihak kementerian tahu yang projek ini memerlukan EIA. Projek sudah pun dijalankan sebab bukannya kementerian kami yang meluluskan projek. Ini kementerian yang meluluskan projek. Oleh itu, kajian EIA kadangkala ia terlambat dibuat. Jadi, hasil daripada kajian-kajian ini sudah pun berlainan. Inilah permasalahannya. Oleh itu, Jabatan Alam Sekitar walaupun ia memantau, walaupun ia menguatkusakan syarat-syarat yang di dalam kelulusan EIA, jadi pemaju yang sudah melaksanakan projek sebegini memang sukar Jabatan Alam Sekitar mahu ia buat mitigasi macam itu, mitigasi macam ini ataupun *mitigation measures* sebab projek sudah pun dijalankan.

Apa yang selalu saya cadangkan adalah untuk membawa alam sekitar di dalam perancangan projek. Itu selalu saya cadangkan bahkan saya ada bentang kertas kerja di dalam beberapa seminar tentang perkara ini. Belum lagi diterima pakai. Jadi, inilah permasalahan bagi EIA Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Belakang, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** [Ketawa] Okey, silakan. Ini EIA ya, okey.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya kuasa Jabatan Alam Sekitar ini Yang Berhormat. Contohnya, di kawasan saya ada kilang sawit ini. Kilang sawit ini dibuat dalam satu kawasan kampung. Kita ini sudah berkali-kali buat aduan ia bukan sahaja busuk tetapi *discharge water* dia itu sehingga rosakkan sungai yang dahulunya banyak ikan, hari ini sungai itu sudah rosak terus. Jadi, kuasa Jabatan Alam Sekitar ini sejauh mana? Ini kerana kalau Jabatan Alam Sekitar ada datang, dia melawat kilang itu, hari itu nasib dia tak baik, kilang itu tak busuk. Akan tetapi dia sudah tengok sungai itu, sudah pun dirosakkan dengan *discharge water* itu. Akan tetapi sampai hari ini dia masih lagi beroperasi. Sejauh mana kuasa yang Jabatan Alam Sekitar ini ada untuk ambil tindakan yang lebih tegas ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sahabat daripada Kulim-Bandar Baharu kerana menyentuh perkara ini. Kilang minyak sawit, pemprosesan minyak daripada kelapa sawit ini. Sememangnya kilang itu, permit untuk beroperasi semuanya, lesen daripada MPOB tetapi untuk alam sekitar adalah daripada Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar ada kuasa untuk memantau operasi kilang sawit seperti ini sebab kita ada standard pencemaran untuk *sludge* ataupun air kumbahan yang terkeluar daripada kilang sawit. Jadi, untuk *Biochemical Oxygen Demand (BOD)* sekarang yang terbaru ini standard dia adalah 20 PPM untuk BOD yang dia boleh keluar. Kalau lebih daripada itu, maknanya pencemaran. Dia sudah pun mencemar alam sekitar, mencemar sungai.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]**

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oleh itu, penguatkuasaan haruslah dijalankan dan terus dijalankan oleh kilang sawit. Akan tetapi ada rakan-rakan kita sebut tadi, waktu malamlah mereka buat ini, bukannya waktu pejabat. Kadang-kadang waktu malam, kakitangan Jabatan Alam Sekitar, minta maaflah, memang kurang. Jadi, inilah permasalahan setakat ini, kakitangan Jabatan Alam Sekitar. Oleh itu, saya minta rakan-rakan Ahli Yang Berhormat menyokonglah untuk menambah lagi bilangan kakitangan Jabatan Alam Sekitar. *[Tepuk]* Kalau tidak, perkara ini akan berlaku berterusan. Ada lagi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tak, kalaupun dia datang dan operasi malam Yang Berhormat Menteri, sungai itu telah pun tercemar. Tak bolehkah sungai itu dijadikan satu bahan *evidence* menunjukkan kalau dia buat malam atau dia buat siang kah memang sudah ada pencemaran. So, itu saya katakan tadi sungai yang ikannya banyak, cantik, hari ini sudah tercemar tetapi Jabatan Alam sekitar masih belum dapat mengambil tindakan walaupun bukti-bukti itu sudah memang cukup. Macam Yang Berhormat kata tadi, mungkin dia operasi malam, Jabatan Alam Sekitar datang siang. Akan tetapi ini bukti sudah cukup banyak, akan tetapi sampai hari ini, kilang itu masih lagi beroperasi. Jadi macam mana itu? Apa lagi bukti yang kita hendak bagi ini?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Itulah, Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau apa yang berlaku di kilang-kilang seperti ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, boleh jawab soalan yang lebih kurang tentang kilang di...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tunggu, tunggu, saya jawab dia punya dulu. Yang Berhormat Bakri...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ya.**

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya jawab dia punya dulu. Akan terus memantau seperti mana Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebut tadi, pencemaran di sungai itulah seharusnya juga menjadi petanda. Akan tetapi, walaupun pencemaran di dalam sungai itu, jika di sepanjang sungai itu ada beberapa buah kilang. Kita tidak tahu yang mana satu. Itu nombor satu,

nombor dua, nombor tiga dan seterusnya. Walaupun demikian, semua standard ini seharusnya dipatuhi oleh semua kilang. Sudah ada berlaku di negeri-negeri yang lain, di mana hampir semua kilang telah pun diberi surat amaran ataupun telah pun di kompaun disebabkan pencemaran sebegini. Ini kilang sawit.

Jadi, saya harap di Kulim-Bandar Baharu nanti, Jabatan Alam Sekitar akan pergi meninjau, memantau dan menguatkuasakan apa yang terjadi. Akan tetapi apa yang saya tidak mahu adalah saya cakap di sini, selepas itu saya mengatakan kakitangan Jabatan Alam Sekitar akan turun padang dan buat itu. Selepas itu kilang itu buat *treatment* sistemnya. Jadi ini juga kita susah hendak...

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** *Encapsulate* mereka yang bertanggung jawab. Okey, Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bakri dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang kepada Bakri. Di sini saya hendak tanya satu soalan. Adalah didapati melalui siasatan yang saya jalankan pada tahun lepas bahawa kilang-kilang yang terletak di tebing sungai Muar, Johor terutamanya kawasan perindustrian Pagoh, Muar, Johor merupakan sumber pencemaran utama kepada Sungai Muar Johor. Kolam-kolam rawatan air yang disediakan oleh kilang-kilang sebelum perlepasan ke sungai tidak dibersihkan menurut piawaian yang ditentukan sebahagian kolam rawatan tersebut telah memberikan ancaman besar kepada alam sekitar. Apabila bencana banjir berlaku, air banjir akan menenggelamkan kolam-kolam rawatan dan menyebabkan air yang mengandungi bahan kimia beracun mengalir ke Sungai Muar Johor.

#### ■2030

Sila nyatakan adakah siasatan telah dilakukan oleh kementerian? Berapa kilang yang melanggar piawaian yang ditetapkan? Adakah masalah tersebut dimasukkan sebagai sebahagian daripada rancangan tebatan banjir di bahagian Sungai Muar, Johor? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Pencemaran di Sungai Johor Yang Berhormat Bakri. Memanglah, kalau ada kilang-kilang yang melepaskan air kumbahan tidak dirawat ke dalam sungai sememangnya menyebabkan pencemaran. Akan tetapi Yang Berhormat menyebut banjir tadi, bahawa jika banjir, semua bahan kimia ataupun bahan kimia yang dikandungkan di dalam air itu juga mengalir. Kalau lah banjir itu limpahan tebingan sungai, ia di kawasan mana sahaja. Itu bukan sahaja daripada kilang, daripada permukaan jalan pun ada juga bahan-bahan kimia.

Jadi, kalau banjirlah kita ini seharusnya berhati-hati. Jangan bermain di sungai sebab banyak bahan-bahan kimia yang dibawa lari daripada mana-mana tempat pun kalau bandar itu ataupun pekan itu banjir. Untuk kilang, memang Jabatan Alam Sekitar terus menguatkuasakan pencemaran supaya pencemaran tidak terlalu *high density* dengan izin di dalam sungai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Kampar, okey.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Kapar Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi tidak dapat hendak bahas. So, saya ada isu ini. Saya hendak tekankan tentang pembelian aset untuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang bernilai hampir RM7,491,400. Peningkatan sebanyak 207% berbanding dari tahun lepas. Secara khusus saya tekankan Butiran 16000, Timbalan Menteri. Soalan saya ada dua soalan. Apakah komitmen daripada kementerian dengan pembelian aset sebegini boleh membantu menaik taraf dan meningkatkan kualiti alam sekitar negara secara menyeluruh? Soalan kedua ini lebih kepada Butiran 160900 mengenai Pengairan dan Saliran. Peruntukan sebanyak RM3,341,400 untuk pembelian aset. Adakah pembelian aset ini boleh mengurangkan masalah banjir di Malaysia dan apakah pemerincian aset-aset yang akan diberi? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jawab yang tersedia dulu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Bukan. Tadi Yang Berhormat Kapar sentuh tadi kan.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf ya. Tadi sentuh tentang benda lain. Yang baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam bentuk bertulis. Saya tidak ada masalah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang ini Yang Berhormat, saya belum sampai lagi apa yang disentuh Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tadi tentang pencegahan hakisan pantai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sini, sini. Tuan Pengerusi. Panjang lagi?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oh, panjang lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau panjang-panjang, kita boleh bagi jawapan bertulis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh ya?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya boleh. Saya boleh bagi jawapan bertulis.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak ada masalah. Saya tidak perlu menyusahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk Yang Berhormat Kapar boleh bagi saya jawapan bertulis. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Untuk Yang Berhormat Kapar boleh bagi jawapan bertulis. Untuk...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentuh semua perkara ini, mahukan saya bagi jawapan bertulis, saya akan bagi jawapan bertulis.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan pohon dijawab.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Mohon...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Parit Sulong pun minta supaya dijawab lisan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Petaling Jaya Selatan.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Lisan dan bertulis.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Parit Sulong dengan Yang Berhormat Kuantan. Lepas itu Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** Limbang pun minta tentang pengorekan sungai.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Wah, ini ramai mahu jawab lisan. Kalau yang bertulis saya akan bagi yang bertulis.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tebrau...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Setengah jam ya. Okey.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Seterusnya Yang Berhormat Pendang tadi sudah, Yang Berhormat Limbang tadi sudah, Yang Berhormat Hulu Langat tadi sudah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tadi Limbang fasal geosains. Tadi fasal pengorekan sungai belum.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang, sabar Yang Berhormat Limbang, sabar. Sabar. Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey untuk Yang Berhormat Limbang, sungai itu - mengorek muara sungai itu kan? Kita akan ambil perhatian tentang itu sebab itu memang amat diperlukan. Saya memang tahu Sungai Limbang dulu semasa saya buat penyelidikan hutan bakau. Oleh itu kita ambil perhatian tentang...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Boleh sedikit?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:**....permintaan. Ini permintaan Yang Berhormat Limbang. Ini permintaan kita ambil perhatian, kementerian ambil perhatian.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Okey, hakisan sungai, hakisan sungai.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Hah?

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Kanowit, Kanowit. Hakisan sungai. *Hello.*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sungai? Ini semua sungai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kejap. Kita kena satu-satu. Baru Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** *Sorry.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, sekejap saya bercakap. Kena satu-satu, baru Yang Berhormat Timbalan Menteri dia faham apa yang kita hendak tanya. Sekarang ini isu dia fasal Yang Berhormat Limbang, boleh tidak bagi Yang Berhormat Limbang dahulu?

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Hakisan sungai ya, sudah Yang Berhormat Limbang? Sudah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ha, bagi Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Sedikit saja ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas itu Yang Berhormat Kanowit.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Timbalan Menteri *and then right now* dengan izin saya telah sedang mendraf satu surat sebagai rekod kepada kementerian untuk permohonan untuk pengorekan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk peringatan di kawasan Kanowit *I think* kita dulu sudah juga berbincang. Akan tetapi tadi saya tidak ada masa untuk berbahas. Cuma satu perkara hakisan sungai itu untuk Sungai Rajang itu memang hakisan itu memang teruklah. Jadi permohonan saya empat ke lima untuk dibuat benteng sungai itu telah pun diluluskan dalam beberapa tahun dulu tapi belum ada projek, belum ada pelaksanaan diadakan. Jadi, untuk peringatan lagi supaya *check* lagi permohonan saya dulu di kementerian. Kawasan Kanowit, Menteri. Okey, *right*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Kalau sudah pun diluluskan, ia seharusnya dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan. Mengenai Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, sekarang ini mengenai Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat saya jawab mengenai Yang Berhormat Putatan ini. Pertamanya dia menyentuh tentang perhutanan di Sabah. Sabah adalah sebuah negeri yang sememangnya mengamalkan *sustainable forest tree management*. Oleh sebab itu, pelbagai seperti Maliau Basin dan mana-

mana tempat dan juga di Lower Kinabatangan, ini adalah kawasan konservasi. Jadi, apabila sudah jadi kawasan konservasi ini bermakna pembalakan memang tidak boleh dijalankan di situ. Ini tentang *Sabah Forest Tree*.

Yang tentang *Heart of Borneo* itu Yang Berhormat Putatan, *Heart of Borneo* itu merangkumkan tiga negara iaitu Malaysia, Brunei dan Indonesia. Malaysia dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak, dan Brunei kita tahu lah negara Brunei sendiri. Untuk Indonesia adalah Kalimantan. Di dalam projek *Heart of Borneo* ini, kita membuat pemeliharaan projek ini untuk pemeliharaan hutan-hutan yang bersempadan dengan negara-negara ini, yang dua buah negara ini. Oleh itu, *Heart of Borneo* ini, kementerian juga beri peruntukan dengan Sabah supaya ianya meneruskan projek *Heart of Borneo* dan membuat pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan-kawasan konservasi. Ini untuk HOB. Apa lagi Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jawapan belum cukup. Saya hendak tahu dari pihak kementerian walaupun kerajaan Malaysia memperuntukkan untuk program mengkonservasikan kawasan biodiversiti kita, apa sumbangan daripada kerajaan Brunei dan Indonesia terhadap projek dikatakan *Heart of Borneo* ini. Minta sedikit jawapan daripada pihak kementerian.

#### ■2040

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey Yang Berhormat. Untuk negara kita, peruntukan adalah untuk negara kita sendiri untuk menjalankan program pemuliharaan biodiversiti. Untuk negara Brunei, negara Brunei juga ada peruntukan tersendiri untuk pemuliharaan dan begitu juga untuk negara Indonesia. Negara Brunei bersempadankan dengan Sarawak, kawasan hutan itu semuanya sudah jadi *totally protected areas*. Di Sabah dan Sarawak, kita juga banyak *totally protected areas* yang tidak boleh dicerobohi. Untuk Kalimantan, *Bentuang Karimun National Park* itulah kawasan yang bersempadan dengan Sarawak dan dijaga oleh Kerajaan Indonesia sendiri.

Setiap tahun kita ada mesyuarat menteri untuk memastikan bahawa tugas-tugas seperti ini, tugas-tugas pemeliharaan dijaga untuk terus dilaksanakan supaya kita ada kawasan hutan besar untuk konservasi sebagai *Heart of Borneo*. Ia adalah satu tarikan. Tarikannya ialah untuk ekopelancongan. Ini yang penting kepada ketiga-tiga negara ini. Akan tetapi kita, kita tahu lah di mana pelancong akan pergi di mana kawasan konservasi akan boleh menarik minat pelancong-pelancong daripada luar negara. Ini untuk hal Borneo, Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh pemeliharaan alam sekitar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, tengah menjawab soalan Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Untuk Yang Berhormat Putatan. Masih Yang Berhormat Putatan. Menyentuh pemeliharaan alam sekitar. Kementerian sememangnya sentiasa memastikan bahawa alam sekitar juga terjaga. Apa yang penting adalah kualiti alam sekitar untuk kita, semua kita, semestinya terjamin. Kalau tidak, penyakit-penyakit yang timbul juga akan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Menteri, saya tidak mahu dengar jawapan macam itu. Apa yang saya tanya itu, adakah pihak kementerian bercadang untuk buat *engagement* dengan kerajaan-kerajaan negeri yang lain supaya membuat sesuatu seperti apa yang dilaksanakan, apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah? Boleh tidak kalau Kuala Krau buat juga, kawasan Kelantan buat juga, kawasan Selangor pun buat juga? Itulah soalan saya tadi.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ini adalah yang semacam *Heart of Borneo* itu, okey. Di semua negeri pun ada hutan simpan kekal, ada *reserve hidupan liar*, ada taman negara dan sebagainya. Ini memang akan terus dikekalkan dan kementerian juga mencadangkan kepada negeri-negeri lain untuk sama-sama buat ataupun mewartakan *totally protected areas* ini, kawasan konservasi, kerana yang kita perlukan adalah oksigen untuk kita bernafas. Kalau kurang hutan, kuranglah oksigen untuk diri kita sendiri. Macam mana kita hendak bernafas. Jadi ini memang dicadangkan juga dan diteruskan juga oleh kementerian, Yang Berhormat.

Perkara lain yang disentuh oleh Yang Berhormat Putatan adalah projek-projek kecil seperti memelihara perparitan dan juga hakisan pantai. Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat perlu buat cadangan kepada kementerian supaya kementerian tahu apakah permasalahan di situ supaya penyelenggaraan perparitan boleh dibuat dan projek kecil hakisan tanah dan hakisan pantai juga boleh dibuat juga.

Untuk taman laut. Taman laut di Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Di Semenanjung Malaysia, memang di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Di Semenanjung Malaysia ada 42 semuanya taman laut di negara kita dan kebanyakannya di Terengganu. Syabaslah saya ucapkan kepada Terengganu, banyak taman laut. Akan tetapi untuk Sabah, jika kerajaan negeri mahu Kerajaan Pusat membantu, kerajaan negeri semestinya dan seharusnya membuat cadangan dan permohonan kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat akan rela membantu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Menteri, adakah kerajaan ini tidak pernah langsung memohon bantuan daripada kementerian? Saya ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri Sabah pernah memohon ataupun langsung tidak mempedulikan soal mengkonservasikan taman-taman laut yang dibinasakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab kerana penangkapan ikan yang berleluasa di negeri Sabah.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya permohonan daripada kerajaan negeri untuk taman-taman laut di Sabah adalah daripada Kementerian Pelancongan, kementerian yang lain. Kementerian Pelancongan. Untuk mewujudkan *facility* yang tertentu untuk taman-taman laut seperti jeti dan sebagainya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Menteri, pandang ke arah saya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Dia tanya saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa, pandang saya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Maaflah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pandang Yang Berhormat Putatan, dia tanya, tanya lagi, berdialog.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya, sudah semacam dialog.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau pandang sini, dia tidak akan jadi dialog.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey, terima kasihlah atas amaran Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Boleh saya masuk sedikit, Menteri? Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Langkawi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oh! Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Langkawi, kita ada taman laut iaitu Pulau Payar yang sangat menarik dan juga menggantit ratusan ribu pelancong ke Pulau Payar. Soalan saya ialah adakah boleh kalau kami hendak minta lagi tambah pulau-pulau yang boleh dijadikan sebagai taman laut di Pulau Langkawi? Ataupun yang keduanya, bolehkah kita masukkan ke dalam bajet itu untuk tambahkan taman laut tiruan di dalam kawasan Langkawi?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Sebenarnya Langkawi ada empat taman laut di pulau-pulau kecil juga selain daripada Pulau Payar. Memanglah Pulau Payar kalau di negeri Kedah, ia ikonik, Yang Berhormat. Saya sudah pergi dekat situ pada tahun 2011 apabila saya melawat sebagai Timbalan Menteri Pelancongan. Akan tetapi apabila pegawai daripada taman laut memberi saya taklimat tentang perwujudan taman laut dan apa yang perlu dijagakan, saya tanya soalan yang spesifik, *ask if* dengan izin, saya daripada kementerian ini sebab memang latar belakang saya *environmental ecologist*, jadi itu memang minat saya. Akan tetapi untuk negeri Kedah, memang sudah ada empat tetapi yang empat ini adalah pulau kecil-kecilan untuk dijadikan taman laut, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawab Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Kuantan. Selepas itu jawab bertulis.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey. Yang Berhormat Parit Sulong...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pasal banjir sahaja.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Parit Sulong merujuk kepada ini mengorek sungai. Sungai apa itu Yang Berhormat Parit Sulong? Sungai di Parit Sulong kan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sungai Sulong.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** *[Ketawa]* Okey, mengorek sungai. Ini mengikut Butiran 15200. Jika Yang Berhormat Parit Sulong memohon Tuan Pengerusi, begitu juga dengan Yang Berhormat yang lain-lain. Kalau-lah projek itu tidak ada di dalam senarai projek, kementerian perlu permohonan kerana ada tadi pelbagai projek di bawah JPS itu, peruntukan itu juga boleh diguna pakai.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terpaksalah juga saya bangun bertanya, Tuan Pengerusi. Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya rasa mendalamkan kuala-kuala sungai dan juga... *[Disampuk]* Itu semua memang ada peruntukan itu tetapi tadi saya sudah maklumkan, ini kebiasaan setiap tahun sebab kawasan Parlimen Parit Sulong ini kawasan bencana sedikit.

■ 2050

Jadinya yang saya mohonkan adalah peruntukan itu ditambah. Kalau setahun *maintenance* nya dengan izin tiga kali mungkin ditambahkan lagi. Oleh sebabnya JPS setiap kali kita tanya tidak cukup bajet sedangkan perkara ini berlaku setiap tahun. Takkan setiap tahun asyik hendak cakap tidak cukup bajet. Lepas itu diminta supaya wakil rakyat uruskan sendiri. Nanti saya pula berkubang dalam parit di Parit Sulong itu. Nanti kasihan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi saya minta pertimbangan supaya perkara ini dimasukkan dalam peruntukan tahunan itu sendiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ambil maklum.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Okey Yang Berhormat terima kasih. Kita mempertimbangkan permintaan. Pertimbangkan ini memang secara positif. Jadi ini kita akan buat Yang Berhormat. Terima kasih. Saya menganggapkan apa Yang Berhormat sentuh dalam ini adalah satu permintaan. Jadi setiap permintaan kita mempertimbangkan termasuk...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kuala Krau.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** ...Tuan Pengerusi juga di kawasan dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Banyak parit juga.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** ...Untuk menyelenggarakan parit juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuantan. Jawab Yang Berhormat Kuantan punya.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Sekarang Yang Berhormat Kuantan. Saya hendak cari Yang Berhormat Kuantan punya dahulu. Apa Yang Berhormat Kuantan sebut? Yang Berhormat Sungai Siput, hah Yang Berhormat Kuantan.

Okey, Yang Berhormat Kuantan. Saya memang menunggu-nunggu kan ini Yang Berhormat Kuantan tentang Lynas ini. Oh, tetapi dia tanya juga tentang RTB di Lembah Bertam. Kenapa sekarang baru diperuntukkan RM40 juta untuk projek di Lembah Bertam ini? Sebenarnya ini adalah empangan. Empangan di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Oleh kerana masalah ini sudah pun berlaku maka peruntukan RM40 juta ini adalah untuk river

*rehabilitation* Sungai Bertam. Bukan untuk empangan lagi. Untuk empangan di bawah kementerian lain dan juga di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk Sungai Bertam ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat bangun.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat Kuantan? Lembah Bertam lagi?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Bertam.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Pengerusi, bahas saya tadi berkenaan dengan sistem ramalan dan amalan banjir. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi tengok dekat Sungai Bertam dia ada laluan air yang lalu dekat tepi sekolah dan ada rumah-rumah di tepi itu. RM40 juta ini untuk *rehab* lepas pada banjir tersebut. Akan tetapi soalan saya kenapa sebelum ini tidak didalamkan sungai tersebut sedangkan sudah ada pun laporan daripada pakar-pakar yang mengatakan sekiranya air empangan dilepaskan maka akan banjirlah di situ. Soalan saya tadi kenapa tidak buat sebelum ini? Kenapa tunggu banjir besar, mati orang baru hendak bagi duit? Itu soalan saya.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih atas maklumat itu. Sebelum ini siapa yang bertanggungjawab? Saya kah ataupun dia? Saya belum pergi sana lagi. Sekarang saya bertanggungjawab Yang Berhormat. Saya kena pergi menilai kerosakan di situ dan apa yang perlu dibuat dengan jumlah RM40 juta ini. Ini yang penting Yang Berhormat. Kalau sebelum ini saya tidak tahulah. Saya cuma tahu membawa pelancong kepada Kuantan sahaja. Itu yang saya tahu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, isu lain, isu lain.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Itu isu lain tetapi sekarang ini tanggungjawab saya, saya akan menilai apa yang perlu dibuat. Jadi untuk amaran...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu lain.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** ...Siren itu bukan tanggungjawab kementerian kami. Tanggungjawab Tenaga Nasional yang mempunyai empangan tersebut.

Perkara yang lain yang disentuh oleh Yang Berhormat adalah penguatkuasaan di Lynas. Lynas ini memang dia ada tiga jenis bahan-bahan pencemar. Jadi yang dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar adalah untuk memastikan air itu air yang terhasil yang bercampur daripada bahan-bahan *rare earth* ini dirawat. Air mesti dirawat dan tidak dikeluarkan di dalam sungai. Memang tidak dikeluarkan di dalam sungai. Ini dihasilkan...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi, baru hendak mula jawab ini. Sekejap ya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Sekejap, saya hendak masuk sedikit. Pasal apa, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat kata pasal

saya sendiri yang pergi tengok. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuantan sudah pergi tengok kah belum? Hal ini kerana air itu memang tidak masuk dalam sungai. Terima kasih.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Air itu tidak dilepaskan ke dalam sungai. Ia dirawat di situ. Lepas itu bahan-bahan yang lain, sisa-sisa yang lain itu di kitar semula, *recycle* untuk kegunaan yang lain. Setakat ini tidak ada sisa-sisa yang lain kononnya sisa-sisa radioaktif dibawa keluar. Hanya di dalam kawasan kilang. Jadi oleh itu, memang Jabatan Alam Sekitar negeri Pahang di Kuantan dengan terus menerus setiap hari masuk ke dalam kilang untuk memastikan bahawa air ini dirawat.

Yang kedua, pencemaran udara. Ini secara automatik juga dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar melalui telemetri. Telemetri bermakna kalaularah satu peralatan untuk mengukur pencemaran udara dibuat, maka dari pejabat kita boleh tahu sama ada ianya tercemar ataupun tidak tercemar. Jadi ini memang terus dibuat. Untuk radiasi ini di bawah kementerian yang lain, bukan di bawah kementerian ini. Okey?

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak bercakap tentang radiasi. Saya tidak pernah pun bercakap tentang radiasi. Saya berkata tadi ada lagi satu *waste stream* iaitu *the water leach purification solid waste* yang sekarang MOSTI sudah pun membenarkan untuk *dilution and recycling*. Apabila ia *dilute*, ia di bawah *one bacquerel per gram*. Apabila dia di bawah *bacquerel per gram* ia bukan lagi diawasi oleh Akta 304. Dia akan dikawal selia oleh EQA. Itu persoalan saya. Apabila sudah *dilute*, ia sudah bawah *one bacquerel per gram*, tadi saya kata saya kesal kerana sepatutnya MOSTI hantar balik ke lombong. *That's the best practice* tapi dia bagi untuk *dilute*.

Jadi bila *dilute* di bawah *one bacquerel per gram*, ia menjadi di bawah kawal selia EQA. Soalan saya macam mana hendak kawal selia itu? Macam mana ia hendak *recycle*? Apa yang kementerian buat untuk pastikan ianya selamat, hendak tabur merata, hendak buat jalan, hendak buat *fertilizer*, *recycling is now* di bawah kawal selia kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu soalan saya tadi.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Memanglah Yang Berhormat. Kita kawal selia semuanya itu tetapi semua sisa itu tertinggal di dalam kilang setakat ini. Tidak boleh dibawa keluar dan belum lagi dibawa keluar. Memang mereka juga buat penyelidikan supaya sisa-sisa ini diguna pakai untuk membuat jalan dan sebagainya, tetapi itu hanya daripada penyelidikan sahaja. Tumpu kepada penyelidikan sebab mereka mengatakan negara lain pun buat sisa-sisa itu untuk membuat jalan. Tetapi kita belum lagi. Hanya di tahap penyelidikan. Belum diguna pakai lagi.

Memang saya tahu yang bercampur dengan pasir itu, itu saya tidak tahu sama ada betul ataupun tidak sebab ia di bawah MOSTI. Jadi MOSTI lah yang mengawal radiasi untuk kilang ini. Bukan kementerian kami. Jadi yang ini berlainan. Cuma kita memastikan bawa air tidak dibuang di dalam sungai itu dan juga pencemaran udara. Ini semuanya kita mengawal.

■2100

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya. Okey?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawab bertulis yang lain, ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Berkenaan *detail EIA* tadi.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang *detail EIA* itu tadi Yang Berhormat tanya. Jadi, saya kata saya akan meneliti laporan ini. Nanti ini saya boleh beri jawapan bertulis juga kepada Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Bukan itu yang saya kata. Saya kata tadi berkenaan dengan EIA. Saya kata EIA itu, *cross-section* itu bukan lokasi sebenar. Itu yang saya mencelah tadi berkenaan dengan EIA. Soalan saya berkenaan dengan *detail EIA*. Sedar kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa EQA memasukkan dalam senarai *prescribe activity* yang memerlukan *detail EIA* pada bulan Disember 2011? Maka apabila EIA untuk Lynas diluluskan pada bulan Februari 2008, pada ketika itu *detail EIA* belum wajib ke atas industri seperti Lynas. Pada Disember 2011, baru ditambah dalam senarai, *list of prescribe activity*. Maksudnya satu industri yang proses radioaktif material dan *generate radioactive waste* memerlukan *detail EIA*.

Akan tetapi kementerian tidak mewajibkan ke atas Lynas kerana teknikal isu sebab tidak buat *retrospectively*. Sudah lulus EIA, sudahlah. Soalan saya tadi, *detail EIA* memerlukan *health impact assessment*, memerlukan *public consultation*, memerlukan *chemical analysis* dan pelbagai di dalam *detail EIA* itu. Akan tetapi oleh kerana kita tidak buat *detail EIA*, sekarang undang-undang kata wajib *detail EIA* tetapi kita tidak buat sebab masa lulus dulu tidak perlu *detail EIA*. Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang kementerian boleh buat untuk memastikan bahawa segala *requirement* tentang *detail EIA* itu, kita lihat kepada keselamatannya? Itu soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat kerana sebut perkara itu. *Detail EIA* sudah pun dirangkumkan di dalam perintah EIA sejak ia diwujudkan dulu. Memang sudah ada diwujudkan. Jadi untuk kilang Lynas ini, kenapa *detail EIA* tidak dikenakan? Itulah tadi soalan Yang Berhormat yang menyentuh mengenai EIA tadi. Saya kata saya akan meneliti EIA Lynas ini terdahulu. Sama ada ia *detail* ataupun tidak. Seharusnya *detail EIA* sememangnya sudah pun diwujudkan semenjak perintah EIA itu sudah ada. Kita sudah ada mekanisme...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan menyeleweng Dewan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Please don't misled Dewan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *Detail EIA tidak wajib ke atas industri seperti Lynas sehingga Disember 2011. Check balik EQA, check balik dengan pegawai di belakang itu. Disember 2011 baru wajib ditambah dalam senarai list of prescribe activity that needed a detail EIA, dengan izin. Jangan misled Dewan. Pada Januari 2008, it was just an EIA. Ada beza, Yang Berhormat Timbalan Menteri antara EIA dengan detail EIA. Don't misled Dewan. EIA itu pun...*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya tahu. Saya juga jadi consultant EIA daripada dulu. Sudah lama. Saya tahu semuanya ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, tetapi EIA itu pun saya... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Kuantan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya akan teliti berkenaan EIA sama ada detail ataupun tidak. Apa yang diperlukan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Seperti di Sarawak. Strategik EIA yang kita buat semuanya termasuk social, health dan sebagainya .

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Semuanya kita buat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab itu...

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Jadi, itulah saya kata tadi saya akan meneliti laporan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Baru saya tahu apa yang terkandung. Kalau saya tidak meneliti... respect. Mana saya boleh tahu, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Jadi inilah perkaranya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, jawapan bertulis, yang lain.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang lain saya akan buat jawapan bertulis.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis, jawapan bertulis.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Jerebu, sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa, tidak apa. Nanti jawapan bertulis. Yang Berhormat Timbalan Menteri, cukup ya?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Jawapan bertulis untuk semua selepas ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,112,097,000 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,112,097,000 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,373,930,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,373,930,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.24 [Jadual] –**

**Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jasin.

#### **9.05 mlm.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa orang yang berminat? Sekejap, Yang Berhormat Jasin. Satu, dua, tiga, empat. Okey, sila. Empat orang ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Pertamanya, saya ingin pergi kepada Butiran 010000 ke Butiran 050000, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Selepas itu kepada Butiran 030000 – Perdagangan Antarabangsa, Butiran 040000 – Pembangunan Perindustrian, Butiran 080000 – Perbadanan Perusahaan kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) dan juga Butiran 100000 – Dasar Baru.

Pertamanya, kalau kita dapat lihat daripada Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, untuk kementerian ini pada tahun 2013 diperuntukkan sebanyak RM1.412 bilion. Pada tahun 2004, peruntukan mengurus dan juga pembangunan diturunkan kepada RM1.29 bilion. Mengapakah peruntukan ini dikurangkan dalam usaha kita untuk meningkatkan lagi pembangunan perindustrian kita dan untuk menarik pelaburan. Kemungkinan ini satu daripada cara untuk kementerian membuat penjimatan tetapi seharusnya dalam usaha kita untuk melipatgandakan usaha bagi pembangunan ekonomi, peruntukan ini janganlah hendaknya dikurangkan.

Sebelum itu, sebelum saya pergi kepada yang lain Tuan Pengerusi, saya ingin membacakan sedikit daripada berita terakhir yang kita terima, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Disebut di sini, *Moody's Raises Malaysia's Credit Outlook*. Dikatakan “*Raised its outlook for Malaysia's A3 rating to Positive from Stable*”. Kalau satu ketika dulu, *Fitch Rating's* telah membuat penilaian kita daripada *stable* kepada *negative*, kita sudah dapat lihat bahawa segala usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Pada hari ini, kita dapat tengok *rating agencies* telah pun dapat mentakrifkan bahawa Malaysia sebenarnya sebuah negara yang cukup berpotensi sekali. [*Tepuk*]

Izinkan saya baca seterusnya kerana berita ini memang satu berita yang cukup membanggakan sekali. Janganlah hendaknya pihak pembangkang suka menuding jari atau membuat tuduhan bahkan kalaularah *rating agency* daripada luar negara memberikan pengiktirafan yang terbaik sekali kepada negara, seharusnya apa juga usaha baik kepada pembangunan ekonomi negara dapat sama-sama diberikan sokongan. Saya bacakan seterusnya. Dia kata, “*Moody's said that the upgrade for Malaysia was driven by improve prospect for fiscal consolidation and reform and the microeconomic stability in the face of external headwinds*”. Disebut lagi, “*The Prime Minister has announced the implementation of Goods and Services Tax (GST) in 2015 for the purpose of broadening the tax base and easing the government's reliance on Petroleum-related receipts*”. Selepas itu disebut, “*In addition, subsidy rationalization started in September with an increase in few prices helping to stamp the growth of subsidy bill that has accounted for an increasing large portion of the government spending*”.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berita ini adalah satu berita yang cukup menggembirakan rakyat Malaysia. Segala usaha yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan seharusnya diberikan satu kepujian dan diberikan sokongan padu oleh seluruh rakyat Malaysia. [*Tepuk*] Selepas itu, saya pergi kepada MIDA.

## ■2110

Sejak bulan Januari sehingga bulan Ogos tahun 2013 kita dapat lihat bahawa peningkatan FDI yang cukup ketara sekali. Ianya direkodkan sebanyak bagi tempoh Januari hingga Ogos 2013 sejumlah 463 projek perkilangan dengan pelaburan berjumlah RM29.9 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM18.8 bilion ataupun 62.9% merupakan pelaburan asing manakala RM11.1 bilion ataupun 37% adalah pelaburan tempatan. Seharusnya MIDA dapat melipatgandakan segala usaha dalam memastikan supaya usaha untuk kita menarik pelaburan-

pelaburan asing untuk datang ke Malaysia ke seluruh negara dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Jadi usaha untuk menarik pelaburan ini kita tahu adalah satu usaha yang cukup rumit. Selain daripada kita mesti mendapatkan keyakinan daripada pelabur-pelabur asing baru kita sebuah negara yang aman, kita sebuah negara yang makmur, menyediakan infrastruktur dan juga kakitangan serta tenaga kerja yang berkemahiran. Dalam masa yang sama kita mahu melihat supaya segala usaha yang telah dibuat oleh kerajaan ini dapat diberikan sokongan oleh semua negeri dalam negara kita. Supaya pelaburan-pelaburan asing ini akan terus dapat mengalir ke dalam negara kita.

FDI ini sangat penting kepada negara kita Tuan Pengerusi. Walaupun pelaburan-pelaburan itu datang kepada negeri-negeri yang terpilih berdasarkan daripada infrastruktur yang telah disediakan dan kemudahan-kemudahan yang lain. Akan tetapi dalam masa yang sama kalau kita mendapat apa juga pelaburan-pelaburan besar kita boleh memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Tidak semestinya kalau pelaburan-pelaburan itu datang ke Melaka misalnya.

Sebelum ini kita dapat satu pelaburan *Sun Power* yang berjumlah sebanyak RM2 bilion. Sebenarnya pelaburan ini telah mendapat memberikan satu kelegaan dan peluang pekerjaan bukan sahaja kepada rakyat negeri Melaka. Bahkan semua rakyat Malaysia diberikan peluang untuk mendapatkan pekerjaan sebagai pekerja biasa dan juga sebagai jurutera-jurutera. Dalam masa yang sama pelaburan-pelaburan ini kita mahu pastikan supaya mereka dapat dengan izin *transform of technology* kepada rakyat-rakyat tempatan.

Tuan Pengerusi dalam usaha kita untuk menarik pelabur-pelabur asing kita jalan lupa kepada pelaburan tempatan ataupun DDI. Kalau kita dapat lihat di sini sebanyak 37.1% adalah pelaburan-pelaburan tempatan. Seharusnya apa juga insentif yang diberikan kepada pelaburan-pelaburan luar FDI, insentif yang sama mesti kita berikan kepada pelaburan-pelaburan tempatan ataupun lebih lagi. Ini kerana kita mahu melihat bukan sahaja pelabur FDI kita ini, pelabur-pelabur tempatan bukan sahaja boleh melabur dalam negara kita bahkan kita mahu melihat mereka mestilah berkeupayaan untuk menembusi peluang-peluang pelaburan di luar negara.

Tuan Pengerusi dalam usaha yang sama kita mahu melihat supaya pihak kerajaan dapat terus memberikan pengiktirafan dan juga *upgrade* semua kawasan-kawasan perindustrian yang selama ini kita terlupa. Kalau selalunya kita jalankan apa juga projek-projek pembangunan untuk kawasan-kawasan luar bandar dan juga bandar tetapi kawasan perindustrian seharusnya kita berikan perhatian.

Ini kerana di sinilah sebenarnya keyakinan bukan sahaja daripada pelabur sedia ada bahkan kita mahu melihat bakal pelabur-pelabur atau pelaburan-pelaburan baru dapat sama-sama melihat keindahan negara kita yang telah dapat menyediakan bukan sahaja infrastruktur bahkan apa juga kelengkapan-kelengkapan yang lain seperti sekolah, tempat hiburan, tempat permainan dan lain-lain. Oleh kerana kedatangan mereka adalah membawa bersama *expatriates* daripada luar negara yang sebenarnya dapat banyak memberikan teknologi *transfer* kepada anak-anak tempatan.

Keduanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian yang telah dapat menganjurkan satu forum yang cukup bertepatan dengan waktu. Pada hari semalam kita dapat lihat bahawa MITI telah menganjurkan satu forum yang dipanggil *ASEAN Era Malaysian Perspective*. Ini yang telah dapat satu sambutan yang cukup hebat sekali daripada 37 buah negara dengan kehadiran seramai 1,500 orang.

Jadi forum sebegini bukan sahaja kita dapat mempromosikan peluang-peluang perniagaan dan pelaburan dalam negara kita. Kita mahu tunjukkan kepada mereka bahawa sebenarnya Malaysia sebuah negara yang aman, sebuah negara yang makmur, sebuah negara yang menjanjikan pulangan yang cukup bertepatan kepada apa juga aspirasi-aspirasi daripada pihak pelabur-pelabur. Kita mahu melihat dengan kedatangan *captain of industry* semasa forum tersebut. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian dalam forum tersebut apakah hasil yang kita dapati daripada janji-janji daripada pelabur-pelabur yang mahu menanam modal dalam negara kita.

Kita mahu melihat pada ketika ini bukan sahaja daripada sektor pembuatan bahkan kita mahu kalau boleh kita dapat promosikan negara kita daripada sektor *services*, daripada sektor *healthcare* dan juga lain-lain. Seterusnya kita mahu kalau boleh bukan sahaja kita boleh menjadi sebuah tempat pelaburan untuk *assemble* tetapi kita mahu kalau boleh kita dapat mengeluarkan *finish product*. Dalam masa yang sama kita mahu kalau boleh dalam sektor-sektor yang lain.

Keduanya kita mahu kalau boleh pihak kementerian dalam usaha untuk mempromosikan pelaburan seharusnya dapat memilih pelabur-pelabur yang mempunyai kualiti. Kita mahu kalau boleh pelabur-pelabur yang ada bukan sahaja daripada *labor intensive* bahkan kita mahu kalau boleh kalau daripada yang *high end*. Setakat ini hanya daripada segi pembuatan dan kita mahu kalau boleh kita dapat juga menarik pelabur-pelabur daripada segi *design*.

Seterusnya saya pergi kepada *halal industries*. Pada ketika ini rakyat dunia berjumlah sebanyak tujuh bilion. Daripada jumlah tersebut 1.9 bilion umat manusia adalah terdiri daripada orang Islam. Jadi seharusnya sebagai sebuah negara Islam yang berdaulat Malaysia seharusnya mengambil peluang keemasan ini. Supaya kita dapat sama-sama mengaut keuntungan daripada pasaran-pasaran halal yang terbuka luas pada ketika ini.

Kalau pada tahun 2009 kerajaan tahun 2010 dalam pembentangan bajet telah meletakkan HDC sebagai sebuah agensi yang diperbadankan di bawah MITI. Kita mahu bertanya kepada pihak kementerian setakat manakah kejayaan kita pada ketika ini bagi memastikan supaya HDC ini satu-satunya agensi terulung dalam mengeluarkan produk-produk halal. Bukan sahaja daripada untuk kegunaan tempatan domestik bahkan untuk dieksport ke luar negara.

Keduanya daripada jumlah 53% orang-orang Islam yang berada di negara kita, mengapakah hanya daripada jumlah tersebut hanya lebih kurang 17% yang produk halal dihasilkan oleh orang-orang Islam. Kita dapat lihat di sini bahawa jumlah eksport yang telah kita hasilkan pada tahun 2012 yang bernilai sebanyak RM32.8 bilion yang menyumbang kepada 4.6% kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah sebanyak RM702.9 bilion.

Dalam masa yang sama kita mahu kalau boleh pengeluaran persijilan halal oleh HDC Ini dapat ditapis dengan sebaik mungkin. Dalam usaha kita memastikan bukan sahaja ianya datang daripada barang-barangan dan juga keluaran yang mempunyai halal *certification*, dengan izin bahkan kita mahu melihat supaya mana-mana juga pembeli daripada luar negara, daripada negara-negara Islam dapat sama-sama saksikan. Bahawa persijilan halal yang dikeluarkan oleh negara kita benar-benar menepati apa juga *Islamic compliance*. Tuan Pengerusi saya rasa setakat itu terima kasih saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

■2120

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi saya peluang. Saya hendak fokus Butiran 030500 – Dasar dan Penyelarasaran Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Sekarang MITI sedang buat perbincangan, perundingan dengan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat untuk TPPA. Saya tidak bermasalah dan kita ambil bahagian dalam perundingan ini. Kita diberitahu oleh MITI bahawa jika kita tidak ambil bahagian dalam ini, kita tertinggal, kita tidak boleh membentuk, tidak boleh *influence* perjanjian yang akan disetujui.

Akan tetapi, sekarang sudah sampai tahap kita kena buat satu keputusan. Adakah kita hendak *sign*, hendak *join* TPPA ini atau pun kita hendak katakan *give us out* pada masa ini? Beberapa kumpulan NGO dan lapisan-lapisan masyarakat, dia khuatir dan apa yang dia minta ialah adakah kerajaan ada satu pendekatan di mana kita katakan kita ada beberapa garis merah? Garis merah yang tidak boleh dilintasi. Jika *you* lintas satu daripada garis-garis merah ini, kita tidak akan *sign*. Apakah garis-garis merah yang disyorkan oleh kumpulan NGO?

Pertama ialah berkenaan dengan hak cipta intelek, *intellectual property right (IPR)*. Katakan Amerika Syarikat, katakan dia mesti panjangkan tempoh paten untuk ubah, itu harus jadikan satu garis. Katakan sekarang 20 tahun, dia kena kata mestilah 25 tahun. *You must that along to be enough*. Kita katakan itu pun *you* lintas itu, kita tidak boleh *sign*. Katakan sekarang dia ada satu lagi istilah yang dipanggil *evergreening*, bermakna ia ada cara dia boleh memperbarui paten. Dikatakan ini ubat yang dipakai untuk penyakit A. Selepas 15 tahun, lima tahun sebelum paten habis, dia dapat tahu ubat ini boleh pakai untuk penyakit B juga. Dikatakan sekarang 20 tahun dari masa ini, dia boleh panjangkan paten. Itu *evergreen*. Jika dia bawa *evergreen* dalam undang-undang itu, kita kena katakan *sorry, no way*.

Ada juga satu lagi taktik dia pakai. Dipanggil *data exclusivity* di mana *information* berkenaan ubat itu menjadi hak intelek syarikat asal dia. So, tidak boleh dipakai untuk mendaftarkan ubat generik. So, apa-apa dalam TPPA yang akan melambatkan pendaftaran ubat generik yang jauh lebih murah, itu harus jadi satu garis. So, *any of the red lines* dia lintasi, kita kena *stop*.

Satu lagi perkara ialah mereka panggil ISDS dengan izin, *Investor State Dispute Settlement* di mana TPPA ini memberi hak kepada syarikat-syarikat asing, pelabur asing yang

datang ke Malaysia untuk mendakwa kita, kerajaan kita jika kita tidak ikut *national treatment* kah, kita tidak bagi dia peluang yang besar. Pelabur Malaysia tidak boleh pakai SDS untuk *sue* kerajaan kita. Hanya pelabur daripada luar. Ada negara-negara lain macam negara Australia di mana bila mereka kenakan syarikat-syarikat rokok untuk buat gambar kanser atas kotak rokok, sekarang Kerajaan Australia sedang didakwa di mahkamah di Hong Kong oleh Philipe Moris yang katakan *you* buat macam ini *you* sudah kurangkan saya punya untung, *you* telah rampas untung saya. *So*, dia dakwa. Ini kerana dalam *agreement* yang Australia ada dengan Hong Kong, ada satu klausa yang boleh dipakai. Klausa itu ada juga dalam TPPA ini. Itu pun harus jadi satu *red line*. Jika klausa itu ada dalam TPPA, kita tidak boleh *sign*.

Satu lagi adalah dengan *government procurement* di mana pembelian oleh kerajaan. Sekarang Amerika Syarikat katakan ialah *government procurement* harus dibuka kepada syarikat-syarikat Amerika juga. Jika mereka bagi tender yang lebih baik, mesti ambil daripada mereka. Jika tidak ambil daripada mereka, mereka boleh dakwa *you* balik, katakan *you* tidak bagi saya *national treatment*. Pada saya, saya rasa ini *government procurement* adalah satu daripada alat yang kita ada untuk menangani masalah peminggiran sektor-sektor tertentu. *So*, kita mesti simpan kuasa itu untuk membantu kumpulan-kumpulan yang miskin. *So*, ini tidak boleh dijual, diberi kepada Amerika. *So*, ini pun harus jadi satu garis merah.

Satu lagi ada dengan syarikat yang dimiliki kerajaan. Dalam istilah Amerika, jika kerajaan ada *share* lima peratus pun dalam suatu syarikat, itu ditafsir sebagai *state owned enterprise*. Mereka mengatakan *government* kena *divest*, kena keluar daripada semua syarikat. Akan tetapi inilah kaedah yang dipakai oleh negara-negara di Timur daripada Japan, Taiwan, Korea. Kita pakai *state owned enterprise* untuk membangunkan industri kita kerana kita adalah *late industrializers*, kita perlu bantuan kerajaan. Akan tetapi dikatakan tidak boleh. Ini juga harus dijadikan satu *red line*.

Satu lagi ialah *capital control*. Amerika mengatakan tidak boleh *capital control*. Jika ada masa kegawatan, ada masalah *capital flight*, ada masalah dengan mata wang pun tidak boleh ada *capital controls*.

*So*, ini apa yang dipohon oleh masyarakat madani daripada NGO-NGO yang mengatakan bolehkah kerajaan pakai kaedah ini, pendekatan ini di mana kita tentukan beberapa isu-isu yang amat penting yang kita tidak boleh tolak ansur. Jika *you* lintasi satu daripada isu ini, kita tidak boleh *sign* pada masa ini. *So*, saya harap ini satu isu yang jika kerajaan boleh beritahu, yes, inilah garis-garis merah kita dan kita tidak akan beri, *you know, up on any of this*. Jika kita boleh bagi macam itu, saya ingat ramai orang akan rasa lega.

Pada masa ini, kerajaan sedang buat dua kajian. Faedah dan kos. Satu kajian ada berkenaan dengan yang dikatakan *national interest*, kepentingan negara di mana diberikan kepada ISIS, *Institute of Strategic and International Studies* untuk mengendalikan. Pakar yang mengendalikan kajian ini adalah Encik Firdaus Rosli. Masalah dia yang kita khawatir ialah Encik Firdaus Rosli ini baru-baru ini pada bulan Ogos telah keluarkan satu artikel yang mengatakan dengan izin, “*With the TPP, the sky's the limit*”. Jadi, dia seorang akademik yang memang *support*

TPP. So, bila kerajaan memberi kontrak kepada ISIS dan memakai orang ini yang sebelum itu pun sudah mengatakan – ini berapa *impartial* dia? Itulah soalan dia.

Satu lagi ialah *cost benefit analysis* ataupun analisis kos dan faedah yang diberi kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Dia akan siasat apakah masalah, apakah kesan TPPA ini atas *business* bumiputera dan juga SME. Ini diberi kepada *World Trade Institute*. Ini adalah satu kumpulan yang selalu tekan kerajaan kita untuk *free trade*. Dia memang *on the side of TPPA*. Jadinya, inilah satu-satu yang amat mengecewakan. Kalau kita hendak buat *study*, kenapa kita tidak *choose* satu panel yang berdiri daripada *third world network*? Mereka satu kumpulan yang telah belajar, telah siasat, telah mengkaji selama lima, sepuluh tahun daripada FTA yang dahulu pun mereka kaji. Mereka ada *expert* juga. Kenapa kita tidak panggil CAP? Kenapa tak ada panggil **ALIRAN**? Kita ada beberapa kumpulan di Malaysia yang boleh beri idea yang bernas.

Satu lagi dengan isu ini, TPPA ini, adalah di Amerika Syarikat baru-baru ini kongres tidak bagi *fast track authority* kepada presiden mereka. Di Amerika, semua perjanjian perdagangan harus diluluskan oleh Kongres.

#### ■2130

Tidak boleh dibuat oleh eksekutif. Macam di Malaysia lain. Jika di Malaysia sekarang ikut undang-undang, Kabinet boleh luluskan. Tidak perlu dibawa ke Dewan ini tetapi di Amerika mesti pergi ke Dewan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh mencelah? Pencelahan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh? Saya sedikit kelirulah *because* Yang Berhormat Sungai Siput ini sebahagian daripada *caucus*. Jadi, soalan-soalan yang timbul ini sebenarnya masih *work in progress*. Saya ingat kita sudah terang. Yang Berhormat Jasin pun sudah cakap kita ini bersifat terbuka dan kita akan ambil input ini semua. Tadi cakap soalan kenapa kita ambil **ISGS**. Kenapa kita hendak ambil yang CAP? Kita boleh tanya soalan yang sama. Seperkara lagi kita tengok sebahagian daripada *caucus* ini pun panggil daripada luar negara, daripada Bolivia, dua atau tiga lagi masa ISGS. Perkara yang sama juga *make statement* tetapi kita terbuka. Masih boleh terima sebab kita belum buat keputusan apa-apa pun. *Work is in progress*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

Jadi, saya ingat sebagai *caucus* sepatutnya benda ini tidak timbul tetapi Yang Berhormat Sungai Siput tanya. Jadi saya pun keliru sedikitlah Yang Berhormat Sungai Siput sebab *work still in progress*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Ini isu penting. *Work in progress* tetapi kita sekarang ditekan untuk selesaikan *work* ini. Kita ada tekanan daripada Amerika Syarikat,

*you know untuk habiskan ini. Itulah masalahnya sekarang. Walau pun caucus, kita masih berbincang tetapi isu-isu ini masih is going on. Mereka sedang buat breakout discussions, diteruskan di beberapa tempat. Kita pun tidak tahu apakah concession that we are making. What are the concessions we are making?*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So, di Amerika *fast track authority denied*. Ini akan pergi ke Kongres dan Kongres ada kuasa untuk kaji balik walaupun kita dapat satu kelonggaran atau *compromise*.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bila pergi Kongres mereka boleh tarik balik itu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kita pun sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Boleh saya habiskan sedikit lagi. Saya gulung.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya pun sedikit sahaja. Sedikit lagi. Kita ada *cost benefit analysis* dua kali. Saya ingat *caucus* pun tahu. Selepas itu kita pergi Kabinet. Kita ada *caucus*. Kita lima *straight*, lima fasa, dua CBA, satu *engagement*. *Third is the caucus*. Empat is Kabinet dan kita akan buat *debate* dalam Parlimen. Jadi, ini pun tahu. Sama macam Amerika. Kongres tidak benar mungkin kita akan *debate* di Parlimen. Jadi benda ini *still in progress*. Saya ingat tidak ada isu. *It comes from caucus* saya pun ada keliru sedikitlah Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya gulung. Pada masa ini tanpa tandatangani TPPA pun 62% daripada perdagangan kita adalah dilindungi oleh FTA *bilateral*. Jika kita sain TPPA, kita hanya tambahkan ini ke 72%. Tambahan 10% sahaja. Jadi, kos yang kita kena bayar adalah terlalu tinggi untuk menambahkan yang dicover oleh TPPA *Free Trade Agreement* hanya *ten percent*. So, saya rasa ini adalah penting. Kita tidak dibuli oleh Amerika, harus berdiri tegak dan mungkin negara-negara lain pun akan ikut kita. Kita pada masa depan boleh mencapai satu perjanjian perdagangan yang lebih adil untuk semua. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Langkawi.

### 9.33 mlm.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040100 – Sokongan Perdagangan dan Industri.

Saya sebenarnya amat gembira kerana kerajaan kita yang prihatin telah membina kilang Proton kerana ianya telah memberi peluang kepada negara ini untuk menimba ilmu pengetahuan dan membina teknologi yang hebat daripada kosong sehingga kita berada di peringkat yang ada sekarang. Dengan yang demikian itu sudah tentu banyak peluang pekerjaan dapat dijana daripada kilang ini yang mana kita telah lihat hampir 200,000 pekerja-pekerja yang bekerja di kilang Proton

dan seterusnya di sektor-sektor hiliran seperti jualan, selenggaraan dan juga lain-lain. Di samping itu kilang ini juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar negara ini yang keluar dari universiti untuk bekerja di bidang yang memberi pulangan pendapatan yang tinggi di samping dapat memberi peluang juga kepada rakyat Malaysia untuk membangun teknologi sendiri dengan mengadakan R&D dan sebagainya di kilang ini.

Satu-satunya negara Islam daripada hampir 20 buah negara Islam yang ada di dunia ini yang mampu membuat kereta. Ini dimaklumkan sendiri semasa lawatan saya ke syarikat Proton baru-baru ini. Ini memberi makna kepada kita bahawa kereta Proton dan juga syarikat Proton perlu diberi *protection* dengan izin, untuk memastikan bahawa industri kenderaan ini akan terus mantap dan maju di masa hadapan agar ianya tidak hilang dari persada pasaran di negara ini. Proton sudah pun mewujudkan banyak model dan kita faham bahawa di masa hadapan banyak lagi model-model yang akan datang dan pada masa yang sama, mereka telah pun ada perancangan tahun 2014, tahun 2015 dan seterusnya. Di samping itu, kita akan gembira kerana Proton mengambil inisiatif untuk mengambil alih enjin daripada Petronas yang telah direka cipta dengan begitu baik untuk digunakan dalam kereta Proton yang akan datang.

Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah tentang masa depan projek kenderaan nasional kita iaitu kenderaan di masa sekarang ini kita menggunakan gasolin atau pun minyak fuel yang memberi banyak masalah kepada *environment*. Sekarang ini kita nampak industri ini telah berubah kepada *hybrid car*. Kemudian ada *plug in hybrid*. Kemudian datang pula *latest technology* iaitu menggunakan *oil electric vehicle* dan akhirnya pada masa depan kita akan jumpa dengan *fuel cell hydrogen car*. Dalam kes ini, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri apakah tindakan kerajaan dan juga Proton ke arah untuk membawa teknologi-teknologi ini kepada kilang-kilang Proton atau pun pihak Proton adakah sudah mempunyai perancangan untuk menjadikan teknologi-teknologi baru yang mana akan menggantikan kereta-kereta yang sedia ada pada masa ini untuk dibawa ke dalam negara bagi menghadapi masa hadapan?

Di samping itu saya ingin bawa kepada makluman kita bahawa semasa dalam Mesyuarat COP 15 (*Conference of Parties*) di Copenhagen pada 17 Disember 2009, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib sebagai Perdana Menteri kita telah membuat janji bahawa Malaysia akan mengurangkan 40% *carbon emission* dengan izin, pada tahun 2020 berbanding dengan *level* pada tahun 2005 yang mana pada tahun 2006 negara kita telah menjana 187 juta tan *carbon emission*. Daripada jumlah ini 60% adalah disebabkan oleh kenderaan. Jadi, sebanyak 112 *million* tan karbon disebabkan oleh kenderaan. Oleh itu saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah di bawah *vote* akan ada agenda kita untuk melompat ke teknologi yang lebih baik daripada gasolin yang ada sekarang iaitu ke teknologi hibrid dan juga *electric vehicle*? Ini kerana *electric vehicle* ini dengan secara automatiknya akan mampu dapat mengurangkan *carbon emission*.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Langkawi.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Langkawi. Sedikit sahaja.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Ya.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih. Saya tadi mendengar Yang Berhormat Langkawi ada membuat lawatan ke Proton. Jadi merujuk kepada kereta elektrik itu, apakah masalah yang saya kira sudah dua atau tiga tahun Proton merancang untuk mengeluarkan kereta elektrik tetapi sampai sekarang belum ada di pasaran. Apa alasannya?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Sebenarnya semasa lawatan saya ke Proton bersama rakan-rakan, kereta elektrik tidak ditunjukkan kepada kami. Jadi kami pun tidak tanya. Yang itu Yang Berhormat Hulu Langat kena tanya Menteri yang berkenaanlah.

Jadi dalam kes ini saya berpendapat bahawa Proton patut melompat ke arah teknologi *electric vehicle* dengan secepat mungkin. Ini kerana masa depan kereta di negara ini adalah seterusnya akan bertukar kepada *electric vehicle* yang mana kalau kita bawa...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tambah sedikit lagi boleh tidak Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat.

■2140

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta pencelahan sedikit, belakang. Saya tertarik dengan cadangan tadi berkenaan *US electric car*. Saya difahamkan dahulu ada program-program *US electric car* yang menggunakan Proton *glider* yang mana *body casis* Proton selepas itu di *convert* jadi *electric car* pada tahun *late 80s* atau *early 90s*. Jadi, apakah status kereta elektrik ini yang diterajui oleh Proton dan juga UMW? Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Status ini saya tidak dapat bagi tahu sebab saya harap Menteri yang akan bagi tahu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Masuk dalam ucapan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Masuk dalam ucapan saya, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Dengan adanya *electric vehicle* masa hadapan maknanya kita sudah dapat tiga perkara yang baik. Yang pertamanya, mengurangkan *carbon emission*. Kedua, mengurangkan subsidi kepada minyak yang kita bayar kepada setiap kenderaan. Dikira satu liter 65 sen subsidi, RON95, makna kata dalam setahun saya kira bahawa kita bagi subsidi pada setiap kenderaan RM4,000 dari segi minyak dan 10 tahun, RM40,000. Bermakna dengan adanya kenderaan pertambahan sebanyak 640,000 hingga 650,00 setiap tahun dalam negara ini, bermaksud subsidi minyak akan naik RM2.5 bilion setiap tahun. Sekarang sudah RM24.8 bilion. Pada tahun 2015, ianya akan menjadi hampir RM30 bilion. Jadi, kita kena ada satu cara supaya subsidi ini dapat diatasi dengan menggunakan teknologi dan sebagainya.

Ketiganya ialah dari segi politik. Sekiranya kita tidak menggunakan minyak, politik pun akan reda kerana kalau kita kurangkan subsidi 20 sen pun bergegar macam nak roboh negara ini. Jadi, dengan kita menukar kepada *electric vehicle* maka kerajaan akan dapat meredakan suasana politik dalam negara di masa hadapan. Oleh itu saya ingin bertanya kepada Menteri dan mencadangkan, apakah kalau boleh kerajaan melalui bajet yang ada ini untuk memberi sedikit bajet bagi membina *charging station* atau *infrastructure* untuk kereta-kereta *electric vehicle* ini

kerana harga kereta *electric vehicle* sudah mula turun dengan teknologi yang baru. Kalau dahulunya hanya empat jam diperlukan untuk *charge* satu kereta kini sudah ada *fast charging* 30 minit atau 20 minit dan ada satu lagi *super charge charging*, 10 minit untuk *full charge* yang boleh bergerak 150 kilometer 200 kilometer.

Jadi, saya nampak bahawa kerajaan patut mengambil inisiatif ini untuk masuk membuat *infrastructure* ini agar rakyat yang lain akan mampu menggunakan *electric vehicle* tanpa menggunakan minyak kerana dengan menggunakan *electric vehicle* penggunaan kewangan kita akan turun begitu murah sekali. RM10 sekali *charge* berbanding dengan RM40 atau RM50 harga petrol pada masa yang sama. Jadi oleh itu, kita patut melihat ini seperti mana infrastruktur telefon. Kalau dahulu *tower* telefon tidak ada, ramai orang tidak boleh pakai telefon. Hanya ada satu, dua *tower* yang jauh-jauh. Akan tetapi apabila ada *tower* dekat-dekat telefon menjadi kecil dan ramai pula orang boleh beli kerana murah dan saya dapati bahawa keadaan ini juga akan berlaku kepada *electric vehicle*. Oleh itu, dalam hal ini saya memohon pihak kerajaan untuk melihat kepada pembangunan *electric vehicle* kepada negara di masa hadapan.

Di samping itu saya juga menerima banyak *email* dan SEMASA, apabila saya bertanyakan, apakah patut kita bertanya kepada Menteri dalam pendebatan kita untuk MITI kali ini? Ramai bertanya tentang bilakah cukai kereta kan diturunkan? Kita faham bahawa Dato' Sri Mohd. Najib telah memaklumkan kepada kita bahawa dalam masa lima tahun cukai akan dikurangkan 20% hingga 30% ataupun harga kereta akan dikurangkan 20% hingga 30%. Isunya di sini ialah rakyat berpendapat bahawa cukai yang ada sekarang adalah terlampau tinggi, 30% bagi import duti, 75% hingga 105% bagi eksais duti dan 10% bagi *service tax*. Apakah mungkin bagi pihak kerajaan dapat melihat keadaan ini dan memberi ruang yang baik, *balance* di antara keperluan negara dan juga keperluan rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Signal begitu, gulung Yang Berhormat. [*Sambil menunjukkan isyarat tangan untuk menggulung*]

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau Speaker tegur nanti, input terganggu. Oleh sebab itu Speaker selalu beri signal begini.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Nampak-nampak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Secara tidak sengaja, gulung-gulung Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Nampak gulung, gulung. [*Ketawa*] Akhirnya saya ingin bertanya apakah AP kereta akan dimansuhkan pada tahun 2015 seperti mana kita nak supaya ada bebas *free trade* di antara ASEAN *countries* ataupun AP kereta ini akan dipanjangkan sampai tahun-tahun seterusnya? Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Petani.

**9.45 mlm.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh tentang Butiran 050000 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Saya mendapat jawapan yang berhubung dengan MIDA daripada Kementerian Kewangan dan malah ada satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak lama dahulu, mengatakan bahawa Kulim Hi-Tech Park adalah di antara *hi-tech park* yang paling berjaya di Malaysia. Saya bertanya dengan Kementerian Kewangan sebanyak RM298 juta telah pun dikeluarkan kepada Kulim Hi-Tech Park bagi membangunkan *hi-tech park* yang mengikut Menteri MITI, yang paling berjaya di Malaysia. Malah mengikut rekod yang ada di tangan saya menunjukkan daripada jumlah wang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kulim Hi-Tech Park menyaksikan bahawa semenjak tahun 1997 hingga 2006, satu masa yang panjang, kerajaan tidak pernah menerima balik apa-apa bayaran daripada Kulim Hi-Tech Park.

Cumanya sekitar tahun 2006 dan 2007 Kulim Hi-Tech Park telah membayar balik RM8 juta. Akan tetapi yang paling besar pinjaman yang dibayar balik oleh Kulim Hi-Tech Park kepada kerajaan ialah pada 2010 hingga 2012 iaitu berjumlah RM18 juta ataupun 40% daripada apa yang diberikan pinjaman kepada Kulim Hi-tech park. Persoalan saya, ialah sebaik sahaja pinjaman dibuat pada tamat sahaja tahun 2012 iaitu 40% daripada pinjaman yang diberikan. Enam orang pegawai-pegawai senior Kulim Hi-Tech Park telah pun diberhentikan serta-merta termasuklah Presiden dia, Mohd Sobri Osman, kemudian dia punya *financial controller* hinggalah, enam-enam orang ini diberhentikan dengan kadar serta-merta.

Saya hendak tanya apakah kementerian mengetahui tentang kedudukan ini? Orang yang telah bekerja kuat, bertungkus-lumus untuk membayar balik dan menjayakan Kulim Hi-tech Park bersama-sama dengan MIDA. MIDA bertungkus-lumus membawa pelaburan-pelaburan, malah saya mengucapkan tahniah kepada MIDA yang hari pemecatan presiden itu pada 23 Julai 2013, Kulim Hi-Tech Park telah menandatangani satu perjanjian yang amat besar memasukkan... ke dalam Kulim Hi-Tech Park yang jumlahnya mencecah hampir setengah bilion.

Saya hendak tanya kementerian apakah yang menyebabkan Presiden Kulim Hi-Tech Park, Haji Mohd. Sabri Osman dan lima pegawai lagi telah dipecat termasuk *financial controller* nya. Sedangkan mereka ini telah bekerja rapat dengan MIDA untuk membangunkan Kulim Hi-Tech Park. Sementara itu saya juga hendak tanya Menteri, kita selalu sebut di sini bahawa kita perlukan FDI dan pegawai-pegawai kita khususnya di MATRADE bekerja keras untuk membawa FDI. Akan tetapi saya nak tanya, terdapat penurunan yang agak mendadak dari segi bajet, hampir RM300 juta dikurangkan kalau berbanding dengan tahun ini. Maknanya tahun hadapan kita kan menyaksikan penurunan RM300 juta lebih yang sepatutnya dalam keadaan kita berlumba dengan negara-negara jiran, kita lihat bahawa orang berpusu-pusu ke Vietnam, Filipina dan juga Indonesia.

■2150

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sepatutnya bukan kita kurangkan bajet kita tetapi harus kita tambah agar bukan sahaja pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negara

dapat bekerja kuat membangunkan bangunan, ini tetapi juga memastikan bahawa FDI kita berterusan. Di samping itu kita juga telah meluluskan peruntukan untuk *Ambassadors Khas* maknanya kalau *Ambassadors Khas* pun kita lantik tetapi untuk MIDA kita kurangkan peruntukan, saya nampak tidak berapa *balance*, tidak mungkin *Ambassador Khas* kita ini boleh buat kerja semua. Tentulah mereka memerlukan pegawai-pegawai dan juga tambahan kewangan untuk mereka bergerak. Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Keduanya saya hendak bercakap tentang *Halal Industry Development Corporation* yang saya kira ini ialah satu itik angsa yang bertelur emas sebenarnya. Kalau mengikut rekod, kita ialah satu-satunya negara di dunia yang kerajaan memberikan *full support* untuk pastikan bahawa *Halal Corporation* ini berjaya. Akan tetapi saya hendak tanya peruntukan yang diberikan saya kira terlalu sikit. Harus ada sokongan yang padu seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Jasin, saya setuju bahawa dunia sekarang ini khususnya negara Islam mahu melihat produk-produk yang mereka makan, gunakan adalah produk-produk yang halal, yang lepas dari segi hukum-hukum Islam.

Akan tetapi negara kita seperti juga negara yang memperkenalkan perbankan *Islamic banking*. Kita takut dalam keadaan kita adil ini tetapi kerana kita ambil sambil lewa akhirnya mungkin satu hari, negara-negara lain mungkin akan melihat peluang ini sama ada Indonesia yang mempunyai 200 juta lebih rakyat dan negara-negara lain akan ciplak halal *certification* ini dan dia menggunakan kedudukan yang mereka ada untuk maju ke hadapan. Seperti juga perbankan *Islamic banking* yang telah pun sekarang di Hong Kong, nampak jauh dan juga beberapa negara di barat yang telah pun memperkenalkan perbankan *Islamic banking* dan mereka jauh ke hadapan berbanding dengan kita sekarang ini.

Oleh sebab itu saya rasa MITI harus melihat ini secara serius. Kita ada satu produk yang baik, kita ada satu program yang baik, saya rasa harus ditumpukan tentang Halal - HDI ini dan supaya kita tidak terlepas dari tangan kita. Saya rasa sebagai *pioneer* kita hendaklah mempertahankan kedudukan yang ada.

Kemudian Tuan Pengerusi saya juga hendak tanya tentang Perkara 00202 tentang Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan yang dikurangkan hampir RM89 juta. Dalam keadaan kita memang tidak mahu - ya, sila Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ya, terima kasih. Saya sebenarnya amat menyokong saranan daripada Yang Berhormat Sungai Petani tadi mengenai *halal product*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sungai Petani, baru-baru kebetulan saya di *World Islamic Economic Forum*, aset syariah *compliance* ini satu dunia ini RM1.23 trillion yang mana RM600 bilion di UK, sebab kita buat dekat UK itu 18 negara *involve* ke *Head of State*. Lepas itu untuk selebihnya untuk sukuk kita RM160 bilion, kita lebih banyak daripada Hong Kong sebenarnya. Jadi saya hendak betulkan sedikit.

Akan tetapi bagaimana pun saya setuju langkah kerajaan *World Islamic Economic Forum* satu kudus, tahniah dan kerajaan perlu dipertingkatkan lagi khusus kepada produk-produk

berasaskan halal. Saya setuju tadi kementerian, saya cadangkan supaya kita kuatkan lagi supaya produk halal ini kita boleh terjemahkan kepada itu.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada FELDA sebab kita beli hotel di London baru-baru ini di Base Water, 176 apartmen tadi itu, kita akan buat D'Saji sana dan *halal product* di sana. Jadi ia akan menjadi tumpuan kepada masyarakat sehingga *percent rate* melonjak ke 98%. Jadi ini satu contoh di mana *halal product* itu boleh dikenakan ke peringkat global. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani, terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Itu yang saya sebut tadi maknanya sekarang ini dalam keadaan *demand* untuk *halal product* meningkat dan kita telah pun ada *base* dan prasarana. Cuma kita melihat tidak ada satu tindakan yang betul-betul serius untuk memastikan bahawa produk yang kita ada, produk yang kita *pioneer* ini berada dalam tangan kita dan kita menjadi *champion* untuk satu masa yang lama. Oleh kerana ini satu perniagaan, di mana akan sampai masanya, seperti lahir juga kita dahulu menjadi *world leader* kepada kelapa sawit. Akan tetapi akan sampai satu masanya orang rasa mereka ciplak idea kita dan mereka mempunyai teknologi dan sebagainya, mereka boleh buat.

Now, kita ada *problem* untuk menjadi *world leader*. Seperti yang saya katakan tadi saya setuju supaya kita mesti memperuntukkan satu jumlah wang yang cukup bukan sahaja untuk memperkembangkan HDC tetapi juga *trend* dan memperluaskan kedudukan kita supaya agar kita di lihat di mata dunia kalau cakap tentang halal *certification*, *the only country* yang mereka teringat ialah Malaysia. Jadi saya rasa ini *position* yang kita kena ambil.

Tuan Penggerusi saya juga sebut tentang Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan. *[Ketawa]* Dalam keadaan kita ingin menyekat atau pun mengurangkan kemasukan *foreign workers*. *Foreign workers* masuk sudah tentu kerana mereka melihat peluang-peluang pekerjaan di industri yang label intensif. Akan tetapi kita ada peruntukkan yang saya harap, saya kira bukan harus dikurangkan tetapi diperbanyak supaya kilang-kilang kita khususnya SME supaya menukar daripada label intensif kepada *at least SME Automation*.

Jadi skim begini harus dipermudahkan kepada mereka supaya akhirnya label makin dikurangkan, paling tidak SME *Automation* diperkenalkan dan kita harap kita akan *graduate* daripada label intensif kepada *full automation*. Kalau tidak pun dalam masa yang singkat tetapi satu masa yang agak *reasonable*. Jadi saya kira itu yang saya hendak sebut dan oleh sebab Tuan Penggerusi pun sudah tunjuk banyak kali goyang, saya hendak berhenti *dekat* sini dan mengucapkan terima kasih Tuan Penggerusi.

**Tuan Penggerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Yang Berhormat Putatan selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

#### 9.57 mlm.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima Kasih Tuan Penggerusi, saya ada satu perkara sahaja Tuan Penggerusi bagi Maksud B.24, Butiran 00532 iaitu Taman Teknologi Sabah. Sebagaimana yang saya tahu *Technology Park Malaysia* ini kebiasaannya di bawah

Kementerian MOSTI pada suatu ketika. Jadi *President CEO Technology Park Malaysia* (TPM) Dato' Haji Mohamad Azman pada suatu ketika membuat satu pernyataan yang mana kerajaan Barisan Nasional telah pun bersetuju untuk mewujudkan satu Taman Teknologi Sabah di Tambunan kalau bukan di Tambunan, di Keningau.

Jadi saya merekodkan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membuat satu pengumuman seketika beliau melawat satu majlis perasmian di Keningau yang mana sambutan daripada rakyat Yang Berhormat Beluran pun sedar berada pada ketika itu sama-sama berterima kasih dengan kerajaan Barisan Nasional.

Jadi ini satu tempat yang mana terdapatnya kekayaan *by diversity* berdasarkan daripada benda-benda semula jadi terutama sekali penemuan di Croko Ranch, Taman Crocker Ranch di kaki pergunungan Trus Madi di negeri Sabah yang mana tempat banyak jenis *native trees* atau pun tumbuhan-tumbuhan semula jadi. Bukan sahaja itu di Lagud Seberang di Tenom, kita ada juga *Agro Park* yang mana mungkin terdapat tumbuhan-tumbuhan Tuan Pengerusi yang mana biji-biji buah-buahan itu kita boleh buat secara *food industry* dan juga mungkin daripada herba dan juga kepada *pharmaceutical* dan banyak lagi mungkin penemuan-penemuan terutama sekali dan *drug* yang mana mungkin tidak terdapat di negara-negara lain.

Jadi apa yang saya ketahui bahawa pemain-pemain yang dicadangkan ini kebanyakannya pemain-pemain daripada luar negara, syarikat-syarikat besar seperti *British American Tobacco, Scope International* di lalui yang berasaskan daripada United Kingdom yang dalam Malaysia itu Janome Teknologi Malaysia, *LOTUS Engineering* juga daripada United Kingdom, Stemen Fool Technology dari India dan Patimas dari Malaysia.

#### ■2200

Jadi persoalan saya di sini, di manakah pakar-pakar yang kita lahirkan itu? Tidak disenaraikan di sini yang diumumkan oleh Presiden TPM (*Technology Park Malaysia*) semasa melawat di Kota Kinabalu. Jadi ini satu pertanyaan daripada rakyat di negeri Sabah, di manakah para ilmuwan, cerdik pandai, pakar-pakar yang dilahirkan di negeri Sabah itu? Adakah ini juga tersenarai yang melibatkan diri sebagai *player* dalam pembentukan *Technology Park Sabah* ini?

Kita juga mempunyai beberapa graduan yang berasaskan kepada teknologi ilmu teknologi usahawan. Kita juga mahu tahu bahawa rakyat mahu mendengar jenis-jenis program yang akan diadakan oleh pihak kementerian, oleh kerana butiran ini di bawah kementerian MITI. Juga, adakah R&D – siapa yang melaksanakannya? Siapakah kakitangan ataupun anggota yang menerajui taman *Technology Park* di Sabah ini? kita belum tahu. Jadi kalau ada, minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berapa jenis program yang akan dibuat dalam pusat ini ataupun di taman ini. *[Disampuk]* Belum lagi, kau bukan speaker. *[Ketawa]* Jadi saya mohon juga kalau boleh teknologi-teknologi park di Sarawak pun sama juga. Kalau boleh di kawasan Kuala Krau pun boleh diadakan satu pusat di sana. Jadi adakah...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Gulung, gulung.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Adakah pihak kementerian bercadang untuk membina beberapa pusat seperti apa yang diadakan di Sabah dan Sarawak? Kerana belum dapat signal daripada Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tengok speaker yang mana Yang Berhormat? Di sana atau yang di sini?

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]* Yang betul dua-dua pun speaker tetapi dia duduk di sebelah sana, jadi dia bukan Tuan Pengerusi. Jadi apa yang saya catatkan di sini sebagaimana makluman yang diberikan kepada saya, peranan pihak kementerian ini dengan R&D ini selain daripada menghususkan kepada peranan sebagai *international trade*. Saya bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani yang mana taman teknik teknologi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani ini, sekiranya kementerian dapat melantik kalau boleh rakyat tempatan yang mempunyai kepakaran dan juga kalau boleh saya juga menjemput Yang Berhormat Hulu Langat kalau dia berminat. Akan tetapi dia punya kepakaran ini atom, atom. Saya mohonlah kalau cadangan saya ini, sahabat saya Yang Berhormat Hulu Langat juga terlibat dengan perkara ini supaya dia boleh masuk di sebelah sini.

Itu sahaja. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang sungguh hebat ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sungguh hebat. Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 10.04 mlm.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Putatan, serta beberapa celahan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi dan rakan-rakan yang lain.

Jadi pada peringkat awal ini, elok saya menjawab tentang Proton dahulu yang dibawa oleh Yang Berhormat Langkawi kerana saya fikir inilah mukadimah yang paling saya selesa menjawabnya kerana hendak membayar hutang pagi tadi. Akan tetapi, izinkan saya Tuan Pengerusi untuk membaca terus jawapan ini supaya lebih terang dan lebih bersuluh.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, program penyelidikan – ini berkenaan dengan kereta Proton elektrik yang disebut tadi. Program penyelidikan dan pembangunan R&D kenderaan elektrik dan hibrid yang sedang dijalankan oleh Proton, maknanya sudah berjalan pun, telah pun melalui beberapa peringkat. Secara keseluruhannya, Proton memerlukan tempoh lebih kurang lima tahun dalam usaha membangunkan kenderaan elektrik atau hibrid ke peringkat pengkomersilan. Syarikat-syarikat automotif lain seperti General Motors dan Nissan telah mengambil masa lebih lima tahun bagi kegiatan keseluruhan pembangunan dan pengeluaran kenderaan elektrik ataupun hibrid mereka.

Seperti mana yang biasa dilakukan oleh syarikat-syarikat pembuat kereta antarabangsa yang lain, peringkat yang sedang dijalankan oleh Proton sekarang sebelum peringkat pengkomersilan adalah peringkat percubaan ataupun pandu uji, *pilot testing* melalui program *fleet test vehicle (FTV)* yang dilakukan di Putrajaya dan Cyberjaya. Pada masa ini, program FTV tersebut sedang dilaksanakan bagi peringkat kajian fasa kedua. Sehingga hari ini, Proton telah membangunkan sejumlah 19 buah Saga elektrik EV dan 31 buah Exora *range-electric extended vehicles* atau REEV serta menyediakan 10 unit stesen pengecas. Sudah ada 10. Cuma masih di peringkat percubaan. Kereta-kereta EV dan REEV tersebut sedang dipandu uji. Mungkin ada orang tidak nampak tetapi sebenarnya ada orang yang perasan. Sedang dipandu uji oleh penyelidik-penyelidik Proton dan juga beberapa individu yang dipilih di kalangan kakitangan kerajaan dari beberapa agensi dan kementerian. Ada beberapa pegawai kita yang sedang menggunakan kereta elektrik tersebut.

Perancangan Proton untuk menguasai teknologi hijau, seperti yang saya sebutkan tadi hendak mengurangkan 40% *carbon emission* dengan izin, melalui penyelidikan, pembangunan teknologi dan modal insan bukan sahaja memberikan manfaat kepada Proton bahkan kepada Malaysia secara keseluruhannya terutamanya dalam meningkatkan keupayaan dan kepakaran modal insan negara dalam jangka masa yang panjang. Pada masa yang sama...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** ...Proton juga sedang giat meneruskan usaha menerokai pelbagai variasi teknologi kenderaan hibrid dan elektrik bagi memperoleh pengetahuan di samping mengembangkan aspek inovasi di dalam mengatasi segala masalah dan cabaran dalam usaha pengkomersialan kenderaan elektrik dan hibrid Proton. Itu tentang kereta hibrid ataupun kereta elektrik...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak mencelih sedikit sahaja daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau tidak mendapat jawapan pun, boleh secara bertulis. Dua komponen penting yang akan memberi suntikan untuk menjadikan pengkomersialan kereta elektrik ialah bateri *which is a power generation* dan juga *body* yang mana *chassis* mesti ringan. Saya hendak tengok atas itu apa peranan MiGHT untuk menjayakan dan adakah kerajaan bercadang untuk mengembangkan lagi *transfers* teknologi dua komponen itu iaitu bateri *lithium ion* dan juga *body* iaitu dari segi komposit terutamanya *carbon nanotubes* yang menggunakan komponen tempatan khususnya daripada *biomass*. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Kesemuanya masih dalam penyelidikan ataupun kajian. Kesemua komponen yang disebutkan tadi sudah tentulah memberikan manfaat ataupun input yang sangat berharga kepada pembinaan kenderaan yang boleh menjimatkan tenaga elektrik, ringan dan sebagainya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Jadi saya masuk kepada...

\*\*\*\*\*

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh dapat penjelasan sedikit? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya difahamkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri lepas bahawa Dr. Mahathir telah pun menggunakan kereta elektrik dan dia kompelin kereta elektrik itu agak bahaya kerana tidak ada bunyi. Maksudnya sunyi senyap, itu bahasanya. Jadi adakah benar perkara itu— Proton telah pun membuat kajian mengenai perkara itu? Terima kasih.

■2210

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Memang benar itu adalah di antara beberapa kompelin bukan sahaja kereta elektrik Proton tetapi juga kereta elektrik yang lain seperti Nissan, Renault dan sebagainya. Yang Berhormat Jasin membangkitkan tentang mengapa satu jumlah yang agak besar seolah-olah terkeluar ataupun peruntukan amat berkurangan di SME Corp. Saya hendak maklumkan bahawa sebenarnya peruntukan yang besar yang terkeluar itu adalah Kumpulan Wang Amanah Automotif Bumiputera yang selama ini dipegang, diamanahkan kepada SME Corp tetapi telah pun dipindahkan kepada MOF ataupun Kementerian Kewangan.

Akan tetapi, saya juga mengambil maklum dan berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat Jasin kerana banyak memberikan pujian serta terima kasih serta input. Akan tetapi, apa yang penting ialah bagaimana kita boleh meningkatkan lagi FDI kita pada masa akan datang. Akan tetapi kita juga harus ingat bahawa kita sekarang dalam proses dengan izin *transition* berpindah kepada industri lebih intensif dengan izin kepada industri *high-end* ataupun berteknologi tinggi.

Yang Berhormat Jasin juga menyebut tentang industri halal. Saya hendak maklumkan di sini bahawa sebenarnya sama ada Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat yang lain-lain tadi ada menyebut tentang industri halal. Saya hendak sebut di sini bahawa sebenarnya di peringkat HDC ataupun satu agensi di bawah MITI sudah pun sedia ada wujud satu program yang besar, yang agak komprehensif untuk membangunkan industri halal.

Akan tetapi kita juga sedia maklum bahawa eksport yang berjaya kita buat pada tahun lepas sekadar RM38 bilion dan kita sangat bercita-cita supaya jumlah eksport produk halal itu akan terus meningkat daripada masa ke semasa. Saya mempunyai satu maklumat yang agak panjang tentang beberapa mekanisme di dalam meningkatkan produk industri halal ini tetapi saya tidak akan baca. Akan tetapi, cukup sekadar kalau saya menyebut bahawa sehingga Julai tahun 2013, daripada 4,081 syarikat yang mempunyai sijil halal, cuma 20% sahaja adalah syarikat milik bumiputera. Daripada jumlah tersebut, lebih 70 syarikat tergolong dalam kategori pengeksport dan menyumbang kesemuanya itu sama ada bumiputera atau tidak bumiputera, 4,800 satu syarikat menyumbang kepada 13% atau RM4.3 bilion daripada jumlah eksport halal negara.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** RM38 bilion sebenarnya tahun lepas...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Hendak buat celahan Tuan Pengerusi.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** ...Daripada eksport halal pada tahun lepas.

**Tuan Pengerusi Datuk Ronald Kiandee:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas maklumat yang diberikan terutamanya mengenai peratusan syarikat-syarikat bumiputera yang terlibat secara langsung dalam perniagaan halal ini. Angkanya agak mendukacitakan tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri juga memaklumkan kepada kita mengapakah ini terjadi? Adakah terdapat kekangan-kekangan yang menyebabkan syarikat bumiputera ini kurang berdaya saing atau macam mana? Jadi, saya hendak minta maklumat mengenai perkara tersebut. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya sambung sedikit Yang Berhormat Menteri tentang halal tadi. Seperti yang saya sebut tadi, jumlah penduduk Islam dalam dunia ini adalah melebihi daripada 20% secara global. Jadi kita satu-satunya sebuah negara Islam yang mempunyai kepakaran dan juga pengeluaran sijil persijilan halal kita sangat diiktiraf. Jadi, seharusnya bukan sahaja kita dapat meningkatkan lagi eksport kita ke luar negara, bahkan kita mahu melihat supaya semua pengusaha-pengusaha Islam yang mengeluarkan barang produk halal diberikan bimbingan secara total oleh kerajaan.

Ini amat penting dalam keadaan ringgit kita lemah pada ketika ini. Jadi ada baik dan tidak baiknya. Baiknya, kita mesti meningkatkan eksport kita kerana apabila wang kita murah, harga eksport akan menjadi lebih baik dan lebih menguntungkan. Itu sebab kita mahu melihat supaya pihak kerajaan dapat memberikan bantuan dan bimbingan kerana saya di kawasan saya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada sebuah halal hab iaitu Serkam Halal Hab. Jadi, kalau boleh pihak kerajaan dapat membantu. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Parit Sulong. Saya setuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya saya hendak bercakap terus-terang sekarang bahawa pihak MITI khususnya HDC sedang bekerjasama dengan Majlis Perundingan Melayu Malaysia. Bagaimana syarikat-syarikat bumiputera ini boleh terlibat lebih aktif dan menjadi pengilang ataupun pengeluar kepada produk halal yang lebih besar pada masa-masa akan datang. Banyak faktor-faktornya, yang penting ialah kerjasama daripada semua pihak yang terlibat khususnya pihak HDC dan juga MATRADE kerana MATRADE juga ada peranan yang besar. MATRADE sekarang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Parit Sulong sendiri dan MATRADE ada peranan yang besar membantu HDC di dalam memasarkan ataupun membuat promosi kepada produk halal daripada Malaysia ke seluruh dunia.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa proses untuk mendapatkan *certification halal* ini bukan suatu proses yang mudah sebenarnya. Oleh yang demikian, saya bukan bercakap, bukan tidak mewakili bumiputera ataupun bukan bumiputera. Soalnya pengilang-pengilang datang kompelin kepada saya sebab di Sungai Petani dan juga di Seberang Perai banyak kilang yang keluarkan produk-produk untuk dieksport ke luar negara. Oleh sebab proses untuk dapatkan *halal certification* ini cukup payah, kadang-kadang syarikat-syarikat ini rasa bagaimana mereka boleh bantu kerajaan untuk mempromosikan halal Malaysia sedangkan mereka di *put off*. Kadang-kadang rasa kecewa kerana proses itu lambat dan apakah tindakan

MITI dalam kes ini untuk memastikan bahawa produk-produk ataupun pemohon-pemohon ini diberikan *priority* kerana kita hendak bangunkan seperti Yang Berhormat Jasin katakan tadi, kita hendak jadi *champion* kepada halal *certification* ini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Tuan Pengerusi, untuk makluman, dulu HDC memang menjadi agen atau daripada kuasa oleh pihak JAKIM untuk mengeluarkan sijil halal. Akan tetapi, sekarang peranan HDC itu telah pun ditarik balik dan tugas ini diurus sendiri oleh JAKIM. Walau bagaimanapun...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ini yang tak jadi ini.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Walau bagaimanapun, saya cakap terus-terang di sini pegawai-pegawai di belakang saksi. Saya sendiri akan memanggil satu mesyuarat penting tentang bagaimana boleh JAKIM membantu HDC untuk mempercepatkan proses pengeluaran sijil halal tetapi pada masa yang sama tetap menepati syarat-syarat yang dikenakan sama ada dari segi syariah ataupun dari segi kesihatan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Cuma Tuan Pengerusi, saya hendak masukkan sedikit sementara Yang Berhormat Menteri akan pengerusikan Mesyuarat ini.

#### ■2220

Yang kilang-kilang kompelin ini, dia tidak ada *timeline*. Kadang-kadang *submit*, dia tidak tahu. Bila *submit* semua *requirement* yang diperlukan oleh JAKIM ini, dia tidak tahu sama ada enam bulan, lapan bulan atau dua tahun setengah kah, dia tidak tahu. Akan tetapi kalau JAKIM kata, okey, kita punya *requirement* ialah kalau *you submit* semua, *insya-Allah* dalam masa enam bulan. Namun begitu, kadang-kadang enam bulan, tujuh bulan dia tidak tahu. Ini kalau Menteri mempengerusikan, pastikan antara dia punya SOP itu mesti ada *timeline*, because kilang-kilang ini, bila dia hendak *printing*, banyak proses.

Oleh yang demikian kalau dia tidak ada satu *timeline*, masa yang diperuntukkan, kadang-kadang mungkin *wrapper* itu dia sudah *print* lepas itu dia hendak bubuh cap logo pula, *it's a waste*. Itu yang kilang-kilang minta supaya ada peruntukan masa supaya mereka dapat bajet masa yang akan dikeluarkan oleh JAKIM. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Yang Berhormat Sungai Petani, itu adalah di antara perkara-perkara yang saya akan bawa dan beri perhatian dalam mesyuarat tersebut. Saya fikir selesai soal halal ya. Ramai yang sudah faham. Saya masuk kepada – tetapi sebelum itu saya hendak buat *correction* sedikit dengan izin sebab tadi saya silap beri perangkaan. Sebenarnya terus terang saya katakan di sini bahawa pada 2012 eksport halal kita, produk halal kita adalah RM38 bilion. Cuma 13% yang dihasilkan oleh syarikat ataupun pengusaha bumiputera ataupun pengusaha orang Islam.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Jasin bertanya tentang hasil. Ini perkara terbaru saya perlu sebut tentang hasil daripada forum yang baru-baru ini diadakan iaitu *The ASEAN Era: Malaysian Perspective*. Forum yang dianjurkan oleh MITI di bawah MIDA di Kuala Lumpur baru-baru ini. Saya hendak sebut, ini penting untuk maklumat Yang Berhormat Jasin khususnya dan Ahli Yang Berhormat yang lain ialah antara hasil yang berjaya ataupun yang kita kenal pasti adalah

pertamanya, menjadikan Malaysia sebagai sebuah platform bagi pelabur-pelabur serta *business leader* mendapatkan informasi dan pandangan yang jelas mengenai peluang-peluang serta cabaran-cabaran pelaburan di Malaysia, di mana Malaysia adalah sebuah lokasi pelaburan yang strategik di era ASEAN yang baru.

Kedua, menyediakan peluang-peluang *business networking*, itu yang paling penting sekali antara wakil dari syarikat-syarikat utama, persatuan-persatuan juga penggubal-penggubal polisi serta wakil-wakil kerajaan. Ketiga, mewujudkan kesedaran di kalangan pelabur-pelabur mengenai kelebihan serta potensi pelaburan di Malaysia. Sekali gus membuka peluang kepada negara untuk menarik lebih banyak pelabur-pelabur yang berkualiti pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Sungai Siput membangkitkan tentang TPPA. Saya hendak sebut di sini bahawa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah sedikit. Saya hendak tanya daripada Butiran 0305000 iaitu rundingan FTA itu. Kita perhatikan dalam bajet kita tahu RM1 juta sahaja yang diperuntukkan untuk emolumen rundingan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapakah peguam kerajaan terlibat dalam rundingan TPPA ini kerana saya risau sebab dalam dua rakan kongsi, bakal rakan kongsi TPPA ini terdapat Amerika dan Australia. Dua-dua aktif mengintip kita mengikut Snowden ya. Jadi, kita kena berwaspada dan saya minta Menteri jawab bagaimana kita akan menambah peguam untuk menjaga kepentingan negara kita? Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Saya hendak jawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dahulu. Akan tetapi saya hendak dengan izin, *alert* dulu bahawa kita masih lagi di peringkat perundingan dan perundingan itu belum lagi dapat diputuskan, bukan sahaja di peringkat negara kita yang banyak lagi perkara yang tertunggak ataupun kita tidak setuju. Begitu juga beberapa negara lain. Jadi, kalau Yang Berhormat Sungai Siput bertanya tentang ini, sekarang adalah masanya yang sesuai untuk kita berkata ya atau tidak.

Sebenarnya kerajaan berpendirian bahawa kita masih lagi boleh berunding dan meneruskan perundingan walaupun Yang Berhormat Sungai Siput tadi menyebut tentang garisan-garisan merah. Percayalah bahawa kerajaan yang memberikan amanah kepada MITI membuat satu komitmen bahawa garisan-garisan merah itu merupakan satu perkara-perkara yang menjadi perhatian utama kepada MITI khususnya diamanahkan oleh pihak kerajaan di dalam setiap rundingan yang berlaku dan akan terus berlaku pada masa yang akan datang. Ini kerana setakat ini belum ada lagi satu rumusan sama ada untuk *sign* atau tidak ataupun sama ada kita akan tandatangan dengan izin, walaupun telah dikerangkakan bahawa sewajarnya ditandatangani pada tahun ini. Akan tetapi belum ada lagi *conclude*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hargai apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat dan

sebagai anggota *caucus* tentunya kami mahukan maklum balas yang lebih *frequent* ya, lebih banyak kali daripada pihak kementerian kerana baru-baru ini bila dikeluarkan dalam *WikiLeaks* dokumen perjanjian bab harta intelek. Dibocorkan oleh *WikiLeaks* mengesahkan apa yang kita takutkan selama ini bahawa Amerika Syarikat meletakkan syarat-syarat yang amat membebankan negara-negara lain khusus negara membangun seperti Malaysia, itu satu.

Keduanya Yang Berhormat, hasil daripada pendedahan *WikiLeaks*, apakah persediaan kita, apakah yang sedang Malaysia buat untuk menangani kerana kemungkinan bab-bab lain, 29 bab itu akan keluar? Jadi isu sama ada tanda tangan ataupun tidak, ada ura-ura dari pihak NGO TPPA yang menyatakan bermula di Jepun, laporan oleh NHK. Laporan NHK yang menyatakan rundingan TPPA berlangsung minggu ini di *Southlake City*, bertujuan untuk memperhalusi butiran supaya proses rundingan seterusnya berlangsung di Singapura dan persetujuan akan dicapai dan ditandatangani TPPA ini pada 7 hingga 9 Disember.

Jadi, saya fikir Yang Berhormat Menteri harus jelaskan kerana kalau kita ada *caucus* tetapi kuasa kita terhad. Akhirnya Kabinet saja meluluskan perjanjian tapi rakyat dan wakil rakyat ataupun ahli *caucus* tidak tahu kandungan-kandungan, hanya belajar daripada *WikiLeaks*, pada saya tidak boleh terima. Kita bukan bercakap FTA dua hala Yang Berhormat, 13 negara. Jadi, saya pohonlah pemerhatian dan juga maklum balas yang sangat serius kerana saya tidak muh akhirnya bila bulan Disember, tiba-tiba kita dikejutkan penandatanganan TPPA ini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Beliau adalah di antara orang kuat dalam *caucus* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Jasin. Percayalah bahawa Yang Berhormat Menteri komited untuk terus berhubungan dengan pihak *caucus* dan memberikan perkembangan-perkembangan terbaru setiap kali berlaku mesyuarat khususnya di peringkat Menteri di dalam perundingan yang sedang berlaku tentang TPPA ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Sekejap dan tentang *chapter* yang ada mengatakan bahawa telah dibocorkan ataupun telah dikeluarkan oleh pihak *WikiLeaks*. Pihak kementerian menganggap itu, boleh jadi draf daripada beberapa negara atau pihak-pihak tertentu yang cuba hendak di bawa dalam mesyuarat. Draf ini siapa-siapa pun boleh bawa. *Draft chapter* dengan izin ya, boleh dibawa oleh mana-mana negara sekalipun sebenarnya tetapi sebagaimana kita sedia maklum bahawa Malaysia sangat berhati-hati meneliti apa-apa draf tentang *chapter* tersebut.

Oleh sebab itu tidak ada perkara yang boleh kita bentangkan dalam Parlimen, kalau kita hendak berbincang di Parlimen kerana setakat ini belum ada draf yang sudah siap. Ini kerana banyak *draf chapter* dan beberapa *chapter* yang hendak dimasukkan belum lagi dapat dirumuskan kerana ramai dan banyak negara khususnya Malaysia tidak bersetuju seperti IPR dan sebagainya. Yang Berhormat Lembah Pantai pun maklum bahawa pegawai-pegawai kementerian kita adalah di antara wakil negara yang sangat tegas dan banyak mempengaruhi negara-negara lain dalam memperjuangkan suatu isu dalam rundingan TPPA.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin bangkitkan, saya bersetuju, memang kalau dibaca kandungan draf tersebut pendirian Malaysia itu memang kita alu-alukan. Hanya, kita berhadapan dengan Amerika Syarikat di mana anggota Kongres mereka yang mewakili isu perdagangan ini dapat membaca draf sedangkan kita tidak. Apabila sampai, kalaular ditandatangani, sampai ke peringkat Kongres Amerika, mereka boleh baca dan ubah ayat demi ayat seperti yang mereka lakukan dengan FTA bersama Korea Selatan.

Saya pinta apabila kita sedar hal ini, *caucus* tidak mencukupi. Kita perlu ada Jawatankuasa Parlimen dan kita beri kuasa kepada anggota Parlimen untuk melihat kandungan teks. Yang Berhormat Menteri, pada saya isu ini bukan isu politik lagi tetapi isu apabila kita sudah tandatangan, kita terikat dengan banyak perkara termasuklah dengan ISDS. Kalau ISDS ini ditandatangani, tabung besar harus diwujudkan untuk membayar kos guaman apabila kita disaman oleh syarikat besar.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya rasa perkara itu kita masih dalam rundingan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan tidak boleh masuk dalam peringkat ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Menteri sudah jawab.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya faham. Terima kasih. Saya hormati *caucus* tetapi saya hendak beritahu kerana ini serius. Kalau tidak keluar WikiLeaks, satu hal, sudah keluar Yang Berhormat Menteri. *I mean*, satu dunia sudah tahu pendirian yang Malaysia ambil tetapi yang saya pinta sekarang, kuasa lebih diberikan supaya dalam Parlimen ini kita boleh menolak sekiranya Amerika berkeras dan meminta lebih banyak tuntutan daripada apa yang dipersetujui daripada asal. Saya mohon maklum balas.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya mohon mencelah Kota Tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh? Pendek sahaja.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Setengah minit. Ini orang kata *lastlah*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Setengah minit? *Allah*. Saya sebenarnya mengikuti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai dan kita sebahagian daripada *caucus*. Saya rasa akhirnya kalau Kongres Amerika hendak buat, dia akan buat apa yang mereka hendak buat. *WikiLeaks* kalau tidak keluar pun isu tidak dinaikkan. Jadi, kita tidak tahu. Akan tetapi hakikat kita hendak sampai di sini, kita kena berhati-hati. Kalau *table* itu datang kepada kita, kita akan tentukan. CBA kita buat, *caucus* buat, Kabinet buat dan Parlimen akan bincang.

Jadi, saya rasa kita jelas dalam hal ini, kita tidak akan setuju kalau perkara itu tidak boleh dipersetujui. Ini diterangkan dengan jelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, saya rasa kalau kebimbangan Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga kebimbangan saya. Akan tetapi *moving forward, caucus* kita sudah buat tadi. *There is no way* kalau kita kata hendak pergi Kongres, kita akan *dictate* dia. *That is not going to happen* tetapi yang pastinya kita belum buat keputusan dan apa pun belum *design*. Saya rasa itu jelas. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya hendak ungkapkan satu perkara bahawa kerajaan menjaga kedaulatan negara kita dan saya sambut saranan daripada Yang Berhormat. Bukan sarananlah tetapi teguran daripada Yang Berhormat Sungai Siput tadi bahawa saya tegaskan Malaysia tidak boleh dibuli oleh Amerika dalam konteks TPPA ini. Oleh sebab pendirian kerajaan, setiap kali pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pihak US, pendirian Perdana Menteri sangat tegas. Perdana Menteri meminta supaya negara-negara lain termasuk Amerika, melihat dan mempertimbangkan tentang suasana serta banyak isu yang sedang dibincangkan. Menjadi satu kekhawatiran di kalangan rakyat Malaysia yang mempunyai struktur masyarakat yang sangat berbeza. Itu satu perkara. Saya rasa itu sahajalah yang saya hendak jelaskan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Maknanya, cukup setakat itu di atas *on TPPA*. Minta maaf. Saya ingat cukuplah, saya ingat sudah jelas.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ini isu tentang bertegas terhadap Amerika Syarikat sebab kita tahu...

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak, saya rasa begini. Saya rasa bab itu sangat jelas.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak, pengintipan Snowden itu, tidak bantah pun Malaysia. Perdana Menteri tidak tanya pun Amerika Syarikat. Di sini Menteri cakap boleh bertegas terhadap Amerika Syarikat. Macam mana kita hendak percaya ini Menteri?

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Saya rasa cukuplah. Saya rasa orang ramai sedia maklum. Tidak perlulah kita menjerit seperti anjing depan Amerika Syarikat menyatakan ketegasan, tidak. Paling penting pendirian kita tegas dan setiap kali Perdana Menteri berjumpa dengan pihak Amerika, itulah pendirian beliau. Kita tidak boleh tengok gaya orang, menyalak dan sebagainya untuk menunjukkan ketegasan. Pendirian itu sudah cukup.

Jadi Tuan Pengerusi, saya fikir yang lain-lain bolehlah dijawab secara bertulis di mana ada yang tertinggal. Akhir sekali, tentang Kulim Hi-Tech yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Saya sendiri sudah melawat kawasan tersebut. Saya sendiri masuk dalam kawasan, dalam kilang *Siltera* sendiri. Saya lihat memang ada potensi tinggi. Akan tetapi tentang isu pemecatan tersebut saya tidak ada butiran. Saya akan bagi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM601,078,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM601,078,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM689,290,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM689,290,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 21 November 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.37 malam]*